

PENYELEWENGAN TAFSIRAN AYAT AL-QURAN DALAM  
SALURAN *TEDX TALK* DI *YOUTUBE*: ANALISIS  
PEMIKIRAN SAMINA ALI MENGENAI ISU WANITA

NURUL AFIFAH BINTI ELIAS

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2023

**PENYELEWENGAN TAFSIRAN AYAT AL-QURAN  
DALAM SALURAN *TEDX TALK DI YOUTUBE:*  
ANALISIS PEMIKIRAN SAMINA ALI  
MENGENAI ISU WANITA**

**NURUL AFIFAH BINTI ELIAS**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN IJAZAH SARJANA  
USULUDDIN (AL-QURAN DAN AL-HADITH)**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2023**

**UNIVERSITI MALAYA  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: NURUL AFIFAH BT ELIAS

No. Matrik: 17058873/1

Nama Ijazah: MASTER OF USULUDDIN (AL-QURAN AND AL-HADITH)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

PENYELEWENGAN TAFSIRAN AYAT AL-QURAN DALAM SALURAN TEDXTALK DI YOUTUBE: ANALISIS PEMIKIRAN SAMINA ALI MENGENAI ISU WANITA

Bidang Penyelidikan: AL-QURAN

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 6 Disember 2023

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 6 Disember 2023

Nama: PROF

Jawatan:

# **PENYELEWENGAN TAFSIRAN AYAT AL-QURAN DALAM SALURAN**

## **TEDX TALK DI YOUTUBE: ANALISIS PEMIKIRAN**

### **SAMINA ALI MENGENAI ISU WANITA**

#### **ABSTRAK**

Media sosial merupakan sebuah platform penyebaran ilmu dan dakwah serta menjadi medan sumber informasi maklumat abad ini. Kecanggihan teknologi internet sebagai medium perkongsian maklumat merupakan satu cabaran bagi umat Islam kerana fenomena berita palsu kian merebak menjadikan ketulenan dan kesahihan sesebuah maklumat diragui dan perlu diselidik terlebih dahulu. Isu ini menjadi semakin serius apabila berlaku penyelewengan terhadap tafsiran ayat al-Quran di media sosial khususnya seperti di *YouTube* dengan menyampaikan salah faham yang tersasar dari landasan agama Islam. Justeru, kajian ini akan mengkaji dan menganalisis pandangan Samina Ali tentang penyelewengan ayat al-Quran melalui video *What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman's Hijab?* yang telah dimuatnaik di laman sesawang *YouTube* oleh saluran *TEDx Talks*. Selanjutnya, kajian ini akan menjelaskan biografi Samina Ali dan seterusnya mendedahkan pandangan Samina Ali terhadap isu pemakaian hijab, *khimar*, jilbab, emansipasi wanita dan patriarki. Metodologi yang digunakan ialah reka bentuk kualitatif menggunakan metode pemerhatian, dokumentasi dan kepustakaan sebagai kaedah pengumpulan data manakala metode induktif, deduktif, deskriptif dan komparatif digunakan bagi kaedah analisis data. Hasil kajian mendapati Samina mempunyai pendapat yang berlainan dan berbeza dengan metodologi dan pemikiran ulama Islam. Samina memahami ayat secara umum dari segi literal dan zahir sahaja tanpa merujuk pandangan ulama dalam isu pemakaian hijab, *khimar*, jilbab, emansipasi wanita dan patriarki. Oleh itu, masyarakat Islam perlu berhati-hati dengan informasi mengenai ilmu agama Islam di media sosial dengan memastikan maklumat yang disampaikan adalah

sahih dan tidak menyeleweng kerana ia dapat memberi implikasi buruk terhadap akidah umat Islam.

Kata kunci: Penyelewengan al-Quran, media sosial *YouTube*, *TEDx Talks*, Samina Ali, isu wanita.

## **MISINTERPRETATION OF QURANIC VERSE ON THE TEDX TALK**

### **CHANNEL IN YOUTUBE: ANALYSIS OF SAMINA ALI'S**

#### **THOUGHT ON WOMEN'S ISSUES**

#### **ABSTRACT**

Social media is a platform used for spreading knowledge and da'wah and it has become a source of information for this century. The sophistication of internet technology as a medium of information-sharing is a challenge for Muslims because the phenomenon of fake news is spreading, making the authenticity and validity of information doubtful and need to be verified first. This issue becomes more serious when there is distortion of the interpretation of Quranic verses on social media, especially on YouTube, that stray from the foundations of Islam. This study will analyze Samina Ali's views on the distortion of the Quranic verses through the video entitled "What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman's Hijab?" which has been uploaded on the YouTube website. Furthermore, this study will explain Samina Ali's biography and further reveals her views on the issues of hijab, *khimar*, hijab, women's emancipation, and patriarchy. The methodology used for data collection is qualitative design using observation, documentation, and library research while inductive, deductive, descriptive, and comparative methods are used for data analysis methods. The results of the study found that Samina has different opinions that deviate from the methodology and thinking of Islamic scholars. Samina understood the verse in general from a literal and external perspective only, without referring to the views of scholars on the issues of hijab, *khimar*, jilbab, women's emancipation, and patriarchy. Therefore, the Muslim community needs to be careful with information about Islamic religious knowledge found on social media by ensuring that the information presented is authentic and not distorted because it can lead to bad implications to the faith of Muslims.

Keywords: Misinterpretation of Quranic verse, media social YouTube, TEDx Talks,  
Samina Ali, womens issues

Universiti Malaya

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran selayaknya dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya disertasi ini dapat diselesaikan. Selawat dan salam buat junjungan mulia Rasulullah SAW, ahli keluarga dan sahabat Baginda RA. Semoga usaha kecil ini mendapat keberkatan dan keredaan di sisi Allah SWT serta dapat memberi manfaat kepada masyarakat, insyaAllah.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan buat insan-insan yang banyak membantu dalam menyiapkan kajian ini, terutamanya buat penyelia saya Prof Madya Dr. Monika@Munirah Abd Razzak atas ruang dan peluang, kelapangan dan kesempatan mendidik, membimbing dan menyumbang idea dalam menghasilkan kajian ini. Ucapan penghargaan turut ditujukan kepada para pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam atas tunjuk ajar, dorongan dan inspirasi yang diberikan. Semoga Allah SWT memberkati para pensyarah untuk terus mencerahkan ilmu dan khidmat bakti kepada agama Islam dan seluruh umat.

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang membantu termasuk pembantu tadbir Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Cik Rashidah dan seluruh kakitangan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang banyak membantu dari segi urusan teknikal dalam tempoh menyiapkan dan menyerahkan disertasi. Semoga Allah SWT merahmati usaha dan jasa baik kalian.

Penghargaan teristimewa buat *Ayah* dan *Mak*, Elias bin Maidin dan Fauziyah Binti Awang sebagai tulang belakang utama yang sentiasa memberi sokongan dan doa yang tidak pernah putus serta atas jasa dan pengorbanan menanam rasa cinta akan ilmu al-Quran dan hadith yang turut menjadi faktor untuk meneruskan pengajian sehingga ke peringkat ini. Malah, tidak dilupakan buat adik beradik yang sentiasa memberi semangat, mencerahkan tenaga dan memberi kerjasama serta menolong di saat susah dan senang.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan buat sahabat seperjuangan yang berada di sisi sewaktu di Kuala Lumpur dan Puncak Alam yang sentiasa membantu dari pelbagai aspek, atas qudwah, persahabatan dan kesudian berkongsi cerita, pengalaman, suka dan duka. Penghargaan turut dizahirkan buat insan-insan yang banyak membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan kajian ini dan didoakan agar semua jasa baik dibalas oleh Allah SWT dengan sebaik-baik balasan.

Sekian, terima kasih.

Nurul Afifah Binti Elias

17058873/1

[eliasnurulafifah@gmail.com](mailto:eliasnurulafifah@gmail.com)

## **ISI KANDUNGAN**

<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>	
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vii</b>	
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>ix</b>	
<b>SENARAI GAMBAR RAJAH</b>	<b>xvi</b>	
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvii</b>	
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b>	<b>xix</b>	
 <b>BAB PENDAHULUAN</b>		
<b>I.</b>	Pengenalan	1
<b>II.</b>	Latar Belakang Masalah Kajian	3
<b>III.</b>	Pernyataan Masalah Kajian	6
<b>IV.</b>	Persoalan Kajian	10
<b>V.</b>	Objektif Kajian	10
<b>VI.</b>	Kepentingan Kajian	11
<b>VII.</b>	Definisi Tajuk Kajian	11
<b>VIII.</b>	Skop dan Batasan Kajian	13
<b>IX.</b>	Kajian Literatur	14

<b>X.</b>	Metodologi Pengumpulan Data	25
<b>XI.</b>	Metode Analisis Data	27
<b>XII.</b>	Sistematika Pengkajian	30

**BAB 1: PENYELEWENGAN AYAT AL-QURAN DALAM ASPEK  
PENGGUNAAN MEDIA**

1.0	Pendahuluan	32
1.1	Sejarah Penyelewengan Tafsir Al-Quran	32
1.1.1	Tafsir Al-Quran	32
1.1.2	Definisi Penyelewengan ( <i>Inhirāf</i> ) dalam Tafsir Al-Quran	35
1.2	Golongan Musuh Al-Quran Periode Klasik Sebelum Kemunculan Media	36
1.2.1	Yahudi dan Nasrani	36
1.2.2	Quraisy	39
1.2.3	Syiah	41
1.3	Konspirasi Musuh Islam	44
1.3.1	Orientalis	44
1.3.2	Liberal	46

1.3.3	Feminis	49
1.4	Realiti Penyelewengan Tafsir Al-Quran Di Media Baharu	59
1.4.1	<i>YouTube dan TEDx Talks</i>	60
1.4.2	Media Sosial	62
1.5	Kesimpulan	68

## BAB 2: BIOGRAFI SAMINA ALI

2.0	Pendahuluan	70
2.1	Latar Belakang Kehidupan Samina Ali	71
2.2	Pendidikan Samina Ali	74
2.3	Karya-karya Samina Ali	76
2.3.1	Buku “ <i>Madras on Rainy Days</i> ”	79
2.3.2	Ceramah “ <i>What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab?</i> ” di <i>TEDx Talks</i> .	81
2.4	Kerjaya dan Sumbangan	84
2.4.1	Pameran Maya Muslima: <i>Muslim Women’s Art &amp; Voices</i>	86
2.5	Kesimpulan	96

### **BAB 3: PANDANGAN SAMINA ALI TERHADAP WANITA**

3.0	Pendahuluan	98
3.1	Cara Wanita Berpakaian Menurut Pandangan Samina	100
3.1.1	Aurat Wanita	103
3.1.2	Hijab	107
3.1.3	Jilbab	118
3.1.4	<i>Khimar</i>	121
3.2	Emansipasi Wanita	125
3.2.1	Kepimpinan Wanita	129
3.2.2	Hak Keadilan Wanita	132
3.3	Keunggulan Lelaki dalam Islam (Patriarki)	136
3.4	Kesimpulan	142

### **BAB 4: HUJAH MUFASIR TRADISIONAL DAN KONTEMPORARI TERHADAP PANDANGAN SAMINA ALI**

4.0	Pendahuluan	144
4.1	Hujah Mufasir Terhadap Cara Wanita Berpakaian	145
4.1.1	Jilbab	145
4.1.1.1	Mufasir Tradisional	145

4.1.1.2	Mufasir Kontemporeri	148
4.1.2	Hijab	152
4.1.2.1	Mufasir Tradisional	153
4.1.2.2	Mufasir Kontemporeri	154
4.1.3	<i>Khimar</i>	158
4.1.3.1	Mufasir Tradisional	159
4.1.3.2	Mufasir Kontemporeri	160
4.2	Hujah Mufasir Tentang Emansipasi Wanita	164
4.2.1	Kepimpinan Wanita	164
4.2.1.1	Mufasir Tradisional	164
4.2.1.2	Mufasir Kontemporeri	165
4.2.2	Hak Keadilan Wanita	168
4.2.2.1	Mufasir Tradisional	168
4.2.2.2	Mufasir Kontemporeri	169
4.3	Hujah Mufasir Terhadap Tafsiran Ulama Berunsur Patriarki	177
4.3.1	Mufasir Tradisional	178
4.3.2	Mufasir Kontemporeri	179
4.4	Kesimpulan	183

## **BAB 5: KESIMPULAN DAN SARANAN**

5.1	Pengenalan	187
5.2	Rumusan Kajian	187
5.3	Saranan & Cadangan	193
	BIBLIOGRAFI	195
	LAMPIRAN	223

## **SENARAI GAMBAR RAJAH**

<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>HALAMAN</b>
RAJAH 1      Hantaran Asiah Abd Jalil di <i>Facebook</i> seakan menghina Nabi Muhammad SAW	53

## SENARAI SINGKATAN

Prof. : Profesor

Dr. : Doktor

Bil. : Bilangan

M : Masihi

H : Hijri

RA : *Rađiyallāh ‘anhu / ‘anhā*

SAW : *Sallā Allāhu ‘alaih wa sallam*

SWT : *Subhānahu wa Ta’ālā*

*Ibid* : Ibedem (Rujukan yang sama)

t.p. : Tanpa penerbit

t.t. : Tanpa tahun

t.tp : Tanpa tempat percetakan

Sdn. Bhd. : Sendirian Berhad

SIS	:	Sisters In Islam
TED	:	Technology, Entertainment, Design
JAKIM	:	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KITA	:	Institut Kajian Etnik
SNS	:	Social Network Service
UKM	:	Universiti Kebangsaan Malaysia

## PANDUAN TRANSLITERASI

<b>Konsonan</b>				
Arab	Roman		Arab	Roman
ا،	a,’		ض	ḍ
ب	B		ط	ṭ
ت	T		ظ	ẓ
ث	th		ع	‘
ج	J		غ	gh
ح	ḥ		ف	f
خ	kh		ق	q
د	D		ك	k
ذ	dh		ل	l
ر	R		م	m
ز	Z		ن	n
س	S		و	w
ش	sh		ي	y
ص	ṣ		ة	h, t

<b>Vokal</b>			
Vokal Pendek	Transliterasi	Vokal Panjang	Trasnliterasi
---	a	ی, ا	ā
---	i	ی	ī
---	u	و	ū

<b>Diftong</b>	
Diftong	Transliterasi
ؤ --	aw
ئ --	ay
ۈ --	uww
ې --	iy, ī

## BAB

### PENDAHULUAN

#### 0.1 PENGENALAN

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang diutuskan kepada Rasulullah SAW melalui perantaraan malaikat Jibril dalam bahasa Arab yang terjaga keasliannya dan dikumpulkan untuk menjadi kitab panduan bagi manusia. Allah SWT menurunkan al-Quran supaya dapat memberi petunjuk, peringatan, hidayah, penyembuh, dengan membawa rahmat berita gembira dan cahaya yang membimbing manusia kepada iman dan tauhid jauh dari kegelapan. Al-Quran berperanan untuk menyelesaikan masalah dan menjadi keperluan manusia tanpa mengira tempat, masa dan bangsa. Malah, al-Quran menjadi sumber ilmu pengetahuan, falsafah, undang-undang, peraturan, kebudayaan dan tamadun serta merupakan benteng pertahanan dan sumber asas bagi akidah, akhlak dan syariat Islam.

Walau bagaimanapun, masih wujud golongan yang cuba menggugat keharmonian dengan menimbulkan kekeliruan terhadap al-Quran dengan bertindak memalsukan sebahagian maklumat mengenai al-Quran. Musuh Islam sentiasa berusaha agar al-Quran diseleweng untuk menghancurkan sumber utama rujukan umat Islam. Kewujudan golongan yang menentang Islam muncul sejak peristiwa golongan munafik diketuai oleh Abdullah bin Ubai dengan dakwaan untuk meragukan dan menggoncang akidah orang-orang yang beriman pada zaman Rasulullah SAW.

Isu ini semakin mencabar apabila kemunculan teknologi dengan kemudahan media massa yang membuatkan maklumat disebarluaskan tanpa had dan sempadan. Jaringan penggunaan *Social Network Service* (SNS) seperti aplikasi *YouTube*, *Facebook*, *mySpace*, *Twitter* dan lain-lain telah mendapat tempat dan seringkali digunakan dalam kehidupan seharian oleh semua lapisan masyarakat. Masyarakat menggunakan media sosial sebagai

alat komunikasi dan sumber hiburan atau sebahagian menggunakan media sosial bagi tujuan perkongsian akademik dan menyampaikan pengetahuan berunsur agama atau dakwah.<sup>1</sup> Malangnya, wadah media sosial juga digunakan untuk menyebarkan perkara yang tidak baik dan dilarang di sisi agama Islam. Kecanggihan teknologi telah memudahkan maklumat tersebar secara tidak terkawal. Menurut Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin menyatakan media sosial memberi faedah dalam perkongsian maklumat namun pada masa yang sama boleh disalahgunakan sebagai alat untuk menyebarkan fitnah dan maklumat-maklumat yang tidak sah oleh sesetengah pengguna media sosial.<sup>2</sup>

Kesimpulannya, media sosial merupakan satu wasilah bagi pengguna internet untuk berkongsi video yang mengandungi pelbagai maklumat sama ada yang autentik atau tidak. Justeru, para pengguna media sosial perlu berwaspada dalam mengambil sebarang maklumat terutamanya yang berkaitan dengan isu agama. Masyarakat Islam seluruh dunia sememangnya berhadapan dengan pelbagai ancaman yang boleh menjerumuskan umat Islam kepada kesesatan akidah yang terpaksa diharungi pada era globalisasi kini. Bahkan penyelewengan waktu sekarang ialah dengan berlaku serangan ideologi ke atas Muslim yang bertopengkan ideologi liberal, sekular, feminis dan sebagainya. Ia merupakan propaganda terbesar untuk menghancurkan umat Islam. Malah, umat Islam juga turut terpengaruh dalam menyebarkan tafsiran yang salah mengikut hawa nafsu dan kepentingan diri. Sebahagian informasi mengenai agama juga mudah diseleweng sama ada daripada golongan bukan Islam, bahkan kini orang Islam juga turut

<sup>1</sup> Siti Rokiah Ab Rahman dan Fadzli Adam, “Penggunaan YouTube Sebagai Medium Pembelajaran Agama Dalam Kalangan Generasi Y di Terengganu, Malaysia”, E-proceeding of the International Conference on Social Science Research, (ICSSR), Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE) (Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, 2015)

<sup>2</sup> Nadia Fauzi, “Penggunaan Media Sosial Dalam Dunia Tanpa Sempadan: Suatu Kebaikan atau Keburukan”. Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). (2017), 2.

berkongsi maklumat yang salah khususnya dalam tafsir al-Quran. Asas pengetahuan agama Islam amat penting agar menjadi dasar dan benteng supaya masyarakat Islam tidak terjebak dan terpengaruh dengan ilmu yang menyeleweng terutama melalui video-video yang tersebar luas di *YouTube*, *Whatsapp*, *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan lain-lain. Maka kajian ini akan mengulas dan membahaskan beberapa kesan media baru *YouTube* dan kupasan salah satu video *YouTube* dalam menyebarkan ilmu agama dan maklumat sama ada yang sahih atau tidak kepada masyarakat.

## 0.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Media baru ialah medium kecanggihan teknologi maklumat tanpa sempadan untuk menyampaikan informasi seperti *online social networking*, blog, laman sesawang, *YouTube*, *Facebook*, dan sebagainya.<sup>3</sup> Statistik menunjukkan pengguna internet menggunakan aktiviti penggunaan internet dalam menyertai jaringan sosial adalah pada tahap pertama iaitu 99.0%.<sup>4</sup> *YouTube* menduduki tangga kedua selepas *Facebook* dalam pemilikan akaun yang mempunyai peratusan penonton yang tinggi dari seluruh pelosok dunia.<sup>5</sup> Laporan kajian ke atas pemilik akaun aplikasi media sosial yang telah dijalankan oleh *Data Reportal: Global Digital Insights* pada tahun 2023 mencatatkan sebanyak 23.9

---

<sup>3</sup> Monika @ Munirah Abd Razzak dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim, “Pengajian Tafsir Melalui Media Baru: Analisis Metode Dato’ Dr Zainal Abidin,” *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue* (2018), 531-541.

<sup>4</sup> Department of Statistics Malaysia Official Portal, ICT Use and Access by Individuals and Households Survey Report, Malaysia, 2021, (Putrajaya: Department of Statistics Malaysia Official Portal, 2021) diakses 1 Mac 2023.

<sup>5</sup> S. Dixon, “Global Social Networks Ranked by Number of Users 2022”, laman sesawang *Statista*, diakses 1 Mac 2023, <https://www.statista.com/statistics/272014/global-social-networks-ranked-by-number-of-users/>

juta rakyat Malaysia menggunakan kemudahan media sosial *YouTube* yang menduduki tangga pertama kemudian diikuti dengan *Facebook* di tangga kedua.<sup>6</sup>

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 2020 mencatatkan sebanyak 80.6% rakyat Malaysia menggunakan kemudahan media sosial *YouTube* yang menduduki tangga ketiga selepas *Whatsapp* dan *Facebook*.<sup>7</sup> Ini menunjukkan ramai pengguna internet mudah mengakses video yang dimuat naik di *YouTube* untuk pelbagai kegunaan berdasarkan laporan statistik yang dibuat. Ia juga adalah salah satu media sosial yang aktif digunakan untuk mengakses jutaan video bermula daripada klip video, filem serta video-video yang dimuat naik oleh pengguna *YouTube* sendiri.

Hakikatnya, penggunaan internet merupakan satu wadah dalam menyampaikan maklumat secara atas talian yang dapat memberi impak besar kepada masyarakat dalam mempelajari sesuatu keilmuan. Perbincangan agama melalui *YouTube* seperti bidang pentafsiran al-Quran, perbincangan hukum berdasarkan al-Quran dan isu semasa berkaitan al-Quran juga merupakan salah satu cabang keilmuan yang dapat dipertontonkan secara atas talian tanpa perlu menghadiri mana-mana kelas pengajian. Pengajian agama melalui *YouTube* dilihat yang kian mendapat tempat di kalangan masyarakat waktu kini.

Meskipun kajian menunjukkan penggunaan internet mudah diakses untuk mendapatkan maklumat dalam pendidikan atau ilmu agama, namun arus moden turut membawa ideologi berbentuk dekonstruksi terhadap al-Quran yang mencabar bidang

---

<sup>6</sup> Simon Kemp, “Digital 2022: Malaysia”, laman sesawang *Data Reportal*, diakses 1 Mac 2023, <https://datareportal.com/reports/digital-2023-malaysia#>

<sup>7</sup> Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Internet Users Survey 2020 Infographic, (Cyberjaya: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2018), 3.

akidah dan syariah umat Islam oleh golongan musuh Islam.<sup>8</sup> Antara penyelewengan yang dilakukan oleh musuh Islam dahulu adalah tuduhan bahawa al-Quran adalah ciptaan Nabi Muhammad SAW, al-Quran diambil daripada kitab-kitab suci terdahulu dan tuduhan bahawa Nabi Muhammad SAW mempunyai kebijaksanaan semulajadi sehingga mengetahui segala yang hak dan batil mengenai al-Quran.

Penyelewengan al-Quran berlaku pada zaman dahulu berbeza dengan sekarang yang menggunakan media sosial sebagai alat untuk memanipulasikan al-Quran bagi mengelirukan umat Islam. Tambahan pula, Tengku Intan Zarina Tengku Puji menyatakan bahawa serangan musuh Islam terkini adalah dengan menggunakan umat Islam sendiri yang terpengaruh dengan ideologi Barat.<sup>9</sup> Pengguna media sosial perlu berhati-hati dalam mengambil sebarang maklumat khususnya daripada video aplikasi *YouTube* walaupun video itu dimuat naik oleh umat Islam sendiri.

Aplikasi *YouTube* menyediakan variasi video daripada pelbagai tema seperti hiburan, kemasyarakatan, politik, isu semasa, keagamaan dan lain-lain yang menjadi pilihan pengguna pada masa sekarang berbanding aplikasi video yang lain. Setiap video yang dimuat naik di *YouTube* mempunyai *channel* (saluran) yang membolehkan pengguna melanggan saluran yang diminati. Apabila pengguna melanggan sebarang saluran pada *YouTube*, notifikasi pemberitahuan akan sentiasa muncul apabila video baru dimuat naik oleh *vlogger/YouTuber* saluran tersebut. Jadi, pengguna *YouTube* sentiasa mengetahui dari semasa ke semasa mengenai video melalui pemberitahuan notifikasi saluran yang diikuti oleh para pengguna.

---

<sup>8</sup> Mohammad Arifin Ismail, *Cabarani Akidah: Pemikiran Islam Liberal*, (Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019) 43.

<sup>9</sup> Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mazlan Ibrahim, *Penyelewengan Dalam Tafsir Al-Quran*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013) 35.

Kajian ini memfokuskan kepada carian video keagamaan yang membincangkan mengenai al-Quran dan tafsir ayat tentang sesuatu isu semasa. Terdapat ribuan hasil carian mengenai al-Quran dan isu semasa di dalam *YouTube*. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian dan perbandingan tentang jumlah video yang mendapat tontonan ratus ribu ke atas hingga juta dan mendapati satu video yang memberi impak besar kepada para penonton mengenai sebuah pidato atau ceramah berkaitan hijab dalam al-Quran.

Pengkaji mendapati ceramah itu dimuat naik oleh sebuah saluran *TEDx Talks* yang merupakan saluran cukup berpengaruh di dalam atau luar negara.<sup>10</sup> Saluran itu memuatnaik video bertemakan isu yang dibahaskan secara akademik dan fakta di hadapan khalayak ramai di dalam *YouTube*. Selain itu, terdapat pelbagai saluran lain yang membincangkan mengenai fakta dan isu semasa di dalam *YouTube* seperti saluran *99U*, *The Moth*, *Ignite*, *Big Think*, *PopTech* dan lain-lain.<sup>11</sup> Namun, *TEDx Talks* menjadi pilihan pengkaji sebagai analisis berbanding saluran video lain kerana mempunyai jumlah tontonan dan langganan paling tinggi. Ini membuktikan saluran ini mendapat tempat di kalangan pengguna internet.

### 0.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Saluran *TED* mempunyai pengaruh yang amat besar di kalangan pengguna media sosial yang mempunyai sebanyak 22.6 juta *subscribers* dan mengandungi 4.2 ribu jumlah video.<sup>12</sup> *TED Talks*<sup>13</sup> berkembang seiring dengan keperluan zaman yang menjadikan perkongsian video yang berdurasi selama 18 minit sebagai salah satu medium

<sup>10</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang *YouTube TEDx Talks*, diakses 29 November 2022, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9IQ>

<sup>11</sup> Alan Henry, “Top 10 Smart Alternatives to TED Talks”, laman sesawang *Life Hacker: Do Everything Better*, diakses 1 Januari 2020, <https://lifehacker.com/top-10-smart-alternatives-to-ted-talks-1787158741>,

<sup>12</sup> TED, TED@TED, laman sesawang *YouTube*, diakses 1 Mac 2023, <https://YouTube.com/@TED>

<sup>13</sup> TED: Ideas Worth Spreading, “TED Talks: Discover Ideas Worth Spreading”, laman sesawang *TED*, diakses 15 November 2023, <TED: Ideas Worth Spreading>

pembelajaran di setiap peringkat umur termasuk guru, ibu bapa, murid dan peringkat-peringkat lain. Tambahan pula, *TED* juga mempunyai saluran lain yang diketengahkan seperti *TEDx Talks*, *TED-Ed*, *TED Audio Collective*, *TED Fellow*, *TED Institute*, *TEDPrizeChannel*, *TED Ideas Studio*, dan *TEDx Youth*.<sup>14</sup>

Saluran *TEDx Talks* diketengahkan dengan pertambahan huruf ‘x’<sup>15</sup> yang membolehkan *speaker* yang petah berbicara untuk menyampaikan ceramah contohnya daripada pelbagai negara seperti Korea, Arab Saudi, Portugis, Jepun, Malaysia dan lain-lain. *TEDx Talks* mempunyai 37.7 juta langganan (*subscribers*) dan sebanyak 193 ribu video telah dimuat naik di saluran *TEDx*.<sup>16</sup> Antara saluran yang diketengahkan dalam saluran *TEDx Talks* ialah *TED*, *Ted en Espanol*, *TED-Ed*, *Ted Fellow*, *Ted Ideas Studio*, *TEDxYouth* dan *TED Translators*.<sup>17</sup>

Kajian ini akan memberikan tumpuan kepada video ceramah yang dimuat naik di dalam saluran *TEDx Talks* yang telah diadakan di pelbagai peringkat antarabangsa dengan memberi peluang kepada individu yang berminat untuk berucap di hadapan khalayak ramai. Penyampai boleh menggunakan pelbagai bahasa untuk menyampaikan ceramah walaupun selain bahasa Inggeris iaitu seperti video yang dimuat naik di *YouTube* dalam saluran *TEDx Talks* dalam pelbagai bahasa iaitu Perancis, Jepun, Arab, Turki, Portugis dan lain-lain. Pelbagai video dimuat naik berkaitan komuniti, muzik, sains, kebudayaan, teknologi, hak manusia, filem, seni, kepimpinan, keluarga, agama dan sebagainya. Tema video bebas untuk dikongsi dalam program yang dianjurkan oleh *TEDx*

<sup>14</sup> TEDx Talks, TEDx Talks: Ideas from Communities Around the Globe, laman sesawang *YouTube*, diakses 29 November 2022, <https://YouTube.com/@TEDxTalks>

<sup>15</sup> TED: Idea Worth Spreading, “What is a TEDx Talk?”, laman sesawang *TED: Idea Worth Spreading*, diakses 23 Disember 2019, <https://www.ted.com/participate/organize-a-local-TEDx-event/TEDx-organizer-guide/speakers-program/what-is-a-TEDx-talk>

<sup>16</sup> TEDx Talks, TEDx Talks: Ideas from Communities Around the Globe, laman sesawang *YouTube*, diakses 29 November 2022, <https://YouTube.com/@TEDxTalks>

<sup>17</sup> TEDx Talks, TEDx Talks: Ideas from Communities Around the Globe, laman sesawang *YouTube*, diakses 28 Disember 2019, <https://www.YouTube.com/user/TEDxTalks>,

*Talks*. Jadi, individu atau organisasi yang berminat dialu-alukan untuk memberikan ceramah dengan berkongsi mengenai pelbagai isu yang ingin diketengahkan oleh setiap *speaker* yang berbeza melalui pelbagai latar belakang dan bidang yang pastinya dapat memberi pengetahuan dan maklumat yang cukup bermanfaat buat para penonton.<sup>18</sup>

Di dalam garis panduan penyampaian video oleh *TEDx Talks* tidak dinyatakan mengenai sebarang peraturan apabila ingin berucap dan mengulas berkenaan isu yang berkaitan agama Islam. Garis panduan hanya menyebutkan bahawa setiap penceramah bebas mengulas pendapat dan pandangan mengenai al-Quran dan al-Sunnah selagimana tidak menyeru dan memburukkan agama masing-masing. Malah, penceramah mesti bersikap jujur mengenai kepercayaan mereka dan tidak sepatutnya menggunakan pentas untuk mempromosikan agama atau memburukkan agama-agama yang lain.<sup>19</sup>

Kesahihan sesuatu maklumat yang disampaikan oleh yang bukan ahlinya dalam sesuatu bidang terutama perkara berkaitan agama Islam merupakan satu bentuk ancaman yang berbahaya dan boleh menjaskan akidah umat Islam. Maklumat yang didapati daripada saluran *TEDx Talks* dapat mempengaruhi para pengguna dengan mempercayai sesuatu maklumat tanpa usul periksa terlebih dahulu. Di dalam laman web *YouTube* saluran *TEDx Talks*, hasil carian perkataan ‘Islam’<sup>20</sup> dan ‘hijab’<sup>21</sup> masing-masing mempunyai lebih kurang 600 jumlah video mengenai topik berkenaan telah dimuat naik. Hasil carian perkataan ‘hijab’ menunjukkan video Samina Ali mengenai hijab dalam al-Quran antara yang menduduki tempat teratas dengan jumlah tontonan sebanyak

<sup>18</sup> TEDx Talks, TEDx Talks: Playlist, laman sesawang *YouTube*, diakses 1 Mac 2023, <https://www.YouTube.com/@TEDx/playlists>

<sup>19</sup> TED: Idea Worth Spreading, “TED Content Guidelines”, laman sesawang Ted: *Idea Worth Spreading*, diakses 23 Disember 2022, <https://www.ted.com/about/our-organization/our-policies-terms/ted-content-guidelines#:~:text=At%20TED%2C%20we%20strive%20to,by%20experts%20in%20the%20field>.

<sup>20</sup> TEDx Talks, laman sesawang *YouTube* TEDx Talks, diakses 11 Mac 2023, <https://www.YouTube.com/@TEDx/search?query=islam>

<sup>21</sup> TEDx Talks, laman sesawang *YouTube* TEDx Talks, diakses 11 Mac 2023, <https://www.YouTube.com/@TEDx/search?query=hijab>

8,314,324 atau 8.3 juta. Jumlah tontonan video tersebut merupakan antara yang tertinggi berbanding video lain yang mempunyai topik perkongsian agama di *YouTube*.<sup>22</sup>

Pengkaji meneliti sebanyak 47,922 komen yang positif dan negatif telah diberikan oleh penonton terhadap video Samina Ali. Antara komen yang tertinggi dipinkan di ruangan komen pada video tersebut yang mendapat sebanyak 18 ribu tanda suka (*likes*) dan balas (*reply*) sebanyak 411 iaitu:

*“People really need to difference between culture/tradition & religion”.*

Antara komen lain yang mendapat 230 tanda suka dan 14 balas yang dilihat menyokong dan bersetuju dengan pandangan Samina iaitu:

*“There is no sight finer than a woman of noble brow and smoldering fury, delivered with class, bearing, and power. The restraint with which delivers her sermon against the wretches masquerading as men... is as magnificent as it is heartbreaking”.*

Melalui ulasan tersebut,<sup>23</sup> jelas menunjukkan bahawa video yang dimuat naik dalam *YouTube* ini sedikit sebanyak membentuk kepercayaan dan penilaian masyarakat terhadap maklumat yang disampaikan walaupun maklumat-maklumat tersebut tidak berpandukan sumber yang autentik. Perkara sebegini membuka ruang perbincangan dan perdebatan di kalangan pengguna dan dikhuatiri kesannya amat berbahaya dan boleh menyebabkan penyelewengan akidah umat Islam apabila sebahagian pengguna terus mengambil maklumat tanpa sebarang usul periksa. Oleh itu, pengkaji melihat pentingnya kajian terhadap hujah Samina Ali dalam video ucapan beliau ini bagi membendung kegiatan penyalahafsiran ayat al-Quran, hadith dan pendapat ulama yang salah sehingga

<sup>22</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang *YouTube TEDx Talks*, diakses 1 Mac 2023, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9IQ>

<sup>23</sup> *Ibid.*

mempengaruhi masyarakat dunia tentang pandangan beliau yang menyimpang dari agama Islam secara berleluasa.

#### **0.4 PERSOALAN KAJIAN**

Berhubung dari beberapa aspek yang telah dinyatakan, maka berikut merupakan persoalan-persoalan yang ingin dicari:

- 4.1 Apakah bentuk penyelewengan ayat al-Quran dalam media baharu?
- 4.2 Apakah biografi latar belakang kehidupan Samina Ali dan saluran *TEDx Talks*?
- 4.3 Apakah pandangan Samina Ali mengenai wanita dalam al-Quran di dalam video beliau?
- 4.4 Bagaimana mufasir tradisional dan kontemporari menjawab pandangan Samina Ali?

#### **0.5 OBJEKTIF KAJIAN**

- 5.1 Menghuraikan bentuk penyelewengan tafsiran ayat al-Quran yang terdapat dalam media baharu.
- 5.2 Mendedahkan biografi kehidupan Samina Ali dan latar belakang saluran *TEDx Talks* di *YouTube* sebagai platform bicara beliau.
- 5.3 Menjelaskan pandangan Samina Ali terhadap isu-isu berkaitan wanita yang terdapat dalam ayat al-Quran.
- 5.4 Menganalisis pandangan Samina Ali mengenai isu wanita berpandukan hujah mufasir tradisional dan kontemporari.

## **0.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian yang menjawab isu-isu semasa ke atas fenomena yang berlaku di kalangan masyarakat tentang penyelewengan tafsir ayat al-Quran dalam media massa. Kajian ini dapat mendedahkan bentuk salah faham tafsir ayat al-Quran yang terdapat di dalam *YouTube* saluran *TEDx Talks* supaya orang ramai lebih berwaspada dalam aspek keauntentikan maklumat. Hasil kajian ini diharapkan dapat membuka minda masyarakat agar lebih berhati-hati dalam menerima maklumat-maklumat menerusi ucapan yang berunsur agama khususnya di media sosial. Di samping itu, kajian ini mampu menggalakkan dan memberi kesedaran kepada masyarakat untuk mengkaji al-Quran, hadith dan pandangan ulama terlebih dahulu sebelum menyebarkannya.

## **0.7 DEFINISI TAJUK KAJIAN**

### **7.1 Penyelewengan**

Penyelewengan atau dalam istilah bahasa Arab ialah *النحراف* dan dari segi bahasa bermaksud kekeliruan dan percampuran. Dari segi istilah, shubhah bermaksud mengelirukan dengan bercampur antara hak dan batil sehingga tidak nampak kejelasan sesuatu perkara. Seleweng bermaksud menyimpang dari jalan yang sebenar dan tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan menurut Kamus Dewan.<sup>24</sup>

### **7.2 Tafsiran ayat al-Quran**

---

<sup>24</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1425.

Kitab suci al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab kerana Allah SWT ingin melemahkan bangsa Arab Jahiliyyah atas kepetahan mereka dalam berbicara dan hebat bersyair. Al-Quran mempunyai 30 juzuk dan jumlah surah di dalam al-Quran ialah 114 surah bermula dengan Surah al-Fātihah hingga berakhir dengan surah al-Nās serta mempunyai jumlah ayat sebanyak 6236 ayat al-Quran.<sup>25</sup> Pentafsiran ayat al-Quran ialah untuk menjelaskan makna ayat al-Quran, Asbab Nuzul, kedudukan, ayat *Makkiyyah Madaniyyah, muhkam mutashābih, nāsikh mansūkh, ‘am* dan *khāṣ* mengikut kadar kemampuan manusia dalam menyampaikan makna yang diturunkan oleh Allah SWT. Para sahabat menetapkan tiga syarat dalam mentafsirkan al-Quran dengan merujuk kepada al-Quran, hadith dan ijtihad ulama.<sup>26</sup>

### 7.3 YouTube

*YouTube* merupakan salah satu media sosial yang sangat popular dan aktif digunakan oleh pengguna internet untuk mendapatkan informasi yang bermanfaat dalam pelbagai format seperti gambar, video dan animasi.<sup>27</sup> *YouTube* menggabungkan elemen audio dan visual yang merupakan kaedah inovatif dan kreatif dalam proses pembelajaran, hiburan dan lain-lain. *YouTube* yang mengandungi jutaan video bermula daripada klip video, filem serta video-video yang dimuat naik oleh pengguna *YouTube* sendiri.

### 7.4 Saluran TEDx Talks

---

<sup>25</sup> Subhi Salleh, *Kajian Al-Quran*, ed. Zainal Abidin Abdul Kadir, cet 2. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978).

<sup>26</sup> Mannā’ al-Qattān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, ed. ke-3 (Riyad: Maktabah Ma‘ārif, 2000), 346.

<sup>27</sup> Azer, S. A., “Can YouTube Help Students in Learning Surface Anatomy?”, *Surgical and Radiologic Anatomy* 34.5 (2012), 465-468.

*TEDx Talks* merupakan rancangan yang tidak mengaut keuntungan. Ia tertumpu kepada program yang menyebarkan idea dalam bentuk ceramah pendek dan padat selama 18 minit atau kurang. *TED* diasaskan pada tahun 1984 sebagai persidangan teknologi, hiburan dan rekabentuk sehingga kini meliputi hampir semua topik daripada sains, bisnes dan isu global. Tambahan pula, ia mengandungi lebih daripada 100 bahasa. Malah, program *TED* telah membantu komuniti di seluruh dunia untuk berkongsi idea secara tidak langsung dan mendedahkan informasi yang meluas serta bermanfaat kepada penonton.<sup>28</sup>

## 0.8 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan terhadap media sosial iaitu *YouTube* terhadap satu video dalam saluran *TEDx Talks* yang memfokuskan kandungan ucapan video Samina Ali yang bertajuk “*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab?*”. Bagi menjawab isu-isu tersebut, pengkaji mengehadkan rujukan dari sudut perbincangan menggunakan dua kitab tafsir tradisional dan tiga kitab tafsir kontemporari seperti Tafsir al-Qurtubī (1273 M), Tafsir Ibn Kathīr (1373 M), Tafsir Fī Zilāl al-Qur’ān oleh Sayyid Quṭb (1966 M), Tafsir al-Azhar oleh HAMKA (1983 M) dan Tafsir al-Munīr oleh Wahbah al-Zuḥaylī (2015 M). Kajian ini memberi tumpuan dan skop terhadap sumber rujukan yang menyentuh tentang tafsiran ayat al-Quran untuk menjawab mengenai isu wanita seperti aurat, hijab, hak keadilan wanita dan lain-lain isu yang terkandung di dalam video ucapan Samina Ali.

---

<sup>28</sup> TED: Ideas Worth Spreading, “Our Mission: Spread Ideas, Foster Community and Create Impact”, laman sesawang *TED*, diakses 20 November 2019, <https://www.ted.com/about/our-organization>.

## **0.9 KAJIAN LITERATUR**

Sebelum memulakan kajian ini, pengkaji telah membuat suatu sorotan kajian terdahulu terhadap tajuk yang telah dipilih melalui beberapa bahan bertulis seperti kertas kerja, latihan ilmiah, disertasi atau tesis dan lain-lain. Bahan-bahan seperti buku, jurnal, majalah, laman sesawang dan sebagainya juga tidak terkecuali untuk sorotan kajian literatur. Maka, sorotan kajian lepas dan carian mendapati bahawa tidak banyak dari bahan-bahan berbahasa Melayu telah dilakukan untuk mengkaji tentang Samina Ali. Oleh itu, dapatan kajian mengenai Samina Ali adalah terhad dan kajian diperoleh dari sumber dalam bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan Arab. Namun begitu, terdapat juga beberapa kajian lepas mirip kepada kajian ini dan pengkaji membahagikan dan menyusun ulasan kajian lepas mengikut beberapa tema. Antaranya ialah:

### **i. Penyelewengan Tafsir al-Quran**

**Pertama**, buku bertajuk “**Penyelewengan Dalam Tafsir Al-Quran**”<sup>29</sup> mengenai kewujudan pengaruh dan elemen falsafah dalam pentafsiran al-Quran yang menjadi kecenderungan dekad ini. Kebanyakan intelektual Muslim atas nama kesarjanaan dan kajian akademik cuba menyerap metodologi hermeneutik sebagai 'galang ganti' kepada tafsir *ma'thur* dan tafsir *bi ra'yi mamduh* dengan melakukan kajian kritik terhadap al-Quran secara bebas. Buku ini menyingkap kesilapan sikap dan kefahaman yang cuba disebarluaskan atas nama tafsir liberal dan mengupas mengenai sejarah penyelewengan dalam tafsir semenjak zaman penurunan wahyu sehingga ke hari ini. Pembaca akan mendapati kesilapan dan penyelewengan tersebut sebenarnya dimulakan oleh golongan orientalis terlebih awal, namun kini diulangi oleh umat Islam sendiri yang terpengaruh dengan falsafah liberal Barat. Buku ini amat berkait dengan kajian yang akan dijalankan

---

<sup>29</sup> Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mazlan Ibrahim, *Penyelewengan Dalam Tafsir Al-Quran*, (Bangi: UKM, 2013), 25.

oleh pengkaji mengenai golongan yang menyalah tafsir ayat al-Quran. Jurang kajian ini ialah kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji menggunakan teks kandungan video oleh Samina Ali yang memanipulasi tafsiran berkaitan ayat 59 dari Surah al-Ahzāb dan 2 ayat al-Quran lain yang didakwa beliau.

**Kedua**, buku oleh Farid Esack yang bertajuk “*Qur'an Liberation & Pluralism*”<sup>30</sup> yang ditulis kerana beliau cuba untuk memberikan pentafsiran berkaitan dengan situasi masyarakat Afrika yang sedang berada dalam penindasan Apartheid. Apartheid memberi penderitaan panjang bagi masyarakat kulit hitam. Jadi, Farid Esack mendedahkan bagaimana teks-teks tafsiran tradisional al-Quran digunakan untuk menyokong sikap tidak bertoleransi dalam agama dengan menggunakan pendekatan hermeneutik dalam mengkonstruksi semula tafsiran al-Quran.

**Ketiga**, buku yang bertajuk “**Metodologi Tafsir Fazlur Rahman Terhadap Ayat-ayat Hukum & Sosial**”<sup>31</sup> yang membincangkan tentang pandangan Fazlur Rahman mengenai al-Quran dan Sunnah yang merupakan landasan dari metodologi pentafsiran. Metodologi pentafsiran al-Quran dibangunkan kerana wujudnya keperluan yang mendesak dalam kalangan umat Islam kontemporari kerana selama ini masalah-masalah yang berkaitan metode dan cara pentafsiran al-Quran dalam menghadapi tantangan dan perkembangan zaman yang semakin maju tidak pernah dibicarakan secara adil. Jadi, metode yang digunakan Fazlur Rahman dalam mentafsir al-Quran pada asasnya dibina melalui dua tahap iaitu tahap pertama terdiri dari tiga langkah. Pertama pendekatan sejarah, kedua menekankan nilai-nilai moral daripada penentuan hukum al-Quran dan ketiga ialah pendekatan sosiologi. Jika diteliti kaedah pentafsiran ayat al-Quran yang digunakan

---

<sup>30</sup> Farid Esack, *Qur'an Liberation and Pluralism: An Islamic Perspective of Interreligious Solidarity Against Oppression*, (Oxford: Oneworld Publications, 1997), 180.

<sup>31</sup> Jazim Hamidi, Rosyidatul Fadlillah dan Ali Manshur, *Metodologi Tafsir Fazlur Rahman Terhadap Ayat-ayat Hukum & Sosial*, (Malang: Universitas Brawijaya Press, 2013) 8.

Fazlur Rahman pada masa awal Islam ialah metode tafsir *bi al-ra’yi* dan metode “gerakan ganda” iaitu hermeneutik.

**Keempat**, sebuah tesis kedoktoran yang bertajuk “**Penglibatan Orientalis Yahudi dalam Pengkajian al-Quran: Kajian Terhadap Pemikiran Nessim Joseph Dawood dalam *The Koran***”<sup>32</sup> merupakan kajian kualitatif untuk menganalisis metodologi dan mengkaji pemikiran N.J. Dawood terhadap al-Quran dalam karya *The Koran*. N.J. Dawood merupakan antara orientalis yang menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Inggeris dan karya *The Koran* dianggap popular dalam kalangan masyarakat Barat. Kajian ini mendapati bahawa pemikiran N.J. Dawood dipengaruhi oleh gerakan orientalis Barat dengan mengubah kedudukan surah-surah al-Quran dengan alasan bahawa susunan surah-surah al-Quran tidak dilakukan secara teratur pada zaman para Sahabat. Karya N.J. Dawood mempunyai aspek dan elemen Yahudi yang amat ketara apabila beliau dilihat mengolah maksud sesuatu ayat agar selari dengan kefahaman Yahudi yang dianuti beliau.

**Kelima**, sebuah tesis kedoktoran yang bertajuk “**Method of Problem Solving from Islamic Thought Perspective: A Case Study of Sisters in Islam**”<sup>33</sup> yang mengkaji tentang analisis kaedah penyelesaian masalah oleh Sisters in Islam dan dinilai secara kritikal mengikut perspektif pemikiran Islam. Hasil kajian mendapati kaedah pentafsiran ayat al-Quran yang digunakan SIS dengan mengikut pendapat-pendapat mazhab yang digunakan dalam kaedah penyelesaian masalah jelas bertentangan dengan jumhur ulama dan pemikiran Islam serta al-Quran untuk membela keadilan wanita. Analisis juga

---

<sup>32</sup> Mohd Zulfahmi Mohamad, Penglibatan Orientalis Yahudi dalam Pengkajian Al-Quran: Kajian Terhadap Pemikiran Nessim Joseph Dawood dalam “The Koran” (tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, Penang, 2020), 57.

<sup>33</sup> Zuraidah Senik @ Kamaruddin, “Method of Problem Solving from Islamic Thought Perspective: A Case Study of Sisters in Islam” (tesis kedoktoran, University Malaya, Kuala Lumpur, 2015), 182.

menunjukkan bahawa kaedah ijihad yang digunakan oleh SIS tidak memenuhi kriteria ijihad jumhur ulama.

**Keenam**, sebuah artikel yang bertajuk “*Orientalists and their Study of the Qur'an*”<sup>34</sup> mengkaji tentang orientalis dan pendapat negatif orientalis mengkritik keaslian al-Quran. Pendekatan orientalis dalam pengajian al-Quran boleh dibahagi kepada tiga kelompok. Pertama, kajian *historically critical* iaitu menyemak kembali sejarah sebenar dengan apa yang berlaku. Kedua, *interpretive interpretation* iaitu mentafsir teks menggunakan satu daripada tiga kaedah iaitu filologi, kesusasteraan dan linguistik. Ketiga, secara *phenomenologist* iaitu menggambarkan penerimaan al-Quran yang dilakukan oleh individu dari kelompok tertentu. Terdapat pelbagai cara dan teknik digunakan oleh orientalis untuk mempersoalkan kesahihan al-Quran, salah satunya ialah mendakwa al-Quran dipengaruhi oleh Yahudi, Kristian dan Zoroaster malah, ada yang membandingkan ajaran al-Quran dengan adat Jahiliah, Rom dan sebagainya.

**Ketujuh**, sebuah artikel yang bertajuk “**Sejarah Penyerapan dan Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran**”<sup>35</sup> membincangkan mengenai penyelewengan yang diserap masuk ke dalam tafsir *bi al-ma'thur* yang berlaku ketika zaman tabi'in. Penyelewengan ini didorong oleh tiga faktor utama iaitu perkembangan gerakan pemalsuan riwayat dalam tafsir *bi la-ma'thur*, kemasukan *Isra'iliyat* ke dalam kitab tafsir *bi al-ma'thur* dan penghapusan sanad dalam sesebuah riwayat.

## ii. *YouTube* dan *TEDx Talks*

---

<sup>34</sup> Nazar Fadli, Muhammad Faisal dan Triansyah Fisa, “Orientalists and Their Study of the Qur'an”, *Jurnal Ilmiah Teunuleh* 1.2 (2020), 81-95.

<sup>35</sup> Siti Aishah Harizan, Nurul Husna Abd Razak & Haziyah Hussin, “Sejarah Penyerapan dan Penyelewengan dalam Tafsir Al-Quran,” (makalah, Prosiding Seminar Penyelewengan dalam Tafsir Al-Quran, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018) 5.

**Pertama**, kajian berkaitan ceramah agama di *YouTube* yang bertajuk “**Pengajian Tafsir Melalui Media Baru: Analisis Metode Dato’ Dr Zainal Abidin**” oleh Monika @ Munirah Abd Razzak dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim meneliti *YouTube* sebagai media baru yang semakin popular dalam mengaplikasi proses transformasi pengajian tafsir al-Quran kepada masyarakat.<sup>36</sup> Kajian ini melihat bahawa pengajian tafsir melalui media baru *YouTube* mendapat respon positif dan diterima dengan meluas oleh para penonton melalui penyampaian dan ulasan yang jelas memberi manfaat kepada masyarakat Islam di luar sana.

**Kedua**, artikel yang bertajuk “**Kredibiliti YouTube Sebagai Medium Pembelajaran Agama Dalam Peradaban Islam Kontemporari**”<sup>37</sup> mengenai proses pembelajaran di dalam medium internet iaitu *YouTube* yang merupakan wadah penyebaran dakwah popular dalam proses pembelajaran agama. Kajian ini mendedahkan realiti penggunaan dan kebergantungan *YouTube* di kalangan masyarakat pada hari ini untuk mendapatkan informasi mengenai ilmu agama khususnya amat jelas di kalangan pengguna. Namun, lambakan maklumat di *YouTube* dikhuatiri dapat menimbulkan kredibiliti sesebuah maklumat yang diakses dan diterima oleh pengguna. Hasil kajian ini mendapati informasi mengenai agama Islam di media sosial khususnya *YouTube* menyebabkan masyarakat Islam di Malaysia mempunyai cabaran baru dalam penerimaan kredibiliti sesuatu maklumat. Kajian *YouTube* ini menjadi isu yang tidak akan berhenti pada satu kajian semata-mata kerana informasi *YouTube* kian berkembang seiring dengan zaman dan memerlukan penelitian dan penilaian oleh pengguna dalam mengambil sesuatu maklumat

---

<sup>36</sup> Monika @ Munirah Abd Razzak dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim, “Pengajian Tafsir Melalui Media Baru: Analisis Metode Dato’ Dr Zainal Abidin,” *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* (2018), 531-541.

<sup>37</sup> Siti Rokiah Ab Rahman dan Fadzli Adam, “Kredibiliti YouTube Sebagai Medium Pembelajaran Agama Dalam Peradaban Islam Kontemporari” (makalah, seminar International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21<sup>st</sup> Century, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 2015), 594.

sama ada merujuk kepada sumber yang berautoriti seperti al-Quran dan Sunnah, golongan pakar dan asatizah dalam bidang agama.

**Ketiga**, kajian yang dilakukan dalam sebuah artikel yang bertajuk “*Social Media as a Complementary Learning Tool for Teaching and Learning: The Case of YouTube*”.

Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk menganalisis perspektif pelajar dalam penggunaan *YouTube* untuk pembelajaran, corak penggunaan dan faktor dorongan yang berkaitan untuk menggunakan *YouTube*. Hasil kajian mendapati bahawa hiburan, pencarian maklumat dan pembelajaran akademik merupakan antara motivasi utama pelajar menggunakan *YouTube*. *YouTube* merupakan alat yang berkesan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran jika video itu menepati dan berkait dengan subjek yang dipelajari.<sup>38</sup> Oleh sebab itu, kajian *YouTube* adalah elemen yang penting supaya pelajar memilih sumber yang betul bagi menerima sesuatu maklumat dan ilmu baru. Pengkaji akan meneliti faktor penggunaan *YouTube* sebagai sumber maklumat di dalam bab satu.

**Keempat**, artikel oleh Besma Allagui yang bertajuk “*TED Talk Comments to Enhance Critical Thinking Skills in an Undergraduate Reading and Writing Course*”<sup>39</sup> yang membincangkan mengenai penggunaan garis panduan ringkas melalui kritikan komen atas talian dalam menggalakkan pelajar berfikir secara kritis tentang perkara yang dibaca dan dilihat. Ini kerana mengulas, menyukai, dan memberi tindak balas di internet telah menjadi kebiasaan dan setiap aplikasi atas talian (*online*) yang membuka peluang orang ramai untuk menunjukkan persetujuan mereka terhadap komen-komen yang diberikan. Artikel ini mengajak pembaca untuk berfikir secara kritis supaya tidak menjadi mangsa

<sup>38</sup> Sedigheh Moghavvemi, Ainin Sulaiman, Noor Ismawati Jaafar and Nafisa Kasem, “Social Media as a Complementary Learning Tool for Teaching and Learning: The Case of YouTube,” *The International Journal of Management Education* 16.1 (2018), 37-42.

<sup>39</sup> Besma Allagui, “TED talk Comments to Enhance Criticsl Thinking Skills in an Undergraduate Reading and Writing Course,” *Education and Information Technologies* 26 (2021), 2941-2960.

kepada maklumat palsu yang berada di internet. Kajian ini membolehkan pengkaji merujuk kepada manfaat dan kekurangan *TED Talks* dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat berdasarkan terhadap komen *online* yang diberi dan akan dibincangkan dalam bab satu.

**Kelima**, sebuah jurnal yang bertajuk “*TED Talks as Life Writing: Online and Offline Activism*”<sup>40</sup> mengkaji mengenai platform *online* yang digunakan oleh aktivis Korea Utara untuk menyampaikan tentang kehidupan hak asasi manusia. Tindakan ini memaparkan langkah menarik oleh pihak aktivis menyampaikan maklumat dengan pantas menggunakan teknologi *TED* seperti ruang komen dan balas yang disediakan. Kemudahan ini sepadan dengan agenda aktivis untuk mencapai masyarakat yang lebih luas dalam memberi maklumat kepada orang ramai. Ini menunjukkan bahawa kemudahan ruangan komen dan balas yang disediakan *TED* dapat memberikan pengguna maklumat dan berkongsi idea serta pendapat dalam ruangan tersebut. Aktivis bebas menyuarakan agenda mereka menggunakan saluran yang disediakan oleh *TED*. Jadi, *TED* merupakan satu platform yang dipilih aktivis untuk berkomunikasi dengan masyarakat dengan lebih meluas. Pengkaji akan mengulas tentang keberkesanan *TEDx Talks* untuk penyebaran maklumat oleh aktivis contohnya seperti kajian yang dilakukan ke atas Samina Ali dalam bab tiga dan empat.

**Keenam**, jurnal; yang bertajuk “*TED Talks and Leadership Education: Ideas Worth Sharing*” oleh Deana M. Raffo yang mengkaji tentang enam ceramah *TED* berkaitan dengan kepimpinan. *TED Talks* ialah video pendek yang disampaikan oleh pakar-pakar yang berucap dalam pelbagai topik dan artikel ini menggariskan topik berkaitan yang diajar serta cara penjelasan mengenai tajuk kepimpinan. Tambahan pula, artikel ini

---

<sup>40</sup> Ana Belen Martinez Garcia, “TED Talks as Life Writing: Online and Offline Activism,” *Life Writing* 15.4 (2018), 487-503.

berkongsi tentang kaedah ceramah *TED* berkaitan kepimpinan yang boleh merangsang pemikiran kritis dan pada masa yang sama mengekalkan situasi kelas yang menarik.<sup>41</sup> *TED Talks* bukan sahaja memberi impak kepada penyampaian maklumat, bahkan dapat membina kepimpinan dan keyakinan berucap di khalayak ramai. Pengkaji akan memberi kenyataan mengenai manfaat *TEDx Talks* dari kajian jurnal *TED Talks* memandangkan *TEDx Talks* merupakan bahagian daripada pecahan *TED Talk*. Jadi, kajian manfaat *TEDx Talks* dalam bab satu merupakan satu signifikan kajian ini harus dibuat kerana *TEDx Talks* mempunyai pengaruh yang amat besar kepada pengguna internet.

**Ketujuh**, artikel oleh Nguyen Thi Huong dan Nguyen Minh Ha yang bertajuk “*Using TED Talks as an Authentic Material to Initiate Debates in Speaking Lessons for English Majored Students*”<sup>42</sup> mengulas tentang video *TED Talks* yang dianggap sebagai sumber pembelajaran dengan memberikan pengetahuan mendalam kepada para pelajar melalui bahasa Inggeris. Rancangan pelajaran yang menampilkan *TED Talks* boleh digunakan untuk meneroka pelbagai sudut pandangan dan membawa idea ke dalam perbincangan bilik darjah. Penyelidikan ini menyiasat bagaimana *TED Talks* bertindak sebagai sumber untuk memulakan perdebatan dalam kelas dan melatih kemahiran bertutur para pelajar antara jurusan lain dengan pelajar jurusan bahasa Inggeris. Hasil kajian menunjukkan *TED Talks* dapat meningkatkan kemahiran bertutur yang ketara di kalangan pelajar dari segi perkembangan pengetahuan latar belakang, keupayaan berfikir secara kritis dan kecekapan bahasa.

### iii. Samina Ali

---

<sup>41</sup> Deana M. Raffo, *TED Talks and Leadership Education: Ideas Worth Sharing*, *Journal of Leadership Education* 15.3 (2016), 23-20.

<sup>42</sup> Nguyen Thi Huong & Nguyen Minh Ha, “Using TED Talks as an Authentic Material to Initiate Debates in Speaking Lessons for English Majored Students”, *Journal of Foreign Languages and Vietnamese* 5B.298 (2020), 106-117.

Berdasarkan kepada pengumpulan data yang dijalankan oleh pengkaji, terdapat 1 buku, dua artikel bahasa Arab dalam majalah dan dua artikel di dalam bahasa Inggeris yang mengkaji tentang Samina Ali.

**Pertama**, buku bertajuk “*Hands Off Our Hijab: Muslim Women Putting Liberal Hypocrisy on Trial*”<sup>43</sup> yang membincangkan mengenai golongan liberal di Perancis yang menghalang wanita bertudung. Penulis Farhat Amin menyuarakan mengenai ucapan Samina Ali yang berceramah di saluran *TEDx Talks* tentang penyelewengan hijab dikhuatiri akan menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat. Samina cuba untuk meragui maksud *khimar* yang hanya dianggap menutup, bukan untuk menutupi kepala. Kemunculan ramai golongan liberal yang menyokong halangan berhijab haruslah ditangani dan disebarluaskan kepada khalayak ramai demi mempertahankan akidah agama Islam dan suruhan Allah untuk berhijab. Buku ini dapat membantu pengkaji dalam melihat hujah yang dikemukakan oleh Farhat Amin bagi menjawab apa yang didakwa Samina Ali melalui video beliau di YouTube.

**Kedua**, sebuah buku yang bertajuk “*Encyclopedia of Asian-American Literature*”<sup>44</sup> mengenai penulis buku Amerika Utara yang kebanyakannya mereka telah dilahirkan dan mendapat pendidikan di Amerika Syarikat. Penulisan mereka telah dipengaruhi oleh budaya tempat mereka menetap. Buku ini telah ditulis bagi pembaca yang berminat dalam bahan bacaan mengenai orang Asia yang hidup di Barat. Edisi terbaru buku ini mengandungi jalan cerita kehidupan pengarang-pengarang buku dan hasil karya penerbitan mereka yang terkini. Buku ini hanya menceritakan secara ringkas tentang kehidupan, pengajaran dan karya Samina Ali yang ditulis oleh Sukanya B. Senapati. Kajian

---

<sup>43</sup> Farhat Amin, *Hands Off Our Hijab: Muslim Women Putting Liberal Hypocrisy on Trial*, (t.p: t.p, 2021), 48.

<sup>44</sup> Seiwoong Oh, *Encyclopedia of Asian-American Literature*, ed. Sukanya B. Senapati, ed. ke-2 (New York: Facts on File, 2013)

ini akan dirujuk oleh pengkaji pada bab dua mengenai latar belakang kehidupan Samina Ali.

**Ketiga**, kajian bertajuk “*Celebration and disillusionment in Contemporary India: Narrating the Muslim wedding and its aftermath in Shama Futehally’s Tara Lane and Samina Ali’s Madras on Rainy Days*” yang mengkaji tentang perbandingan perkahwinan Muslim di India dalam dua penulisan novel iaitu Shama Futehally dan Samina Ali.<sup>45</sup> Kedua-dua cerita dalam penulisan ini mempunyai perbezaan yang memaparkan kepelbagaian amalan kebudayaan yang luas walaupun dalam keadaan yang sama seperti masyarakat Muslim di India. Penulisan di dalam buku *Tara Lane* berkisarkan peristiwa budaya yang terletak di Bombay manakala buku Samina Ali bertajuk *Madra’s on Rainy Days* terletak di Hyderabad dengan elemen tambahan pengaruh diasporik terhadap sikap dan perspektif watak di dalam kedua-dua novel tersebut. Pengkaji akan merujuk artikel ini pada bab 2 bagi hasil penulisan Samina serta perbezaan budaya yang diceritakan dalam penulisan beliau.

**Keempat**, sebuah jurnal yang bertajuk “*Colonial Modernity and Muslim Women: Interventions by Selected Muslim Women Writers in English of Twentieth Century India*” yang merujuk kepada polemik yang terlibat dalam penggunaan istilah 'Wanita Muslim'. Kajian ini adalah mengenai Rokeya Sakhawat Hossain, Attia Hosain dan Samina Ali. Para wanita ini telah berjaya menyuarakan pengalaman hidup mereka yang mempunyai masalah berkaitan kesederhanaan Barat dan telah berjaya menangani isu-isu

---

<sup>45</sup> Elizabeth Jackson, “Celebration and disillusionment in Contemporary India: Narrating the Muslim wedding and its aftermath in Shama Futehally’s ‘Tara Lane’ and Samina Ali’s ‘Madras on Rainy Days’”. *The Journal of Commonwealth Literature* 48.2 (2013), 253-267.

seperti pendidikan dan purdah serta mendedahkan masyarakat di bawah sistem patriarki yang sekian lama menghalang kebebasan wanita.<sup>46</sup>

Berdasarkan dapatan sorotan literatur yang diperolehi, tiada satu pun kajian secara menyeluruh dibuat atas penyelewengan tafsir al-Quran oleh Samina Ali dalam video beliau “*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab?*”. Antara jenis penyelewangan tafsir yang didapati oleh pengkaji melalui sorotan literatur ialah penyelewangan oleh orientalis, liberal, feminis (SIS) dan lain-lain. Seterusnya, sorotan literatur berkaitan media sosial khususnya seperti *YouTube* dan *TEDx Talks* sememangnya tidak dapat dinafikan dapat memberi manfaat kepada pengguna seperti menyumbang kepada pendidikan setiap lapisan masyarakat. Hasil kajian literatur daripada *TEDx Talks* juga memdapati bahawa saluran ini juga menjadi pilihan sebahagian aktivis untuk menyampaikan agenda kumpulan mereka. Selain itu, *TEDx Talks* dapat melatih pendebat-pendebat bahasa Inggeris dan membolehkan pengguna mengasah kemahiran berfikir secara kritis apabila mendengar ceramah TED.

Terdapat satu kajian Samina Ali menunjukkan video beliau mengenai hijab diulas dalam sebuah buku namun bukan dalam konteks yang menyeluruh tentang isu-isu yang disebut Samina Ali. Keempat-empat kajian yang lain mengenai Samina Ali adalah berkaitan penulisan beliau yang mengaitkan tentang budaya Amerika dan India serta pengalaman beliau dalam mengharungi kehidupan. Pengkaji belum mendapati kajian menyeluruh dilakukan terhadap video Samina Ali yang berkaitan hijab menurut al-Quran dan isu-isu wanita dimuat naik di *YouTube* yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain. Jadi, usaha pengkaji adalah relevan berdasarkan data yang ditemui. Kajian ini perlu

---

<sup>46</sup> Sadia Parveen, “Colonial Modernity and Muslim Women: Interventions by Selected Muslim Women Writers in English of Twentieth Century India”, *The Criterion: An International Journal in English* 9.2 (2018), 25-34.

dilaksanakan bagi menyelesaikan salah faham mengenai tafsir ayat al-Quran, hadith dan pandangan ulama oleh golongan yang tidak berautoriti dalam agama seperti Samina Ali.

## **0.10 METODOLOGI PENGUMPULAN DATA**

Metode pengumpulan data secara primer (*primary*) dan sekunder (*secondary*) diguna pakai untuk mendapatkan data kajian ini. Data primer ialah data dari sumber asli yang diperolehi oleh pengkaji untuk menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian. Data sekunder ialah data sedia ada didapatkan oleh pihak lain seperti keratan akhbar, majalah atau laman web mengenai biografi Samina Ali, latarbelakang kehidupan, karya-karya, kerjaya dan pemikiran beliau.

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pemerhatian, metode dokumentasi, dan metode perpustakaan. Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif ialah dalam bentuk temubual, pemerhatian dan analisis dokumen.<sup>47</sup> Oleh itu, pengkaji akan merujuk kepada bahan-bahan media seperti *YouTube* sebagai bahan utama kajian, bahan-bahan bertulis sama ada penerbitan rasmi atau tidak rasmi seperti buku-buku, kertas-kertas kerja, tesis-tesis dan sebagainya.

### **i. Metode Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Kaedah ini juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik

---

<sup>47</sup> Kamarul Azmi Jasmi., “Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif”, (makalah, Seminar Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1, Faculty of Islamic Civilization: Universiti Teknologi Malaysia, 2012) 28-29 Mac 2012, 1.

dan temuduga.<sup>48</sup> Metode ini dijalankan secara sistematik dan merupakan proses meneliti situasi atau kejadian secara kritikal seperti tingkahlaku, cara melaksanakan sesuatu dan keadaan persekitaran yang mempunyai tujuan, mengikut peraturan dan mengikut masa yang ditentukan.<sup>49</sup> Metode ini digunakan untuk mengkaji kandungan video Samina Ali di dalam *YouTube* yang bertajuk “*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab?*”.

### **ii. Metode Dokumentasi**

Metode ini merupakan satu cara pengumpulan data melalui kajian data-data berhubung dengan masalah yang dikaji.<sup>50</sup> Pengkaji mengaplikasi metode ini untuk melalui kajian ke atas segala bentuk dokumen seperti dalam bentuk catatan iaitu ayat al-Quran, hadith Rasulullah SAW, buku dan kitab, kertas kerja, jurnal dan tesis serta disertasi yang lepas. Pengkaji menggunakan metode ini untuk memahami pengertian terjemahan, kaedah dan teknik terjemahan terutamanya terjemahan teks bahasa Inggeris dan bahasa Arab ke bahasa Malaysia.

### **iii. Metode Perpustakaan**

Metode utama dalam pengumpulan data bagi kajian ini adalah kajian kepustakaan (*library research*) yang bersifat deskriptif-analisis. Kajian kepustakaan sangat penting untuk pengkaji membuat kajian yang memerlukan bahan-bahan bertulis<sup>51</sup> dan mengumpulkan data-data serta maklumat yang dikehendaki melalui bahan-

<sup>48</sup> Noramirah Kamaruddin & Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, “Penggunaan Metodologi Dakwah dalam Fatwa,” (makalah, The International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society: Fakulti Pengajian Kontemporari Islam: Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017) 4-5 Mei 2017, 671.

<sup>49</sup> Frederick C. Hochreiter, *Analysis of Visibility Observation Methods*, (Pennsylvania: US Department of Commerce, 1969), 1.

<sup>50</sup> Jennifer Mason, *Qualitative Research in Action*, ed. ke-2 (London: Sage Publications, 2002), 278.

<sup>51</sup> Adi, Rianto, *Metodologi Penelitian Sosial dan Hukum*, ed. ke-1 (Jakarta: Rahmatika Creative Design, 2004), 61.

bahan bercetak seperti buku-buku ilmiah seperti kitab tafsir, rencana akhbar, majalah, artikel dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan hijab dan isu wanita. Bagi mendapatkan maklumat dan data-data tersebut, pengkaji menggunakan beberapa perpustakaan bagi mendapatkan bahan rujukan iaitu antaranya ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Za'aba Universiti Malaya dan Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **0.11 METODE ANALISIS DATA**

Kaedah ini merupakan proses menganalisis, merumuskan, menghuraikan dan menjelaskan data kandungan ke dalam kajian. Data-data yang terkumpul dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan membuat huraian terhadap mesej komunikasi sama ada yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan merupakan bentuk analisis kandungan yang dijalankan bagi mendapatkan data kajian.<sup>52</sup> Oleh itu, perolehan data dalam kajian ini dianalisis serta dikembangkan berdasarkan maklumat yang didapati daripada buku-buku, jurnal, kajian-kajian lepas, kertas kerja dan sebagainya. Beberapa pendekatan digunakan dalam menganalisa dan mengolah data antaranya pendekatan induktif, deduktif, deskriptif dan komparatif untuk menjawab permasalahan yang dikemukakan.

### **i. Metode Analisis Kandungan**

Metode ini dilakukan mengikut perincian terhadap pernyataan-pernyataan atau istilah-istilah sehingga dapat dilakukan pemeriksaan atas makna yang terkandung

---

<sup>52</sup> Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, (Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd. 2005), 75.

di dalamnya.<sup>53</sup> Reka bentuk metode analisis kandungan boleh diaplikasi bagi mengambil tema yang bersesuaian dengan data yang diperlukan melalui perbincangan topik-topik tertentu mengenai isu dan masalah yang bersumberkan media, kajian lepas dan video-video yang dikumpul secara total.<sup>54</sup> Dalam analisis ini, pernyataan Samina merupakan masalah yang dibahas dalam kajian yang akan diterangkan dalam bab tiga, kemudian dijelaskan dengan data-data yang diperolehi untuk menghuraikan pandangan Samina Ali.

### **ii. Metode Induktif**

Pendekatan ini bermaksud satu corak berfikir bagi membuktikan perkara-perkara yang bersifat khusus kepada perkara-perkara yang bersifat umum. Data yang berlawanan digunakan ketika menghuraikan masalah, kerangka teori dan lain-lain serta data diperolehi melalui kajian kepustakaan dan dokumen yang berkaitan.<sup>55</sup> Berdasarkan metode ini, data-data yang diperoleh berbentuk khusus disimpulkan ke dalam bentuk umum. Metode ini akan digunakan dalam bab keempat dan kelima untuk membuat kesimpulan.

### **iii. Metode Deduktif**

Pendekatan ini merupakan satu cara untuk menganalisis data-data melalui corak berfikir yang mencari pembuktian dari perkara-perkara yang bersifat umum untuk mencapai dalil-dalil yang bersifat khusus.<sup>56</sup> Berdasarkan metode deduktif, data-data terkumpul yang berbentuk umum dijadikan kesimpulan yang berbentuk

---

<sup>53</sup> Louis O' Katssoff, *Pengantar Filsafat*, (Yogyakarta: Tiara Wacana, 1992), 18.

<sup>54</sup> Margit Schreier, *Qualitative Content Analysis in Practice*, (London: Sage Publications, 2012), 13.

<sup>55</sup> Tim May, *Social Research: Issues, Methods and Process*, ed. ke-3 (Buckingham: Open University Press, 2001), 112.

<sup>56</sup> Fuad Mohamed Berawi, *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis*, (Sintok: UUM Press, 2017), 12.

khusus. Metode deduktif ini digunakan dalam bab ketiga, iaitu menganalisis pemikiran Samina Ali dalam video beliau mengenai hijab di *YouTube*. Metode ini juga digunakan dalam bab keempat iaitu berhubung dengan pandangan mufasir-mufasir klasik dan kontemporari untuk menjawab hujah Samina Ali.

#### **iv. Metode Deskriptif**

Melalui pendekatan ini, data perbahasan yang telah diperolehi melalui kajian kepustakaan akan diulas secara deskriptif analisis bagi tujuan membina pendekatan baru dan menyelesaikan masalah kajian serta memperkuat kajian yang sebenar atas dasar maklumat yang ada.<sup>57</sup> Metode ini diaplikasi dalam bab tiga iaitu mengulas berkenaan pandangan Samina Ali terhadap wanita dalam al-Quran dan bab empat dalam menjawab hujah Samina Ali berdasarkan kitab tafsir ulama tradisional dan kontemporari. Malah, metode ini diaplikasi dalam menganalisis pandangan sarjana Islam yang lain khususnya berkaitan hijab dan isu-isu wanita yang akan dihuraikan dalam kesimpulan bab iaitu bab lima.

#### **iv. Metode Komparatif**

Metode ini adalah satu kaedah membuat kesimpulan melalui perbandingan terhadap data, fakta dan pendapat yang diperolehi semasa melakukan kajian dan penelitian daripada dua sumber yang berbeza dengan fokus pada tema tumpuan.<sup>58</sup> Kaedah ini digunakan untuk membandingkan hasil analisis data-data terkumpul bagi menghasilkan satu penerangan jelas serta dapatan kajian yang tepat.<sup>59</sup> Pengkaji akan menggunakan kaedah ini dalam melakukan perbandingan antara

---

<sup>57</sup> William Fox and Mohamed Saheed Bayat, *A Guide to Managing Research*, (Cape Town: Juta & Co. Ltd, 2008), 8.

<sup>58</sup> Gerald S. Ferman & Jade Levin, *Social Sciences Research*, (Amerika Syarikat: John Wiley & Sons), 79.

<sup>59</sup> Charles C. Ragin, *The Comparative Method: Moving Beyond Qualitative and Quantitative Strategies*, (Oakland: University of California Press), 16.

data dan maklumat berkaitan pandangan mufasir tradisional dan kontemporari terhadap hujah Samina Ali yang akan digunakan dalam bab empat.

## **0.12 SISTEMATIKA PENGKAJIAN**

Pengkaji akan mendahulukan kajian dengan pengenalan mengenai kajian pada permulaan bab pendahuluan. Kemudian, dihuraikan dengan beberapa aspek antaranya latar belakang masalah kajian, objektif kajian, skop batasan kajian, kajian literatur, metodologi kajian dan sebagainya. Permulaan bab ini akan menerangkan tentang kemulian al-Quran dan cabaran media massa sebagai platform menyampaikan maklumat yang berautoriti. Statistik media sosial juga dinyatakan berikut dengan pelbagai isu, maklumat dan berita yang mudah tersebar desawarsa ini. Pemerhatian dan pengumpulan kajian lepas juga turut diteliti supaya kajian ini menjadi lebih terkini dan berkualiti.

Setelah bab pendahuluan ditulis, pengkaji akan meneruskan dengan bab satu iaitu mengenai sejarah penyelewengan al-Quran bermula daripada kemunculan tafsir al-Quran dan huraian kitab tafsir ayat al-Quran yang muktabar untuk dijadikan rujukan serta penerangan tentang penyelewengan al-Quran zaman klasik dan kini. Bab ini juga akan dihuraikan mengenai golongan musuh al-Quran periode klasik seperti Yahudi Nasrani, Quraisy, dan Syiah. Selain itu, kajian ini memuatkan mengenai konspirasi musuh-musuh Islam terutamanya yang tersebar melalui media yang memberi pengaruh negatif kepada masyarakat Islam kini.

Bab kedua adalah mengenai biografi Samina Ali dan menceritakan mengenai latar belakang kehidupan Samina Ali di India dan Amerika Syarikat. Bab ini juga akan menerangkan dengan lebih jelas mengenai pendidikan, karya-karya, ceramah, penulisan dan sumbangan Samina di Amerika Syarikat.

Bab ketiga menerangkan mengenai pandangan dan pendapat Samina Ali mengenai cara wanita berpakaian. Huraian mengenai beberapa ayat al-Quran yang digunakan oleh Samina Ali akan dinyatakan dalam bab ini. Isu dan perkara dari ceramah Samina seperti aurat, hijab, jilbab dan *khimar* juga akan diterangkan dan dijelaskan dalam bab tiga. Bab ini juga akan menerangkan tentang hak yang berkaitan dengan wanita seperti emansipasi, kepimpinan, hak keadilan wanita dan patriarki menurut pandangan Samina Ali.

Bab keempat menjawab hujah Samina dengan mendatangkan pendapat mufasir tradisional dan mufasir kontemporari daripada kitab yang muktabar. Analisis berdasarkan pendapat mufasir dihuraikan dan dibandingkan pendapat mufasir-mufasir tersebut, kemudian menjawab pandangan Samina Ali mengenai isu wanita. Antara kitab yang dirujuk ialah dua kitab tafsir tradisional dan tiga kitab tafsir kontemporari seperti Tafsir al-Qurtubī, Tafsir Ibn Kathīr, Tafsir Fī Zilāl al-Qur’ān, Tafsir al-Azhar dan Tafsir al-Munīr.

Bab kelima merupakan bab terakhir mengenai kesimpulan secara menyeluruh mengenai hasil kajian. Saranan juga turut dinyatakan agar boleh menjadi rujukan dan kesinambungan buat pengkaji lain pada masa akan datang.

## BAB 1

# PENYELEWENGAN AYAT AL-QURAN DALAM ASPEK PENGGUNAAN MEDIA

### 1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kalamullah yang diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW melalui Malaikat Jibril dalam bahasa Arab secara *mutawātir* dimulai dengan surah al-Fātiḥah dan diakhiri dengan surah al-Nās.<sup>1</sup> Terdapat pelbagai penjelasan mengenai dasar-dasar akidah, kaedah-kaedah syariat dan sebagainya. Al-Quran tidak boleh difahami secara literal malah memerlukan perincian sehingga banyak lafaz al-Quran memerlukan kepada pentafsiran. Lafaz yang ringkas di dalam al Quran tetapi mengandungi banyak makna merupakan kehebatan mukjizat al-Quran. Maka, disebabkan itulah ilmu tafsir amat diperlukan untuk memperhalusi makna al-Quran dengan lebih mendalam.

### 1.1 SEJARAH PENYELEWENGAN TAFSIR AL-QURAN

#### 1.1.1 Tafsir al-Quran

Tafsir al-Quran adalah ilmu pengetahuan untuk memahami dan mentafsirkan isi dan perkara yang bersangkutan dengan ayat al-Quran untuk menjelaskan erti dan kandungan ayat al-Quran , khususnya berkaitan dengan ayat-ayat yang tidak dapat difahami secara jelas dan samar-samar ertinya.<sup>2</sup> Ilmu bahasa Arab sahaja tidak mencukupi dalam

<sup>1</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Qur’ān al-Karīm Bunyātuhu al-Tashrī’iyāh Wa Khasāisuhu al-Hadāriyyah*, (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu’āşir, 1998), 9.

<sup>2</sup> Ma’sūm bin ‘Ali, *Al-Amthalāt Al-Taṣrīfiyyah* (t.p.: Maktabah al-Syaikh Sālim bin Sa‘ad Nubhan, 2016), 29.

mentafsirkan al-Quran kerana terdapat berbagai ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan ilmu al-Quran dan isinya seperti Asbab Nuzul, nasikh mansukh, ilmu nahu saraf, qiraat, usul fiqh dan lain-lain lagi.<sup>3</sup>

Lafaz tafsir bermaksud *al-Taudīh* dan *al-Bayān* iaitu penjelasan dan ulasan bagi menyingkap makna yang tertutup.<sup>4</sup> Tafsir dari segi terminologi seperti dinukilkan oleh al-Hāfiẓ al-Suyūṭī dari al-Imām al-Zarkashi ialah ilmu untuk memahami kitab Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk menjelaskan makna-maknanya dan menyingkap hikmah serta hukum-hakam yang terdapat dalam al-Quran.<sup>5</sup> Ayat al-Quran mempunyai empat kategori pentafsiran iaitu secara *tafsir bi al-Ma’thur*, *tafsir bi al-Ra’yi*, *tafsir bi al-lughah* dan *tafsir isyāri*. Terdapat empat metodologi tafsir iaitu *ijmāli*, *tahlīlī*, *muqārin* dan *maudū’i*.<sup>6</sup>

Rasulullah SAW merupakan orang yang pertama mentafsirkan ayat-ayat al-Quran yang tidak dapat difahami kepada sahabat-sahabat dan masyarakat Islam sebelum kewafatan Rasulullah SAW dan pentafsiran ayat al-Quran masih belum dibukukan. Selepas kewafatan Baginda, para sahabat meneruskan dan memikul tanggungjawab untuk mentafsirkan al-Quran supaya umat Islam memahami dan mengamalkan isi kandungan al-Quran yang dijadikan panduan dalam kehidupan dunia dan akhirat. Walaupun masyarakat Arab hebat bersyair dan mempunyai tahap penguasaan Arab yang tinggi, akan tetapi bangsa Arab tidak boleh mentafsirkan al-Quran sewenang-wenangnya kerana para sahabat mendatangkan kaedah pentafsiran seperti berikut demi menjaga kemaslahatan al-Quran dan umat Islam.

<sup>3</sup> Muḥammad ‘Abdullah al-Zarkashī, *Al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, (Kairo: Dār-al-Turath, 1984), 1:13.

<sup>4</sup> Ibn Fāris, *Maqāyīs al-Lughah*, (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2008), 355.

<sup>5</sup> Jalāl al-Dīn Suyūṭī. *Al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, 1995), 2:382.

<sup>6</sup> Abdul Hayy al-Farmawi, *Metode Tasir Maudhu’i Suatu Pengantar*, (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1996), 11.

Pertama, ayat al-Quran hendaklah ditafsirkan dengan ayat al-Quran yang lain kerana ayat al-Quran mempunyai kaitan, Asbab Nuzul, makna ‘am dan khusus di antara ayat al-Quran yang lain. Kedua, pentafsiran al-Quran hendaklah merujuk kepada hadith, sunnah dan penjelasan Rasulullah SAW yang pernah ditanya oleh para sahabat secara langsung kepada Nabi Muhammad SAW apabila para sahabat mempunyai masalah dalam memahami makna ayat al-Quran.<sup>7</sup>

Ketiga, ayat al-Quran ditafsirkan berdasarkan kefahaman dan ijтиhad para sahabat kerana mereka menguasai bahasa dan kesusastraan Arab dengan baik dan mampu mentafsirkan al-Quran atas landasan yang betul kepada umat Islam. Antara tokoh mufasir yang banyak mentafsirkan al-Quran pada zaman para sahabat ialah khulafa’ al-Rasyidin (Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali), Zaid bin Tsabit, Abdullah bin ‘Abbas, Abdullah bin Mas‘ud, Abdullah bin Zubair, Ubay bin Ka‘ab dan ‘Āishah.

Antara kesan penyebaran dakwah ke pelbagai pelusuk ialah sebahagian ulama ahli kitab Yahudi memeluk Islam dan sebahagian tābi’īn mengarang *Isra’iliyat* daripada Yahudi dan kemudian dimasukkan ke dalam tafsir. Contohnya seperti yang diriwayatkan daripada Wahb bin Munabbih, Abdul Malik bin Abdul Aziz, ‘Abdullah bin Salām dan lain-lain lagi. Maka, di sini merupakan permulaan kemunculan penyelewengan tafsir sebelum dibukukan.<sup>8</sup>

Permulaan pembukuan kitab tafsir ialah pada akhir pemerintahan Bani Umayyah dan awal pemerintahan Bani ‘Abbasiyah.<sup>9</sup> Antara tokoh-tokoh mufasir terkemuka zaman itu ialah Sufyān bin ‘Uyainah, Syu’bah bin al-Hajjaj, Yazid bin Harun al-Silmī, Waqi’ bin

<sup>7</sup> Muhammad bin ‘Abd al-Rahmān bin Sulaimān al-Rūmi, *Ittijāhāt al-Tafsīr fī al-Qarn al-Rābi’* ‘Ashar, (‘Arab Saudi: Riāsah Idārāt al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da’wah wa al-Irsyād, 1986), 1:86.

<sup>8</sup> Muhamad Abū Shuhbah, *Al-Isrā’iliyyāt wa al-Mauḍū’āt fī Kutub al-Tafsīr*, (Cairo: Maktabah al-Sunnah, 2007), 343.

<sup>9</sup> Mannā’ al-Qatṭān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, ed. ke-3 (Riyad: Maktabah Ma‘ārif, 2000), 351.

Jarraḥ serta lain-lain lagi. Ilmu tafsir berkembang pesat sehingga pembukuan kitab tafsir mencapai kesempurnaan. Pembukuan pertama kitab tafsir tidak ada yang sampai sehingga zaman kini dan kitab-kitab tafsir yang ada seperti nukilan-nukilan kitab-kitab tafsir *bi al-Ma'thur* selepas Bani Umaiyyah seperti kitab dari Ibn Jarīr at-Tabarī, Al-Naisābūrī, Ibn Abī Ḥātim, Ibn Ḥibbān, Ibn Mājah dan lain-lain.

Namun, kesan kepesatan telah membuka ruang kepada perdebatan ilmu tafsir sehingga munculnya pelbagai cabang ilmu tafsir dan perbezaan pendapat antara ulama kontemporari dengan ulama klasik kian meningkat dan semakin serius. Ilmu falsafah juga bercampur baur dengan ilmu naqli yang memberi kesan besar kepada corak penulisan tafsir. Malah, wujud mufasir yang mentafsir mengikut pemahaman peribadi dan kecenderungan pelbagai yang telah menyeleweng dari tafsiran ayat al-Quran yang sebenar.

### 1.1.2 Definisi Penyelewengan (*Inhīrāf*) Dalam Tafsir Al-Quran

Penyelewangan dari segi bahasa bermaksud perbuatan menyeleweng atau menyimpang.<sup>10</sup> Penyelewangan atau *deviation* dalam bahasa Inggeris bermaksud *difference, change from normal standards of behavior*, iaitu penyimpangan atau pelencongan daripada amalan normal menurut Kamus Inggeris-Melayu Dewan. Penyelewangan dalam Bahasa Arab ialah *inhīrāf* dan disebut dalam *Qāmūs al-Muṣṭalahāt al-Dīniyyah* iaitu perkataan *inhīrāf* berasal daripada perkataan *harrafa, yuharrifu* yang bermaksud mengubah.<sup>11</sup>

<sup>10</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1425.

<sup>11</sup> Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Mazlan Ibrahim, *Penyelewangan dalam Tafsir al-Quran* (Bangi: UKM, 2017), 18.

Penyelewengan tidak mempunyai pengertian secara spesifik dari segi istilah tentang tafsir al-Quran. Tengku Intan Zarina & Mazlan dalam buku ‘Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran’ menyatakan penyelewengan bermaksud menyimpang dan tersasar daripada kaedah bahasa Arab dan prinsip asas syarak yang benar. Selain itu, pentafsiran yang menyeleweng ialah tidak mengikuti syarat dan adab dalam mentafsir malah menyimpang daripada tujuan untuk mentafsir yang didasarkan tanpa ilmu dan mengikut hawa nafsu.<sup>12</sup> Golongan yang melakukan penyelewangan terhadap al-Quran telah lama mucul sebelum al-Quran diturunkan lagi dengan bukti penyelewangan mereka melalui firman Allah SWT dalam al-Quran.

## 1.2 GOLONGAN MUSUH AL-QURAN PERIODE KLASIK SEBELUM KEMUNCULAN MEDIA

### 1.2.1 Yahudi dan Nasrani

Firman Allah SWT:

وَلَنْ تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَى حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ فُلُونَ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ أَهْدَىٰ وَلَئِنْ

اتَّبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ أَنْذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ۖ ۱۲۰

Terjemahan: Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan senang kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka. Katakanlah: "Sesungguhnya petunjuk Allah itulah petunjuk (yang benar)". Dan sesungguhnya jika kamu mengikuti kemauan mereka setelah pengetahuan datang kepadamu, maka Allah tidak lagi menjadi pelindung dan penolong bagimu. (Al-Baqarah 2:120)

((وَلَنْ تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَى حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ))

bermaksud golongan Yahudi dan Nasrani tidak akan senang kepada kamu hingga kamu

<sup>12</sup> Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Mazlan Ibrahim, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran* (Bangi: UKM, 2017), 19.

mengikuti agama mereka. Ibn Jarīr berpendapat, Allah SWT memberitahu Nabi Muhammad SAW bahawa orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan pernah rela kepada agama Nabi Muhammad SAW iaitu Islam buat selama-lamanya. Allah SWT berpesan kepada Nabi Muhammad SAW supaya berhenti mencari usaha untuk memuaskan hati orang Yahudi dan Nasrani. Tetapi, Allah SWT memerintahkan Nabi SAW supaya berusaha dan memberi perhatian dalam mencapai redha Allah dengan mengajak golongan Yahudi dan Nasrani kepada kebenaran.<sup>13</sup>

Ayat ini menunjukkan hakikat bahawa golongan Yahudi dan Nasrani akan tetap menolak ajaran Islam selama-lamanya walaupun golongan tersebut memohon Nabi Muhammad SAW untuk menunjukkan bukti kewujudan Allah SWT dengan menjanjikan keislaman mereka. Sayid Quṭb berkata, mereka tetap degil kerana dipimpin oleh hawa nafsu dan dikongkong oleh muslihat dan kepentingan. Yahudi dan Nasrani pada awal lagi tidak mahukan Islam kerana mengenal hakikat Islam yang dipercayai akan mengancam kepentingan-kepentingan dan kekuasaan mereka. Oleh sebab itu, mereka merancang pelbagai tipu daya bagi menolak ajaran Islam dengan melakukan pelbagai cara seperti memerangi Islam secara terang-terangan, bersembunyi di sebalik tabir dengan berpura-pura memeluk agama Islam.

Firman Allah SWT:

وَلَئِنْ أَتَيْتَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَبَ بِكُلِّ إِيمَانٍ مَا تَعْمَلُوا قِبْلَتَكُمْ وَمَا  
بَعْضُهُمْ يَتَابُعُ قِبْلَةً بَعْضٌ وَلَئِنْ أَتَبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ إِنَّكَ إِذَا

لَمَّا نَأَيْتَهُمْ ۖ

Terjemahan: Dan demi sesungguhnya! Jika engkau bawakan kepada orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan Kitab, akan segala keterangan (yang menunjukkan kebenaran perintah berkiblat ke

<sup>13</sup> Ibn Kathīr, Ismā‘il bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, ed. Sāmī bin Muḥammad al-Salāmah, (Riyad: Dār Ṭibah Li al-Nashr Wa al-Tawzī’, 1999), 1: 303.

Kaabah itu), mereka tidak akan menurut kiblatmu, dan engkau pula tidak sekali-kali akan menurut kiblat mereka; dan sebahagian dari mereka juga tidak akan menurut kiblat sebahagian yang lain. Demi sesungguhnya! Kalau engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka setelah datang kepadamu pengetahuan (yang telah diwahyukan kepadamu), sesungguhnya engkau, jika demikian, adalah dari golongan orang-orang yang zalim. (Al-Baqarah 2:145)

Firman Allah ((وَلَئِنْ أَتَيْتَ)), Syeikh Sya‘rāwi mengatakan bahawa itu adalah

perkataan sumpah seolah-olah Allah SWT bersumpah jika Rasulullah SAW datang kepada ahli kitab Yahudi dan Nasrani dengan segala bukti dan tanda-tanda sekali pun, mereka tetap tidak akan beriman kerana mereka lebih mempercayai agama nenek moyang dan tidak berpuas hati dengan kesahihan agama Islam. Malah, kitab mereka iaitu kitab Taurat terlebih dahulu mengemukakan pelbagai bukti yang memberi khabar berkenaan dengan peribadi Rasulullah SAW tentang Nabi akhir zaman.<sup>14</sup>

Al-Quran merupakan sebuah kitab yang sempurna bahkan mempunyai fungsi penurunan yang jelas kepada umat Nabi Muhammad SAW. Namun, al-Quran juga turut mengesahkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya seperti Zabur, Taurat dan Injil. Allah SWT juga menceritakan dalam al-Quran mengenai kitab Taurat yang mengalami perubahan akibat daripada penyelewengan yang dilakukan oleh pendeta Yahudi dan penyalin-penyalin kitab Taurat. Selain daripada golongan Yahudi dan Nasrani menentang bukti kebenaran al-Quran dan agama Islam, masyarakat Arab Quraisy juga turut serta meragui dan menganggap Rasulullah SAW yang menurunkan al-Quran serta tidak mahu beriman kepada Allah SWT.

<sup>14</sup> Mohamad Zulkifli Al-Bakri, “Yahudi dan Nasrani Akan Terus Menentang Islam,” laman sesawang diakses 11 Februari 2021, <http://zulkiflialbakri.blogspot.com/2007/04/yahudi-dan-nasrani-akan-terus-menentang.html>.

### 1.2.2 Quraisy

Quraisy ialah sebuah bangsa yang memerintah di Mekah dan amat terkenal dengan kefasihan Arab serta merupakan ‘audiens’ pertama yang diperdengarkan ayat al-Quran oleh Rasulullah SAW. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai reaksi mengenai kaum Quraisy terhadap al-Quran apabila turunnya al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW dan dibacakan buat kali pertama kepada masyarakat Arab. Pelbagai tanggapan telah dibuat di kalangan mereka dan di antara mereka ada yang mendengar dan mengingkari serta tidak dapat menerima apa yang dibawakan oleh Rasulullah SAW.

Golongan Quraisy melakukan tuduhan dengan sengaja bahawa Nabi Muhammad SAW telah mengarang dan mengolah kitab al-Quran berdasarkan apa yang dikaji Baginda SAW terhadap kitab terdahulu. Selain itu, Quraisy menuduh Rasulullah SAW menyelidik ilmu agama terdahulu dan mencipta agama yang baru tanpa asal usul kebenaran. Kesan daripada tuduhan tersebut, Allah SWT telah mencabar manusia yang tidak mempercayai al-Quran agar mencipta ayat yang sama seperti al Quran dengan kefasihan Arab yang dimiliki oleh Quraisy. Perkara ini direkodkan oleh al-Quran sendiri apabila kaum Quraisy melemparkan tekanan terhadap Baginda Rasulullah SAW.<sup>15</sup>

Firman Allah SWT:

فُلْ لَئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِيُشْلِ هَذَا الْقُرْآنَ لَا يَأْتُونَ بِيُشْلِهِ وَلَوْ كَانَ  
بَعْضُهُمْ لِيَعْضُ ظَهِيرًا

88

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan Al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri". (Al-Isrā' 17: 88)

<sup>15</sup> Ahmad Sanusi Azmi, Mohd Yusuf Ismail, Zulhilmi Mohamed Nor & Amiruddin Mohd Sobali. “Kritikan terhadap Rasulullah dan Al-Quran: Analisis karya Non-Muslim Zaman Umawiyyah dan Abbasiyah,” *Journal of Hadith Studies* 2.1 (2017), 27.

Ayat ini membuktikan bahawa tidak akan ada makhluk yang mampu malah mustahil untuk mendatangkan sebuah kitab serupa dengan kitab al-Quran sekalipun seluruh manusia dan jin digabungkan. Allah SWT mencabar sesiapa yang masih meragui keaslian al-Quran untuk menghasikan sepuluh surah yang setanding al-Quran dan sememangnya keupayaan makhluk tidak akan ada sekali pun menyamai mukjizat Allah SWT.

Firman Allah SWT:

أَمْ يَقُولُونَ أَفْتَرَنَا فَلْ فَأُثْوَرْ بِعَشْرِ سُورٍ مِّثْلِهِ مُفْتَرِيَتِ وَأَدْعُوا مِنْ أَسْتَطْعُتُمْ مِّنْ دُونِ

اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢﴾

Terjemahan: Bukan itu sahaja kata-kata mereka bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: "Ia (Muhammad) yang mereka-reka Al-Quran itu! "katakanlah (wahai Muhammad): "(Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan Al-Quran itu, dan panggilah siapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya, yang lain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar" (Hūd 11:13)

Semestinya, cabaran tersebut gagal disambut oleh golongan musyrikin Quraisy walaupun terdapat penyair yang fasih dalam balaghah di kalangan mereka. Bahkan terdapat juga tukang tilik yang cerdas dan pemidato hebat yang tidak mampu menghasilkan 10 surah seperti yang dicabar Allah SWT. Kemudian Allah SWT mengurangkan cabaran hanya kepada satu surah sahaja.

Firman Allah SWT:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأُثْوَرْ بِسُورَةٍ مِّنْ مِّثْلِهِ وَأَدْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ

اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ٢٣

Terjemahan: Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (Al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan Al-Quran itu, dan panggilah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu

selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar. (Al-Baqarah 2:23)

Walaupun hanya satu surah, tiada seorang manusia yang berjaya menghasilkan surah seperti al-Quran. Malah, al-Quran sahaja merupakan kitab samawi yang masih memiliki keaslian dalam bahasa Arab dan merupakan satu-satunya kitab yang dihafal keseluruhan ayat oleh umat Islam di dunia ini.

### 1.2.3 Syiah

Syiah merupakan sebuah fahaman dan salah satu aliran mazhab pemikiran Islam yang mempercayai bahawa Saidina Ali lebih layak dilantik sebagai khalifah dan pewaris kepada Rasulullah SAW.<sup>16</sup> Malah, mereka turut mempercayai bahawa hanya jalur keturunan Rasulullah SAW sahaja yang berhak menjawat jawatan khalifah. Jika yang dilantik adalah selain dari jalur keturunan Rasulullah SAW, Syiah akan menganggap golongan itu telah merampas hak khalifah dari *ahl al-bayt* iaitu keluarga Rasulullah SAW.<sup>17</sup>

Para ulama hadith Syiah telah mengarang kitab tentang penyimpangan al-Quran seperti yang disebutkan oleh Ḥussin Bin Muḥammad Taqiy al-Nuri al-Ṭabrisi dalam kitabnya yang terkenal, *Faṣl al-Khiṭāb Fi Tahrīfi Kitab Rabbi al-Arbab*. Dalam muqaddimah kitab beliau mengatakan bahawa kitab ini merupakan satu kehormatan yang pernah ditulis oleh beliau tentang kebenaran penyimpangan al-Quran dan kejahatan orang-orang yang zalim. Kemudian pada halaman 27 dalam kitab yang sama telah

<sup>16</sup> A. Halim Daud, Zarina Binti Othman dan Nor Azizan Idris, “Fahaman Syiah dan Keharmonian Agama Islam di Malaysia: Perspektif Pendekatan Keselamatan Negara,” *Journal of Social Sciences and Humanities* 13.3 (2018), 3.

<sup>17</sup> Kamaluddin Nurdin Marjuni, *Adakah Kawan Ku Syiah?* (Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd, 2014), 347.

dijelaskan tentang tulisan-tulisan yang bertemakan sekitar *tahrif al-Qur'an* iaitu penyimpangan al-Quran, antaranya ialah:

1. Kitab *al-Tahrīf* (kitab penyimpangan)
  2. Kitab *al-Tanzīl wa al-Taghyīr* (kitab yang diturunkan dan yang diubah)
  3. Kitab *al-Tanzīl min al-Qur'ān Wa al-Tahrīf* (al-Quran yang diturunkan dan yang disimpangkan)
  4. Kitab *al-Tahrīf wa al-Tabdīl* (kitab yang disimpangkan dan yang diganti)
  5. Kitab *al-Tanzīl wa al-Tahrīf* (kitab yang diturunkan dan yang disimpangkan)

Semua tema tersebut menunjukkan bahawa *tahrif al-Qur'an* (penyimpangan al-Quran) itu merupakan bahagian yang penting dari akidah mereka. Oleh sebab itu, mereka banyak menulis kitab yang bertemakan tentang penyimpangan al-Quran.<sup>18</sup>

Jumhur ulama hadith di kalangan Syiah meyakini adanya tahrif iaitu penyimpangan di dalam al-Quran seperti yang dikatakan oleh Ḥussin Bin Muhammad Taqiy al-Nuri al-Ṭabrisi di dalam kitabnya, *Faṣl al-Khiṭāb* pada halaman 32 iaitu pada Surah al- Kauthar. Golongan Syiah telah menambah dan mengubah ayat dalam surah al-Kauthar seperti di bawah.

Firman Allah SWT yang sebenarnya di dalam al-Quran:

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ۖ ۗ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأُنْهِرْ ۖ ۗ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَكْبَرُ ۖ ۗ

Terjemahan:

1. Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat).
  2. Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).

<sup>18</sup> Majlis Agama Islam Selangor, *Adakah Aku Mengenalimu Syiah* (Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor, 2015), 69-70.

3. Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, ialah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diingininya). (Al-Kauthar 108: 1-3)

Golongan Syiah menukar kalimah dalam Surah al- Kauthar kerana ketaksuhan terhadap imam-imam Syiah dan perbuatan tersebut jelas menyimpang dari ajaran Islam yang sebenar. Syiah menyeleweng dengan mengubah ayat suci al-Quran mengikut hawa nafsu dan kehendak mereka semata-mata untuk mengagungkan pemimpin yang dipercayai mereka sehingga mengubah kesucian dan keaslian al-Quran yang ditetapkan serta diturunkan oleh Allah SWT.<sup>19</sup>

Al-Quran merupakan kalam Allah yang berbeza dengan kitab-kitab agama suci yang lain dan mempunyai kaedah pentafsiran yang teliti dan terperinci untuk memastikan keabsahan tafsir dapat disampaikan dengan baik kepada pembaca al-Quran. Pemahaman al-Quran memerlukan kaedah-kaedah dan panduan-panduan tertentu untuk mengelakkan daripada sebarang kebatilan dan penyelewengan tafsir.<sup>20</sup> Al-Quran al-Karīm adalah satu-satunya wahyu yang masih kekal di dunia ini yang tidak didatangi kebatilan. Pengekalan keaslian al-Quran merupakan penghormatan tertinggi kepada umat manusia kerana kitab sebenar Taurat dan Injil telah diolah dan diseleweng oleh musuh Islam.

---

<sup>19</sup> Majlis Agama Islam Selangor, *Adakah Aku Mengenalimu Syiah* (Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor, 2015), 69-70.

<sup>20</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Al-Marji‘iyah al-‘Ulyā fi al-Islām li al-Qur’ān wa al-Sunnah*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, t.t), 24.

## 1.3 KONSPIRASI MUSUH ISLAM

### 1.3.1 Orientalis

Orientalis bermaksud orang-orang yang mempelajari bahasa, kesusasteraan, kebudayaan bangsa-bangsa timur, terutamanya timur jauh seperti Melayu, Jepun dan negara-negara yang lain. Orientalis berasal daripada perkataan *orient* yang bermaksud timur dan orientalis pula selalunya dirujuk kepada orang-orang Barat yang mengkaji ilmu-ilmu ketimuran seperti bahasa, sastera, tamadun dan agama. Tetapi orientalis atau orientalisme bagi dunia Islam sinonim kepada orang Barat yang mengkaji tamadun dan selok belok agama Islam termasuk al-Quran, hadith, sejarah, bahasa dan lain-lain.<sup>21</sup>

Istilah orientalis dari segi formal digunakan pada abad ke 18, namun ia sebenarnya mempunyai pertalian dengan peringkat awal kelahiran Islam yang berdepan dengan golongan Yahudi dan Kristian. Pertembungan ini dapat dilihat dari dendam kesumat dan konflik seperti gambaran negatif golongan tersebut terhadap Islam sejak peperangan menguasai Sepanyol dan beberapa siri peperangan Salib.<sup>22</sup>

Alphonse Mingana merupakan seorang cendekiawan Kristian yang berasal dari Iraq pernah mengumumkan pada tahun 1927 bahawa sudah tiba masa untuk mereka melakukan kritik terhadap teks al-Quran sebagaimana yang telah dilakukan terhadap kitab suci Yahudi yang berbahasa Ibrani-Arami dan kitab suci Kristian berbahasa Yunani. Para orientalis bekerja keras untuk membuktikan bahawa al-Quran adalah kitab yang tidak sempurna sebagaimana Bible.<sup>23</sup> Pada 1937, muncul Arthur Jeffery<sup>24</sup> yang ingin mendekonstruksi mushaf Uthmani dan membuat mushaf baharu. Jeffery berpandangan

<sup>21</sup> Mohd. Muhibbin b. Abd. Rahman, "Pandangan Orientalis Terhadap al-Hadith dan Jawapannya Dari Perspektif Islam," *Jurnal Usuluddin* (2017), 75.

<sup>22</sup> Edward W. Said, *Orientalisme: A Brief Definition* (New York: Vintage, 1979), 1.

<sup>23</sup> Syamsudin Arief, *Orientalis dan Diabolisme Pemikiran*, (Jakarta: Gema Insani Press, 2008), 3.

<sup>24</sup> Arthur Jeffery, *The Qur'an as Scripture*, (New York: R.F. Moore Co, 1952), 7.

al-Quran yang ada sekarang ini sebenarnya telah mengalami berbagai penyimpangan iaitu ‘tahrif’.

Orientalis mendakwa bahawa dakwah Nabi Muhammad SAW tidak bersifat universal kerana al-Quran hanya boleh digunakan dan sesuai untuk masyarakat padang pasir pada waktu itu sahaja. Malah, Dr. Binmac Donald merupakan seorang orientalis yang menuduh bahawa al-Quran ialah ciptaan Nabi Muhammad SAW dan bukan daripada Tuhan.<sup>25</sup> Begitu juga dakwaan lain bahawa al-Quran diambil daripada kitab-kitab suci terdahulu yang bersumberkan kepercayaan nabi-nabi sebelum Nabi Muhamad SAW. Hasil analisis John Wansbrough terhadap ayat-ayat al-Quran menyimpulkan bahawa al-Quran mempunyai pengaruh Yahudi-Kristian yang mempunyai persamaan dan perlu ditulis kembali.<sup>26</sup>

Ignaz Goldziher mendakwa para fuqaha’ Islam menggunakan dalil-dalil al-Quran dengan mencipta pelbagai kaedah feqah dengan kecenderungan mazhab bukan di atas dasar keilmuan dan pembahasan feqah. Orientalis juga mempunyai salah faham terhadap *rasm* dan *qira’at* dengan berpendapat munculnya pelbagai *qira’at* disebabkan oleh *rasm* al-Quran kerana pengaruh perkembangan tulisan Arab atau khat sepanjang sejarah dan ditulis tanpa tanda baca pada kurun awal Islam.<sup>27</sup> Hakikatnya, orientalis tidak mengerti bahawa *qira’at* telah muncul terlebih dahulu sebelum adanya *rasm*.<sup>28</sup>

Tambahan pula, dakwaan orientalis terhadap Nabi Muhammad SAW mempunyai kepintaran semulajadi sehingga mengetahui segala yang hak dan batil dalam al-Quran.<sup>29</sup>

<sup>25</sup> Nizaita Omar, *Al-Quran dan Pemikiran Manusia* (Kuala Terengganu: Penerbit UMT, 2011) 11-13.

<sup>26</sup> Al-Fatih Suryadilaga, *Pendekatan Historis John Wansbrough dalam Studi Al-Quran Kontemporari*, (Yogyakarta: Tiara Wacana, 2002), 217.

<sup>27</sup> Mannā’ al-Qaṭṭān, *Mabāhith fi ‘Ulūm al-Qur’ān*, ed. ke-3 (Riyad: Maktabah Ma‘ārif, 2000), 170.

<sup>28</sup> Abdul Hamid, *Pengantar Studi al-Quran*, ed. ke-1 (Jakarta: Prenadamedia Group, 2016), 63.

<sup>29</sup> Budi Sujati, “Kewahyuan Nabi Muhammad dalam Pandangan Orientalis,” *Jurnal Tamaddun* 6.1 (2018), 108-132.

Tuduhan ini sengaja direka oleh orientalis bagi menimbulkan syak dan keraguan terhadap umat Islam. Matlamat orientalis adalah untuk mengelirukan dan menyesatkan umat Islam dengan tuduhan-tuduhan tidak berasas terhadap sumber agama Islam. Natijahnya, umat Islam perlu menyelidik dan mengkaji sumber berita terlebih dahulu dengan meneliti bukti-bukti seperti dalil al-Quran, hadith dan pendapat ulama sebelum mempercayai sesuatu berita atau dakwaan yang disampaikan.

### 1.3.2 Liberal

Liberal dalam Kamus Dewan bermaksud berpandangan bebas, mempunyai minda yang terbuka, dan tidak terkongkong kepada sesuatu aliran pemikiran.<sup>30</sup> Liberalisme merupakan sebuah doktrin politik yang mengambil masalah perlindungan dan kebebasan individu untuk menjadi masalah utama dalam politik. Liberal dari sudut agama (*theological liberalism*) bermaksud satu bentuk pemikiran agama yang mewujudkan kembali pertikaian norma kehidupan beragama selain dari mengikut norma tradisi yang sedia ada.<sup>31</sup>

Liberalisme merupakan sebuah gerakan yang tercetus dari negara Barat dengan menggantikan peranan agama melalui wawasan idea kebebasan sebagai prinsip tertinggi menggantikan peranan agama dalam mengatur kehidupan individu dan masyarakat. Falsafah liberalisme ini tercetus dari negara Barat dan mempengaruhi pemikiran masyarakat yang telah menular dalam setiap cabang kehidupan seperti politik, ekonomi dan budaya. Kesan buruk fahaman liberalisme boleh menjaskan pegangan agama dan menjadi terpesong apabila menyelinap masuk ke dalam diri seseorang. Pada asasnya,

<sup>30</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 935.

<sup>31</sup> Joseph A. Massad, *Islam in Liberalism*, (Chicago: The University of Chicago Press, 2015), 12.

perkataan liberal itu membawa maksud yang baik dan positif seperti sikap toleransi, diplomasi dan berbudi bicara menurut Prof. Dr. Uthman el Muhammadiy.<sup>32</sup> Walau bagaimanapun, fahaman liberalisme perlu diperhalusi jika dikaitkan dengan pegangan agama kerana akan mengundang penyakit akidah yang berbahaya.

Fahaman bersifat liberal adalah satu bentuk ancaman. Ini telah dibuktikan oleh sejarah kerana fahaman atau ideologi merupakan satu cara yang efektif untuk melemahkan umat Islam dengan menghancurkan mereka dari dalam dengan menjauhkan umat Islam dari ajarannya. Sejarah perang salib membuktikan bahawa umat Islam tidak dapat dikalahkan melalui senjata dan peperangan. Oleh itu, pihak Barat menggunakan cara imperialism pemikiran dengan membawa produk baru yang dinamakan Islam Liberal.<sup>33</sup>

Antara dua perkara utama yang menjadi perbahasan Muslim liberal adalah tentang kritikan terhadap al-Quran dan ilmu tafsir. Muslim liberal mempertikaikan kedudukan al-Quran secara mutlak sebagai wahyu, di samping mengkritik ilmu tafsir yang disepakati oleh ulama salaf dan khalaf. Naṣr Ḥamid Abu Zayd berpendapat bahawa al-Quran perlu ditafsir dan dikritik semula dengan mempercayai bahawa al-Quran sekadar ‘teks kebudayaan’ yang merupakan hasil daripada dialog, perdebatan, debat, hujah, penerimaan dan penolakan.<sup>34</sup> Alasannya mereka mendakwa banyak Asbab Nuzul ayat al-Quran, *nāsikh mansūkh* dan ayat *Makki Madani* berkait rapat dengan sesuatu peristiwa. Di antara Muslim liberal yang terlihat amat ketara dalam kecenderungan mentafsirkan

---

<sup>32</sup> Nur Zainatul Nadra Zainol, et al., *Ancaman Lesbian, Gay, Biseksual & Transgender (LGBT) Oleh Golongan Liberal Terhadap Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah*, (Seminar Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa: Brunei, 2019), 2.

<sup>33</sup> *Ibid*, 3.

<sup>34</sup> Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Mazlan Ibrahim, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*, (Bangi: UKM, 2017), 55.

semula al-Quran adalah seperti Muhammad Arkoun, Naṣr Ḥamid Abu Zayd, Fazlur Rahman, Asghar Ali, Farid Esack, Amina Wadud dan lain-lain.<sup>35</sup>

Kaedah hermeneutik merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh Muslim liberal dengan idea ingin memperbaharui (*deconstruct*) kembali al-Quran. Hermeneutik bermaksud ilmu tafsiran mengenai Bible yang mengandungi peraturan dan undang-undang bagi menyempurnakan pentafsiran tersebut. Teori ini berasal daripada teori tafsiran Barat yang dilakukan oleh ahli Teologi Yahudi dan Kristian terhadap kitab suci agama Kristian pada awalnya<sup>36</sup> dan dikembangkan oleh golongan protestan liberal apabila mereka menghadapi masalah memahami Bible.<sup>37</sup>

Pendekatan sebegini merupakan pendekatan yang cuba dilakukan oleh modernis Muslim dengan melakukan kritikan terhadap al-Quran sebagaimana yang dilakukan oleh ahli teologi Kristian terhadap Bible sebelum ini. Kesannya amat jelas kepada agama Islam bahawa golongan ini mencabar dan memusnahkan kemuliaan al-Quran dengan menggunakan kaedah pentafsiran yang sama seperti kitab mereka dan cuba untuk mengubah teori keilmuan Islam berdasarkan rasional dan pengalaman golongan liberal sendiri.<sup>38</sup>

Golongan liberal turut wujud di Malaysia dan bergerak aktif seperti gerakan dan organisasi Sisters in Islam, Artikel 11, kumpulan G25 dan lain-lain. Gerakan ini membantah pelaksanaan undang-undang terhadap pasangan berkhawat, mempertikaikan pelaksanaan hukuman sebat kepada orang Islam yang minum arak dan berzina serta

---

<sup>35</sup> Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Mazlan Ibrahim, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*, (Bangi: UKM, 2017), 54.

<sup>36</sup> Stanley E. Porter & Jason C. Robinson, *Hermeneutics: An Introduction to Interpretive Theory* (United Kingdom: Wm. B. Eerdmans Publishing Co.), 3.

<sup>37</sup> Jens Zimmermann, *Hermeneutics: A Very Short Introduction*, (Oxford: Oxford University Press, 2015), 82.

<sup>38</sup> Asaf Asghar Ali Fyzee, *A Modern Approach to Islam* (Oxford: Oxford University Press, 2008), 82.

mempertikaikan kewibawaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Malah, golongan ini berani mengeluarkan pandangan secara terang-terangan melalui media sosial terhadap isu-isu yang mencabar kemuliaan Islam dan memberi pandangan secara terbuka untuk menghapuskan JAKIM sebagai institusi yang menjaga hal ehwal Islam di Malaysia.<sup>39</sup>

### 1.3.3 Feminis

Feminis bermaksud golongan atau kumpulan yang mempunyai ideologi feminism. Umumnya, feminism ialah perjuangan bagi membebaskan dan memerdekaan kaum wanita dari ketidakadilan dan penindasan yang dilakukan oleh kaum lelaki. Gerakan ini bermula dan tercetus di Eropah dan memainkan peranan yang sangat penting di Barat kerana perjuangan golongan feminis memberi kesan yang besar kepada nasib kaum wanita dalam mengecapi kemerdekaan dan mempunyai hak kesamarataan yang dahulunya dinafikan oleh masyarakat Barat pada sekitar tahun 1600-1800.<sup>40</sup>

Seorang penulis Inggeris yang bernama Mary Astell<sup>41</sup> mengungkapkan dalam penulisan beliau dengan menzahirkan kemarahannya mengenai ketidakadilan yang berlaku di negaranya bahawa mengapa tidak seorang wanita dilahirkan dalam keadaan yang sama seperti lelaki yang dilahirkan merdeka kerana perbezaannya amat teruk apabila wanita dilahirkan sebagai hamba. Ini merupakan situasi sebenar yang menggambarkan keadaan yang hanya berlaku di Eropah sahaja pada waktu itu tidak termasuk serata dunia dan negara Islam yang lain.

---

<sup>39</sup> Norsaleha Mohd. Salleh et al., Persepsi Belia Berisiko Liberal Terhadap Agenda Liberalisme, *Akademika* 9.1 (2021), 129-138.

<sup>40</sup> Alivatu Rohmawati, “Feminisme Liberal Dalam Film Kartini” (disertasi Sarjana Ilmu Komunikasi, Universitas Semarang, 2018), 9.

<sup>41</sup> Mary Astell, *Political Writings*. ed. Patricia Springborg. (Cambridge: Cambridge University Press, 1996). 18.

Kaum wanita ditindas dengan tidak memiliki hak pemilikan harta sepetimana kaum lelaki dan hak perundangan bagi wanita terbatas serta pendidikan wanita amat terhad seperti pembelajaran universiti di Eropah tidak membenarkan wanita mendapat pendidikan.<sup>42</sup> Terdapat ahli falsafah Barat seperti Jean Jacques Rousseau (1712-1778)<sup>43</sup> dan Immanuel Kant (1724-1804)<sup>44</sup> mendokong diskriminasi serta merendahkan martabat wanita yang tidak layak bergerak seiring dengan lelaki. Wanita hanya tertumpu pada urusan rumahtangga dan kepatuhan terhadap suami. Namun, pada tahun 1740 sehingga 1780, Maria Theresa<sup>45</sup> berjaya memegang tumpuk pemerintahan di Austria yang memberikan perubahan di kalangan masyarakat Barat terhadap nasib wanita. Selain itu, Catherine the Great<sup>46</sup> juga berjaya membuka mata rakyat terhadap diskriminasi wanita dengan menjadi ratu dan seorang pemerintah di Rusia.

Kemudian, aliran feminis berkembang di seluruh dunia sehingga kini dan melahirkan tokoh feminis dari kalangan Islam seperti Fazlur Rahman, Asma Barlas<sup>47</sup> dan Riffat Hassan<sup>48</sup> yang berasal dari Pakistan, Amina Wadud dari Amerika Syarikat<sup>49</sup>, Fatima Mernissi<sup>50</sup> dari Moroko, Musdah Mulia dari Indonesia, Irshad Manji daripada Kanada, Shirin Ebadi dari Iran, Fadela Amara dari Perancis, Leila Ahmed dan Nawal El-

---

<sup>42</sup> Mary Astell, *Political Writings*. ed. Patricia Springborg. (Cambridge: Cambridge University Press, 1996). 18.

<sup>43</sup> Leigh Ann Whaley, *Women's History as Scientists: A Guide to the Debates* (Oxford: ABC-CLIO, 2003), 118.

<sup>44</sup> Jennifer Marchbank & Gayle Letherby, *Introduction to Gender: Social Science Perspectives*, ed. ke-2. (New York: Routledge, 2014), 213.

<sup>45</sup> Barbara Stollberg-Rilinger, *Maria Theresa: The Habsburg Empress in Her Time*, trans. Robert Savage (Oxfordshire: Princeton University Press, 2021), 47.

<sup>46</sup> Lurana Donnels O'Malley, *The Dramatic Works of Catherine the Great: Theatre and Politics in Eighteenth-Century Russia* (New York: Routledge, 2006), 17.

<sup>47</sup> Asma Barlas, "Secular and Feminist Critiques of the Qur'an: Anti-Hermeneutics as Liberation?" *Journal of Feminist Studies in Religion* 32,2 (2016). 111.

<sup>48</sup> Maria Jashock & Shui Jingjun Shui, *The History of Women's Mosque in Chinese Islam*, (Surrey: Taylor & Francis, 2013), 41.

<sup>49</sup> Khalif Muammar A. Harris dan Adibah Muhtar, "Konsep Kesetaraan Gender Menurut Perspektif Islam dan Barat," *Jurnal AFKAR* 21 (2019) 45-47.

<sup>50</sup> Maria Jashock & Shui Jingjun Shui, *The History of Women's Mosque in Chinese Islam*, (Surrey: Taylor & Francis, 2013), 41.

Saadawi<sup>51</sup> dari Mesir, Mohja Kahf dari Syria, Asra Nomani dari India, Kadra Yusuf dari Norway, Bikisu Yusuf dari Nigeria, Hidayet Sefkatli Tuksal dari Turki, Shamima Shaikh dari Afrika Selatan<sup>52</sup>, Jamila Afghani dari Afghanistan, Haleh Afshar dari United Kingdom, Zainab Salbi dari Iraq<sup>53</sup> dan ramai lagi.

Manakala, feminis Malaysia iaitu Zainah Anwar telah menubuhkan sebuah gerakan iaitu *Sisters in Islam* (SIS) bersama Norani Othman, Amina Wadud, Rashidah Abdullah, Sharifah Zuriah Aljeffri, Askiah Adam, Salbiah Ahmad dan Rose Ismail.<sup>54</sup> Gerakan ini merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan *non-profit* yang sangat aktif dalam membawa fahaman liberalisme dan pluralisme<sup>55</sup> dengan mem erjuangkan hak kesamarataan wanita Islam di Malaysia.<sup>56</sup>

Matlamat gerakan ini adalah untuk menunut kesaksamaan jantina, menghentikan keganasan terhadap wanita dan menghapuskan diskriminasi terhadap wanita.<sup>57</sup> Isu pemakaian tudung atau hijab di Malaysia seringkali diperdebatkan terutamanya oleh golongan feminis antaranya seperti Maryam Lee yang mempunyai wacana pemikiran yang sama seperti ideologi feminism yang meluahkan hasratnya supaya wanita Islam di luar sana berani menyuarakan paksaan bertudung<sup>58</sup> melalui forum ‘*Malay Woman and*

---

<sup>51</sup> *Ibid* 41.

<sup>52</sup> “Faried Esack,” Death of A Muslim Joan of Arc,” laman sesawang *Shamima Salahuddin Shaikh*, diakses 10 September 2021, <http://www.shams.za.org/>.

<sup>53</sup> Za nab Salbi, “Zainab Salbi,” laman sesawang *Women for Women International*, diakses 8 september 2021, <https://www.womenforwome0n.org/about/our-team/zainab-salbi>.

<sup>54</sup> Edward E. Curtis IV, *Muslims in America: A Short History* (Oxford: Oxford University Press, 2009), 76.

<sup>55</sup> Nurul Atira Musa & Hendun Abd Rahman Shah, “Penyebaran Fahaman Bertengangan Akidah Islam di Media Sosial dari Perspektif Undang-undang dan Shariah di Malaysia,” *Perdana: International Journal of Academic Research* 9.1 (2020), 26.

<sup>56</sup> Rashida Khanam, *Muslim Feminism and Feminist Movement: South-East Asia*, (Delhi: Global Vision Publishing House, 2002), 7.

<sup>57</sup> Anna Spiegel, “Women’s Organisations and Social Transformation in Malaysia: Between Social Work and Legal Reforms,” in *Negotiating Development in Muslim Societies: Gendered Spaces and Translocal Connections*, ed. Gudrin Lachenmann, and Petra Dannecker (Lanham, MD/New York: Lexington Books, 2010), 71.

<sup>58</sup> Menaradotmy, “Muslimah Yang Takut Untuk Londehkan Tudung, Hubungi Saya”, <https://www.instagram.com/p/Bg2TJlfgNzj/?hl=en>.

*Dehijabbing*' di Petaling Jaya pada tahun 2019 yang lalu dan penulisan beliau dalam buku *Unveiling Choice*. Forum '*Malay Woman and Dehijabbing*' membuka mata masyarakat Islam bahawa golongan yang berani mencabar hukum Allah masih wujud.

Maryam juga membuat banyak hantaran di media sosial seperti di *Instagram* dan *Twitter*<sup>59</sup> mengenai pandangan beliau mengenai wanita, hijab, patriarki. Begitu juga banyak *post* atau hantaran dari pengguna lain yang berkongsi pandangan mereka mengenai Maryam Lee.<sup>60</sup> Malah, beliau juga menggunakan kata-kata Amina Wadud dalam penulisan beliau tentang sebaik-baik pakaian adalah 'khairul akwa'.<sup>61</sup> Pengguna media sosial perlu sentiasa berhati-hati dengan golongan yang sentiasa mempersoalkan syariat Islam dengan tidak mengambil mudah dengan mempercayai maklumat yang disebarluaskan.

Contoh feminis lain di Malaysia yang mempertikaikan ayat al-Quran ialah Asiah 'Abdul Jalil<sup>62</sup> yang sering membuat hantaran melalui *facebook* mengenai isu yang berunsur penghinaan terhadap Nabi Muhammad SAW.<sup>63</sup> Asiah juga secara terang-terangan meminta poligami dihapuskan kerana menurut beliau poligami dianggap tidak sesuai dengan keadaan so iaitu masyarakat zaman sekarang walaupun dibenarkan dalam

<sup>59</sup> Maryam Lee, <https://twitter.com/mrymler/status/1467358187330228224>, diakses 13 Januari 2023.

<sup>60</sup> IFEX, "Cease Harrasment of Writer and Publisher", <https://twitter.com/ifex/status/1128525454829342721>.

<sup>61</sup> Menaradotmy, "Muslimah Yang Takut Untuk Londehkan Tudung, Hubungi Saya", <https://www.instagram.com/p/Bg2TRIn5Ej/?hl=en>.

<sup>62</sup> Menaradotmy, "Asiah Jalil- Hukum-Hakam Wanita Berdasarkan Zakar Lelaki", <https://www.instagram.com/p/BhNr3IuFuEl/?hl=en>.

<sup>63</sup> Asiah Abd Jalil, <https://www.facebook.com/photo/?fbid=5968636879865067&set=pcb.5968636939865061>.

al-Quran.<sup>64</sup> Pihak berwajib perlu mengambil peranan dan bertindak terhadap golongan ekstrem yang melakukan provokasi syariat Islam.<sup>65</sup>



**Asiah Abd Jalil**  
16 Nov at 11:05 ·

Nabi melarang Ali berpoligami, kerana tidak mahu melukakan hati anakanda baginda, Fatimah.

Anehnya Nabi mempoligamikan anakanda orang lain, seperti Hafsa (anak Umar) dan Aisyah (anak Abu Bakar).

Mungkin peraturan berbeza terpakai untuk Nabi, berbanding orang lain.



**Asiah Abd Jalil**  
Yesterday at 1:55pm ·

(1) Masyarakat barat telah menolak dan menghapuskan child marriages. Zaman telah berubah. Konstruk sosial masyarakat hari ini memandang child marriages sebagai satu bentuk penindasan dan kezaliman terhadap kanak-kanak perempuan.

(2) Masyarakat barat telah menolak dan menghapuskan poligami. Zaman telah berubah. Konstruk sosial masyarakat hari ini memandang poligami sebagai satu bentuk penindasan dan kezaliman terhadap wanita.

Perkara (1) dan (2) kedua-duanya adalah sunnah Nabi. Siapa kata sunnah Nabi relevan sepanjang zaman?

Gambar rajah 1: Hantaran Asiah Abd Jalil di *Facebook* seakan Menghina Nabi Muhammad SAW dan mempertikaikan hadis.

<sup>64</sup> Nur Dianah Burhanuddin, Wan Ramizah Hasan & Hasan Jali, “Faktor dan Hikmah Poligami Rasulullah S.A.W” (makalah, Proceeding of The International Conference on Contemporary Issued in Al-Quran and Hadith 2018 (THIQAH 2018), 7 Mac 2018), 176.

<sup>65</sup> Nuridah Mohd Salleh, “Provokasi Syariat: Apa Tindakan Selepas JAIS Siasat?”, laman sesawang *Harakah Daily*, diakses 13 Januari 2023, <https://harakahdaily.net/index.php/2019/04/19/provokasi-syariat-apa-tindakan-selepas-jais-siasat/>.

Agenda LGBTQi merupakan salah satu agenda dari golongan liberal dan feminis yang menyokong perubahan gender seperti LGBTQi. Golongan ini terkenal dalam memberikan sokongan yang kuat kepada LGBTQi. LGBTQi merupakan singkatan dari *lesbian*<sup>66</sup>, *gay*<sup>67</sup>, *bisexual*<sup>68</sup>, *transgender*<sup>69</sup>, *queer*<sup>70</sup> dan *intersex*.<sup>71</sup> Hujah golongan feminis dalam isu perubahan gender ialah mereka mendakwa gender ialah binaan masyarakat yang ditentukan oleh manusia sendiri dan boleh berubah-ubah mengikut keadaan. Dakwaan ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam kerana gender ialah ketentuan yang ditetapkan Allah SWT sejak lahir yang menjadi kecenderungan semulajadi. Malah, sifat-sifat pembawaan dalam diri seseorang juga sama seperti sifat-sifat fizikal yang dikenali dengan fitrah iaitu telah ditetapkan dan dikurniakan oleh Allah SWT.<sup>72</sup>

---

<sup>66</sup> Lesbian merujuk kepada wanita yang mempunyai daya tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya atau disebut juga wanita homoseksual. Lihat Mahfudzah Mohamad, "Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-Undang Jenayah Shariah," *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* 19 (2015), 30.

<sup>67</sup> Gay dikenali sebagai homoseksual didefinisikan sebagai golongan lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya. Lihat Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd. Rahman dan Rosni Wazir, "Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT)," *Jurnal Pengajian Islam* 9.2 (2016), 107.

<sup>68</sup> Biseksual bermaksud amalan hubungan seks bebas antara pasangan sesama lelaki atau sesama wanita sama ada sebelum kahwin atau pasangan yang sudah berkahwin. Lihat Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd. Rahman dan Rosni Wazir, "Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT)," *Jurnal Pengajian Islam* 9.2 (2016), 107.

<sup>69</sup> Transgender atau *Mukhannath* ialah seseorang lelaki atau wanita yang berperasaan dan berpenampilan sebagai anggota jantina yang satu lagi, dan kadang-kadang menukar organ jantinanya melalui pembedahan. Lihat Mahfudzah Mohamad, "Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-Undang Jenayah Shariah," *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* 19 (2015), 30.

<sup>70</sup> Istilah Queer bermaksud 'pelik' dari segi bahasa dan digunakan bagi merujuk kepada yang mempunyai tarikan kepada banyak jantina merangkumi lesbian, gay, dan biseksual. Namun, istilah ini tidak setuju digunakan oleh golongan ini kerana membawa unsur kenyataan politik. Lihat Gamson J dan D. Moon, "The Sociology of Sexualities: Queer and Beyond," *Annual Review of Sociology* 30.1 (2004), 47-64.

<sup>71</sup> Intersex atau khunsa bermaksud seseorang yang dilahirkan dengan mempunyai gabungan alat kelamin dan ciri-ciri lain. Tema ini diguna pakai secara umum bagi mereka yang lahir dengan ciri-ciri seks yang tidak terdiri atau yang tidak menepati definisi tipikal lelaki atau wanita. Lihat Regina Ibrahim, "Khunsa, Interseks, Transgender & Konotasi Pemahaman," laman sesawang *Queer Lapis*, diakses 7 September 2021, <https://www.queerlapis.com/khunsa-interseks-transgender-konotasi-pemahaman/>.

<sup>72</sup> Wahidatul Hannan Nazari & Razali Musa, Kesetaraan Gender Menurut Golongan Feminis Muslim, *Jurnal Islam dan masyarakat Kontemporari* 23.1 (2022), 205-216.

Golongan LGBT membina jaringan dengan mempromosikan agenda mereka di alam maya seperti di laman web, TV dan media sosial *Facebook*, *YouTube*, *Twitter*<sup>73</sup> dan lain-lain. Lambakan rancangan-rancangan yang dimasuki unsur-unsur LGBT telah lama ditayang di saluran TV Malaysia yang tidak disedari masyarakat contohnya seperti Siri TV Popular ‘*Gray’s Anatomy*’ yang berkisar mengenai pasangan LGBT yang pernah disiarkan di sebuah rangkaian berbayar tempatan seperti ASTRO.<sup>74</sup> Manakala rancangan TV yang bertajuk ‘*Glee*’ juga pernah ditayangkan di NTV7<sup>75</sup> pada tahun 2010 dan 2011 yang mempunyai unsur yang sama.

Selain itu, watak homoseksual juga telah ditanam secara halus di rancangan TV Netflix animasi kanak-kanak iaitu “*Jurassic World: Camp Cretaceous*” yang ditayangkan pada tahun 2022 lalu. Siri animasi ini menayangkan watak dua orang kanak-kanak wanita *lesbian* yang menyatakan rasa cinta sesama jenis dan mempunyai beberapa babak yang menunjukkan aksi tidak sepatutnya dijadikan bahan tontonan kanak-kanak. Rancangan ini sangat tidak sesuai ditonton. Malah, ibu bapa perlu memantau kandungan bahan tontonan anak-anak di bawah jagaan mereka.<sup>76</sup>

Salah satu karya terkemuka iaitu filem sekuel keempat terbitan *Marvel Studios* iaitu *Thor: Love and Thunder* tahun 2022 lalu, mengandungi unsur *gay* dalam filem tersebut<sup>77</sup> dan filem ‘*Lighyear*’ juga menjadi kontroversi apabila menayangkan aksi tidak

<sup>73</sup> Kamal Azmi Abd. Rahman et al., *Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial yang Mempromosikan LGBT*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015), 6.

<sup>74</sup> “Shauqi Hasan,” 5 Siri TV Popular Disiarkan di Malaysia Yang Penuh dengan Unsur Seks Bebas, Mencipta Generasi LGBTQ, <https://www.facebook.com/1617468028521800/posts/5-siri-tv-popular-disiarkan-di-malaysia-yang-penuh-dengan-unsur-seks-bebas-menci/2257381751197088/>.

<sup>75</sup> Wikipedia: The Free Encyclopedia, “List of Programmes Broadcast by NTV7”, laman sesawang *Wikipedia*, diakses 11 Januari, 2023, [List of programmes broadcast by ntv7 - Wikipedia](https://en.wikipedia.org/w/index.php?title=List_of_programmes_broadcast_by_ntv7&oldid=108300111).

<sup>76</sup> Movieguide Staff, “Children’s Animated Series on Netflix Highlights Lesbian Kiss Between Minors”, laman sesawang *Movieguide*, diakses 11 Januari 2023, [Children's Animated Series On Netflix Highlights Lesbian Kiss Between Minors \(movieguide.org\)](https://www.movieguide.org/movies/childrens-animated-series-on-netflix-highlights-lesbian-kiss-between-minors).

<sup>77</sup> Lizzie May, “Malaysia BANS Marvel’s Thor: Love and Thunder From Cinemas because of ‘Gay Elements’ in the Film”, laman sesawang *Mail Online*, diakses 12 Januari 2023, [Malaysia BANS Marvel's Thor: Love and Thunder from cinemas because of 'gay elements' in the film | Daily Mail Online](https://www.dailymail.co.uk/tvshowbiz/article-1053337/Malaysia-BANS-Marvel-s-Thor-Love-and-Thunder-cinemas-because-gay-elements-film.html).

sepautnya antara dua wanita *lesbian*. Kedua-dua tayangan filem ini telah diharamkan di Malaysia.<sup>78</sup> Filem-filem Barat yang mengandungi unsur-unsur LGBTQ ini secara senyap diserap sedikit demi sedikit yang pada awalnya tidak terdapat unsur LGBTQ dalam filem-filem sekuel ini tanpa disedari pelbagai lapisan masyarakat khususnya umat Islam yang telah menonton filem-filem ini yang terkenal sejak dahulu lagi.

Malah, majalah terkenal dunia seperti *National Geographic* edisi 2017 mempromosi agenda gaya hidup LGBT sebagai trend terkini.<sup>79</sup> Tambahan pula, pada 14 Mei 2019, “Rancangan *Let’s Talk*” Astro Awani juga pernah dijadualkan secara langsung di kaca TV seluruh Malaysia yang menampilkan pejuang LGBT Numan Afifi. Namun rancangan ini terpaksa ditangguhkan.<sup>80</sup> Pemboikotan LGBT melalui media sosial amatlah digalakkan dengan membuat kempen pemboikotan secara beramai-ramai supaya pengguna media sosial cakna dan tidak terpengaruh dengan agenda-agenda liberal dan feminis dari Barat.<sup>81</sup>

Lebih parah lagi iaitu golongan LGBTQ yang berasal dari Malaysia seperti Nur Sajat<sup>82</sup> dan Safiey Illias juga tidak kurang membuat banyak *content* di media sosial mengenai gaya hidup mereka dan secara terang-terangan berbangga dengan pencapaian mereka. Kedua-duanya merupakan ahli usahawan dan jutawan kosmetik yang berjaya dari hasil penjualan produk kecantikan serta turut menjadi idola bagi remaja di luar sana yang tidak mempunyai kefahaman tentang kehidupan songsang golongan LGBT.

---

<sup>78</sup> Rafidah Hanim Mokhtar, “Why Malaysia Must Ban Disney-Pixar’s ‘Lightyear’”, *New Straits Times*, 15 Jun 2022. [Why Malaysia must ban Disney-Pixar's 'Lightyear' \(nst.com.my\)](https://www.nst.com.my/online-edition/opinion/2022/06/15/why-malaysia-must-ban-disney-pixars-lightyear).

<sup>79</sup> Rafidah Hanim Mokhtar, “Agenda LGBT Meresapi Pelbagai Media”, *Berita Harian*, 10 Mac 2017.

<sup>80</sup> M Fakhrull Halim, “I’m not an Alien nor Inviitng People for Sex- LGBT Activist Rues Postponed Show”, *Malaysia Kini*, 17 Mei 2019.

<sup>81</sup> Sharul Fitry Abdul Majid, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin & Muhammad Talhah Ajmain, “Fiqh Boycott on LGBT Community: A Review”, *Perdana: International Journal of Academic Research* 6.2 (2019), 35-49.

<sup>82</sup> Transeksualiti lelaki berperwatakan lembut Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman turut dikenali sebagai usahawan LGBT yang menjalani kehidupan mewah hasil dari perniagaan kosmetik. (Lihat BERNAMA, “Sajat Kekal Lelaki di Malaysia”, *Berita Harian*, 23 Februari 2022)

Golongan ini menggunakan platform media sepenuhnya untuk mlariskan produk kosmetik mereka dengan menggunakan testimonial diri sendiri yang berjaya merubah penampilan secara menyeluruh.<sup>83</sup>

Ideologi feminism telah mencetuskan salah faham gender dan menimbulkan kecelaruan serta membuka ruang kepada kerosakan makna konsep-konsep asasi lain dengan meletakkan manusia sebagai penentu kepada gender dan bukannya Tuhan. Ini merupakan ideologi yang mengancam akidah umat Islam. Namun, negara-negara bukan Islam yang lain telah membuka ruang secara perlahan dengan menayangkan cerita mengenai perubahan gender yang kian diterima oleh masyarakat zaman sekarang.

Selain itu, golongan feminis memperjuangkan hak kesamarataan wanita dan lelaki dengan menghina serta mempertikaikan hukum Allah dari segi pembahagian harta faraid, kelayakan wanita menjadi imam dalam solat serta kepimpinan wanita menjadi pemerintah dalam tumpuk kerajaan. Idea kesetaraan gender yang dibawa oleh feminis muncul kerana feminis menolak perbezaan fitrah antara lelaki dan wanita demi kesamarataan dan keadilan.<sup>84</sup> Kandungan buku '*Major Themes of the Qur'an*' karya Fazlur Rahman menyamakan kesetaraan lelaki dan wanita, iaitu suami bukanlah seorang yang lebih berkuasa ke atas isteri.<sup>85</sup>

Pertubuhan SIS yang membawa ideologi feminism sangat aktif dengan hantaran-hantaran berkaitan isu hak asasi wanita Islam di laman media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter*. Sebaran dakyah SIS amat meluas melalui penulisan buku dan pautan maklumat di internet. Masyarakat perlu berwaspada apabila menerima sesuatu informasi berkaitan

<sup>83</sup> Irma Wani Othman et al., "Merungkai Kecelaruan Identiti Gender: Antara Kebebasan Hak Asasi Individu dan Dilema Kepimpinan Generasi Muda," [Keluaran Khas] *JISED: Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 38.6, (2021), 60-81.

<sup>84</sup> Khalif Muammar A. Harris dan Adibah Muhtar, "Konsep Kesetaraan Gender Menurut Perspektif Islam dan Barat," *Jurnal AFKAR* 21 (2019), 34.

<sup>85</sup> Fazlur Rahman, *Major Themes of The Qur'an* (Minneapolis: Bibliotheca Islamica, 1980), 48.

serangan pemikiran khususnya supaya tidak terpengaruh dan terpesong. SIS berpandangan mentafsir dan mengkaji semula al-Quran berpandukan ijtihad akal adalah perkara yang dibolehkan seiring dengan peredaran zaman. Malah, pendapat SIS mengatakan undang-undang yang terdapat di dalam al-Quran ketinggalan zaman dan merupakan suatu peraturan yang tidak relevan untuk diaplikasikan pada masa kini.<sup>86</sup>

Hakikatnya, masyarakat Islam sejak zaman Rasulullah SAW telah mengenal konsep keadilan gender terlebih dahulu berbanding Barat. Malah, penghormatan terhadap wanita telah lama wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Namun, gerakan feminis kini telah mendapat tempat di peringkat antarabangsa dan global untuk memperjuangkan hak-hak wanita. Pelbagai persoalan muncul jika gerakan ini berjaya memperjuangkan matlamat penubuhan SIS sendiri ataupun tidak dalam mengatasi masalah wanita dari segi peribadi atau keluarga. Jika dilihat dari pelbagai kajian yang dilakukan, masalah keluarga dan seksual yang berlaku dalam kalangan wanita tidak ditangani dengan sempurna dalam tuntutan gerakan feminis ini.<sup>87</sup>

---

<sup>86</sup> Fazlur Rahman, *Major Themes of The Qur'an* (Minneapolis: Bibliotheca Islamica, 1980), 48.

<sup>87</sup> Malikah Rom'un, "Al-Jam'iyyat Al-Nisawiyyah Min Ajli Huqūq Al-Mar'ah", *Insaniyyat* 2012.

## **1.4 REALITI PENYELEWENGAN TAFSIR AL-QURAN DI MEDIA BAHARU**

### **1.4.1 YouTube dan TEDx Talks**

*YouTube* merupakan salah satu media yang menjadi platform untuk masyarakat berkongsi pelbagai video berkaitan ideologi, pemikiran, kreativiti dan sebagainya terhadap sesebuah perkara. *YouTube* telah menjadi satu platform untuk menyuarakan pendapat individu atau organisasi, mengambil bahagian dalam perbincangan dan menyuarakan isu-isu dalam pelbagai cara yang kreatif.<sup>88</sup> Namun, laman web *YouTube* juga mempunyai kelemahan seperti *YouTube* tidak mempunyai kawalan terhadap kandungan yang dimuat naik. Keadaan ini mengakibatkan penyebaran ilmu yang tidak berautoriti mengenai Islam berleluasa jika sesuatu ilmu diamalkan tanpa mengkaji dan merujuk kepada yang pakar terlebih dahulu.

Berikut merupakan antara video *YouTube* yang jelas memberi maklumat yang salah mengenai Islam khususnya al-Quran. Terdapat video *YouTube* pada tarikh 17 Mac 2023 yang bertajuk “*The Quran is WRONG ✖️👉 Here’s Why...*” dalam tempoh 38 saat di dalam saluran *Voice of Reason* mengatakan bahawa al-Quran mempunyai masalah iaitu memberi maklumat ‘*Jesus Christ*’ yang salah. Pengulas video tersebut mengatakan bahawa al-Quran ditulis selepas abad Masihi dan mempunyai pemalsuan. Malah, beliau mendakwa bahawa sejarawan dari kalangan agama Kristian, Muslim mahupun Ateis mengetahui bahawa al-Quran adalah palsu. Jumlah tontonan video ini mencapai sebanyak 287,899 dan mendapat reaksi komen dari penonton sebanyak 8801 komen.<sup>89</sup>

<sup>88</sup> Akhilendra Sahu, Saqib Malik, *The YouTube: A Full History*, (t.p: Young Adult Nonfiction), 2.

<sup>89</sup> Alex, “*The Quran is WRONG ✖️👉 Here’s Why...*,” laman sesawang *YouTube Voice of Reason*, diakses 15 Oktober 2023, <https://www.youtube.com/shorts/eTGDVx5jBHU?si=i16BZcUkHWfvCOpk>

Kemudian, sebuah video *YouTube* bertajuk “*The Most Ignorant Quran Verse*” selama 9 minit 38 saat dalam saluran *Apostate Prophet* telah mendapat sebanyak 677,161 jumlah tontonan. Dakwaan pengulas video ini ternyata menyeleweng apabila meletakkan kapsyen pada video *YouTube* “*The Most Ignorant Quran Verse*” yang mengatakan bahawa Allah sepatutnya Maha Mengetahui, Maha Kuasa dan sempurna. Namun, terdapat satu ayat al-Quran yang mendedahkan dengan jelas bahawa firman Allah adalah salah yang menjadikan Islam agama yang palsu. Terdapat banyak kesalahan yang jelas di dalam al-Quran seperti ayat 30 dari surah al-Taubah dengan mempertikaikan keabsahan al-Quran. Hujah beliau dalam video tersebut jelas ingin menghina agama Islam dan mempertahankan kepercayaan agama Yahudi dan Kristian tanpa mendatangkan sumber yang jelas mengenai pendapat beliau.<sup>90</sup>

Video *YouTube* di dalam saluran *TEDx Talks* bertajuk “*Queer & Muslim: Nothing to Reconcile*” oleh Blair Imani dengan jelas menyeleweng apabila mengatakan bahawa al-Quran tidak mengecam dan membenarkan hubungan cinta sesama jenis pada minit 5:09. Video ini telah mendapat sebanyak 681,346 jumlah tontonan yang diterbitkan pada 10 Julai 2019. Dakwaan beliau jelas tersasar daripada pentafsiran al-Quran yang sebenar apabila menggunakan al-Quran sebagai hujah dalam menyokong golongan LGBTQ+. Beliau juga mengatakan dirinya merupakan bukti bahawa Islam membenarkan hubungan sesama jantina apabila terdapat *queer* Yahudi, Mormon, Katolik, Protestan bahkan Muslim.<sup>91</sup>

. Isu-isu yang sering dipetik oleh media antarabangsa yang sering menarik perhatian masyarakat Islam selalu digambarkan dengan paparan negatif oleh media Barat.

---

<sup>90</sup> Ridvan Aydemir, “*The Most Ignorant Quran Verse*,” laman sesawang *YouTube Apostate Prophet*, diakses 15 Oktober 2023, [The Most Ignorant Quran Verse - YouTube](#)

<sup>91</sup> Blair Imani, “*Queer & Muslim: Nothing to Reconcile*,” laman sesawang *YouTube TEDx Talks*, diakses 16 Oktober 2023, [Queer & Muslim: Nothing to Reconcile | Blair Imani | TEDxBoulder - YouTube](#)

Antara serangan hebat yang selalu dipaparkan oleh media Barat terhadap umat Islam kepada masyarakat Amerika dan Eropah ialah agama Islam hanya agama kepunyaan bagi orang Arab sahaja, agama yang tidak bertamadun, menindas wanita dan mundur. Persepsi masyarakat boleh dibentuk melalui pengaruh media massa yang menayangkan tayangan berbaur sensitiviti kepada agama Islam.

Antara video yang memaparkan olahan negatif terhadap agama Islam secara ketara yang dimuat naik di *YouTube* ialah filem *Innocence of Muslim, Submission* dan *Fitna*.<sup>92</sup> Ketiga-tiga filem ini adalah kesan daripada sikap prejedis dan prasangka negatif golongan anti Islam yang mampu mengelirukan masyarakat bukan Islam dan tidak mustahil kepada umat Islam turut keliru mengenai agama Islam.

Sebuah filem yang diterbitkan oleh Nakoula Basseley Nakuola bertajuk “*Innocence of Muslim*” dimuat naik di *YouTube* pada bulan Julai 2012 secara terang dan jelas merupakan filem yang menghina Rasulullah SAW dengan menunjukkan salah faham terhadap agama Islam dan memberi kesan serta pengaruh Islamofobia<sup>93</sup> kepada masyarakat seluruh dunia. Malah, sebelum insiden filem tersebut, beberapa kejadian lain seperti peristiwa keganasan 11 September 2001 di New York dan insiden pengeboman di Madrid pada 11 Mac 2004 dikaitkan dengan *terrorist* atau ekstremisme mengejutkan masyarakat Islam serta mencetuskan pengaruh Islamofobia dan menyebabkan Islamofobia tersebar luas di seluruh pelusuk dunia yang membuatkan masyarakat lain membenci Islam.

---

<sup>92</sup> Nur Farhana Abdul Rahman & Nur Syariyah Muhammad Shah, “Persepsi Penganut Muslim dan bukan Muslim terhadap Isu-Isu Sensitif Agama: Kajian di Lembah Klang”, *International Journal of Islamic Thought* 18 (2020), 106.

<sup>93</sup> Nur Farhana Abdul Rahman & Nur Syariyah Muhammad Shah, “Persepsi Penganut Muslim dan bukan Muslim terhadap Isu-Isu Sensitif Agama: Kajian di Lembah Klang”, *International Journal of Islamic Thought* 18 (2020), 106.

Filem *Submission* menjadi kontroversi setelah mempersoalkan hak wanita Muslim yang bertudung dan mendakwa Islam menggalakkan kekejaman terhadap wanita melalui pemakaian tudung. Malah, filem ini turut melakukan penghinaan terhadap ayat al-Quran dengan melukis ayat al-Quran di tubuh badan wanita yang berpakaian nipis dan jarang.<sup>94</sup> Seterusnya, hasil kajian lain terhadap filem *Fitna* mendapati bahawa filem ini merupakan hasil daripada ekstremis orientalis kerana memaparkan wanita Islam adalah mangsa penindasan di masa kini dan masa hadapan.<sup>95</sup>

#### 1.4.2 Media Sosial

Media sosial menjadi platform terpantas bagi penyebaran dan perkongsian berita, maklumat ataupun ilmu. Budaya “*copy & paste*” menyebabkan sesetengah individu mudah terlupa akan satu hakikat yang sangat penting iaitu tidak semua berita, maklumat ataupun ilmu yang menjadi tular dan tersebar dalam media sosial adalah tepat dan sahih. Malah, tidak semua perkara yang tular menjadi ikutan (*trend*) untuk diikuti secara membuta tuli tanpa ilmu.

Pengaruh gelombang *Hallyu*<sup>96</sup> dari negara Korea tersebar secara meluas dan memberi kesan kepada budaya, sosial, peribadi dan psikologi masyarakat seluruh dunia khususnya terhadap umat Islam. Kemunculan budaya K-pop menyebabkan peminat-peminat terutamanya yang beragama Islam terlampaui meminati atau obses sehingga meniru budaya, pemakaian, pemakanan, muzik dan lain-lain lagi. Keobsesan terhadap

<sup>94</sup> Ron Eyerman, *The Assassination of Theo Van Gogh: From Social Drama to Cultural Trauma*, (United States of America: Duke University Press, 2008), 100.

<sup>95</sup> Liesbet van Zoonen, Farida Vis & Sabina Mihelj, “YouTube interactions between agonism, antagonism and dialogue: Video responses to the anti-Islam film *Fitna*”, *New Media & Society*, 13.8, 1283-1300.

<sup>96</sup> Hallyu merupakan istilah yang diberikan oleh sekumpulan wartawan dari Beijing, China pada tahun 2001 seiring dengan peningkatan populariti budaya Korea yang memberi impak kepada pelbagai aspek. Antaranya bermula dari budaya Korea melalui drama televisyen, filem, muzik, fesyen, kosmetik bahkan sehingga gaya rambut artis turut tersebar seluruh dunia. Lihat Hae-Joang, “Reading the “Korean Wave” as a Sign of Global Shift,” *Korea Journal* 45.2 (2005), 167.

artis semakin melampau sehingga sesetengah masyarakat tidak keberatan untuk menghabiskan wang dan masa demi mendapatkan kepuasan dengan menghadiri konsert, memiliki barang-barang berkenaan idola mereka dan lain-lain.

Tambahan pula, lagu-lagu K-Pop turut tersebar luas dan menjadi tular serta digunakan untuk membuat *content video, reel, status* dan *story* yang dimuat naik di media sosial oleh pengguna. Masyarakat perlu berwaspada kerana pada tahun 2016<sup>97</sup>, terdapat seorang artis Korea wanita Kpop bernama *CL* telah menimbulkan kontroversi kepada umat Islam seluruh dunia dengan menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat dan telah mencemarkan kesucian ayat al-Quran dalam video nyanyian beliau.<sup>98</sup>

Pada tahun 2021, sebuah produksi K-Pop telah menghina azan di episod pertama rancangan hiburan dari produksi tersebut melalui runut bunyi yang didakwa menyerupai bunyi azan di Mekah. Perkara ini membuatkan orang ramai mengkritik dan menuntut permohonan maaf dari produksi tersebut supaya tidak menggunakan suara audio itu lagi kerana azan merupakan syiar agama Islam yang tidak boleh digunakan bagi tujuan hiburan serta muzik.<sup>99</sup> Selain itu, seorang artis K-Pop lelaki yang bernama Jay Park juga turut melakukan penyelewengan dengan menggunakan kalimah Allah dalam lirik lagunya iaitu “*Worship me like Allah*” yang menyebabkan beliau dituduh rasis dan tidak menghormati agama lain.<sup>100</sup>

---

<sup>97</sup> Tamar Herman, “CL Apologizes for Quran Verse Controversy on Her Hello Bitches Tour”, laman sesawang *Billboard*, diakses 15 Januari 2023, <https://www.billboard.com/music/music-news/cl-apology-quran-tour-7565888/>

<sup>98</sup> Monika@Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad & Nik Mohd Zaim Ab Rahim, “Penyalahgunaan Ayat Al-Quran dan Penyelewengan Pusat Pengubatan Islam di Malaysia,” *Journal of Nusantara Studies* 4.2 (2019), 432.

<sup>99</sup> Utusan Malaysia, “Produksi K-Pop Hina Azan”, *Utusan Malaysia*, <https://www.utusan.com.my/luar-negara/2021/09/produksi-k-pop-hina-azan/>, 9 September 2021.

<sup>100</sup> Syafil Syazwan Jefri, “Jay Park Mohon Maaf Terhadap Umat Islam”, *Harian Metro*, <https://www.hmetro.com.my/rap/2021/05/711212/jay-park-mohon-maaf-terhadap-umat-islam>, 28 Mei 2021.

Sebuah video 54 saat tular dipercayai menghina kesucian agama Islam apabila seorang wanita yang berpakaian sopan dalam satu majlis di sebuah kelab di TTDI, Kuala Lumpur tiba-tiba menanggalkan baju kurung serta tudungnya hingga mendedahkan auratnya selepas mendakwa dirinya beragama Islam serta menghafal 15 juzuk al-Quran. Mufti Negeri Sembilan mengulas bahawa perbuatan tersebut telah menghina agama dan umat Islam lain, malah lebih teruk turut menghina diri sendiri.<sup>101</sup>

Selain itu, terdapat sebuah berita palsu yang tersebar berkaitan salah tafsir ayat al-Quran apabila muncul dakwaan bahawa ayat 33 dari surah al-Āhzāb mempunyai kaitan dengan jumlah 3333 kes kematian Covid-19 pada 3 April 2020.<sup>102</sup> Tambahan pula, muncul seorang ahli politik wanita juga telah menyalahafsir ayat al-Quran surah al-Baqarah ayat 256 dengan mengeluarkan kenyataan bahawa orang Melayu di negara Malaysia bebas memilih agama dan tiada paksaan dalam agama.<sup>103</sup> Pada 15 Jun 2021, seorang lelaki telah didakwa polis kerana membakar naskhah tafsir al-Quran akibat putus cinta.<sup>104</sup> Selain itu, terdapat segelintir individu yang memberikan tafsiran al-Quran mengikut akal logik semata-mata demi kepentingan peribadi dan kumpulan tertentu.<sup>105</sup>

Mutakhir ini, muncul juga banyak *trend* di *TikTok* yang tidak sesuai diikuti oleh orang Islam salah satunya ialah tarian filem ‘*Wednesday*’ yang ditayangkan baru-baru ini menjadi tular. Namun, rata-rata pengguna media sosial tidak memikirkan kesannya dan

<sup>101</sup> Mahaizura Abd Malik, “Jawi Siasat Video Wanita Hina Islam”, *Harian Metro*, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/07/860019/jawi-siasat-video-wanita-hina-islam>, 9 Julai 2022.

<sup>102</sup> Khairil Anwar Mohd Amin, “Tiga Lagi Berita Palsu Termasuk Salah Tafsir Ayata Al-Quran”, *Sinar Harian*, <https://www.sinarharian.com.my/article/77409/khas/covid-19/tiga-lagi-berita-palsu-termasuk-salah-tafsir-ayat-al-Quran>, 5 April 2020.

<sup>103</sup> Izra Abdul Rahman, “Nurul Izzah Salah Tafsir Ayat Quran, Perlu Tarik Balik Kenyataan-Nasharudin, laman sesawang Mstar, diakses 16 Januari 2023, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2012/11/11/nurul-izzah-salah-tafsir-ayat-quran-perlu-tarik-balik-kenyataan---nasharudin>

<sup>104</sup> Mohd Rafie Azimi, “Polis Tahan Lelaki Bakar Tafsir Al-Quran ”, *Utusan Malaysia* <https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/polis-tahan-lelaki-bakar-tafsir-al-Quran/>

<sup>105</sup> Bernama, “Golongan Tafsir Al-Quran ikut keperluan peribadi perlu ditangani, laman sesawang Astri Awani, diakses 16 Januari 2023, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/golongan-tafsir-alquran-ikut-keperluan-peribadi-perlu-ditangani-199141>

leka memuatnaik video mengikut trend. Tanpa disedari, tarian itu menggunakan lagu ‘Lady Gaga’ yang menyebut perkataan ‘Jesus’. Maka, umat Islam perlu berhati-hati dengan *content* yang tersebar di media sosial dengan tidak mengikuti *trend* yang cenderung kepada budaya Barat yang boleh merosakkan kemuliaan agama Islam.<sup>106</sup>

Tambahan pula, baru-baru ini wujud juga pasangan suami isteri yang menggelar dirinya sebagai ustaz dan ustazah mengeluarkan kenyataan yang pelik dan tidak berasas di media sosial *TikTok* seperti makan ubat tahan sakit akan masuk neraka. Selain itu, ustazah tersebut berkata penyakit kencing manis datang kepada mereka yang makan minum dari sumber yang haram. Kenyataan beliau mencetuskan kemarahan dari netizen dan mendapat teguran dari *asatizah* yang mengatakan kenyataannya penuh asumsi dan tidak mendatangkan sumber yang jelas.<sup>107</sup> Pada masa yang sama, terdapat kes kajian mengenai isu penyalahgunaan ayat al-Quran dalam perniagaan untuk melariskan jualan produk seperti membaca al-Quran pada produk untuk dijadikan tangkal, azimat serta jampi serapah.<sup>108</sup>

Media baharu memberi impak yang sangat besar kepada pengguna kerana ia merupakan antara medium yang boleh memberi pemahaman yang jelas dan medium penyebaran dalam mempengaruhi penonton serta memberi kesan perubahan kepada sesebuah budaya<sup>109</sup> dengan mempelajari perbezaan budaya secara tidak langsung melalui

<sup>106</sup> Tiktok, “Tarian Wednesday Tak Elok”, laman sesawang *TikTok*, diakses 18 Januari 2023, <https://www.tiktok.com/discover/tarian-wednesday-tak-elok?lang=en>.

<sup>107</sup> Sudirman Mohd Tahir, “Nak Dakwah, Biarlah Berhimah-JAKIM Nasihat Ustazah Siti Afifah, Suami”, *Berita Harian*, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/12/1042432/nak-dakwah-biarlah-berhimah-jakim-nasihat-ustazah-siti-afifah-suami>, 21 Disember 2022.

<sup>108</sup> Monika@Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad & Nik Mohd Zaim Ab Rahim, “Penyalahgunaan Ayat Al-Quran dan Penyelewengan Pusat Pengubatan Islam di Malaysia,” *Journal of Nusantara Studies* 4.2 (2019), 432.

<sup>109</sup> Ruud Koopmans and Susan Olzak, “Discursive Opportunities, and the Evolution of Right-Wing Violence in Germany, *American Journal of Sociology* 110.1 (2004), 198-230.

media.<sup>110</sup> Umat Islam harus cakna dengan perkembangan semasa dan mempertahankan maruah serta kesucian agama Islam itu sendiri dengan memboikot agenda yang didirikan oleh musuh Islam melalui media sosial.

Musuh Islam menggunakan peluang yang ada dengan menggunakan saluran media untuk melaporkan berita yang dapat memanipulasi penonton seluruh dunia mahupun yang Islam dan bukan Islam. Situasi ini memberi impak dan kesan yang mendalam kepada umat Islam seluruh dunia kerana muncul pelbagai pandangan dan salah faham terhadap negara Islam dan penduduk negara Islam sendiri. Realiti pada hari ini menunjukkan aplikasi-aplikasi media sosial termasuk *Facebook*, *Whatsapp*, *Twitter*, *Telegram*, *Instagram*, *TikTok* dan sebagainya tidak dapat dipisahkan serta seakan-akan menjadi keperluan semasa.<sup>111</sup>

Kemajuan era globalisasi kini menjadikan pencapaian maklumat amatlah mudah untuk dipelajari oleh pelbagai peringkat masyarakat dari kanak-kanak, remaja sehingga orang dewasa. Maklumat kian mudah diakses dan disebarluaskan melalui media sama ada maklumat itu sahih ataupun tidak. Ia menjadi salah satu punca penyelewengan akidah apabila media menyampaikan informasi yang bersifat melalaikan serta menampilkan program-program yang tidak bertepatan dengan cara hidup Islam.

Kesan media sosial adalah kepada generasi umat Islam pada masa akan datang. Oleh itu, sebagai umat Islam, pentingnya akidah yang teguh untuk menegakkan perkara yang benar supaya tidak mempercayai dan mempelajari ilmu yang berkaitan agama di media sosial secara membuta tuli tanpa bertalaqqi dengan guru yang alim. Rentetan daripada situasi itu, Malaysia juga tidak terlepas dari golongan musuh Islam yang

---

<sup>110</sup> Brayden G King, “The Tactical Disruptiveness of Social Movements: Sources of Market and Mediation Disruption in Corporate Boycotts”, *Social Problems* 58.4 (2011), 491-517.

<sup>111</sup> Suhaila Binti Zakaria, *Media Sosial Sebagai Medium Penyelewengan Akidah Masa Kini*, *Perpustakaan Waqaf Ilmu Nusantara*, 1-21.

bertopengkhan Islam. Mereka mengemukakan pelbagai pandangan dan tafsiran peribadi terhadap isu agama dan menyuarakan kebebasan prinsip beragama dan kononnya mempertahankan hak asasi manusia. Pelbagai fahaman dan ideologi mudah tersebar sehingga memberi kesan kepada akidah umat Islam lalu menyebabkan umat Islam murtad iaitu bertukar kepada agama yang lain.

Walau bagaimanapun, di sebalik kesan bahaya media kepada akidah umat Islam, media juga merupakan medan penyebaran dakwah kepada umat Islam dari pelbagai segi dan kemudahan yang disediakan di setiap laman web dan aplikasi.<sup>112</sup> Antara laman web popular yang boleh diakses di laman web mengenai perkara agama adalah seperti *Talk Islam, Why Islam, Tell Me about Islam, Suhaibwebb.com, The Deen Show* dan sebagainya. Di Malaysia, antara saluran TV yang menyiarkan rancangan keagamaan ialah TV Al-Hijrah<sup>113</sup>, Astro Oasis, Naurah dan sebahagian rancangan keagamaan di TV 1 dan 2, RTM, TV3, TV9 serta lain-lain lagi. Umat Islam perlu meneliti sesuatu maklumat sebelum berkongsi atau beramal dengan maklumat yang kurang jelas dan tidak pasti. Sumber yang sahih dan dipercayai perlu dicari dan dipelajari di aplikasi dan laman web untuk membuktikan kebenaran dan terhindar dari kesesatan.

---

<sup>112</sup> Noor Azaian Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah dan Mohd Azul Mohamad Salleh, “Cabaran Dakwah Islam di Alam Siber,” *Journal of Social Sciences and Humanities* (2017), 8.

<sup>113</sup> Azizuddin Mohd. Sani, *Islam and Religious Expression in Malaysia* (Singapore: Yusof Ishak Institute, 2020,) 50.

## 1.5 KESIMPULAN

Al-Quran mempunyai banyak perkara yang tidak dapat dicapai dengan akal fikiran semata-mata dan merupakan kitab yang syumul dan sempurna diturunkan kepada seluruh umat manusia. Walau bagaimanapun, golongan musuh Islam seperti orientalis, liberal, feminis dan lain-lain merupakan dakyah untuk menyesatkan umat Islam yang tidak akan berhenti dalam menimbulkan keraguan terhadap sumber agama Islam sesuai dengan peredaran dan perkembangan teknologi era kini. Media merupakan salah satu saluran yang digunakan oleh musuh-musuh Islam untuk menyampaikan dakyah dan mempromosikan *trend-trend* terkini untuk menjadi ikutan. Umat Islam perlu menyediakan pelbagai senjata dari segi ilmu pengetahuan khususnya untuk menghadapi musuh-musuh Islam supaya tidak terjerumus ke dalam agenda dan tipu daya mereka.

Melalui ulasan penyelewengan tafsir ayat al-Quran di atas, dapat disimpulkan bahawa penggunaan aplikasi media sosial *YouTube* mempunyai kebaikan dan keburukan. *YouTube* dapat memberi impak positif dalam membina keyakinan dan membentuk perasaan saling menghormati serta mengambil berat melalui perkongsian maklumat, ilmu dan mempelajari budaya masyarakat yang berbeza-beza jika digunakan ke arah kebaikan. Para pengguna media juga dapat memberi reaksi dan komen di ruang komentar yang tersedia pada setiap video.<sup>114</sup>

Video yang berbentuk keagamaan juga mudah tersebar dengan meluas apabila dikongsi melalui *YouTube* dan pengguna dapat mengetahui pelbagai bentuk amalan dan kepercayaan yang dididik dari sesebuah agama tersebut. Antara keburukan *YouTube* ialah mampu memberi maklumat yang tidak sahih khususnya mengenai ilmu agama Islam yang boleh mengakibatkan salah faham terhadap agama jika pengguna internet tidak mengkaji

---

<sup>114</sup> Helena Bilandzic and Geolfray Patriarche, *The social Use of Media: Cultural and Social Scientific Perspectives on Audience Research* (Chicago: Chicago Press, 2012), 4.

lebih mendalam dan berguru dengan asatizah dalam hal agama. Maka, kajian mengenai video *YouTube* adalah relevan yang mampu mendedahkan penyelewengan yang dibuat oleh segelintir golongan yang ingin menyesatkan akidah umat Islam. Seterusnya, huraian mengenai individu dan kandungan video *YouTube* yang menyeleweng tafsiran ayat al-Quran akan didedahkan dalam bab seterusnya.

## BAB 2

### BIOGRAFI SAMINA ALI

#### 2.0 PENDAHULUAN

Mutakhir ini, pelbagai isu penyelewengan agama telah muncul melalui pelbagai saluran media. Agama Islam menjadi sasaran untuk medan fitnah dari pelbagai sudut. Masyarakat bebas berkongsi apa sahaja yang diinginkan di media sosial tanpa mempunyai had dan batas. Ideologi dan pemikiran kian tersebar dengan meluas di pelbagai saluran media memberi impak yang besar terhadap perubahan prinsip kehidupan seseorang sehingga memberi pengaruh kepada akidah dan kepercayaan seseorang.

*YouTube* merupakan saluran yang dikunjungi oleh ramai pengguna media sosial kerana video di *YouTube* dapat memberi rujukan jika digunakan bagi mendapatkan sumber maklumat. *YouTube* merupakan salah satu saluran media yang bebas berkongsi pelbagai video mengenai pendidikan, agama, masakan, percutian, hiburan, sukan, permainan, gaya hidup dan lain-lain lagi.

Pada 11 Februari 2017 yang lalu, sebuah video yang dimuat naik oleh saluran *TEDx Talks* di aplikasi *YouTube* yang bertajuk “*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab?*” disampaikan oleh seorang *speaker* bernama Samina Ali. Video ini berdurasi selama 17 minit 47 saat. Sehingga kini, jumlah tontonan mencecah sehingga lebih 8.3 juta tontonan. Antara isi kandungan video ini ialah Samina membuat perbandingan hijab pada zaman Rasulullah SAW dan zaman kini serta dinyatakan bersama ayat al-Quran yang diturunkan mengenai pensyariatan hijab. Samina turut mengulas mengenai pelbagai topik seperti aurat, *khimar*, jilbab, hak keadilan wanita dan lain-lain lagi.

## **2.1 LATAR BELAKANG KEHIDUPAN SAMINA ALI**

Samina Ali lahir di Hyderabad, India<sup>1</sup> pada tahun 1969 dan setelah itu, Samina berpindah ke Minneapolis, Minnesota, Amerika Syarikat pada usia enam bulan.<sup>2</sup> Bapa beliau bekerja sebagai jurutera di Amerika Syarikat<sup>3</sup> dan membawa seluruh keluarganya berpindah ke sana. Apabila Samina membesar, ternyata terdapat dua perbezaan ketara kehidupan yang dilalui oleh Samina apabila beliau membesar dalam persekitaran dan dua budaya yang berlainan kerana beliau beragama Islam di India dan mengalami kejutan budaya sosial di Amerika Syarikat. Bapa beliau ingin keimanan, bahasa dan budaya tetap dikenalkan dan diamalkan oleh keluarganya walaupun terpaksa hidup di dua negara yang berbeza, Jadi, setiap tahun, ahli keluarga Samina termasuk ibu dan kedua-dua adik lelakinya dikehendaki untuk ulang alik dari Amerika Syarikat ke India supaya adat warisan India kekal di dalam kehidupan ahli keluarga mereka.<sup>4</sup>

Kehidupan Samina amat berbeza dengan kehidupan yang lain kerana Samina hidup dalam keadaan nomad dan berpindah randah setiap tahun dengan hidup di Amerika Syarikat selama setengah bulan dan enam bulan yang lain di negara India. Samina juga merasai kehidupan bersekolah di negara yang berlainan di India dan Amerika Syarikat serta memberi kesan dalam kehidupan Samina pada hari ini kerana menyebabkan beliau keliru dalam mengamalkan antara budaya India dan Amerika Syarikat.<sup>5</sup> Bapa beliau

---

<sup>1</sup> Leila Ahmed, “*A Quiet Revolution: The Veil’s Resurgence, from the Middle East to America*”, (New Haven: Yale University Press, 2011), 281.

<sup>2</sup> Guiyou Huang, “*The Greenwood Encyclopedia of Asian American Literature*”, (London: Greenwood Press, 2009), 24.

<sup>3</sup> Samina Ali, “The Legal Muslim Immigrant,” laman sesawang APB: *Speaking to the World*, diakses 13 September 2021, <https://www.apbspeakers.com/speaker/samina-ali/>.

<sup>4</sup> Samina Ali, “Ali, Samina 1969”, laman sesawang *Encyclopedia.com*, diakses 10 September 2021, <https://www.encyclopedia.com/arts/educational-magazines/ali-samina-1969>.

<sup>5</sup> Felicity Crowe et al., “*Illustrated Dictionary of the Muslim World*”, (Shah Alam: Marshall Cavendish, 2011), 85.

sering dianggap sebagai orang Mexico, manakala ibu beliau pula dianggap ‘eksotik’ atau terasing kerana sering memakai sari.

Kehidupan dan didikan keluarga beliau sewaktu itu seakan-akan tidak kelihatan dan disedari masyarakat Barat. Walau bagaimanapun, peristiwa 9/11<sup>6</sup> telah memberi perubahan yang ketara dalam kehidupan beliau kerana selepas peristiwa tersebut, kejahilan masyarakat Amerika bertukar secara drastik dan terus membenci, menghina dan mempunyai persepsi buruk mengenai agama Islam. Samina mempunyai kenangan pahit sewaktu beliau menjadi kanak-kanak kerana pelbagai kritikan dan cacian dialami oleh Samina kerana beliau mempunyai budaya yang berbeza dengan masyarakat Amerika ketika itu.

Kesannya, Samina mengatakan bahawa peristiwa itu mengubah kepercayaan dan pandangan beliau dalam mengamalkan Islam dalam kehidupannya. Titik perubahan dalam kehidupan beliau ialah peristiwa 9/11 yang telah mengubah cara pandangan masyarakat Barat terhadap yang masyarakat Islam dan Samina tidak lagi selesa serta aman seperti yang dirasakan beliau tidak sama seperti dahulu. Namun, beliau mengungkapkan rasa syukur kerana diberi peluang untuk membesar dan hidup dalam budaya yang pelbagai kerana dapat membentuk dirinya yang sekarang menurut artikel yang dikongsi beliau,

Perkahwinan Samina telah diatur oleh kedua ibu bapanya sewaktu Samina berumur 19 tahun<sup>7</sup> dan dikahwinkan dengan jejaka berasal dari India. Samina tidak berupaya menyelamatkan perkahwinan pertamanya kerana takdir menentukan beliau

---

<sup>6</sup> Peristiwa 9/11 merupakan empat siri serangan berani mati oleh Al-Qaeda ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sepetember 2001 di New York dengan serangan sebuah pesawat yang menghentam ‘kota pertahanan’ negara itu. Namun, terdapat pelbagai spekulasi dan teori konspirasi di sebalik peristiwa ini yang membuka mata dunia dan membawa perubahan besar mengenai persepsi masyarakat seluruh dunia terhadap agama Islam. Lihat Robert P Watson et al., *America’s War on Terror* (England: Ashgate Publishing, 2013), 59.

<sup>7</sup> Felicity Crowe et al., “Illustrated Dictionary of the Muslim World”, (Shah Alam: Marshall Cavendish, 2011), 85.

berpisah dengan suaminya yang pertama.<sup>8</sup> Namun, Samina mempunyai jodoh dengan Tim Maxwell iaitu jejaka dari California dan melahirkan seorang anak lelaki yang bernama Isham pada umur 29 tahun.<sup>9</sup> Samina mengalami PTSD iaitu gangguan kecemasan teruk atau trauma sewaktu melahirkan Isham dan beliau tidak mempunyai sangkaan yang baik untuk melalui ujian tersebut kerana penyakit yang dihidapi beliau amat berbahaya.

Dua puluh minit selepas melahirkan anak, Samina mengalami serangan sawan (*grand mal seizure*) yang menyebabkan bekalan oksigen terputus di bahagian otak selama 30 saat dan Samina terus jatuh koma. Kesan daripada itu membuatkan beliau disahkan mengalami kegagalan hati dan buah pinggang untuk berfungsi. Malah, beliau turut mengalami kerosakan jantung, *pulmonary edema*, kiraan *platelet* darah satu digit, darah yang berhenti membeku, *subarachnoid hemorrhage* dan *cerebral ischemia* iaitu strok kecil di bahagian otak.<sup>10</sup> Samina berkata dalam sebuah perkongsian bahawa perjalanan beliau untuk sembuh sepanjang tiga tahun telah mengajar beliau tentang keberanian, ketabahan, kasih sayang dan kekuatan semangat manusia yang luar biasa.

Walau bagaimanapun, perkahwinan Samina bersama Tim Maxwell tidak kekal lama dan mereka bercerai selepas lima tahun perkahwinan kerana suami beliau tidak dapat bertahan dengan ujian yang ditimpa Samina dan kedua ibu bapa Tim Maxwell juga meninggal dunia pada waktu yang sama bahkan Tim Maxwell disahkan menghidapi penyakit *brain lesion*. Selama tujuh tahun selepas perceraian, Samina menjadi ibu tunggal dan mengatakan itu merupakan pilihan beliau kerana ingin memulihkan niat sebenar keimanan dalam dirinya secara saksama dan adil. Samina berkongsi bahawa beliau telah

<sup>8</sup> Amal Awad, “Samina Ali: A Woman’s Warrior”, ed. Ricky Aggarwal, laman sesawang *Aquila Style*, diakses 10 September 2021, <https://aquila-style.com/samina-ali-a-womans-warrior/>.

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> Samina Ali, “What Brain Damage Taught Me about Courage,” laman sesawang APB: *Speaking to the World*, diakses 13 September 2021, <https://www.apbspeakers.com/speaker/samina-ali/>.

berkahwin seawal usia 18 tahun dan tidak ingin berkahwin lagi kerana pada waktunya merupakan masa yang bernilai buat Samina kerana beliau telah memiliki sebuah rumah hasil keupayaan diri sendiri dan telah melancong dalam negara dan antarabangsa bersama buku yang ditulis beliau dengan memberi ceramah di serata tempat.

Malah, beliau turut membesarluaskan anak lelakinya sendiri dan mendalamai ilmu kerohanian supaya beliau tetap bersemangat dan kuat dalam mengharungi kehidupan. Namun setelah beberapa tahun, hasil daripada perkenalan oleh rakan Samina, Samina telah berkahwin dengan suaminya yang sekarang iaitu bekerja sebagai peguam korporat yang juga berbangsa India. Setelah itu, Samina melahirkan anak perempuan yang bernama Zaara.<sup>11</sup> Samina mengungkapkan bahawa suaminya kini merupakan pasangan hidup yang sejati dalam kehidupan beliau kerana memiliki persamaan dari segi latar belakang kehidupan, kekuatan firasat kerohanian dan kesedaran yang sama untuk berkhidmat kepada masyarakat.

## 2.2 PENDIDIKAN SAMINA ALI

Sewaktu zaman kanak-kanak, Samina bersekolah di sekolah Katolik pada hari biasa manakala pada hari Ahad, beliau menghadiri kelas agama Islam di masjid atau dikenali Pusat Islam Minnesota yang menggunakan bahasa Urdu<sup>12</sup> sebagai pengajian. Kehidupan yang dialami Samina berbeza selepas peristiwa 9/11 yang membuatkan masyarakat Amerika takut dan memandang sinis apabila melihat Muslim yang mempunyai janggut, memakai kopiah dan memakai pakaian orang Islam. Namun, Samina bangun daripada

---

<sup>11</sup> Amal Awad, “Samina Ali: A Woman’s Warrior”, ed. Ricky Aggarwal, laman sesawang *Aquila Style*, diakses 10 September 2021, <https://aquila-style.com/samina-ali-a-womans-warrior/>.

<sup>12</sup> Leila Ahmed, “A Quiet Revolution: The Veil’s Resurgence, from the Middle East to America”, (New Haven: Yale University Press, 2011), 281.

pengalaman yang dilalui beliau dan mengubah pandangan serta kepercayaan beliau seperti yang diceritakan di biografi Samina Ali.

Pada tahun 1993, Samina menamatkan pengajian BA dalam Bahasa Inggeris di Universiti Minnesota dan selepas itu memiliki MFA daripada Universiti Oregon.<sup>13</sup> Samina mempunyai prinsip dalam kehidupan beliau iaitu mengharungi cabaran hidup dengan berani dan jangan sesekali berkata tidak boleh.<sup>14</sup> Manakala prinsip pekerjaan beliau ialah meletakkan keyakinan diri sebagai sumber kekuatan untuk meyuarkan hak kebebasan wanita secara inividu atau politik. Malah, beliau memanfaatkan kuasa media baharu dan tradisional sebagai saluran dalam menyebarkan prinsip dan pandangan beliau untuk transformasi masyarakat ke arah yang lebih baik.

Bahkan, Samina dikatakan telah menerangi realiti kehidupan pelbagai wanita dalam pelbagai dimensi untuk menentang ketakutan dan salah faham yang terjadi di kalangan orang Islam malah di luar komuniti Muslim dengan mengangkat dan membela suara wanita.<sup>15</sup> Samina mengalami pengalaman peribadi tentang hak kesamarataan wanita dan lelaki serta situasi ketidakadilan yang berlaku dalam kehidupan beliau membuatkan beliau bangkit dan bersuara untuk menentang kezaliman terhadap wanita khususnya sama ada Muslim atau bukan. Samina pernah berhadapan dengan situasi maut apabila melahirkan bayi pertamanya yang menjadikan inspirasi dalam perjuangan beliau. Projek Samina Ali yang terkini ialah penulisan berkaitan dengan pengalaman beliau menghampiri kematian sewaktu melahirkan anak pertamanya.

---

<sup>13</sup> Guiyou Huang, “*The Greenwood Encyclopedia of Asian American Literature*”, (London: Greenwood Press, 2009), 24.

<sup>14</sup> Peace is Loud, “Samina Ali: American Muslim Author & Gender Activist,” laman sesawang *Peace is Loud*, diakses 19 Ogos 2021, <https://peaceisloud.org/speaker/samina-ali/>.

<sup>15</sup> Huffpost, “Samina Ali: Author & Activist,” laman sesawang *Huffpost*, diakses 2 September 2021, <https://www.huffpost.com/author/alizsamina-964>.

Selain itu, antara isu yang ditulis Samina ialah mengenai pandangan masyarakat yang berat sebelah atau tidak adil terhadap jantina wanita berbanding lelaki atau nama lain iaitu *bias gender*. Tambahan lagi, Samina turut menulis tentang krisis kematian ibu hamil sewaktu bersalin yang dapat dicegah melalui kemajuan sistem kesihatan yang kian berteknologi tinggi di seluruh negara dan dunia bagi mengatasi masalah ini. Samina mengimbau memori lalu dengan menerangkan bagaimana beliau menentang situasi yang dianggap ganjil dengan berani. Samina mencorakkan jalannya sendiri bagi memulihkan dirinya, bermula dari kembali belajar berjalan menemani langkah anak sulungnya, hingga melatih minda beliau dengan perkataan-perkataan untuk penulisan novel pertama beliau.<sup>16</sup>

### 2.3 KARYA-KARYA SAMINA ALI

Artikel penulisan Samina telah diterbitkan ke dalam pelbagai majalah antaranya seperti majalah *Huffpost*, *Aquilla style*, *Kalw*, *NPR*, *Vogue*, *BBC*, *The Economist*, *Star Tribune*, *Catalonia Today*, *Mic*, *The Guardian*, *Blogher*, *Voice of America*, *Voa Daily Beast*, *Daily Beast*, *Lavanguardia*, *TSG Sunday Guardian*, *The Source Forum of Diversity*, *International Examiner*, *Complex*, *San Francisco Chronicle* dan sebagainya.<sup>17</sup>

Pencapaian dan usaha beliau membawa hasil apabila beliau memenangi pelbagai anugerah dan pencapaian antaranya seperti Anugerah *Nobel Peace Prize Laureate Mairead Maguire*, *Prix du Premier Roman Etranger* dari Perancis, Majalah

---

<sup>16</sup> Huffpost, “Samina Ali: Author & Activist,” laman sesawang *Huffpost*, diakses 2 September 2021, <https://www.huffpost.com/author/alizsamina-964>

<sup>17</sup> Universiti Houston, “Samina Ali: Muslim Women and Digital Activism,” laman sesawang *Universiti Houston*, diakses 12 September 2021, <https://www.uh.edu/class/ws/news/event-page/2016/muslim-women-and-digital-activism/>.

Penyair & Penulis (*Poet & Writers Magazine*), Jody Williams, Majalah Novel dan merupakan finalis untuk Anugerah *PEN / Hemingway* dalam karya fiksyen.

Samina mempunyai tiga buku hasil penulisan beliau iaitu *Madras on Rainy Days* pada tahun 2004, *Pearls Within: Empower Yourself to Make the Change* dan *Grade 3 Fiqh* pada tahun 2014.<sup>18</sup> Antara penulisan Samina ialah seperti *Words Matter, Reading and Writing in the Second Wave of Multiculturalism, Our Feet Walk the Sky* dalam majalah terbitan *Self and Child, New York Times* dan *San Francisco Chronicle*.<sup>19</sup>

Terdapat tujuh topik pengucapan Samina Ali di laman web *APB: Speaking to the World* antaranya ialah seperti *Allah is a Feminist, The Role of Muslim Women in Fighting Extremism, What Brain Damage Taught Me About Courage, The Art & Craft of Writing Fiction, The Legal Muslim Immigrant, What Does the Qur'an Really Say About a Muslim Woman's Hijab* dan *The Crisis of Preventable Maternal Deaths*.

Manakala, terdapat empat topik pengucapan Samina yang dimuat naik berbentuk video dan blog di laman web untuk bacaan dan rujukan pengguna antaranya ialah *Reclaiming What's Mine: A Muslim Woman's Journey, What Does The Quran Really Say About A Muslim Woman's Hijab?, Motivational: A Writer With No Words* dan *Muslim Women and Feminism: From Stereotypes to Diverse Realities*.<sup>20</sup>

Hasil carian di *YouTube* menunjukkan terdapat lima video berkaitan Samina Ali yang dimuat naik di *YouTube* dan jumlah tontonan video paling tertinggi ialah video ceramah beliau yang dianjurkan oleh *TEDx Talks* yang telah mencapai kira-kira 8.3 juta tontonan mengenai topik hijab dalam al-Quran yang mendapat sambutan hangat. Pelbagai

<sup>18</sup> Thriftbooks, “Books by Samina Ali,” laman sesawang *Thriftbooks*, diakses 8 Setember 2021, <https://www.thriftbooks.com/a/samina-ali/362009/>.

<sup>19</sup> Guiyou Huang, “The Greenwood Encyclopedia of Asian American Literature”, (London: Greenwood Press, 2009), 24.

<sup>20</sup> Peace is Loud, “Samina Ali: American Muslim Author & Gender Activist,” laman sesawang *Peace is Loud*,” diakses 19 Ogos 2021, <https://peaceisloud.org/speaker/samina-ali/>.

reaksi dan video telah dimuat naik bagi menjawab kembali kenyataan Samina yang jelas tersimpang dari ajaran Islam.<sup>21</sup>

Manakala, antara penulisan artikel Samina yang lain dimuat naik di blog *Huffpost* ialah:

1. *Sex on the Back of a Camel*. May 14, 2013
2. *Don't You See, I'm Trying to Protect You?* June 5, 2013.
3. *What You'll Never Hear from the Media About Muslim Women*, September 2, 2013
4. *Islamic Law Gives Human the Right to Divorce*, September 29, 2013.
5. *Why Muslim Women Are Key to Tackling Extremism?*, November 11, 2013.
6. *Discovering Muslim women is Six Words*. December 6, 2017.
7. *Who is the Real Muslim Woman Superhero?*, December 6, 2017.
8. *10 American Muslim Women You Should Know*, December 6, 2017.
9. *2013 Round Up of 10 Leading Muslim Women from Around the World*, December 6, 2017.
10. *This Human Rights Day, Fight for Human Rights in New Ways*, December 6, 2017.
11. *Dying to Give Birth: 3 Reasons American Women Are Dying of Pregnancy Complications*, March 8, 2017.
12. *Of Kings and Prophets: Interview with Executive Producer Mahyad Tousi*, March 10, 2017
13. *From the 'Burkini ban' to U.S Olympic Fencer Ibithaj Muhammad: Changing the Conversation on Muslim Women*. December 6, 2017.

---

<sup>21</sup> YouTube, “Carian Samina Ali,” laman sesawang YouTube, diakses 8 September 2021, [https://www.YouTube.com/results?search\\_query=samina+ali](https://www.YouTube.com/results?search_query=samina+ali).

14. In New Exhibition Nearly 50 Arab Women Artists Forget Trump's Travel Ban and Revel in Female Lust, February 11, 2018.

Samina mempunyai keyakinan dalam karya beliau yang ingin menyuarakan keadilan dan kesamarataan yang mewakili gerakan global wanita Islam seluruh dunia dengan memperjuangkan jihad gender. Perjuangan ini melibatkan penghapusan sistem patriarki yang dikatakan mengandungi unsur misogini dan tuntutan kembali hak-hak wanita yang dianugerahkan Tuhan buat para wanita.<sup>22</sup>

### 2.3.1 Buku “*Madras on Rainy Days*”

Novel *Madras on Rainy Days* merupakan novel yang dikarang oleh Samina Ali dan diterbitkan pada tahun 2004 serta telah memenangi pelbagai anugerah salah satunya ialah Anugerah *Prix du Premier Roman Etranger* dari Perancis.<sup>23</sup> Buku ini mengisahkan mengenai seorang wanita yang terpaksa melalui perkahwinan yang diatur di usia muda dan beliau bangkit menghadapi cubaan hidup yang menimpa beliau. Penceritaan dalam novel ini diinspirasikan daripada kehidupan sebenar dan pengalaman kehidupan nyata Samina Ali yang membesar di dua negara iaitu Hyderabad, India dan St. Paul, Amerika dengan sengsara yang kemudian mengubah segala kepercayaan dan penentuan segala impian masa hadapan dalam kehidupannya.

Sinopsis buku ini adalah mengenai seorang wanita bernama Layla yang berusia 19 tahun. Layla dipaksa berkahwin dengan lelaki yang tidak dikenali Layla di atas perintah bapanya dan Layla enggan menjalani perkahwinan tersebut. Pada masa yang sama, keluarga Layla berulang alik dari India ke Amerika kerana urusan pekerjaan

<sup>22</sup> Samina Ali, “About Samina Ali,” laman sesawang *Samina Ali*, diakses 3 September 2021, <https://saminaali.net/professional-bio/>.

<sup>23</sup> Peace is Loud, “Samina Ali: American Muslim Author & Gender Activist,” laman sesawang *Peace is Loud*,” diakses 19 Ogos 2021, <https://peaceisloud.org/speaker/samina-ali/>.

bapanya. Setelah Layla berada di Amerika selama 6 bulan, Layla belajar meminum bir dan memakai bikini. Layla membuat keputusan untuk berkahwin dengan kekasih pilihannya di Amerika Syarikat untuk mengelak perkahwinan yang diatur di India dan malangnya Layla telah hamil. Ibu Layla tidak mempercayai bahawa Layla akan berbuat seperti itu dan mendakwa anak wanitanya dirasuki Iblis. Ibu bapa Layla bergegas mencari seorang yang alim untuk mengubati penyakit yang disangka mereka itu. Maka, orang alim itu menyarankan ibu bapa Layla untuk membatalkan perkahwinan dan menerima apa yang Layla miliki sekarang. Namun, malangnya Layla hidup di dalam budaya di mana kehormatan seorang wanita dianggap masalah hidup dan mati. Layla pada waktu itu terlalu muda dan takut untuk menyuarakan apa yang terjadi padanya.

Buku *Madras on Rainy Days* menceritakan kisah di sebalik wanita yang kuat menghadapi tanggapan, persepsi dan harapan masyarakat yang sesat diletakkan ke atas wanita dan lelaki seperti dikatakan Samina. Layla bukan satu-satunya yang kehilangan kebijakan dan tempat berkasih sayang. Layla tertangkap di antara keruntuhan budaya dan ingin keluar dari kehidupan pemisahan tahayul budaya dan tradisi patriarki oleh Islam. Walaupun pilihan tersebut bererti Layla terpaksa meninggalkan suami dan ibunya, Layla mesti bangun untuk meneruskan kehidupan.

Samina berkongsi bahawa penulisan beliau menunjukkan walaupun setiap masyarakat mempercayai dirinya sebagai model Muslim, sebenarnya, tiada seorang pun yang berpegang teguh pada keimanan yang sebenar dan wanita juga akhirnya akan menjadi mangsa korban dan terpaksa membayar harga yang paling berat apabila ditimpak sesuatu kejadian.<sup>24</sup>

---

<sup>24</sup> Samina Ali, “Samina Alis Book,” laman sesawang *Samina Ali*, diakses 3 September 2021, <https://saminaali.net/book/>.

Samina menulis buku ini atas pengalaman hidup yang dilalui beliau. Samina perlu mengetahui maksud perbezaan budaya dan agama. Apa yang beliau lalui adalah budaya yang ditanam di negara beliau menyebabkan beliau mempunyai pengalaman pahit seperti itu. Budaya dan agama amat berbeza daripada sudut takrifan. Beliau sama sekali tidak patut menyalahkan agama Islam yang diturunkan dengan sempurna oleh Allah SWT kepada umatnya. Setelah novel Samina yang bertajuk ‘*Madras on Rainy Days*’ menjadi popular, Samina kini sedang menulis sebuah buku bukan fiksyen yang mempunyai daya tarikan yang tinggi dan tersendiri iaitu menceritakan kisah peribadi beliau mengenai kesaksamaan serta keadilan wanita.<sup>25</sup>

### **2.3.2 Ceramah “*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab?*” di TEDx Talks.**

Ceramah Samina yang bertajuk ‘*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab?*’ telah dimuat naik di *YouTube* dalam saluran atau *channel TEDx Talks*. *TEDx Talks* berasal dari *TED* pada awalnya dan diasaskan oleh Richard Saul Wurman serta persidangan *TED* telah diasaskan bersama oleh Harry Marks pada Januari 1984. Pelbagai golongan profesional dari bidang pengajian yang berbeza telah diberikan peluang untuk berucap di *TED Talks* termasuk pelakon, saintis, ahli perubatan dan pempengaruh.<sup>26</sup> Terdapat ramai penceramah terkemuka yang berucap di *TED Talks* seperti Bill Gate, Shai Agassi, Richard Dawkins, Stewart Brand dan ramai lagi dari pemenang *Nobel Prize*.<sup>27</sup>

---

<sup>25</sup> Peace is Loud, “Samina Ali: American Muslim Author & Gender Activist,” laman sesawang *Peace is Loud*, diakses 19 Ogos 2021, <https://peaceisloud.org/speaker/samina-ali/>.

<sup>26</sup> TED, “History of TED”, laman sesawang *TED*, diakses 20 Disember 2022, <https://www.ted.com/about/our-organization/history-of-ted>.

<sup>27</sup> Iryna Humeniuk, Oksana Kuntso, Nadiia Popel, & Yuliia Voloshchuk, “Mastering Listening Comprehension at ESP Classes Using TED TALKS”, *Advanced Education* 17 (2021), 27-34.

*TEDx Talks* merupakan program yang bergerak sendiri dan menyediakan perpustakaan dalam talian yang terdiri daripada beribu-ribu video antaranya mengenai topik pendidikan bahkan ianya percuma untuk digunakan oleh pendidik dalam bentuk video.<sup>28</sup> Malah, *TEDx Talks* juga diuruskan oleh sukarelawan seluruh dunia.<sup>29</sup> *TED* merupakan singkatan daripada *Tecnology, Education and Design* dan mula beroperasi pada tahun 1984. *TED* mula tersebar luas pada tahun 2006 apabila pemilik organisasi *TED* mula menawarkan video yang singkat, percuma, tidak terhad dan menyediakan segmen pendidikan.<sup>30</sup> Pada tahun 2006, *TED* mula memasuki fasa peredaran baharu apabila *TED* mula memuat naik salah satu video ceramah yang menjadikan *TED* popular sehingga menjadi pilihan pengguna internet.

Jumlah tontonan *TED Talks* pada Jun 2011 mencapai sebanyak 500 juta<sup>31</sup> manakala jumlah tontonan *TED Talks* pada November 2012 telah ditonton lebih daripada satu billion tontonan iaitu kadar sehari mencapai jumlah tontonan sebanyak 1.5 juta sehari.<sup>32</sup> Pada Januari 2018, terdapat lebih dari 2,600 video *TED Talks* telah diberikan tontonan secara percuma. Tambahan pula, terdapat lebih dari 3700 video *TED Talks* yang merangkumi sebanyak 547 video mengenai isu-isu global, 780 video mengenai sains, bahkan telah ditambah di platform podcast dan *Daily Talks* di Spotify pada tahun 2021.

*TED* juga terdiri daripada *TED Conferences*, *TED Translators*, *TED Community*, *TED*

---

<sup>28</sup> Mario A. Perez & Kym Jolley, “Increasing Awareness of Marginalized Communities with Unstructured Writing Tasks and TEDx Talks” (makalah, Seminar THAITESOL, 30 Januari-1 Februari 2020), 213.

<sup>29</sup> Katie Terrell Hanna & Ivy Wigmore, “Definition TED Talk”, laman sesawang *WhatIs.com*, diakses pada 20 Disember 2022, <https://www.techtarget.com/whatis/definition/TED-talk>.

<sup>30</sup> TED: Our Organization, “Our Mission”, laman sesawang *TED*, diakses 20 Disember 2022, [Our mission: Spread ideas, foster community and create impact | About | TED](#).

<sup>31</sup> Reima Al-Jarf, “TED Talks as A Listening Resource In The EFL College Classroom”, *International Journal of Language and Literary Studies* 3.3 (2021), 256-267.

<sup>32</sup> TEDBlog, “TED reaches its billionth video view!”, diakses pada 20 Disember 2022, [TED reaches its billionth video view! | TED Blog](#).

*Institute, TED Books, TED Blog, Library of TED Talks, dan The Audacious Project* yang boleh dicapai di laman web *TED*.<sup>33</sup>

Kesannya, video ucapan *TED* mempunyai dua khalayak penonton yang berbeza iaitu penonton utama di persidangan dan penonton sekunder yang menonton melalui video yang dimuat naik di saluran *YouTube TED* dan laman web *TED*. *TED* merupakan salah satu platform yang berkesan dalam menyampaikan idea inovatif kepada khalayak global dan telah membantu ratusan penonton membina kerjaya.<sup>34</sup>

Ucapan dalam video *TED* pada awalnya adalah ucapan mengenai topik teknologi, hiburan dan reka bentuk. Namun, topik perbahasan *TED* berkembang seiring dengan peredaran zaman yang memuatkan pelbagai topik yang bermula dari ilmu pengetahuan, sains, perniagaan sehingga isu global. *TED* turut diadakan di pelbagai peringkat sehingga peringkat antarabangsa dan mempunyai lebih dari seratus bahasa. *TED Talks* direka untuk tidak lebih daripada panjang 18 minit dan memberikan penerangan yang ringkas serta disasarkan pada pelbagai topik atau idea yang sesuai dengan slogan *TED* iaitu idea yang berbaloi untuk disebarluaskan.<sup>35</sup>

Penyampai *TED* sering dipilih bukan sahaja berdasarkan kepakaran mereka dalam topik tertentu tetapi juga kerana keupayaan mereka untuk menyampaikan maklumat secara berkesan dan ringkas kepada penonton.<sup>36</sup> *TED* merupakan sebuah organisasi yang tidak mengambil keuntungan (*nonprofit*) yang bertujuan untuk memberi dan

---

<sup>33</sup> Reima Al-Jarf, “TED Talks as A Listening Resource In The EFL College Classroom”, *International Journal of Language and Literary Studies* 3.3 (2021), 256-267.

<sup>34</sup> Krisztina ‘Z’ Holly, “Who Makes It onto The TED Stage? The Inside Scoop”, laman sesawang Forbes, diakses 20 Disember 2022, <https://www.forbes.com/sites/krisztinaholly/2013/11/14/so-you-want-to-give-a-ted-talk/?sh=5b495d8664a4>.

<sup>35</sup> TED: Our Organization, “Our Mission”, laman sesawang TED, diakses 20 Disember 2022, [Our mission: Spread ideas, foster community and create impact | About | TED](#).

<sup>36</sup> Frank Romanelli, Jeff Cain, and Patrick J. McNamara, “Should TED Talks Be Teaching Us Something?” *American journal of Pharmaceutical Education* 78.6 (2014), 1-3.

menyebarluaskan idea. Idea ini dimuatkan dalam suatu bentuk perbincangan (*talks*) yang singkat tetapi memberi impak yang sangat besar. Slogan *TED* ialah “Ideas Worth Spreading” yang mempercayai kekuatan idea dapat mengubah sikap dan hidup seseorang bahkan mampu mengubah dunia.

Video *What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab?* telah dimuat naik oleh saluran *TEDx Talks* di *YouTube* pada 11 Februari 2017 oleh Samina Ali. Durasi video ini ialah selama 17 minit 47 saat dan mendapat jumlah tontonan sehingga lebih 8.3 juta.<sup>37</sup> Video ini telah mencetuskan kontroversi kerana pendapat Samina Ali bertentangan dengan sumber yang ditetapkan oleh agama Islam iaitu al-Quran dan ramai pengguna media sosial mempertikaikan peribadi dan latar belakang *speaker* yang berucap iaitu Samina Ali sama ada beliau merupakan individu yang berautoriti atau tidak dalam menyampaikan berkenaan pemakaian hijab berdasarkan al-Quran serta tafsiran yang dibuat beliau dalam video ini.

## 2.4 KERJAYA DAN SUMBANGAN

Samina Ali merupakan seorang kurator, aktivis, penulis buku<sup>38</sup> dan memenangi anugerah pengarang di Amerika Syarikat. Samina memperoleh Anugerah Penulis Yayasan *Rona Jaffe* dan *Barbara Deming Memorial Fund* dalam kategori fiksyen iaitu novel *Madras on Rainy Days* yang juga dipilih sebagai novel debut terbaik (*Top Debut of the Year*) pada tahun 2004 oleh Majalah Penyair & Penulis (*Poet & Writers Magazine*). Pada tahun 2005, Samina Ali telah memenangi anugerah *Farrar, Straus, Giroux* di peringkat Anugerah

<sup>37</sup> Samina Ali, “What Does The Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang *YouTube TEDx Talks*, diakses 1 Mac 2023, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9IQ>

<sup>38</sup> Wikipedia, “Samina Ali,” laman sesawang *Wikipedia*, diakses 10 September 2021, [https://en.wikipedia.org/wiki/Samina\\_Ali](https://en.wikipedia.org/wiki/Samina_Ali).

*Prix du Premier Roman Etranger* dari Perancis yang merupakan anugerah yang berprestij dan merupakan finalis untuk Anugerah PEN / Hemingway dalam genre fiksyen.

Samina Ali telah menjadi *Master Teacher* di *Mama Gena School of Womanly Arts* dan diketengahkan sebagai penyampai di seminar antarabangsa *Nobel Women's Initiative* pada tahun 2017. Beliau juga adalah pengasas bersama organisasi feminis Muslim Amerika, *Daughter of Hajar* dan merupakan seorang penulis tetap blog *The Huffington Post* dan *Daily Beast*<sup>39</sup> serta menulis di ruangan *The New York Times*, *San Francisco Chronicle* bahkan juga dalam penerbitan yang lain. Selain itu, majalah *The Guardian*, *The Economist*, *Vogue*, akhbar dan blog termasuk rancangan radio *National Public Radio* (*NPR*) telah mengenangkan Samina Ali sebagai individu yang berpengaruh dalam rancangan mereka.

Kerjaya Samina terlibat dengan bermacam-macam topik pengucapan awam dan mempunyai pengaruh yang kuat iaitu banyak memberikan ucapan dan ceramah di pelbagai universiti termasuk dari Universiti Harvard dan Yale hingga ke kolej komuniti, dan juga di institusi antarabangsa seluruh dunia. Malah, Samina Ali juga menjadi duta kebudayaan untuk Jabatan Negara Amerika Syarikat dan penyampai utama di Persidangan Antarabangsa Inisiatif Wanita 2017.<sup>40</sup> Pada tahun yang sama, Samina telah berucap dalam sebuah rancangan TEDx di Universiti Nevada yang bertajuk '*What Does Quran Really Say About Woman's Hijab?*' yang berbicara mengenai asas hijab dengan membuat perbandingan hijab pada zaman Rasulullah SAW dengan zaman sekarang dan mendedahkan maksud hijab yang sebenar bukan sebagai tudung wanita Muslim.

<sup>39</sup> Wikipedia, "Samina Ali," laman sesawang Wikipedia, diakses 10 September 2021, [https://en.wikipedia.org/wiki/Samina\\_Ali](https://en.wikipedia.org/wiki/Samina_Ali).

<sup>40</sup> Samina Ali, "About", diakses 10 September 2021, <https://saminaali.net/professional-bio/>.

Pekerjaan dan kerjaya Samina Ali dicapai melalui kepercayaan dan keyakinan beliau secara peribadi sebagai pemangkin dalam mencapai matlamat. Samina Ali berindak sebagai salah satu inividu wanita yang mempunyai kebebasan berpolitik dengan memanfaatkan kelebihan media sebagai medan transformasi kehidupan sosial beliau. Malah, beliau juga merupakan seorang kurator yang berinovatif dengan mengasaskan sebuah pameran maya yang bernama *Muslima: Muslim Women's Art & Voices*.

#### **2.4.1 Pameran Maya *Muslima: Muslim Women's Art & Voices***

Samina Ali merupakan seorang pengasas dan kurator pameran maya global serta penceramah yang memenangi banyak anugerah. Pameran maya merupakan hasil titik peluh dan usaha Samina yang dinamakan “*Muslima: Muslim Women's Art & Voices*” di laman web [41](http://Muslima.globalfundforwomen.org/) telah dirasmikan secara atas talian pada Mac 2013 dan dibuka untuk umum pada Disember 2013. Pameran maya ini merupakan sebahagian daripada Muzium Wanita Antarabangsa (*International Museum of Women*, IMOW) dan kini menjadi Dana Global untuk Wanita (*Global Fund for Women*).

Pameran Muslima disertai oleh seniman, aktivis, dan tokoh pemikir seluruh dunia yang membawa suara ketidakadilan yang berlaku di kalangan wanita seluruh dunia. Pameran maya turut memaparkan pelbagai kompilasi seni visual, puisi, lagu, filem pendek, fiksyen, fotografi, wawancara dan sebagainya. Antara topik yang diketengahkan dalam pameran maya ini ialah seperti kuasa, kepimpinan, penampilan, mitos, generasi,

---

<sup>41</sup> Global Fund for Women, “About: Muslima: Muslim Women's Art & Voices,” laman sesawang *Muslima*, diakses 8 Julai 2021, <http://muslima.globalfundforwomen.org/content/aboutmuslima>.

keimanan, perhubungan dan lain-lain. Ini merupakan usaha yang amat signifikan bagi kejayaan yang amat membanggakan Samina Ali.<sup>42</sup>

Selain itu, pameran maya ini mempersembahkan koleksi karya pemikiran dan seni oleh wanita Muslim kontemporari di dalam proses menentukan identiti diri sendiri untuk menghancurkan stereotaip yang meluas pada masa kini. Samina diberi pujian dan penghargaan sebagai kurator yang dahsyat dan luar biasa kerana mampu mendirikan pameran maya untuk dijadikan sumber rujukan dan ruangan untuk menyuarakan pendapat secara atas talian dan diberi perkhidmatan secara percuma serta mampu dicapai oleh pengguna seluruh dunia.<sup>43</sup>

Samina merupakan wanita Muslim kontemporari yang menyajikan koleksi karya pemikiran dan karya seni yang hebat dari pameran global terkenal “*Muslima: Muslim Women's Art & Voices*”. Beliau dapat menentukan identiti beliau sendiri dalam ujian yang ditimpanya malah dapat menghancurkan stereotaip yang meluas dalam kehidupan beliau.<sup>44</sup> Samina menulis dalam sebuah artikel mengenai latar belakang pameran maya yang diambil sempena nama *Muslima*. Menurut beliau, *Muslima* dalam bahasa Arab digunakan untuk merujuk kepada wanita yang percaya kepada Tuhan. Beliau menegaskan cara penulisan beliau dalam penggunaan perkataan *Muslima* merupakan sesuatu yang unik iaitu membawa maksud satu wanita sahaja dan disengajakan penggunaan perkataan ini menurut beliau.<sup>45</sup>

<sup>42</sup> Global Fund for Women, “About: Muslima: Muslim Women's Art & Voices,” laman sesawang *Muslima*, diakses 8 Julai 2021, <http://muslima.globalfundforwomen.org/content/aboutmuslima>.

<sup>43</sup> Huffpost, “Samina Ali: Author & Activist,” laman sesawang *Huffpost*, diakses 2 September 2021, <https://www.huffpost.com/author/alizsamina-964>.

<sup>44</sup> Samina Ali, “Samina Alis Exhibition,” laman sesawang *Samina Ali*, diakses 3 September 2021, <https://saminaali.net/exhibition/>.

<sup>45</sup> Samina Ali, “Curator's Statement”, laman sesawang *Muslima*, diakses 3 September 2021, [Curator's Statement | IMOW Muslima \(globalfundforwomen.org\)](Curator's Statement | IMOW Muslima (globalfundforwomen.org)).

Tajuk pameran ini menggambarkan bentuk Muslim yang unik untuk menghargai kelebihan dan kekurangan setiap wanita dan meraikan prestasi setiap wanita Islam yang memberikan sumbangan terhadap pameran maya ini. Beliau menyatakan bahawa dunia memang sudah terbiasa dengan kepelbagai pemikiran dan dilazimi dengan penolakan sebahagian pemikiran daripada individu atau pihak lain yang tidak bersetuju dengan pemikiran tersebut. Pameran ini merupakan satu usaha yang dapat menghapuskan perbezaan ketara dengan perselisihan yang berlaku serta dapat mengurangkan kesan seksaan terhadap golongan wanita Muslim yang tertindas.<sup>46</sup>

Samina yang berperanan sebagai seorang kurator pameran tersebut menyatakan bahawa beliau telah berjaya membentuk dan mengubah pandangan atau sentimen masyarakat terhadap wanita dengan hasil karya daripada wanita seluruh dunia dalam bidang pekerjaan khususnya untuk membela nasib wanita berkerjaya yang mempunyai sumbangan mereka dalam bidang yang tersendiri. Malah, pameran ini menunjukkan bahawa wanita juga turut memberi impak positif dalam bidang kerjaya profesional yang membantu untuk kemajuan sesebuah negara.<sup>47</sup>

Menurut beliau, pameran ini terbuka dan dialu-alukan kepada wanita bekerjaya seluruh dunia yang telah bekerja selama bertahun-tahun. Samina berharap pameran ini dapat mengubah persepsi mengenai cara wanita Islam digambarkan dan dilayan malah dapat memberi peluang yang lebih luas kepada wanita muda yang mempunyai kerjaya hebat dan meningkatkan sumbangan wanita muda dalam bidang masing-masing.

---

<sup>46</sup> Samina Ali, “Curator’s Statement”, laman sesawang *Muslima*, diakses 3 September 2021, [Curator's Statement | IMOW Muslima \(globalfundforwomen.org\)](https://www.globalfundforwomen.org/curators-statement-imow-muslima).

<sup>47</sup> *Ibid.*

Samina turut menyatakan seruan terhadap wanita di luar sana supaya turut menyumbang karya di pameran maya ini.<sup>48</sup> Antara tokoh dan karya yang diketengahkan dalam pameran maya diwakili figura hebat wanita untuk dijadikan rujukan para wanita di luar sana seperti Shirin Ebadi<sup>49</sup> yang dijadikan sebagai sumber inspirasi Samina dalam memperjuangkan nasib wanita dalam kehidupan beliau.

Shirin Ebadi berasal dari Iran dan merupakan wanita Muslim pertama yang dianugerahkan Pemenang Hadiah Nobel Keamanan (*Nobel Peace Prize*). Tokoh kedua ialah Maria Bashir yang berasal dari Afghanistan dan merupakan satu-satunya Ketua Pendakwa Raya Wanita di Afghanistan yang sukarela membantu wanita dengan menjalankan misi pendidikan dan pemerkasaan terhadap wanita kerana kadar kezaliman dan ketidakadilan yang tinggi berlaku di sana. Ini merupakan satu usaha yang murni dan patut dikekalkan untuk membela nasib wanita yang teraniaya.

Kemudian, yang ketiga ialah Ilyasah Shabazz<sup>50</sup> yang merupakan anak wanita kepada pemimpin Muslim Amerika yang terkenal iaitu Malcolm X dan merupakan seorang aktivis. Beliau juga adalah seorang penulis yang berjaya. Keempat, Fahima Hashim<sup>51</sup> mewakili wanita di wilayah Darfur, Sudan dengan bergerak secara aktif dalam sebuah kempen di peringkat nasional bagi membuat reformasi undang-undang rogol di Sudan.

---

<sup>48</sup> Global Fund for Women, “About: Muslima: Muslim Women's Art & Voices,” laman sesawang *Muslima*, diakses 8 Julai 2021, <http://muslima.globalfundforwomen.org/content/aboutmuslima>.

<sup>49</sup> Shirin Ebadi, “Pioneer Peace,” laman sesawang *Muslima*, diakses 8 Julai 2021, <http://muslima.globalfundforwomen.org/content/pioneer-peace>

<sup>50</sup> Ilyasah Shabazz, “Growing X,” laman sesawang *Muslima*, diakses 8 Julai 2021, <http://muslima.globalfundforwomen.org/content/growing-x>

<sup>51</sup> Fahima Hashim, “Living under Muslim Laws,” laman sesawang *Muslima*, diakses 8 Julai 2021, <http://muslima.globalfundforwomen.org/content/living-under-muslim-laws>

Kelima, terdapat sebuah karya di dalam pameran maya oleh seorang artis terkenal dari Gaza yang bernama Laila Shawa<sup>52</sup> yang menghasilkan sebuah lukisan *Siri Walls of Gaza* yang bertujuan untuk memberi semangat dan harapan kepada rakyat Gaza bagi menghadapi dan menentang serangan dari Israel. *Siri Walls of Gaza* dilukis dengan tulus oleh rakyat Gaza di dinding bandar mereka bagi meluahkan penderitaan yang dihadapi mereka dengan menentang penghapusan agenda Israel yang ingin merampas tanah mereka. Keenam, Elvira Bojadzic<sup>53</sup> merupakan wakil wanita Bosnia yang berusaha untuk mengembalikan semula budaya Islam di Bosnia setelah kehancuran yang dihadapi akibat perperangan di Bosnia.

Akhir sekali, Laleh Bakhtiar<sup>54</sup> merupakan antara golongan yang Samina menjadikan inspirasi dan rujukan. Laleh merupakan seorang sarjana Islam terkenal dan wanita pertama Amerika yang menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Inggeris. Beliau adalah wanita yang pertama mampu menyampaikan terjemahan al-Quran secara kritis dalam pelbagai bahasa. Laleh Bakhtiar memiliki sarjana muda dalam bidang Sejarah dari *Chatham College* di Pennsylvania. Beliau juga mempunyai pengajian peringkat sarjana dalam bidang falsafah dan psikologi kaunseling serta PHD dalam aras pendidikan. Malah, beliau merupakan seorang kaunselor yang bertauliah di peringkat kebangsaan.

Berikut merupakan ringkasan biografi kehidupan Laleh Bakhtiar. Beliau merupakan seorang mualaf yang telah menganut agama Islam selama lebih daripada tiga puluh tahun melalui bimbingan gurunya, Dr Seyyed Hossein Nasr. Kerjaya Laleh adalah

---

<sup>52</sup> Laila Shawa, “Political Personal,” laman sesawang *Muslima*, diakses 8 Julai 2021, <http://muslima.globalfundforwomen.org/content/political-personal>

<sup>53</sup> Elvira Bojadzic, “Rebuilding Cultural Tradition,” laman sesawang *Muslima*, diakses 8 Julai 2021, <http://muslima.globalfundforwomen.org/content/rebuilding-cultural-tradition>

<sup>54</sup> Global Fund for Women, “About: Muslima: Muslim Women's Art & Voices - Curator Statement,” laman sesawang *Muslima*, diakses 8 Julai 2021, <http://muslima.globalfundforwomen.org/about/curators-statement>

seorang Muslim, kaunselor psikologi, penerbit buku, editor dan penulis yang mengarang sebanyak dua puluh lima buku mengenai perpaduan Islam, seni bina, psikoetika, dan lain-lain lagi. Laleh telah menyumbang pelbagai hasil karya beliau untuk kemudahan umat Islam. Laleh banyak mengajar di institusi agama dan akademik serta beliau telah menterjemahkan lebih dari tiga puluh buku mengenai Islam dan akidah Islam daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Inggeris. Tambahan lagi, pelajar Muslim menjadikan beliau sebagai rujukan yang sangat diperlukan dalam masyarakat Islam.<sup>55</sup>

Berdasarkan sebuah wawancara antara Samina Ali dan Laleh Bakhtiar<sup>56</sup>, Laleh menyebutkan bahawa beliau tidak yakin untuk menulis mengenai undang-undang Islam kerana kebanyakan undang-undang Islam yang dilaksanakan telah mengabaikan maruah dan hak wanita yang tidak berdasarkan Islam. Di dalam sebuah penulisan Laleh yang bertajuk ‘*How Islam Confirms Women’s Rights*’ membincangkan pelbagai kaedah yang digariskan Islam bagi lelaki dan wanita dari konteks kesetaraan gender, khususnya bermula dari perkahwinan sehingga pembahagian harta pusaka.

Menurut Laleh, kesaksamaan wanita secara faktanya terkandung di dalam maksud ayat al-Quran surah al-Baqarah ayat 256 yang difahami beliau bahawa seseorang bebas berkehendak untuk memilih apa yang harus diterima dalam kewajipan agama. Kesimpulan daripada wawancara Samina bersama Laleh ialah seseorang itu perlu berusaha dengan segala keupayaan untuk berjuang jika percaya bahawa agama Islam memberi kesetaraan, keadilan, kesaksamaan hak wanita dengan berganding bahu untuk

<sup>55</sup> Wikipedia, “Laleh Bakhtiar”, laman sesawang Wikipedia, diakses 10 Julai 2021, [https://en.wikipedia.org/wiki/Laleh\\_Bakhtiar](https://en.wikipedia.org/wiki/Laleh_Bakhtiar)

<sup>56</sup> Global Fund for Women, “About: Muslima: Muslim Women’s Art & Voices – Is Islam Inherently Misogynistic?”, laman sesawang Muslima, diakses 15 Julai 2021, <http://muslima.globalfundforwomen.org/content/islam-inherently-misogynistic>.

memulakan perjuangan supaya dapat mengenali agama Islam yang sebenar dengan lebih baik.

Penulis mendapati pemikiran Samina Ali mempunyai kaitan rapat dengan feminis yang diperkuuhkan lagi melalui artikel yang telah dimuat naik dalam laman web pameran maya yang ditulis berkenaan sesi wawancara Samina bersama dengan aktivis feminis Muslim iaitu Zainah Anwar dari Malaysia. Zainah merupakan salah satu dari lapan orang yang mengasaskan kumpulan Sisters in Islam (SIS).<sup>57</sup> SIS merupakan organisasi yang menyokong perjuangan feminism dan sering mencabar hukum syariat yang ditentukan Allah khususnya yang berkait dengan wanita. Organisasi ini menuntut untuk diberikan hak kesamarataan antara lelaki dan wanita. Pemikiran ini sama dengan apa yang dipegang oleh Samina Ali dalam memperjuangkan suara wanita yang ditindas untuk menegakkan ketidakadilan bagi wanita yang dianiaya sama ada sebelum dan selepas berkahwin.<sup>58</sup>

Perbincangan artikel ialah mengenai inspirasi Zainah Anwar menyertai SIS di Malaysia dengan mengungkapkan isu poligami yang amat serius di Malaysia apabila ramai wanita mengadu kepada pihak berkuasa agama Islam mengenai masalah suami ingin melaksanakan poligami. Jadi, Zainah mendapati hasil aduan wanita menunjukkan kenyataan daripada pihak berkuasa bahawa poligami adalah hak suami untuk berkahwin dengan isteri kedua, malah suami berhak untuk memukul isteri dan menuntut seks dengan iateri atas alasan mentaati suami.

---

<sup>57</sup> Zainah Anwar, “Muslim Sisterhood: Sisters in Islam Empowers Feminist Muslims”, laman sesawang *Muslima: Muslim Women’s Art & Voices*, diakses 1 September 2021, [Muslim Sisterhood | IMOW Muslima \(globalfundforwomen.org\)](https://muslimsisterhood.org/).

<sup>58</sup> Samina Ali, “Samina Alis Exhibition,” laman sesawang *Samina Ali*, diakses 3 September 2021, <https://saminaali.net/exhibition/>.

Zainah bercerita bahawa pihak berkuasa menyarankan wanita tersebut untuk pulang ke rumah dan menjadi seorang isteri yang baik serta mentaati suami maka kelak suami akan memperlakukan isteri dengan lebih baik. Malah, beliau berkata bahawa wanita tersebut menzahirkan perasaan kecewa dan kesal terhadap ceramah-ceramah agama Islam melalui ruang radio, kaca televisyen, masjid dan surau mengenai ketaatan terhadap suami dengan larangan tidak boleh ingkar terhadap segala permintaan suami termasuk seks terutamanya walau di mana isteri berada sekalipun walau di atas unta.

Tambahan pula, menurut Zainah, seorang wanita perlu menurut perintah dan taat kepada suami walaupun apabila suami melarang untuk melihat dan menjaga bapa ketika sedang sakit nazak. Selain itu, beliau menyatakan bahawa di dalam Islam, terdapat riwayat yang mengatakan neraka dipenuhi dengan golongan wanita kerana mereka tidak mentaati perintah suami serta mendedahkan aurat di bahagian kepala. Di akhir wawancara, Zainah meneyebut bahawa misogini atau bersikap prejedis terhadap wanita berlaku bukan hanya di Malaysia sahaja.<sup>59</sup> Kenyataan Zainah Anwar bersifat bias dan mengambil suara dari kelompok sedikit yang jarang berlaku hanya kepada masyarakat tertentu sahaja. Golongan Sisters in Islam sering memetik isu yang dianggap tidak adil bagi golongan wanita Muslim dan menggambarkannya kepada masyarakat dengan gambaran yang melampau dan berlebihan menyebabkan kekeliruan kepada masyarakat Muslim.<sup>60</sup>

Allah SWT telah menetapkan perundangan bagi panduan umat Islam dan pelbagai perkara yang ditentukan Allah SWT mempunyai banyak hikmah yang tidak diketahui oleh hamba Nya. Setiap hamba boleh memilih jalan yang berbeza, sama ada mentaati

<sup>59</sup> Samina Ali, “Samina Alis Exhibition,” laman sesawang *Samina Ali*, diakses 3 September 2021, <https://saminaali.net/exhibition/>.

<sup>60</sup> Zainah Anwar, “Muslim Sisterhood: Sisters in Islam Empowers Feminist Muslims”, laman sesawang *Muslima: Muslim Women’s Art & Voices*, diakses 1 September 2021, [Muslim Sisterhood | IMOW Muslima \(globalfundforwomen.org\)](https://muslimsisterhood.org/).

perintah Allah SWT atau sebaliknya. Allah SWT telah menghabarkan di dalam al-Quran bahawa akan berlaku kebinasaan terhadap diri sendiri dan masyarakat sekeliling sehingga terjadi pelbagai jenayah seperti pembunuhan, penderaan rumah tangga dan seksual apabila umat Islam tidak mengamalkan perintah yang diturunkan Allah SWT dan mengingkarinya.

Sebuah artikel pada tahun 2010 lalu oleh Mohd Anuar Ramli telah menyatakan bahawa golongan feminis yang memperjuangkan feminism sama ada lelaki atau wanita kebanyakannya lahir dari masyarakat yang tertindas dari Timur Tengah dan kawasan IndoPakistan atas pengalaman pahit yang dilalui mereka akibat budaya setempat yang dipersalahkan atas nama agama.<sup>61</sup> Kenyataan ini bertepatan dengan kajian yang ingin dilakukan iaitu mengkaji mengenai Samina Ali yang berasal dari India iaitu dari sekitar kawasan IndoPakistan yang mempunyai latar belakang keluarga yang hidup dalam dua budaya yang berbeza dan berlaku penindasan serta ketidakadilan dalam hidup beliau yang menyebabkan beliau memilih jalan sedemikian.<sup>62</sup>

Berikut dengan apa yang dikaji daripada artikel Samina Ali, pemikiran Samina cenderung kepada ideologi liberal khususnya feminism daripada perjuangan beliau yang ingin mempertikaikan sistem patriarki dan menegakkan jihad gender dan membawa suara kesaksamaan wanita dan lelaki. Beliau mendakwa Islam disampaikan secara misogini dan cenderung mempersoalkan tanggungjawab wanita kepada lelaki secara seksual dalam video *YouTube* mengenai hijab di *TEDx Talks*.

---

<sup>61</sup> Mohd Anuar Ramli, *Bias Gender dalam Masyarakat Muslim: Antara Ajaran Islam dengan Tradisi Tempatan*, *Jurnal Fiqh* 7 (Universiti Malaya, 2010), 66.

<sup>62</sup> Felicity Crowe et al., “*Illustrated Dictionary of the Muslim World*”, (Shah Alam: Marshall Cavendish, 2011), 85.

Samina seperti mengalami kejutan budaya antara dua negara yang mengamalkan cara hidup yang berbeza. Tambahan lagi, bimbingan dan didikan yang betul tidak diberikan sepenuhnya kepada beliau. Hujah beliau di *YouTube* mengenai hijab di dalam al-Quran adalah tidak tepat dan beliau tidak mempunyai hak untuk bercakap mengenai hijab kerana penampilan beliau yang tidak berhijab dan memakai pakaian yang kurang sopan ketika menyampaikan ucapan tersebut.

Setiap individu tidak patut menyampaikan sesuatu maklumat jika tidak mempunyai maklumat dan sumber yang sah apatah lagi apabila tidak menguasai sesuatu bidang tersebut dengan baik khususnya melibatkan kesucian ilmu agama Islam. Namun, apabila seseorang itu arif dan mendalami ilmu agama Islam melalui pembelajaran dengan guru yang berautoriti, maka ia dibolehkan untuk mengelakkan fitnah terhadap agama dan tidak mempengaruhi penonton atau pendengar dengan ideologi yang menyeleweng melalui platform media *YouTube* yang mudah tersebar.

Kajian ini akan menjelaskan tentang pengambilan sumber maklumat yang absah dalam penyebaran di media sosial khususnya. Kajian ini mendedahkan figura bernama Samina Ali kepada masyarakat di luar sana supaya berhati-hati dalam mengambil sebarang maklumat di media sosial yang tersebar luas pada kepesatan zaman teknologi masa sekarang. Terdapat pelbagai video atau ‘*content*’ yang tersebar secara meluas di pelbagai aplikasi media sosial membahayakan pengguna yang datang dari setiap sudut kepada pelbagai generasi. Pengambilan sesuatu maklumat yang tepat adalah penting khususnya berkaitan dengan agama Islam kerana boleh memberi kesan kepada akidah umat Islam apabila salah menilai dan beramal dengan perkara yang dikhuatir bertentangan dengan ajaran Islam.

Samina membawa pengaruh yang berbahaya kepada pemikiran penonton yang menonton video *YouTube* beliau mengenai hijab kerana terdapat pelbagai maklumat yang kabur dan tidak sahih mengenai syariat menutup aurat di dalam Islam. Pemikiran beliau jelas merupakan perjuangan feminism yang ingin memperjuangkan hak sama rata antara wanita, bias gender dan patriarki. Golongan ini mempersoalkan hukum syariat yang diturunkan Allah SWT antara lelaki dan wanita. Samina turut menulis dan menyampaikan *talk* berdasarkan pengalaman hidup yang dilalui dan melampau dalam berhujah mengenai konteks seksual antara wanita dan lelaki Muslim dalam artikel yang ditulis beliau bertajuk ‘*Sex on the Back of a Camel*’.

Beliau juga pernah melalui proses perceraian dalam hidupnya dan merupakan salah satu pengalaman pahit bagi beliau. Setiap individu berhak menceritakan pengalaman hidup yang dialami, tetapi tidak sepatutnya dipersalahkan atas nama agama Islam. Samina juga menggunakan kaedah ‘pukul rata’ iaitu dengan menyamakan kesalahan setiap orang seperti beliau mengaitkan dan menyalahkan lelaki atas setiap perkara yang berlaku. Hakikatnya, tidak semua lelaki menindas wanita, hanya segelintir lelaki yang tidak mengamalkan apa yang digariskan oleh Allah SWT.

## 2.5 KESIMPULAN

Samina Ali membesar dalam keadaan yang mempunyai perbezaan yang sangat besar antara kehidupan apabila beliau membesar dalam persekitaran dua budaya dan agama yang berlainan di India dan Amerika Syarikat. Kehidupan beliau berubah mengejut selepas peristiwa 9/11 yang mengatakan Islam itu teroris. Samina didasari dengan pengalaman hidup dan pendidikan agama yang bercampur antara agama Islam di India dan Kristian di Amerika Syarikat.

Kesan buruk yang dihadapi beliau adalah apabila menerima cemuh dan kritikan terhadap amalan dan budaya Islam yang diamalkan keluarga beliau yang berbeza dengan masyarakat Kristian di Amerika Syarikat. Samina juga turut mengharungi liku-liku ujian di alam perkahwinan. Keadaan ini membuatkan beliau bertekad untuk berubah menyesuaikan dirinya dengan budaya dan masyarakat di sana.

Sumbangan Samina dari segi kerjaya dan karya penulisan beliau amat signifikan apabila menjadi pengasas kurator bagi Pameran Maya *Muslima: Muslim Women's Art & Voices* di dalam laman web secara atas talian. Malah, beliau berjaya menghasilkan dua puluh lima artikel, tiga buku, dan lima video pengucapan beliau yang dimuatnaik di *YouTube*. Namun, latar belakang kehidupan beliau jelas menggambarkan penyelewengan pemikiran beliau di dalam sebuah video di laman web *YouTube* dalam saluran *TEDx Talks* yang bertajuk “*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman's Hijab?*”. Ruangan komen daripada video ucapan beliau mendapat reaksi yang menyokong dan pada masa yang sama juga terdapat komen yang menolak serta tidak bersetuju dengan pandangan beliau terhadap hijab, aurat dan isu-isu wanita.

Samina Ali dengan jelas membawa ideologi dan wawasan feminism dalam menyampaikan ucapan beliau melalui video ‘*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman's Hijab*’. Pandangan beliau kebanyakannya dipengaruhi oleh feminis-feminis lain seperti dari wawancara yang melibatkan Laleh Bakhtiar dan Zainah Anwar yang jelas mempertikaikan syariat Allah SWT. Golongan ini juga turut memperjuangkan kebebasan beragama dan hak keadilan serta kesamarataan wanita.

## BAB 3

### PANDANGAN SAMINA ALI TERHADAP WANITA

#### 3.0 PENDAHULUAN

Sejak dua kurun kebelakangan ini, timbul pentafsiran-pentafsiran baru yang diutarakan oleh sebahagian Muslim berkaitan dengan hukum aurat wanita di dalam media sosial.

Terdapat pandangan yang menafikan kewujudan dalil dalam al-Quran yang memerintahkan wanita Muslimah agar menutup seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan apabila berada di hadapan lelaki yang bukan mahram. Kenyataan sebegini memberikan kesan yang berbahaya kepada masyarakat Islam kerana kesalahfahaman ini jelas bertentangan dengan syariat Islam.

Terdapat sebuah video oleh Samina Ali di *YouTube* yang telah dimuat naik oleh saluran *TEDx Talks* bertajuk ‘*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab*’ yang diadakan di Universiti Nevada pada 11 Februari 2017. Ceramah tersebut mendedahkan mengenai apa yang al-Quran katakan mengenai hijab atau tudung wanita yang mempunyai durasi video selama 17 minit 47 saat. *TEDx Talks* merupakan salah satu saluran yang cukup berpengaruh untuk menyampaikan maklumat secara ucapan atau ceramah di pelbagai peringkat dan *TEDx Talks* mempunyai sebanyak 37.7 juta langganan di *YouTube* iaitu jumlah yang cukup banyak bagi penonton mendapatkan maklumat melalui saluran *TEDx Talks*.<sup>1</sup>

Video Samina Ali bertajuk ‘*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab*’ merupakan antara video yang mendapat tontonan tertinggi dan popular mengikut piawaian video *TEDx Talks* yang lain dengan jumlah tontonan sebanyak 8.3

---

<sup>1</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang *YouTube TEDx Talks*, diakses 1 Mac 2023, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9IQ>

juta atau 8,312,566 juta pada tahun 2023.<sup>2</sup> Jumlah penonton yang menyukai atau *likes* video tersebut ialah sebanyak 250 ribu dan jumlah komen yang diberi ialah sebanyak 47,922 komen.

*Caption* yang diletakkan oleh *TEDx Talks* di video *YouTube* ucapan Samina Ali adalah Samina akan membawa penonton mengimbau kembali mengenai asal usul pemakaian hijab pada zaman Nabi Muhammad SAW dan menyatakan bahawa pemakaian hijab yang dipakai Muslimah kini merupakan atas dasar keimanan yang dikuatkuaskan oleh sebahagian negara. Samina akan menerangkan kembali hijab yang sebenar iaitu hijab tidak membawa maksud tudung atau penutup kepala wanita yang menjadi kewajipan bagi wanita Islam kini.

Justeru, Samina ingin merungkai apakah sebenarnya maksud hijab dan jika hijab bukan bermaksud tudung, bagaimanakah ulama sanggup mengabaikan hak wanita yang sebenarnya dengan meletakkan kewajipan terhadap pemakaian hijab. *Caption* itu menyebutkan bahawa penonton pasti akan merasa terkejut dengan ucapan dan idea yang dibawa oleh Samina kerana Samina cuba untuk mencabar realiti dan kenyataan mengenai hijab yang dipakai sekali gus memperbaharui cara pandangan masyarakat terhadap pemakaian hijab oleh wanita Islam atau Muslimah kini.<sup>3</sup>

---

<sup>2</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang *YouTube TEDx Talks*, diakses 1 Mac 2023, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9IQ>

<sup>3</sup> TED, ‘Ideas Worth Spreading’, laman sesawang *TEDx Talks*, diakses 20 Disember 2021, <https://www.ted.com/watch/TEDx-talks>.

### **3.1 CARA WANITA BERPAKAIAN MENURUT PANDANGAN SAMINA**

Pakaian dalam Kamus Dewan bermaksud apa sahaja yang dipakai di badan seperti baju dan seluar untuk menutupi tubuh badan.<sup>4</sup> Umumnya, pakaian merupakan alat untuk melindungi tubuh bagi tujuan memperindah penampilan diri. Menurut Khoirul Anwar, terdapat tiga istilah mengenai busana atau pakaian yang disebut di dalam al-Quran iaitu *libās*, *thiyāb* dan *sarābīl*. Perkataan *libās* membawa maksud berpakaian dengan menutup kemaluan dan aurat. *Thiyāb* pula bermaksud pakaian untuk memperindah diri dengan menutup tubuh badan atas faktor suasana dingin atau panas. Manakala *Sarābīl* mempunyai maksud yang lebih kurang dengan *thiyāb* iaitu bermaksud pakaian luar yang dipakai untuk melindungi tubuh badan daripada cuaca panas atau seperti baju perang.<sup>5</sup>

Cara pemakaian melambangkan identiti bagi penganut agama Islam dan berbeza dengan penganut agama lain. Fitrah berpakaian diteruskan apabila agama Islam muncul malah cara berpakaian bagi lelaki dan wanita diperbaiki mengikut garis panduan al-Quran dan Sunnah.<sup>6</sup> Aspek berpakaian berkait rapat dengan penutupan aurat. Cara berpakaian bagi wanita dalam Islam ialah umatnya wajib menutup aurat dengan melindungi seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan. Pemakaian tudung yang dikenali hijab diwajibkan dengan melabuhkannya sehingga ke paras dada. Bagi agama Kristian, bentuk pakaian tidak dijelaskan secara terperinci namun kitab Injil ada menyebut mengenai tudung bagi kaum wanita dan menyarankan agar wanita mengenakan tudung dan menutup kepala mereka ketika berhadapan dengan Tuhan atau sebaliknya.<sup>7</sup>

<sup>4</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1116.

<sup>5</sup> Khoirul Anwar, *Berislam di Era Milenial: Solusi atas Problematika Ibadah, Hubungan Antarumat Beragama dan Kebangsaan*, (Semarang: Lawwana), 79-81.

<sup>6</sup> Shofian Ahmad dan Lotfiah Zainol Abidin, *Aurat: Kod Pakaian Islam*, Cetakan Pertama, (Kuala Lumpur: Maziza Sdn Bhd., 2004), 81.

<sup>7</sup> Mohd Fauzi Yaacob, peny., *Malaysia: Transformasi & Perubahan Sosial*, (Balakong: Arah Publications Sdn Bhd., 2009), 53.

Islam telah menetapkan jenis-jenis pakaian tertentu yang wajib dipakai oleh kaum wanita dan lelaki untuk memelihara diri mereka daripada kehinaan. Fesyen pakaian yang digariskan dalam Islam juga adalah bertujuan untuk memberi perlindungan yang terbaik kepada wanita dan lelaki bagi menjaga kehormatan manakala gaya fesyen Barat yang mendedahkan aurat sama sekali diharamkan oleh Islam.<sup>8</sup>

Firman Allah SWT:

يَبْنِيَّ عَادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَرِّي سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسُ الْتَّقْوَىٰ ذَلِكَ  
خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ عَائِدَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿٢٦﴾

Terjemahan: Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur). (Al-A‘rāf 7:26)

Ayat ini menjelaskan kepada seluruh umat Islam bahawa Allah SWT telah mengurniakan nikmat dengan menciptakan dua jenis pakaian untuk manusia iaitu yang pertama merupakan pakaian yang dapat menutup aurat atau pakaian asas seperti pakaian dalam dan menurut Ibn Kathīr pakaian untuk menutup apa yang dianggap buruk apabila terlihat. Manakala yang kedua ialah pakaian yang memperindah penampilan diri seperti pakaian luar untuk berhias supaya memberi keselesaan kepada si pemakai.<sup>9</sup> Pakaian bagi lelaki dan wanita yang beriman mempunyai pakaian yang khusus iaitu pakaian tersebut mestilah menutup aurat, cantik, berada dalam keadaan baik dan bersih.<sup>10</sup>

Walau bagaimanapun, Samina mengatakan aurat wanita yang harus ditutup hendaklah merujuk kepada budaya dan situasi masyarakat setempat. Ucapan Samina Ali

<sup>8</sup> Abdul Wahhab Abdussalam Thawilah, *Panduan Berbusana Islami: Berpenampilan Sesuai Al-Quran dan As-Sunnah*, Cetakan Pertama, (Jakarta: Almahira, 2007), 3.

<sup>9</sup> *Ibid*, 3.

<sup>10</sup> Khālid ‘Abdul Raḥmān al-‘Ak, *Wājibāt al-Mar’ah al-Muslimah fī Dū’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1998), 76.

dimulakan di *YouTube* dengan menceritakan kepada penonton kisah dan peristiwa yang berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW apabila berlaku masalah rogol dan gangguan seksual di kalangan wanita kerana para wanita terpaksa keluar waktu malam untuk menunaikan hajat atas masalah sistem paip yang belum sempurna. Jadi, para wanita terpaksa melalui sebuah kawasan untuk pergi ke tempat tersebut lalu mereka diganggu oleh sekumpulan lelaki yang bertindak melakukan gangguan seksual dalam kegelapan malam supaya identiti mereka tidak dikenali.

Samina menggunakan kaedah metodologi sama seperti metodologi yang diaplikasi oleh feminis atau SIS dalam berhujah mengenai pemakaian hijab iaitu kaedah metodologi pensejarahan.<sup>11</sup> Metodologi ini digunakan oleh Fatimah Mernissi dalam memahami ayat-ayat al-Quran dengan mengaplikasi kaedah pensejarahan iaitu menggunakan sejarah Islam sebagai sumber kajian sama seperti yang diaplikasi oleh Samina Ali dalam membincangkan mengenai isu pemakaian hijab.<sup>12</sup>

Samina memetik daripada Asbab Nuzul al-Quran iaitu peristiwa atau kisah para wanita yang terpaksa keluar pada malam hari untuk keperluan diri kerana masalah sistem paip yang belum lengkap.<sup>13</sup> Selain itu, metode ‘*aqli* juga digunakan Samina untuk mengeluarkan pendapat beliau dengan menggunakan ijtihad akal mengenai hak kebebasan wanita, aurat wanita dan pemakaian hijab, *khimar* serta jilbab tanpa merujuk ayat al-Quran yang sahih, hadith, kitab dan pendapat ulama yang muktabar.

<sup>11</sup> Metodologi ini menggunakan kaedah sejarah bagi memperoleh pengetahuan tentang kedudukan wanita masa lalu dan mengkaji semula kembali teks-teks hasil pemikiran ulama tradisional. Lihat Shah Rizul Izyan Zulkiply, Mohd Muhibden Abd Rahman & Mohd Zahir Abdul Rahman, Metodologi Pemikiran Sisters in Islam terhadap Hijab: Analisis Kritikan Berasaskan Fiqh al-Hadith, *Jurnal al-Basirah* 6.1 (2016), 1-16.

<sup>12</sup> *Ibid*, 1-16.

<sup>13</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang *YouTube TEDx Talks*, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

### **3.1.1 Aurat Wanita**

Manusia secara fitrah mempunyai sifat malu untuk mempamerkan bahagian anggota badan yang tersembunyi atau dipanggil sebagai aurat.<sup>14</sup> Ibn Manzūr memberikan beberapa maksud mengenai perkataan aurat iaitu aurat ialah perkara yang membuatkan individu berasa malu apabila ia terdedah. Selain itu, aurat ialah sesuatu yang tidak elok dipandang apabila ia dibuka dan didedahkan kepada orang lain. Aurat dari sudut bahasa mempunyai pengertian yang banyak, antaranya ialah kemaluan. Aurat juga ialah aib atau keaiban pada bahagian tubuh manusia yang wajib ditutup serta wajib dilindungi daripada perhatian orang lain.<sup>15</sup>

Aurat dari sudut istilah feqah bermaksud bahagian tubuh badan yang wajib ditutup atau dilindungi dari pandangan orang lain. Aurat disebut sebanyak tiga kali dalam al-Quran dengan pengertian berbeza iaitu surah yang pertama, surah al-Nūr ayat ke 31 yang membawa maksud aurat wanita. Manakala dalam ayat yang kedua iaitu surah al-Nūr ayat 58 dengan pengertian masa. Kemudian, ayat ketiga daripada surah al-Ahzāb ayat ke 13 yang membawa maksud perlindungan.<sup>16</sup>

Samina tidak menyatakan secara jelas mengenai penerangan aurat wanita. Beliau hanya menyebut mengenai cara wanita berpakaian dan jelas berbeza dengan apa yang digariskan di dalam Islam. Bahkan beliau tidak menyebut secara jelas mengenai bukti ayat al-Quran berkaitan cara wanita berpakaian dalam al-Quran dengan tidak menyebut ayat dan surah dari al-Quran lalu memetik sebuah kisah pada zaman Rasulullah SAW dan mengaitkan peristiwa tersebut dengan sebuah ayat al-Quran dalam bentuk makna sahaja

---

<sup>14</sup> Robiah K. Hamzah, *Pujuklah Rasa*, (Shah Alam: Ultimate Print, 2012), 246.

<sup>15</sup> Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram al-Anṣārī, *Lisān al- ‘Arab*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1990), 4:616.

<sup>16</sup> Rusydi Ramli dan Haliza Aris, *Aurat Mahkota Wanita*, (Batu Caves: Percerakan Zafar, 2011), 7-10.

dan tidak menjelaskan surah dan ayat. Apabila diteliti, Samina merujuk kepada ayat berikut.

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النِّسَاءُ قُلْ لَا إِرْجَاجٌ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءُ الْمُؤْمِنِينَ يُدْعَنَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلَبِيهِنَّ ذَلِكَ

أَدْنَى أَنْ يُعْرَفَنَ فَلَا يُؤْذَنَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾

Terjemahan: Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak wanitamu serta wanita-wanita yang beriman, supaya melabuhkan pakaianya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai wanita yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Al-Ahzāb 33:59)

Samina berpendapat bahawa umat Islam masih membezakan status antara hamba dan tuan di fasa awal kemunculan Islam. Hamba mestilah memakai pakaian yang berbeza dengan wanita merdeka atau wanita Islam kerana pakaian yang sama merupakan perbuatan hina. Samina menyatakan wujud golongan yang mempertikaikan pemakaian hamba apabila memakai pakaian seperti wanita Islam. Pakaian sebegitu akan menganggu tanggungjawab dan tugas hamba kerana tidak sesuai dan selesa apabila berpakaian labuh dalam membuat kerja.

Samina berpegang bahawa tatacara pemakaian wanita mestilah mengikut dua syarat yang digariskan oleh ulama iaitu mengikut jenis kerjaya dan keadaan masyarakat setempat. Bagi Samina, pekerjaan seseorang menjadikan hijab boleh dipakai mengikut situasi kerja. Jika suasana pekerjaan seseorang membuatkan hijab perlu dipakai, maka itu merupakan kebebasan untuk wanita itu memakai hijab dan jika suasana pekerjaan itu terbatas untuk pemakaian hijab, maka hijab tidak perlu dipakai.

Syarat kedua ialah keadaan masyarakat setempat yang mempengaruhi faktor berpakaian. Samina berkata bahawa pemakaian hijab perlu diukur dari biah atau suasana

kawasan menetap seseorang. Apabila budaya tempat itu tidak menjadikan hijab sesuai untuk dipakai, maka hijab tidak perlu dipakai memandangkan keadaan tempat itu yang tidak menggalakkan pemakaian hijab seperti di negara Amerika Syarikat yang didiami beliau sekarang. Budaya pemakaian di negara Amerika Syarikat sangat berbeza dengan negara India kerana masyarakat Amerika mempunyai budaya bersosial yang sangat bebas dan tiada gaya pemakaian yang ditetapkan. Jadi, seseorang bebas memilih cara berpakaian yang sesuai mengikut negara itu seperti yang dikatakan oleh Samina. Manakala pemakaian hijab bagi wanita Islam di negara India amat digalakkan kerana selari dengan budaya di sana yang telah mengamalkan pemakaian hijab sejak dahulu lagi.

Samina memberikan perumpamaan bahawa diri beliau merupakan contoh yang telah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh ulama (*scholars*) kerana beliau merupakan seseorang yang beragama Islam dan menetap di Amerika Syarikat yang tidak mengikut budaya di negara India kerana mempunyai suasana tempat yang amat berbeza. Samina mempunyai kerjaya dan perlu menggalas tugas serta tanggungjawab di Amerika Syarikat dengan memberi pelbagai sumbangan di negara itu.

Oleh itu, beliau tidak diwajibkan memakai hijab kerana keadaan masyarakat di Amerika Syarikat juga tidak memakai hijab. Samina berhujah bahawa peratus kepentingan antara kerjaya dan pemakaian hijab menunjukkan peratus kerjaya beliau lebih tinggi dan mendatangkan maslahah kepada masyarakat Amerika berbanding memakai hijab. Ini kerana masyarakat Amerika mempunyai pandangan yang *bias* dan menganggap seseorang itu ekstremis apabila hijab dipakai.<sup>17</sup>

Samina menggunakan perkataan (*so called*) ulama yang bermaksud seseorang yang dipanggil ulama. Jadi, apakah sebenarnya pakaian yang dimaksudkan oleh Samina

---

<sup>17</sup> Samina Ali, “What Does The Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

melalui pakaian yang direkomendasikan oleh seseorang yang mendakwa dirinya ulama di dalam video ucapan beliau?. Samina Ali hidup di dalam negara yang tidak memerlukan pemakaian hijab dan Samina mengatakan bahawa pemakaian hijab bukan ciri khas dalam masyarakat tersebut. Maka, apakah pakaian yang dibolehkan menurut Samina? Adakah seperti gaun, seluar *jeans*, *skirt* atau *blouse* yang dianjurkan untuk dipakai oleh umat Islam di sana?<sup>18</sup>

Tambahan pula, Samina memberi hujah bahawa Allah SWT tidak menyebut secara jelas dan spesifik bahagian anggota badan wanita yang perlu ditutup dan dilindungi dari lelaki ajnabi. Seterusnya, Samina mengatakan bahawa pemakaian hijab bukan perintah daripada Allah SWT, namun merupakan hasil kajian, perbincangan, kesimpulan daripada cendekiawan Islam mengenai pensyariatan aurat dan pemakaian hijab.

Pandangan Samina jelas bertentangan dengan syariat dan perintah Allah SWT terhadap wanita mengenai pemakaian hijab, jilbab dan *khimar*. Tambahan lagi, ulama juga meletakkan garis panduan pemakaian dan menutup aurat berdasarkan ayat al-Quran dan hadith Nabi Muhammad SAW bukan mengikut kepada pendapat diri sendiri. Hikmah disyariatkan pemakaian jilbab, hijab dan *khimar* pada zaman Rasulullah SAW adalah untuk memuliakan para wanita dengan perbezaan status antara wanita merdeka dan hamba supaya wanita beriman dan merdeka tidak diganggu oleh lelaki jahat pada waktu itu.<sup>19</sup>

Pemikiran Samina mirip dengan pemikiran SIS yang berpegang kepada pendapat bahawa bahagian aurat yang wajib ditutup ialah kemaluan dan bahagian sulit wanita yang lain serta menilai pemakaian melalui ketakwaan sahaja tanpa perlu menutup aurat

<sup>18</sup> Selli Nisrina Faradila, “Samina Ali dan Hijab, Lost in Translation”, laman sesawang *Kumparan*, diakses 20 November 2021, <https://kumparan.com/selli-nisrina/samina-ali-dan-hijab-lost-in-translation>

<sup>19</sup> Aisha Hasan, “Refuting the Historical Negation of Hijab”, laman sesawang *The Qarawiyyin Project: Reviving Islamic Discourse Among Muslim Women*, diakses pada 10 Julai 2022, [Refuting the Historical Negation of Hijab – The Qarawiyyin Project](#).

mengikut syariat Allah SWT di dalam al-Quran dan Sunnah.<sup>20</sup> Samina Ali berhujah dengan menyatakan bahawa cara pemakaian mestilah berdasarkan kepada kerjaya dan budaya setempat malah tidak bersetuju bahawa hijab wajib dipakai sama seperti pendapat SIS. Asiah Abd Jalil merupakan pendokong ideologi liberal dan feminis yang berasal dari Malaysia. Beliau juga mengemukakan kenyataan bahawa hukum aurat hanya datang pada zaman Nabi Muhammad SAW.<sup>21</sup>

Pendapat ini juga menyerupai pendapat Samina Ali. Pernyataan Asiah telah mencetuskan kekeliruan kerana beliau seorang yang memakai hijab, tetapi mengeluarkan kenyataan sebegini. Pernyataan ini jelas tidak benar bahkan bercanggah dengan pandangan ulama Islam dan syariat yang diturunkan Allah SWT.<sup>22</sup> Penampilan Samina Ali di dalam video ucapan ‘*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab*’ pula tidak berhijab, tetapi masih berani dan yakin untuk bersuara mengenai hijab.

### 3.1.2 Hijab

Islam bukanlah agama pertama yang diperintahkan untuk memakai tudung atau penutup kepala yang dikenali sebagai hijab pada zaman sekarang. Hijab dikenali di kalangan bangsa Ibrani dan masih popular sehingga zaman pasca Ibrahim, bahkan sehingga munculnya agama Yahudi dan Nasrani. Asal usul hijab dan berguk (cadar) dapat diketahui kerana disebutkan di dalam Perjanjian Lama dan Perjanjian baru.<sup>23</sup> Hijab turut

<sup>20</sup> Shah Rizul Izyan Zulkiply, Mohd Muhiden Abd Rahman & Mohd Zahir Abdul Rahman, Metodologi Pemikiran Sisters in Islam terhadap Hijab: Analisis Kritikan Berasaskan Fiqh al-Hadith, *Jurnal al-Basirah* 6.1 (2016), 1-16.

<sup>21</sup> The Muslim Apologist, “Hukum Aurat Tidak Wujud? Menjawab Si Murtad Asiah Abd Jalil,” laman sesawang YouTube The Muslim Apologist, diakses 5 Oktober 2023. <https://www.youtube.com/watch?v=1GERHvhKUIw>

<sup>22</sup> Ahmad Sanusi Azmi, “Kekeliruan Liberal Mengenai Aurat,” laman sesawang Harakah Daily, diakses 21 November 2021, <https://harakahdaily.net/index.php/2020/02/14/kekeliruan-liberal-mengenai-aurat/>

<sup>23</sup> Adil Abdul Mun’im Abu Abbas, *Ketika Menikah Jadi Pilihan*, (Jakarta: Al-Mahira Publications, 2007), 228.

wujud dalam undang-undang agama Yahudi dan Kristian sebelum Islam diturunkan. Hijab di dalam perspektif ajaran Yahudi ialah tudung kepala yang melambangkan bentuk ketaatan dan martabat kaum wanita. Apabila wanita Yahudi ingin keluar dari rumah, mereka harus menutup bahagian wajah dan membiarkan sebelah matanya terbuka.<sup>24</sup>

Cara pemakaian hijab mengikut tradisi Kristian pula ialah para wanita akan memakai pakaian yang longgar untuk menutupi seluruh tubuh badan dan hanya memakai tudung kepala untuk menutup kepala tanpa melabuhkan kain ke tubuh badan. St. Tertullian menyatakan bahawa wanita muda Kristian harus memakai penutup kepala ketika mereka mahu keluar berjalan dan wanita Kristian diwajibkan untuk memakai jilbab di gereja serta apabila bertemu dengan orang yang tidak dikenali.<sup>25</sup> Maka, hijab jelas dimaksudkan sebagai penutup kepala dan merupakan perkara yang tidak asing lagi dalam agama selain Islam.

Selain agama, budaya juga merupakan salah satu pengaruh penting dalam faktor wanita Islam mengamalkan pakaian Islam. Antara faktor sebahagian wanita Islam menutup aurat ialah kerana ia merupakan sebahagian daripada budaya yang diterapkan dalam kehidupan seseorang. Manakala faktor lain adalah kerana kefahaman seseorang dalam melaksanakan perintah pemakaian menutup aurat.<sup>26</sup> Faktor lain yang mempengaruhi wanita Islam dalam pemakaian hijab juga adalah melalui pendedahan yang disebarluaskan oleh media seperti terdapat majalah yang telah lama wujud bagi memberi makluman mengenai hal-hal keagamaan iaitu salah satunya ialah majalah Nur.

Selain itu, majalah Hijabista juga turut memberikan pandangan mengenai hijab di peringkat global. Penyebaran mengenai *trend* pemakaian hijab melalui majalah telah

<sup>24</sup> Sherif Abdel Azeem, *Sabda Langit Wanita Dalam Tradisi Islam, Yahudi, dan Kristen*, (Yogyakarta: Gama Media, 2001), 74.

<sup>25</sup> *Ibid.*, 76-77.

<sup>26</sup> Nurjannah binti Hasmad, “Reviewing the Literarure on Multiple Themes of Islamic Attire Usage Among Muslim Women, *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 24.1 (2021), 78-93.

mewujudkan kesedaran tentang budaya berhijab dan menarik pembaca untuk memakai tudung berpandukan cara yang mematuhi syariah Islam.<sup>27</sup> Namun, pada masa kini, pemakaian hijab bukan hanya menunjukkan pegangan agama dan budaya tetapi juga melambangkan status sosial yang mempunyai sejenis manifesto yang tersendiri.<sup>28</sup> Menurut *Free Dictionary*, hijab bermaksud penutupan atau pengasingan wanita dalam sesetengah masyarakat Islam yang lazimnya diamalkan untuk menjaga tahap kesopanan wanita.<sup>29</sup> Oleh itu, hijab bukan sahaja membawa maksud tudung kepala yang dipakai kini, namun membawa maksud yang pelbagai mengikut faktor-faktor atau p gangan agama yang tertentu.

Menurut kitab *Al-Mar'ah Al-Mithāliyyah*, hijab dari segi bahasa bermaksud benda yang menutup sesuatu atau terhalang dari pandangan manakala dari segi syarak hijab bermaksud menghalang pandangan orang asing dari melihat seluruh badan dan perhiasan wanita.<sup>30</sup> Menurut ajaran agama Islam, hijab merupakan bentuk kesederhanaan yang wujud dalam mencegah diri dari pandangan yang mengandungi syahwat. Hijab mengandungi banyak makna bukan hanya sekadar menunjukkan kesederhanaan, moral dan keselamatan, malah merupakan tabir yang memisahkan antara lelaki dan wanita.<sup>31</sup> Hijab kini dikenali s bagai tudung yang dipakai oleh Muslimah dengan menyembunyikan rambut dan l her serta biasanya mempunyai penutup muka (purdah) yang tidak menutup mata.

<sup>27</sup> Nurzihan Hassim, “A Comparative Analysis on Hijab Wearing in Malaysian Muslimah Magazines”, *Jurnal SEARCH* 6.1, (2014), 79-96.

<sup>28</sup> Laura Nistor, “Hijab(istas)- as Fashion Phenomenon, A Review”, *Acta Univ. Sapientiae, Social Analysis* 7, (2017), 59-67.

<sup>29</sup> Zulkifli Abd. Latiff dan Fatin Nur Sofia Zainol Alam, “The Roles of Media in Influencing Women Wearing Hijab: Analysis”, *Journal of Image and Graphics* 1.1 (2013), 50-54.

<sup>30</sup> Muḥammad bin Ismā‘il al-‘Amrānī dan Ahmad Farīd, ed. ‘Umar bin Muḥammad bin Sāliḥ Al-‘Amrānī, *Al-Mar'ah Al-Mithāliyyah*, (Iskandariyyah: Dār al-Ímān, 2008), 313.

<sup>31</sup> Shinta Ath Thariq Apriari, Ibn Khaldun & Muhammad Hasan, Hijab Syar'i dalam Perspektif Tafsir Nusantara, (Prosiding Webinar Internasional Ulama Tafsir dan Hadis di Nusantara, IAIN Samarinda, 2021) 217-218.

Namun, hijab yang difahami Samina ialah tabir bukan penutup kepala. Samina berpendapat bahawa ramai masyarakat di luar sana mempunyai tanggapan yang salah bahawa wanita Islam wajib memakai tudung sebagai kewajipan dalam agama dan tidak memahami maksud hijab, *khimar* dan jilbab yang sebenar. Beliau menganggap bahawa hijab di dalam al-Quran tidak bermaksud tudung atau hijab yang dipakai sekarang. Samina mendatangkan tiga ayat al-Quran dalam membuktikan hijab dalam al-Quran seperti dalam video *YouTube* ucapan beliau. Walau bagaimanapun, kesemua ayat al-Quran yang disebut Samina tidak dijelaskan dengan baik mengikut Asbab Nuzul, kitab dan pendapat ulama mengenai ayat al-Quran tersebut. Berdasarkan penelitian yang dibuat, ayat yang disebut oleh Samina dalam video tersebut ialah dua ayat dari surah al-Ahzāb, ayat 53 dan 59, manakala satu ayat dari surah al-Nūr, ayat 31.

Analisis ayat pertama yang dinyatakan beliau pada minit 2:10<sup>32</sup> ialah ayat 59 dari surah al-Ahzāb iaitu pada zaman Rasulullah SAW mengenai peristiwa para wanita Islam yang dikehendaki melabuhkan pakaian mereka pada waktu malam apabila keluar untuk membersihkan diri disebabkan kesulitan atas masalah paip yang belum sempurna. Ayat ini diturunkan kepada isteri Nabi Muhammad SAW dan wanita-wanita beriman yang lain supaya melindungi tubuh mereka dengan pakaian yang labuh agar tidak dapat diganggu oleh lelaki yang tidak mempunyai niat yang baik seperti firman Allah SWT dalam ayat di bawah:

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا أَنْتُمْ فُلِلَّا زَوْجَكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ يُذِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلْبِيْهِنَّ ذَلِكَ

أَدْنَى أَنْ يُعْرَفُنَّ فَلَا يُؤْذِنَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾

Terjemahan: Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak wanitamu serta wanita-wanita yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar);

<sup>32</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang *YouTube TEDx Talks*, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai wanita yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Al-Ahzāb 33:59)

Ayat di atas merupakan perintah daripada Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW agar para wanita beriman terutama isteri-isteri dan anak-anak perempuan Nabi Muhammad SAW melabuhkan jilbab untuk melindungi dan menutup tubuh badan supaya mempunyai perbezaan antara wanita lain iaitu hamba sahaya dan wanita Jahiliah.<sup>33</sup>

Berdasarkan penelitian dari teks ucapan Samina Ali pada minit 5:16<sup>34</sup>, ayat kedua yang disebutkan ialah ayat 53 dari surah al-Ahzāb. Ayat ini menyeru isteri Nabi Muhammad SAW untuk bersederhana dalam memakai pakaian yang sesuai dengan sifat keperibadian dan peranan isteri Nabi Muhammad SAW terhadap masyarakat waktu itu. Ayat ini merupakan ayat hijab yang diturunkan kepada isteri-isteri Nabi SAW agar menggunakan hijab yang bermaksud penghadang atau tabir<sup>35</sup> apabila bermuamalah dengan orang lelaki yang beriman iaitu sahabat Nabi SAW dalam apa jua urusan.

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتَ الَّتِي إِلَّا أَنْ يُؤْذَنَ لَكُمْ إِلَى طَعَامٍ غَيْرَ نَذَرِينَ  
إِنَّمَا وَلَكُنْ إِذَا دُعِيْتُمْ فَادْخُلُوا فَإِذَا طَعَمْتُمْ فَانْتَشِرُوا وَلَا مُسْتَئْنِسِينَ لِحَدِيثٍ إِنَّ  
ذَلِكُمْ كَانَ يُؤْذِنِي الَّتِي فَيَسْتَحِي مِنْكُمْ وَاللَّهُ لَا يَسْتَحِي مِنَ الْحُقْقِ وَإِذَا سَأَلُتُمُوهُنَّ  
مَتَدَعِّا فَسُلُّوْهُنَّ مِنْ وَرَاءِ حِجَابٍ ذَلِكُمْ أَطْهَرُ لِقْوِيْكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ وَمَا كَانَ لَكُمْ

<sup>33</sup> Abī al-Fidā' Ismā'īl bin 'Umar, *Tafsir Ibn Kathīr*. terj. M.Abdul Ghoffar E.M (Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i), 2004. 6: 519.

<sup>34</sup> Samina Ali, "What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman's Hijab," laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

<sup>35</sup> *Ibid*, 514.

أَن تُؤْذِوا رَسُولَ اللَّهِ وَلَا أَن تَنْكِحُوا أَزْوَاجَهُ وَمِنْ بَعْدِهِ أَبَدًا إِنَّ ذَلِكُمْ كَانَ عِنْدَ اللَّهِ

٥٣ عَظِيمًا

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke rumah Nabi (menunggu makanan masak kerana hendak makan bersama), kecuali kamu dijemput untuk menghadiri jamuan, bukan dengan menunggu-nunggu masa sajinya; tetapi apabila kamu dijemput maka masuklah (pada waktu yang ditetapkan); kemudian setelah kamu makan maka hendaklah masing-masing bersurai dan janganlah duduk bersenang-senang dengan berbual-bual. Sesungguhnya yang demikian itu menyakiti dan menyusahkan Nabi sehingga ia merasa malu (hendak menyatakan hal itu) kepada kamu, sedang Allah tidak malu daripada menyatakan kebenaran. Dan apabila kamu meminta sesuatu yang harus diminta dari isteri-isteri Nabi maka mintalah kepada mereka dari sebalik tabir. Cara yang demikian lebih suci bagi hati kamu dan hati mereka. Dan kamu tidak boleh sama sekali menyakiti Rasul Allah dan tidak boleh berkahwin dengan isteri-isterinya sesudah ia wafat selama-lamanya. Sesungguhnya segala yang tersebut itu adalah amat besar dosanya di sisi Allah. (Al-Ahzāb 33:53)

Seterusnya, ayat ketiga yang digunakan Samina Ali dalam berhujah mengenai isu hijab ialah ayat 31 dari surah al-Nūr. Samina tidak menghuraikan ayat ini dengan lebih lanjut dalam video beliau sebaliknya hanya menyebut ayat ketiga sama seperti ayat pertama dalam konteks pemakaian dan diturunkan dalam peristiwa sejarah pada minit 5:29.<sup>36</sup>

Firman Allah SWT:

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَيُضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيوبِهِنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعْوَتِهِنَّ أَوْ ءَابَاءِهِنَّ أَوْ ءَابَاءِ بُعْوَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَاءِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّبَاعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ

<sup>36</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

الْطِّفْلُ الَّذِينَ لَمْ يَظْهِرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ الْبَسَاءِ ۚ وَلَا يَضْرِبُنَ بِأَرْجُلِهِنَ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِيَنَ

۝ مِنْ زِينَتِهِنَ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahan: Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang wanita, atau wanita-wanita Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada wanita, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat wanita; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya. (Al-Nūr 24:31)

Bukti ayat al-Quran yang didatangkan Samina Ali melalui video beliau tentang pemakaian hijab diterangkan secara tidak jelas, tidak teratur dan samar-samar dalam menjelaskan kandungan surah dan tidak dinyatakan surah beserta ayat al-Quran yang digunakan. Fakta yang dibawa Samina juga tidak mempunyai autoriti yang sahih iaitu Samina tidak menyebutkan kitab dan pendapat ulama muktabar yang menjadi rujukan beliau pada minit 2:21.<sup>37</sup>

Ayat 59 dari surah al-Aḥzāb bersesuaian dengan penerangan Samina iaitu ayat pertama yang disebutkan beliau melalui kisah dan peristiwa yang dijelaskan pada minit 2:10. Namun, kenyataan Samina melalui ayat kedua dan ketiga didapati bertentangan dengan kisah dan sejarah yang diulas oleh beliau dalam video tersebut. Hujah kedua Samina iaitu ayat yang diperintahkan kepada isteri-isteri Rasulullah SAW supaya

<sup>37</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

bersederhana dalam pemakaian yang sesuai dengan peribadi dan tanggungjawab sebagai isteri Nabi SAW merujuk kepada ayat yang pertama diturunkan kepada isteri, anak perempuan Rasulullah SAW dan wanita beriman iaitu ayat 59 dari surah al-Ahzāb.

Walau bagaimanapun, ayat kedua yang disebutkan Samina pada minit 5:16<sup>38</sup> juga tidak bertepatan dengan ayat 31 dari surah al-Nūr kerana ayat 31 ini diturunkan kepada para wanita beriman supaya menundukkan pandangan, memelihara kemaluan, tidak menampakkan perhiasan dan lain-lain lagi. Ayat ini bertentangan dengan hujah ayat al-Quran kedua yang dibawa Samina iaitu diperintahkan kepada isteri Nabi SAW sesuai dengan peranan dan tanggungjawab ke atas mereka. Manakala ayat ketiga yang dinyatakan Samina bertepatan dan mempunyai persamaan dengan ayat 31 dari surah al-Nūr iaitu diturunkan dalam konteks yang sama tetapi mempunyai perbezaan dari segi sejarah atau Asbab Nuzul.

Apabila diteliti, ketiga-tiga ayat al-Quran mengenai hijab yang disebutkan oleh Samina mempunyai sebab turun ayat, iaitu peristiwa sejarah atau Asbab Nuzul di sebalik penurunan ayat tersebut yang disyariatkan Allah kepada orang-orang yang beriman. Hujah beliau tidak patut dijadikan sumber rujukan kerana fakta yang diberikan beliau tidak tepat dan mengelirukan. Samina Ali membawa hujah al-Quran mempunyai tiga ayat yang menerangkan bagaimana wanita harus berpakaian, namun, sepertimana yang dinyatakan dalam sebuah buku *Wanita dalam al-Quran dan as-Sunnah*,<sup>39</sup> al-Quran mempunyai lima ayat yang berbicara mengenai aurat atau cara wanita berpakaian.

Tambahan pula, pada minit 7:06<sup>40</sup>, Samina mengatakan bahawa di dalam al-Quran tidak mempunyai perkataan hijab yang membawa maksud tudung, penutup kepala,

<sup>38</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

<sup>39</sup> Siti Rabi’ah Sarnap, *Wanita dalam al-Quran dan as-Sunnah*, Cetakan Pertama, (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1999), 44-45.

<sup>40</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

*khimar* atau jilbab tetapi mempunyai maksud lain yang dinyatakan beliau iaitu terdapat tiga maksud penggunaan perkataan hijab yang sebenar di dalam al-Quran. Pertama, pada minit 7:25<sup>41</sup>, perkataan hijab yang digunakan bermaksud pembahagi antara Tuhan dan hamba. Kedua, pada minit 7:37<sup>42</sup>, hijab membawa maksud tirai atau cadar seperti yang digunakan oleh sahabat Nabi apabila bertemu dengan isteri Nabi. Ketiga, pada minit 7:46<sup>43</sup>, hijab mempunyai maksud terpencil dan terasing apabila Maryam melahirkan Nabi Isa. Samina menyimpulkan bahawa maksud hijab yang disebutkan dalam al-Quran hanyalah halangan, penyekat dan penghadang bukan bermaksud tudung yang dipakai oleh wanita Islam kini. Samina pada minit 8:16<sup>44</sup>, berkata bahawa wanita Islam kini disekat dalam keinginan memperlakukan apa sahaja kerana faktor pemakaian hijab diwajibkan dan menegaskan bahawa ini merupakan satu bentuk salah faham yang terjadi dalam dunia Islam kini.

Selain itu menurut Samina pada minit 8:06<sup>45</sup>, hijab bukan bermaksud penutup kepala, tudung dan kerudung serta hanya dipakai oleh isteri-isteri Nabi Muhammad SAW pada zaman dahulu sahaja. Oleh itu, pemakaian hijab tidak diwajibkan dan tidak menjadi keperluan para wanita Islam zaman sekarang. Samina juga menggelar ulama sebagai fundamentalis<sup>46</sup> kerana memberi garis panduan pemakaian hijab yang terpaksa dipakai kini seperti zaman dahulu. Bahkan, Samina mendedahkan bahawa umat Islam perlu tahu dan jelas mengenai salah faham pemakaian hijab kerana ramai di kalangan wanita Islam menganggap bahawa hijab merupakan satu tuntutan syariat dalam Islam tetapi sebenarnya tidak.

<sup>41</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9IQ>

<sup>42</sup> Ibid.

<sup>43</sup> Ibid.

<sup>44</sup> Ibid.

<sup>45</sup> Ibid.

<sup>46</sup> Fundamental bermaksud tafsiran al-Quran yang terdahulu. Lihat Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Mazlan Ibrahim, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran* (Bangi: UKM, 2017), 65.

Samina mengatakan bahawa penerangan kaedah menutup aurat dan pemakaian hijab di dalam surah al-Ahzāb ayat 59 digambarkan sebagai satu penyelesaian yang mudah secara zahirnya. Namun, Samina mewujudkan persoalan untuk menarik perhatian penonton dengan memikirkan kembali bahawa sebenarnya pemakaian tudung atau hijab pada zaman Rasulullah SAW hanyalah sekadar budaya bukan membawa maksud syariat seperti yang difahami umat Islam kini. Pada minit 2:56<sup>47</sup>, Samina membawa contoh dan mempersoalkan keadaan hamba pada waktu itu memakai pakaian labuh dengan menutupi seluruh anggota badan tidak mampu melakukan kerja dan tugas sebagai seorang hamba kerana pakaian tersebut memberi kesan pada urusan kerja hamba tersebut antaranya menjadi perlahan dan tidak cekap dalam menyelesaikan kerja.

Samina berpendapat jika fundamentalis ingin mengembalikan masyarakat Islam sekarang kepada tahun 680 Masihi yang lalu, ia mungkin merupakan suatu usaha yang hebat, tetapi Samina berkata pada minit 12:06<sup>48</sup>, masyarakat kini tetap perlu menjawab satu persoalan penting. Samina memberitahu pada minit 12:09<sup>49</sup>, bahawa beliau berharap penonton tidak terkejut kerana ia bukanlah merupakan satu kebetulan jika masyarakat pada zaman moden kini dapat mengaitkan wanita Islam dengan tudung atau hijab kerana ia merupakan dari al-Quran dan sejarah Islam yang membawa pengaruh supaya wanita bertudung.

Hujah yang digunakan oleh Samina Ali ternyata mempunyai perselisihan dan percanggahan dengan kepercayaan dan keimanan umat Islam dan syariat Allah SWT. Beliau seperti mencabar ulama dengan persoalan-persoalan yang telah lama jelas melalui tafsiran ulama muktabar sejak zaman dahulu lagi dan diguna pakai hingga sekarang

<sup>47</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v= J5bDhMP9IQ>

<sup>48</sup> Ibid.

<sup>49</sup> Ibid.

tentang pensyariatan hijab. Pendapat Samina menyerupai pemikiran feminism yang melihat pemakaian hijab dari sudut sosiologi.

Feminis juga berkata wanita di Tanah Arab mengenakan hijab dan purdah adalah kerana faktor geografi mereka yang panas dan berdebu bukan disebabkan kewajipan menutup aurat. Oleh sebab itu, pemakaian hijab ini diamalkan oleh kebanyakan bangsa Arab dan tidak seharusnya diamalkan oleh negara Islam. Bagi pandangan Samina pada minit 3:35<sup>50</sup>, pemakaian hijab dan aurat adalah mengikut peranan wanita dan budaya masyarakat setempat serta hanya bagi isteri Nabi Muhammad SAW sahaja. Hujah pemakaian hijab melalui budaya setempat ini bertepatan dan menyerupai pandangan feminis dan SIS dalam pendapat yang lain.

Cara Samina memahami tafsiran ayat al-Quran adalah tidak selari dengan apa yang digariskan oleh ulama kerana maksud ayat difahami secara umum dari segi maknawi, literal dan zahir sahaja tanpa berpandukan al-Quran, hadith, ijтиhad ulama dan kitab-kitab muktabar yang berautoriti. Malah, pendapat beliau pada minit 3:03<sup>51</sup>, dikuatkan dengan hujah ulama Islam awal (*the early Muslim Scholars*) yang menggariskan pemakaian *khimar* hanya dipakai mengikut keadaan dan budaya sesebuah tempat tanpa perincian dan penerangan yang lebih mendalam tanpa menjelaskan siapakah nama ulama yang dimaksudkan sama ada dari kalangan sahabat, Tabi'in, Tabi' al-Tabi'in atau ulama-ulama Salaf yang lain.

Hujah dan bukti yang dikemukakan Samina menimbulkan kecelaranan dan perselisihan dalam garis panduan pemakaian wanita dari segi aurat dan hijab dengan memahami ayat al-Quran secara literal dan tidak memahami konteks kandungan ayat al-Quran yang sebenar. Samina mengemukakan hujah yang lemah, tidak sesuai, tidak

---

<sup>50</sup> Samina Ali, "What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman's Hijab," laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

<sup>51</sup> *Ibid.*

bertanggungjawab dan tidak tepat dalam memahami tafsiran ayat al-Quran mengenai hijab serta tidak layak dianggap sebagai info atau maklumat yang sahih dan dipercayai. Dakwaan ini merupakan fitnah yang amat dahsyat dan berbahaya kerana tidak disertakan dengan bukti yang kukuh dan fakta yang sahih. Kenyataan dan pendapat Samina Ali boleh menimbulkan penyelewengan dan keraguan terhadap penonton, pendengar serta pengguna internet.

### **3.1.3 Jilbab**

Pemakaian jilbab diwajibkan oleh tiga agama samawi iaitu Yahudi, Kristian dan Islam. Mengikut tradisi Yahudi, jilbab merupakan tanda ketaatan dan kehormatan wanita kepada suaminya. Jilbab juga dipakai ketika melaksanakan kegiatan ritual keagamaan dan menjadi simbol kesucian, kewibawaan dan kemewahan. Dalam tradisi Kristian pula, kaum wanita Kristian diwajibkan memakai jilbab sebagai tanda ketaatan kepada Tuhan. Manakala, wanita yang tidak berjilbab harus dicukur rambutnya kerana dianggap telah menghina suaminya.<sup>52</sup>

Menurut tradisi Islam, jilbab harus dikenakan sebagai tanda ketaatan kepada syariat Allah untuk menjaga kehormatan, sopan santun, dan kemuliaan seorang wanita. Hal ini berbeza dengan agama Yahudi mahupun Kristian yang mementingkan kemewahan dan pangkat bangsawan serta kehormatan bagi suami. Sebelum ini, di dalam agama Yahudi telah ditetapkan bahawa membuka jilbab bagi wanita dianggap suatu pelanggaran yang boleh mengakibatkan terjadinya perceraian kerana dipandang sebagai satu bentuk ketidaksetiaan.<sup>53</sup>

---

<sup>52</sup> Sherif Abdel Azeem, *Sabda Langit Wanita Dalam Tradisi Islam, Yahudi, dan Kristen*, (Yogyakarta: Gama Media, 2001), 75.

<sup>53</sup> Neng Dara Affiah, *Islam, Kepimpinan, Wanita dan Seksualitas*, Cetakan Pertama, (Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia, 2017), 80.

Karya Qassim Amin di dalam bukunya *Tahrir al-Mar'ah* meragui pemakaian jilbab atau ‘veil’ dan membawa doktrin untuk menghapuskan pemakaian jilbab serta dianggap sebagai tanda permulaan feminism dalam budaya Arab. Beliau berpendapat bahawa adat dan pakaian wanita perlu ditukar khususnya penghapusan pemakaian jilbab supaya mencapai transformasi yang dikehendaki masyarakat kini.<sup>54</sup> Ucapan Samina dalam video mengenai hijab yang dinyatakan dalam al-Quran sedikit sebanyak menyerupai pemikiran Qassim Amin tentang jilbab.

Samina memulakan topik jilbab dalam ceramah beliau dengan memberitahu penonton mengenai kisah pada zaman Nabi Muhammad SAW berkenaan masalah gangguan seksual dan pemerkosaan wanita oleh lelaki yang berniat jahat dengan menganggu para wanita pada waktu malam. Para wanita terpaksa melalui kawasan bandar untuk pergi ke tempat terpencil atas urusan ingin qada hajat disebabkan pada waktu itu belum mempunyai sistem paip yang mampu memudahkan urusan para wanita. Para lelaki yang berkelakuan tidak baik mengambil peluang untuk menganggu para wanita pada waktu malam supaya identiti mereka tidak diketahui. Samina mengatakan bahawa peristiwa ini merupakan faktor Nabi Muhammad SAW diberi tugas oleh Allah SWT untuk mencari solusi kepada masalah yang berlaku dan kemudian para wanita beriman diperintahkan untuk memakai jilbab supaya dikenali dan tidak diganggu.

Samina menggambarkan analogi jilbab seperti zaman sekarang yang disamakan dengan *Burberry trench* atau jaket jenama *Chanel*. Samina mengatakan bahawa jilbab dipakai hanya menunjukkan status wanita pada waktu itu kerana apabila para wanita memakai jilbab seperti pakaian tertutup dari atas hingga bawah melambangkan wanita tersebut mempunyai pangkat dan kehormatan serta tidak boleh diganggu oleh para lelaki jahat. Hal ini mempunyai persamaan seperti pakaian *Burberry trench* atau jaket *Chanel*

---

<sup>54</sup> Leila Ahmed, *Women and Gender in Islam: Historical Roots of A Modern Debate*, (New Haven and London: Yale University Press, 1992), 144-145.

yang dipakai zaman sekarang yang menunjukkan simbol dan status bahawa sesiapa yang memakai pakaian tersebut merupakan golongan yang berharta dan berkemampuan untuk membeli pakaian tersebut, bukan dari golongan miskin dan tidak mampu memilikinya.

Menurut Samina, status dan kedudukan merupakan perkara dan peranan penting dalam kehidupan masa kini iaitu mampu memberi kepercayaan dan menunjukkan perbezaan taraf kehidupan seseorang. Jika pada zaman dahulu perbezaan pangkat adalah antara golongan bangsawan yang memiliki pangkat, status dan cara pemakaian yang berbeza berbanding hamba sahaya. Kini status seseorang dilihat daripada cara pemakaian dan kemampuan seseorang iaitu golongan kaya yang berbeza dengan golongan miskin seperti hamba sahaya. Samina berpendapat bahawa pangkat dan status merupakan perbezaan situasi seseorang mudah dikenali dan dilayan sama ada secara hormat atau pun hina. Keadaan ini sama seperti golongan hamba sahaya pada 1400 tahun lalu yang mudah diganggu oleh para lelaki jahat pada zaman itu kerana menganggap hamba sebagai objek dan boleh dilayan dengan keji.<sup>55</sup>

Samina berkata wanita yang mengenakan jilbab melambangkan wanita tersebut merupakan dari kelompok yang mempunyai puak dan bukan dari kalangan hamba sahaya. Wanita yang memakai jilbab dilindungi oleh kabilah atau puak dan bebas bersuara serta tidak mempunyai masalah apabila hendak mengadu berkaitan gangguan yang berlaku kepada mereka seperti kes rogol atau gangguan seksual manakala berbeza dengan golongan hamba yang tidak mempunyai puak untuk melindungi mereka dan tidak dapat bersuara serta mengadu apabila terjadi masalah yang berlaku.

Samina membawa tafsiran ayat al-Quran yang tidak jelas dan munasabah serta tidak ditafsirkan dengan baik mengikut garis panduan yang ditetapkan ulama selepas

---

<sup>55</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

bercerita mengenai kisah para wanita yang keluar pada waktu malam. Samina secara tiba-tiba menyebutkan bahawa ulama Islam telah menetapkan syarat dan garis panduan wanita dalam pemakaian dan dibahagikan kepada dua keadaan yang disebutkan dalam sub topik hijab sebelum ini. Bukti dan hujah yang dikemukakan Samina juga tidak wajar diambil oleh pengguna Internet di luar sana kerana Samina seperti mengikut rasional pemikiran dalam menjelaskan cara pemakaian dengan membawa contoh dirinya sendiri iaitu mempraktikkan apa yang ditetapkan oleh seseorang yang disebut ulama (*so called ulama*). menurut beliau dengan menutup aurat dan berpakaian mengikut kerjaya atau peranan dan suasana budaya masyarakat mengikut tempat seseorang menetap.<sup>56</sup>

### 3.1.4 *Khimar*

*Khimar* mempunyai banyak maksud seperti penutup muka, kepala, tudung, dan *veil* yang dikenali sebagai hijab dan *khimar*.<sup>57</sup> Malah, ada yang berpendapat bahawa kedua-dua terma ini bermaksud penghadang dan tudung (*veil*) yang menutup muka dan kepala.<sup>58</sup> Jumhur ulama berpendapat bahawa *khimar* adalah selendang yang boleh menutup kepala dan telekung yang merupakan pakaian solat wanita berasal daripada pensyariatan *khimar*. Telekung dalam bahasa Arab dipanggil ‘*Muqniah*’ dan cara memakai telekung ialah dengan menyarung kain ke seluruh badan serta membiarkan muka serta kedua telapak tangan sahaja yang boleh dilihat sewaktu solat.<sup>59</sup>

Penutup kepala di negara-negara Arab dipanggil *khimar* manakala di Malaysia disebutkan tudung, dan di Indonesia dipanggil kerudung atau jilbab. Nama lain bagi

<sup>56</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9IQ>

<sup>57</sup> Theodore Gabriel & Rabiha Hannah, “Islam and the Veil: Theoretical and Regional Contexts”, (London: Continuum International Publishing Group, 2011), 80.

<sup>58</sup> C.L. Bernardi, *Women and The Digitally-Mediated Revolution in the Middle East: Applying Digital Methods*, (New York: Routledge, 2019), 10.

<sup>59</sup> HAMKA, Arif Anggoro dan Dharmadi, peny., *1001 Soal Kehidupan*, Cetakan Pertama, (Jakarta: Gema Insani, 2016) 157.

*khimar* ialah *al-Maqani'*, iaitu bahagian hujung kain dilabuhkan ke bahagian dada untuk menutupi dada dan payudara wanita kerana wanita jahiliah pada zaman dahulu berjalan di hadapan para lelaki dengan keadaan dada terbuka sehingga ternampak perhiasan anggota badan yang lain.<sup>60</sup>

Samina berpendapat pada minit 5:54 bahawa *khimar* hanya merupakan pakaian dari sejarah awal Islam dan adat masyarakat Arab zaman dahulu dengan memakai penutup kepala dengan menyelitkan *khimar* ke bahagian belakang telinga serta kain penutup kepala dibiarkan labuh meleret ke bahagian belakang tubuh badan. Samina berkata wanita pada waktu itu ingin memperlihatkan bahagian dada mereka dengan membiarkan bahagian hadapan badan terbuka dan tidak ditutup secara sempurna dengan memakai *tight vest* atau *bodice*. Kemudian, Islam muncul dengan membawa ajaran Islam melalui al-Quran hingga tersebar ke bahagian Semenanjung Arab dan seterusnya Allah menurunkan perintah kepada Nabi Muhammad SAW supaya para wanita diwajibkan untuk memakai pakaian yang dapat menutup dan melindungi bahagian dada wanita.<sup>61</sup>

Samina menjelaskan bahawa tiga ayat yang disebutkan di awal ucapan beliau merupakan ayat yang menunjukkan cara pemakaian wanita. Walau bagaimanapun, Samina berpandangan pada minit ke 7:09 bahawa bahagian badan yang perlu ditutup dan dilindungi wanita dari pandangan lelaki tidak dinyatakan secara jelas oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Samina membuat penegasan secara fakta bahawa tiga ayat al-Quran yang disebutkan beliau sering dibahaskan di kalangan sarjana dan ulama Islam. Bahkan, Samina mendakwa bahawa ayat itu sengaja diturunkan oleh Allah SWT agar diberi

<sup>60</sup> Abdul Afif & Masaji Antoro, *Tanya Jawab Keagamaan*, (Yogyakarta: Pustaka Ilmu Sunni Salafiyah-KTB, 2013), 1191.

<sup>61</sup> Samina Ali, "What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman's Hijab," laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

kelonggaran untuk para wanita bebas dalam memahami dan mempunyai hak berpakaian mengikut kehendak mereka sesuai dengan budaya, peredaran masa dan aliran zaman.<sup>62</sup>

Kenyataan ini membuktikan bahawa Samina telah membuka ruang perdebatan secara tidak langsung apabila mengatakan bahawa Allah sengaja membiarkan ayat al-Quran tersebut tanpa memberikan penerangan kerana memberi kebebasan (*left intentionally vague*) kepada umat manusia untuk melakukan multi tafsir dalam menghuraikan ayat al-Quran mengenai tudung wanita. Kenyataan Samina seakan-akan menggunakan idea dan tafsiran beliau sendiri tanpa merujuk kepada pendapat sarjana dan cendekiawan Islam dalam memberi kebebasan untuk mentafsirkan ayat al-Quran sewenang-wenangnya tanpa garis panduan.<sup>63</sup>

Samina secara terang-terangan telah mempertikaikan kewibawaan al-Quran dengan mempersoalkan pensyariatan hijab, *khimar* dan jilbab. Malah, pendapat beliau jelas berprinsipkan hawa nafsu dan menganggap manusia tidak mempunyai agama dan garis panduan untuk diikuti dalam pemakaian. Pandangan beliau dapat mencalar kemuliaan al-Quran sekali gus boleh memanipulasi akidah umat Islam dan tersasar dari landasan yang disyariatkan Allah SWT. Samina mengemukakan penerangan yang tidak kukuh dan relevan kepada wanita Islam yang berhijab pada zaman dahulu dan kini.<sup>64</sup>

Pendapat Samina selari dengan pemikiran feminis dan SIS<sup>65</sup> yang mengatakan *khimar* atau tudung kepala bukan satu kewajipan dalam Islam kerana dalam ayat al-Quran tidak menyebutkan mengenai kewajipan menutup kepala. Tetapi yang sepatutnya ditutup adalah belahan dada wanita. Kemudian, SIS menyandarkan pendirian mereka dengan

<sup>62</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

<sup>63</sup> Ibid.

<sup>64</sup> Sellie Nisrina Faradila, “Samina Ali dan Hijab, Lost in Translation”, laman sesawang Kumparan, diakses 20 November 2021, <https://kumparan.com/selli-nisrina/samina-ali-dan-hijab-lost-in-translation>

<sup>65</sup> Shah Rizul Izyan Zulkiply, Mohd Muhiden Abd Rahman & Mohd Zahir Abdul Rahman, Metodologi Pemikiran Sisters in Islam terhadap Hijab: Analisis Kritikan Berasaskan Fiqh al-Hadith, *Jurnal al-Basirah* 6.1 (2016), 1-16.

mendatangkan makna *khimar* atau tudung yang dianggap sebagai fesyen kaum wanita Jahiliah semata-mata.

Pandangan ini menyerupai pandangan Fatimah Mernissi, Qasim Amin dan golongan liberalisme lain yang menyatakan pemakaian tudung itu tidak wajib dan hanya menjadi amalan masyarakat Jahiliah. Malah, golongan liberal dan feminis mendakwa negara akan menjadi mundur sekiranya kaum wanita bertudung kerana membuatkan wanita terasing dan terbatas dalam melakukan aktiviti kemasyarakatan. SIS berpendapat pakaian tidak melambangkan keimanan seseorang<sup>66</sup> dan wanita berhak memilih bentuk pakaian yang hendak dipakai mengikut tahap keimanan seseorang serta pemakaian yang berupa taqwa itu adalah sebaik-baiknya.<sup>67</sup>

Pentafsiran Samina penuh dengan sangkaan dan tekaan apabila cuba menimbulkan perbahasan bahawa hijab hanya merupakan keperluan dan kewajipan ke atas masyarakat pada zaman Nabi Muhammad SAW sahaja. Samina tidak menyebut mengenai hadith Nabi Muhammad SAW walau sedikit berkaitan dengan aurat dalam ucapan beliau. Sedangkan beliau berbicara mengenai hijab. Ini menunjukkan beliau tidak berautoriti dalam menyampaikan ilmu ini kerana bukan ahlinya. Tambahan lagi, Samina juga menyebut cara Muslimah berpakaian tanpa membicarakan soal aurat yang dianggap berat sebelah.<sup>68</sup>

---

<sup>66</sup> Wahidatul Hannan Nazari & Razali Musa, A View of Hijab Wearing from Muslim Feminism Perspective, *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1.1 (2021) 19-26.

<sup>67</sup> Sisters In Islam, “Kesopanan dan Kesederhanaan Pakaian Dalam Islam”. laman web *Sisters In Islam*, diakses 19 Februari 2023, <https://sistersinislam.org/kesopanan-dan-kesederhanaan-pakaian-dalam-islam/>

<sup>68</sup> Sellie Nisrina Faradila, “Samina Ali dan Hijab, Lost in Translation”, laman sesawang *Kumparan*, diakses 20 November 2021, <https://kumparan.com/sellie-nisrina/samina-ali-dan-hijab-lost-in-translation>

### **3.2 EMANSIPASI<sup>69</sup> WANITA**

Emansipasi adalah istilah yang digunakan untuk menjelaskan sejumlah usaha untuk mendapatkan hak politik mahupun persamaan darjat.<sup>70</sup> Emansipasi secara umumnya merujuk kepada pembebasan daripada perhambaan. Emansipasi wanita secara khusus bermaksud proses pelepasan diri wanita dari kedudukan sosial ekonomi yang rendah atau dari kekangan hukum yang membataskan diri wanita untuk berkembang dan maju. Emansipasi wanita yang dibawa oleh kerangka Barat lebih cenderung kepada pembebasan wanita dari kuasa dan kawalan kaum lelaki (patriarki) serta dari struktur kuasa tradisional. Dalam erti kata mudah, emansipasi memperjuangkan hak kesamarataan wanita dan lelaki.<sup>71</sup>

Kemunculan kebangkitan dan perjuangan emansipasi bermula di Barat sebelum abad ke 17 melalui kajian sejarah kemunculan gerakan feminism. Wanita tidak bernasib baik pada era tersebut jauh berbeza seperti mana zaman sekarang. Wanita tidak diberikan layanan yang baik dari konteks masyarakat dan dari sisi undang-undang seperti undang-undang harta, hak bersuara, kekeluargaan, ekonomi juga hak terhadap diri wanita sendiri.<sup>72</sup>

Wanita sebelum abad ke 18 tidak mempunyai hak bersuara, membuat aduan, menuntut perceraian, mengundi dalam segala jenis pilihanraya dan tidak mempunyai hak di dalam dunia pekerjaan dan kerjaya. Seterusnya, wanita menghadapi masalah dalam mengakses dan mendapat pendidikan sebagaimana lelaki yang diiktiraf dalam bidang

---

<sup>69</sup> Emansipasi bermaksud pemberian hak yang sama dalam hukum antara wanita dan lelaki. Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 386.

<sup>70</sup> Ely Dian Uswatina, Nur Mahmudah El Madja, & et al., *Power Wanita Dalam Mencegah Kekerasan Seksual*, Cetakan Pertama, (Jawa Tengah: PT. Nasya Expanding Management, 2021), 38.

<sup>71</sup> Amritjit Singh et al., *American Studies Today: An Introduction to Methods and Perspectives*, (New Delhi: Creative Books, 1995), 348.

<sup>72</sup> Kirsten Swinth, *Feminism's Forgotten Fight: The Unfinished Struggle for Work and Family*, (London: Harvard University Press, 2018), 2-3.

pendidikan dan melanjutkan pengajian ke dalam bidang yang pelbagai.<sup>73</sup> Kesan daripada ketidakadilan yang dialami, wanita di Eropah mula bangkit dan mengorak langkah pada abad ke 18 sejak kemunculan feminismé demi memperjuangkan kebebasan wanita dan menuntut hak-hak wanita supaya berada dalam keadaan sosial yang menyebelahi dan menguntungkan wanita.<sup>74</sup>

Samina membawa isu emansipasi dengan menceritakan kembali situasi ketika Rasulullah SAW masih hidup. Menurut Samina, lelaki dan wanita bebas berhubungan antara satu sama lain dan bebas bertukar hadiah sesama berlainan jantina. Samina berkata bahawa itu merupakan adat dan kebiasaan bagi seorang wanita untuk memilih dan melamar suami sendiri. Jika perkahwinan tidak berjalan dengan lancar, maka perceraian boleh berlaku. Bahkan wanita juga boleh bersuara lantang dan berdebat dengan Nabi Muhammad SAW sendiri.

Selain itu, Samina mendakwa bahawa wanita berhak mendapat kebebasan bersosial ketika zaman Nabi Muhammad SAW. Kemudian apabila Nabi wafat, wanita tidak diberikan hak tersebut dan perlu bersembunyi di sebalik pakaian mengikut hujah pentafsiran yang disebut ulama (*so called ulama*). Kemudian, Samina menyalahkan ulama dalam hal ini bahawa ulama fundamentalis memberikan hujah yang tidak benar. Kenyataan Samina menunjukkan bahawa pada zaman Nabi Muhammad SAW, wanita berhak bersuara dan bebas bergerak ke mana-mana seperti lelaki.

Malah, Samina mendakwa bahawa wanita tidak bebas berpakaian dan bergerak kerana wanita sering digangu oleh kaum lelaki jahat yang ingin melakukan gangguan seksual serta kesalahan itu diletakkan kepada wanita kaum wanita sahaja kerana cara

---

<sup>73</sup> Hulya Simga, *A Question for Humanity: Sexism, Oppression and Women's Rights*, (Zurich: LIT Verlag GmbH & Co. KG Wien, t.t.), 13.

<sup>74</sup> Gerald R. Leslie & Sheila K. Korman, *The Family in Social Context*, ed. ke 6, (New York: Oxford University Press, 1985), 69.

pemakaian wanita. Samina mengatakan bahawa apabila wanita sering dipersalahkan, sepatutnya wanita perlu diberitahu sejak awal lagi bahawa wanita hanya perlu berada di rumah dan hanya berperanan melakukan kerja harian serta tidak perlu campur tangan dalam urusan masyarakat.

Samina juga mengulas mengenai isu penindasan wanita dalam video beliau dengan menyebut beberapa isu semasa mengenai seksaan terhadap wanita berhijab di luar negara. Jika pelajar wanita cuba pergi ke sekolah, dia ditembak di kepala. Jika dia cuba memandu kereta, dia akan dipenjara. Jika dia cuba untuk bersuara dalam isu politik untuk negaranya sendiri, dia akan diserang di khalayak awam. Samina berkata jika lelaki zaman dahulu menganggu pada waktu gelap di pinggiran kota, tetapi sekarang ini segelintir lelaki sudah selesa dan berani untuk menyerang dan menganggu wanita di jalan untuk ditunjukkan kepada dunia.

Pendapat Samina sama seperti feminis dan SIS yang bermain dengan isu semasa seperti isu arahan pemakaian tudung kepada pelajar sekolah dengan menolak sebarang usaha memaksa seseorang pelajar sama ada memakai tudung atau sebaliknya di Malaysia.<sup>75</sup> SIS mempunyai pendapat yang sama seperti Samina dengan hanya merujuk kepada pendapat diri sendiri sahaja. Hakikatnya, kejadian golongan wanita ditembak dan dipenjara tidak terjadi di setiap negara, dan bukan semua lelaki di seluruh negara menganggu wanita. Kejadian itu hanya berlaku di sebahagian tempat dan tempat tertentu sahaja.

Feminis dan SIS mendukung gerakan emansipasi atau pembebasan wanita untuk mewujudkan persamaan di antara lelaki dan wanita (*gender equality*). Kemasukan intelektual wanita Islam yang berjuang atas nama pembebasan wanita (*women's liberations/mancipation*) telah dijadikan saluran untuk bersuara dan merosakkan

---

<sup>75</sup> Gerald R. Leslie & Sheila K. Korman, *The Family in Social Context*, ed. ke 6, (New York: Oxford University Press, 1985), 69.

kemurnian dan keutuhan ajaran Islam. SIS menyuarakan pelantikan wanita sebagai hakim selaras dengan prinsip kesamarataan gender seperti yang disebut di dalam al-Quran surah al-Taubah ayat 71, yang menyatakan bahawa lelaki dan wanita merupakan “*awliyā*” yang bermaksud pelindung atau penjaga selain memetik pandangan ahli feqah al-Tabari dan Ibn Hazm yang menyatakan bahawa asal wanita itu mempunyai kelayakan bagi menjadi hakim dalam semua jenis kes tanpa sebarang pengecualian.<sup>76</sup>

Isu yang sama cuba dipropagandakan oleh golongan ini iaitu berkaitan kedudukan kaum wanita Muslim dari sudut syariah.<sup>77</sup> Antara sebab yang mendorong SIS menyuarakan isu feminin adalah kerana rasa tidak puas hati yang timbul tentang kedudukan wanita menurut undang-undang Islam. Mereka mendakwa bahawa prinsip feqah yang diasaskan dalam undang-undang Islam adalah tidak mutlak. Bahkan ia bersifat ‘*man-made fiqh*’ yang bermaksud hasil daripada usaha ilmu manusia, bukan undang-undang syariah.<sup>78</sup>

<sup>76</sup> Fatin Nabillah Md Bahrudin, Hasanah Abd. Khafidz dan Zulkefli Aini, “Penyebaran Pemikiran Berkaitan Akidah dalam Laman Sesawang Sisters in Islam (SIS)”, *Jurnal al-Hikmah* 10.2 (2018) 95-109.

<sup>77</sup> Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Mazlan Ibrahim, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*, (Bangi: UKM, 2017), 70.

<sup>78</sup> *Ibid*, 66.

### **3.2.1 Kepimpinan Wanita**

Konteks hubungan kuasa antara pemimpin dengan pengikut merupakan maksud sebuah kepimpinan dan pemimpin merupakan seorang yang berkuasa serta berkeupayaan untuk membawa perubahan terhadap para pengikutnya.<sup>79</sup> Pemimpin banyak didominasi oleh kaum lelaki di seluruh negara. Namun, terdapat juga beberapa wanita menjadi pemimpin dalam jumlah yang agak kecil. Kepimpinan wanita bermaksud keupayaan wanita untuk terlibat dan mengurus orang lain dalam organisasi yang melibatkan masyarakat umum dan melangkaui jaringan kekerabatan atau lingkungan kekeluargaan.<sup>80</sup>

Walau bagaimanapun, terdapat perdebatan untuk menuntut keadilan dan kesamarataan antara dua gender lelaki dan wanita. Gender merujuk kepada sifat maskulin dan feminin yang dipengaruhi oleh sesuatu keadaan dan gender bermaksud perkara-perkara kemasyarakatan atau sosial yang berkaitan dengan seks. Gender dilihat sebagai perbezaan yang berlaku antara lelaki dan wanita dengan merujuk kepada sosiologi dan biologi yang menjadi diskriminasi dalam sesebuah masyarakat.<sup>81</sup>

Feminis Muslim berjuang untuk keinginan dan kesamarataan antara kedudukan lelaki dan wanita terutamanya dari aspek hukum syariah. Ini berlaku disebabkan oleh diskriminasi oleh sesetengah negara yang membawa Islam sebagai simbolik negaranya tetapi berlaku ketidakadilan di sebalik negaranya itu. Golongan feminis memperjuangkan hak kepimpinan wanita dan berpendapat hak wanita sama sahaja dengan kaum lelaki malah tidak menerima ayat al-Quran yang menjadikan lelaki sebagai pemimpin dalam rumah tangga.<sup>82</sup>

<sup>79</sup> Neal E. Chalofsky, *Meaningful Workplaces: Reframing How and Where We Work*, (San Francisco: Josey-Bass, 2010), 14.

<sup>80</sup> Des Dearlove & Stuart Crainer, *What We Mean When We Talk About Leadership*, (Oxford: Infinite Ideas Limited, 2015), 97.

<sup>81</sup> Stephanie A. Shields, *Speaking from the Heart: Gender and the Social Meaning of Emotion*, (Cambridge: Cambridge University Press, 2002), 11.

<sup>82</sup> Khalif Muammar A. Harris dan Adibah Muhtar, "Konsep Kesetaraan Gender Menurut Perspektif Islam dan Barat," *Jurnal AFKAR* 21 (2019) 45-47.

Samina berkata pada 1400 tahun dahulu, jauh sebelum kehadiran feminism, adakah wanita dikunci di rumah sebalik pintu dan ditutupi oleh tudung? Sebenarnya, isteri pertama Nabi Muhammad SAW merupakan seorang CEO menurut Samina Ali pada minit 10:13. Siti Khadijah RA merupakan seorang usahawan yang berjaya serta memiliki syarikat import dan eksport jika disamakan dengan zaman sekarang. Apabila Siti Khadijah RA mengambil Nabi Muhammad SAW bekerja, Khadijah terpesona dengan kejujuran Nabi Muhammad dan melamar Baginda. Samina berkata pada minit 10:47, beliau tidak pasti adakah masih lagi wujud wanita yang berasa selesa melamar perkahwinan kepada pihak lelaki pada hari ini.<sup>83</sup>

Seterusnya Samina meneruskan ucapan beliau pada minit 10:49 dengan menceritakan isteri kedua Nabi Muhammad SAW yang dikatakan beliau bukan seorang yang pemalas dan menyertai perperangan dengan menunggang unta. Jika di zaman sekarang, ia menyerupai seperti menaiki *Humvee* atau kereta kebal, apakah lagi wanita lain?. Selain itu, Samina berucap bahawa terdapat seorang wanita merayu untuk menyertai perperangan Islam yang berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW. Malah, terdapat juga seorang wanita masyhur dikenali masyarakat kerana telah menjadi jeneral dengan memimpin pasukan tentera dalam pertempuran dan menentang pemberontakan pada zaman itu.<sup>84</sup>

Menurut Samina pada minit 11:22, wanita pada zaman itu sudah berada di hadapan seiring dengan kaum lelaki melakukan pekerjaan yang boleh dikatakan bagus dan hebat seperti kaum lelaki. Kaum wanita dan lelaki pada zaman itu bebas bergaul dan berdebat dengan Nabi Muhammad SAW. Samina merasakan kehebatan seperti itu perlu dibawa kembali ke zaman ini sebagai seorang wanita. Samina mempersoalkan mengapa

<sup>83</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>.

<sup>84</sup> *Ibid.*

wanita dikaitkan dengan hijab di dalam al-Quran dan sejarah Islam yang secara jelas memberi tekanan terhadap wanita dan memberi kesan kepada wanita apabila dipisahkan serta diasingkan dari masyarakat serta dihalang hak asasi mereka?<sup>85</sup> Samina mengatakan bahawa maksud hijab yang sebenar ialah pengasingan dan penindasan yang berlaku terhadap wanita Islam kini dan menyebabkan wanita Islam dianiaya.

Apabila diteliti, pendapat Samina mengenai wanita yang berada di hadapan seiring dengan lelaki menyerupai Amina Wadud kerana Samina terlibat bersama Amina Wadud dalam kontroversi wanita boleh menjadi imam dan membaca khutbah Jumaat, malah Amina Wadud turut mencaci al-Quran dan Sunnah serta ajaran Islam. Amina Wadud merupakan seorang Muslim tetapi meragui kitab suci agama Islam dan lebih mengejutkan sebelum ini beliau bekerja sebagai profesor pengajian Islam dan pernah menjadi penolong profesor di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia selama tiga tahun.<sup>86</sup>

Amina Wadud mempercayai pendiriannya merupakan satu bentuk transformasi untuk masyarakat Muslim lain apabila tanggungjawab imam bukan merupakan tanggungjawab kepada kaum lelaki semata-mata kerana wanita juga dibolehkan untuk mengimamkan solat terutamanya solat Jumaat bagi lelaki dan wanita. Amina Wadud pernah mengetuai imam solat Jumaat di Amerika Syarikat pada tahun 2005 dan diikuti oleh maknum lelaki seramai 40 orang dan maknum wanita sebanyak 60 orang.<sup>87</sup>

<sup>85</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9IQ>.

<sup>86</sup> Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Mazlan Ibrahim, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran* (Bangi: UKM, 2017), 66.

<sup>87</sup> Shahidatul Ashikin Shahran, Najah Nadiah Amran & Latifah Abdul Majid, “Bidang Jihad bagi Wanita Menurut Perspektif Amina Wadud”, *Jurnal al-Turath* 6.1 (2021), 10-17.

### **3.2.2 Hak Keadilan Wanita**

Perlindungan terhadap hak wanita telah diperjuangkan sejak sekitar tahun 60-an yang lalu bersama perjuangan menegakkan hak asasi manusia yang dilancarkan pada 10 Disember 1948.<sup>88</sup> Selain itu, tuntutan terhadap hak wanita untuk mendapatkan pekerjaan dan pendidikan muncul sewaktu Revolusi Perancis pada tahun 1789 ketika tuntutan ‘*Petition of Women of the Third Estate to the King*’. Mary Wollstonecraft di dalam bukunya ‘*A Vindication of the Rights of Woman*’ menyatakan bahawa kemampuan intelektual wanita dikatakan lemah adalah kerana ketidakadilan pendidikan dan nilai-nilai masyarakat yang tidak bagus serta memberi kesan yang buruk kepada wanita.<sup>89</sup>

Hak wanita ialah sebagaimana yang ditetapkan dalam *World Conference International Year of Women* PBB iaitu pada tahun 1975 di Mexico City yang menghasilkan deklarasi persamaan antara wanita dan lelaki dalam iaitu hak wanita dalam pendidikan dan pekerjaan, memberi keutamaan terhadap pembangunan bagi kaum wanita dan memperluaskan penglibatan wanita dalam pembangunan.<sup>90</sup>

Beberapa aliran feminism menuntut kesetaraan gender meliputi beberapa hal berikut seperti tuntutan persamaan fizikal yang bermaksud daya dan kekuatan lelaki dan wanita adalah sama. Feminis berpandangan dan beranggapan bahawa wanita itu lemah, emosional serta irasional malah feminis menuntut segala perbuatan yang dilakukan oleh lelaki boleh dilakukan wanita secara automatik. Selain itu, feminis mahu peranan gender boleh dipertukarkan oleh sesiapa pun tidak mengira jantina.<sup>91</sup>

<sup>88</sup> Shelly Grabe, *Women's Human Rights: A Social Psychological Perspective on Resistance, Liberation, and Justice*, (New York: Oxford University Press, 2018), 206.

<sup>89</sup> Khalif Muammar A. Harris dan Adibah Muhtar, “Konsep Kesetaraan Gender Menurut Perspektif Islam dan Barat,” *Jurnal AFKAR* 21 (2019), 45-47.

<sup>90</sup> Jocelyn Olecott, *International Women's Year: The Greatest Consciousness-Raising Event in History*, (New York: Oxford University Press, 2017) 192.

<sup>91</sup> M. Hajar Mutawakkil, “Keadilan Islam Dalam Persoalan Gender,” *Jurnal Studi Agama dan pemikiran Islam* 12.1 (2014), 67-89.

Tambahan pula, feminis juga menuntut persamaan hak seksual iaitu wanita berhak mendapatkan kenikmatan yang sama dalam hubungan seksual seperti lelaki dan wanita berhak menggunakan tubuh mengikut kehendak diri sendiri dan tidak akan bergantung kepada lelaki.<sup>92</sup> Tambahan pula, feminis menginginkan persamaan hak sosial atau perubahan sosial masyarakat di mana wanita tidak hanya dikaitkan dengan hal rumah tangga, begitu juga lelaki tidak hanya dikaitkan dengan pekerjaan luar mereka sahaja.<sup>93</sup> Aliran feminism ini membawa kenyataan yang sama seperti Samina iaitu mengenai hak keadilan dan peranan wanita itu sendiri.

Samina berkata wanita Islam mempunyai hak yang terbatas iaitu tidak mempunyai hak untuk bersuara dan hak mentafsirkan al-Quran sebagaimana lelaki. Samina dengan berani mendakwa bahawa proses pentafsiran al-Quran telah berkembang pada zaman selepas Nabi Muhammad SAW dan terdapat ilmuwan yang memasukkan terjemahan hijab ke dalamnya supaya wanita menutup segalanya kecuali muka dan tapak tangan. Ini menunjukkan sekatan terhadap pemakaian wanita dan tidak sepatutnya dilakukan. Malah golongan ini juga menyatakan bahawa wanita mempunyai satu peranan sahaja iaitu hanya mengikut apa yang disuruh oleh suami supaya mendapat redha Allah SWT.<sup>94</sup>

Samina menyuarakan pandangan beliau terhadap wanita yang dijadikan hamba dan dibelenggu oleh suami apabila wanita tidak mempunyai kebebasan dalam rumah tangga. Samina menyatakan bahawa wanita hanya duduk di rumah sahaja dan sememangnya menjadi tugas wanita dalam hal mengemas rumah yang berbeza dengan wanita yang bekerjaya. Samina menzahirkan bahawa wanita juga ingin berjaya dan berdiri seiring dengan kaum lelaki dengan tidak melakukan kerja sebagai suri rumah

<sup>92</sup> M. Hajir Mutawakkil, “Keadilan Islam Dalam Persoalan Gender,” *Jurnal Studi Agama dan pemikiran Islam* 12.1 (2014), 67-89.

<sup>93</sup> *Ibid.*

<sup>94</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>.

sahaja. Samina menyoal dengan berkata adakah ini yang disuruh oleh Tuhan dengan menjadikan wanita sebagai hamba di rumah dan menuruti segala yang diinginkan oleh suami? Jadi, Samina menyimpulkan bahawa tiada perbezaan antara lelaki zaman ini dengan mereka yang berada pada 1400 tahun dahulu iaitu menjadikan wanita sebagai tempat untuk memuaskan nafsu.

Samina turut menyatakan bahawa berlaku bentuk hubungan gender yang tidak mesra dalam rumah tangga seperti sering berlaku keganasan, penderaan fizikal dan mental, keganasan, pembunuhan, pemerkosaan serta perlecehan seksual berlaku dalam masyarakat kontemporari kini. Wanita juga turut dipersalahkan atas cara pemakaian yang menyebabkan kaum lelaki melakukan gangguan seksual terhadap wanita dengan tidak mencontohi pemakaian hijab pada zaman Rasulullah SAW. Malah, Samina menyuarakan mengenai ketidakadilan yang berlaku apabila pemakaian tudung memberi kesan kepada pemisahan seseorang dari masyarakat dengan hidup dalam keadaan yang terpencil dan disekat hak asasi manusia serta tidak mempunyai kebebasan dalam hidup.

Hujah Samina jelas menunjukkan bahawa beliau menggunakan konsep pengalaman dari perspektif diri beliau sendiri apabila menceritakan mengenai penindasan wanita dalam hal rumah tangga. Namun, kenyataan Samina mengenai penindasan terhadap wanita tidak sepatutnya dipukul sama rata dengan menyamakan keadaan setiap orang dengan wanita lain di luar sana yang tidak ditindas. Samina tidak wajar mempunyai pandangan *bias* yang dipersalahkan atas nama Islam. Malah, pensyariatan hijab juga sudah jelas melindungi diri wanita daripada diganggu oleh lelaki jahat dan banyak kajian yang dijalankan membuktikan bahawa wanita yang berhijab lebih selamat serta tidak diganggu oleh lelaki miang.

Samina membawa gagasan pemikiran yang sama seperti SIS dengan mendesak agar undang-undang keluarga Islam di Malaysia diubah kerana mendiskriminasi kaum

wanita. SIS menganggap undang-undang keluarga Islam yang wujud semenjak tahun 1990 amat mundur dengan mengenepikan dan menyisihkan hak kaum wanita bahkan mengatakan bahawa undang-undang tersebut kurang membantu serta perlu disusun semula. Hakikatnya, ketidakadilan yang dihadapi wanita tidak berlaku kepada setiap masyarakat namun hanya segelintir sahaja dalam sesebuah keluarga. Malah, ramai wanita yang berkerjaya dapat membantu keluarga dan mendapat hak yang sepatutnya pada zaman kini.

SIS juga menyerupai Samina dengan menyeleweng beberapa potong ayat al-Quran mengenai poligami bagi masyarakat Islam. Alasan yang mereka gunakan ialah amat mustahil bagi lelaki untuk berlaku adil apabila berpoligami dan akan menyebabkan ketidakadilan kepada isteri.<sup>95</sup> Seorang tokoh Arab moden iaitu Naṣr Ḥamid Abu Zayd dalam bukunya *Mafhūm al-Nās: Dirāsah fī ‘Ulūm al-Qur’ān* mengkritik pembahagian harta pusaka terhadap kaum wanita iaitu separuh daripada kaum lelaki, Beliau berpendapat bahawa ia perlu diijtihadkan semula bagi meletakkan al-Quran sesuai dengan zaman dan tempat serta memberi hak harta pusaka yang setanding dengan lelaki.<sup>96</sup>

Laleh Bakhtiar yang juga merupakan bekas pensyarah pengajian Islam di Universiti Chicago memberi tafsiran yang menyimpang terhadap ayat 34 surah al-Nisā' berkaitan *nusyuz*. Beliau mentafsirkan perkataan '*idrib*' bermaksud menjauhi berbeza dengan tafsiran ulama klasik mentafsirkan perkatan '*idrib*' ialah pukul. Laleh berpendapat tafsiran ulama klasik membenarkan penderaan terhadap wanita dan tafsiran 'menjauhi' lebih bersifat lembut serta sesuai digunakan dalam konteks masyarakat sekarang.<sup>97</sup> Pandangan Naṣr Ḥamid Abu Zayd dan Laleh Bakhtiar persis menyerupai

<sup>95</sup> Fatin Nabillah Md Bahrudin, Hasanah Abd. Khafidz dan Zulkefli Aini, "Penyebaran Pemikiran Berkaitan Akidah dalam Laman Sesawang Sisters in Islam (SIS)", *Jurnal Al-Hikmah* 10.2 (2018), 95-109.

<sup>96</sup> Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Mazlan Ibrahim, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*, (Bangi: UKM, 2017), 66.

<sup>97</sup> *Ibid*, 66.

pendapat Samina Ali dalam mempertikaikan keautoritian ulama bahawa pentafsiran ulama klasik atau fundamentalis tidak wajar lagi digunakan oleh masyarakat Islam kini. Malah, Samina menyatakan bahawa wanita juga layak mentafsirkan al-Quran kerana kebanyakan ulama adalah dari kaum lelaki lalu mereka memberikan pentafsiran mengikut hawa nafsu dan kecenderungan lelaki atau dipanggil patriarki iaitu lelaki lebih berkuasa berbanding wanita.

### **3.3 KEUNGGULAN LELAKI DALAM ISLAM (PATRIARKI)**

Patriarki bermaksud dominasi kaum lelaki di mana wanita tidak mempunyai peluang dan diberi kuasa formal serta kedudukan awam mengatasi lelaki. Ia juga merujuk kepada politik keistimewaan lelaki melalui idea perbezaan seksual, hierarki gender dan ketidaksamaan.<sup>98</sup> Misogini merupakan perkataan lawan bagi patriarki yang bermaksud pembenci wanita. Feminis seperti Nawal Saadawi, Fatima Mernissi dan Riffat Hassan mengatakan bahawa hadith mempunyai elemen misogini dan intrepretasi anti wanita sama ada secara langsung atau tidak langsung.<sup>99</sup>

Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa amalan misogini dan budaya patriarki berasal dari budaya lain seperti Yunani, Byzantin dan Parsi namun kemudian ia meresap masuk ke dalam amalan sosial umat Islam. Pandangan lain mengatakan bahawa isu misogini atau anti-wanita dalam masyarakat Islam mempunyai hujah tidak berasas dan sudah tentu ia bukan berasal dari al-Quran, ajaran Nabi Muhammad SAW atau dari tradisi awal masyarakat Islam.<sup>100</sup>

---

<sup>98</sup> Asma Barlas, “*Believing Women*” in *Islam: Unreading Patriarchal Interpretations of the Quran* (Austin: University of Texas Press, 2002) 97.

<sup>99</sup> Syamsul Hadi Untung & Achmad Idris, “Telaah Kritis Terhadap Hadis Misoginis”, *Kalimah: Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam* 11.1 (2013), 37-53.

<sup>100</sup> S.M Ali, *The Position of Women in Islam: A Progressive View* (New York: State University of New York, 2004)

*Oxford Advanced Learner's Dictionary* menyebutkan ‘*patriarchy refers to a society, a system, or a country that is ruled or controlled by men*’. Lelaki mendominasi, mengawal dan mempunyai kuasa dalam masyarakat manakala wanita mempunyai pengaruh yang sedikit dan tidak memiliki hak serta kedudukan dalam masyarakat. Patriarki juga membawa maksud pergantungan kepada lelaki dari aspek sosial, ekonomi, psikologi, politik dan institusi pernikahan. Kedudukan wanita selalu dianggap hanya berada di bawah kepimpinan lelaki dan lelaki mesti berada di atas untuk menjadi pemimpin terhadap wanita.<sup>101</sup>

Patriarki merupakan sebuah sistem yang menempatkan lelaki pada kedudukan yang tertinggi, manakala isteri dan anak-anak terletak di kedudukan yang rendah. Wanita atau isteri hanya ditugaskan untuk melayan, berdamping dan menghiburkan suami apabila perlu. Anak pula hanya dianggap sebagai pewaris dan penghibur dalam keluarga. Menurut Khāled Abū al-Faḍl, masyarakat Islam kurang peka dan gagal mengetahui sisi negatif sistem patriarki daripada awal bahawa patriarki merupakan satu bentuk kezaliman yang menjadi doktrin menyerang pemikiran masyarakat Islam.<sup>102</sup>

Patriarki dikatakan telah memberi implikasi yang negatif dalam mempengaruhi kefahaman terhadap agama Islam yang mengatakan ketidakadilan dan perbezaan gender terjadi dalam agama Islam. Patriarki juga dianggap menghapuskan peranan wanita sebagai khalifah Allah dengan mengurangkan kepentingan dan tanggungjawab wanita di dalam al-Quran dan Sunnah. Malah, potensi wanita sebagai hamba Allah yang kuat mengerjakan amalan kebaikan dihilangkan secara signifikan oleh sistem patriarki.<sup>103</sup>

<sup>101</sup> Eka Harisma Wardani, “Belenggu-belenggu Patriarki: Sebuah Pemikiran Feminisme Psikoanalisis Toni Morrison Dalam *the Bluest Eye*” (Skripsi Studi Strata 1 Juusan Sastra Inggeris dalam Ilmu Susastra (Fakultas Ilmu Budaya), Universitas Diponegoro,2009), 13.

<sup>102</sup> Nina Nurnila, “Pengaruh Budaya Patriarki Terhadap Pemahaman Agama dan Pembentukan Budaya”, *Jurnal KARSA* 23.1 (2015), 1-16.

<sup>103</sup> M. Arfan Mu’ammor dan Abdul Wahid Hasan, *Studi Islam Kontemporer Perspektif Insider/Outsider*, (Yogyakarta, IRCiSoD, 2017) 195.

Samina juga berkata kewajipan menutup aurat tidak diperintahkan oleh Allah SWT tetapi merupakan idea ulama dan menyalahkan ulama atas dasar kewajipan tersebut serta mengatakan bahawa kewajipan itu ditokok tambah oleh ulama mengikut nafsu mereka dengan sengaja menambah beberapa makna dan maksud lain dalam terjemahan ayat al-Quran yang berbunyi; "Wahai Nabi katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak wanitamu dan wanita-wanita yang beriman untuk mengenakan pakaian mereka hingga menutup seluruh tubuh". Samina berpendapat bahawa tafsiran seseorang yang mendakwa dirinya ulama (*so called ulama*) merupakan usaha fundamentalis yang mengembalikan masyarakat Islam sekarang kepada tahun 680 Masihi lalu melalui pemakaian hijab.<sup>104</sup>

Samina berkata ulama bersifat patriarki secara tidak langsung bersifat dominan dan menyuruh wanita untuk menutup seluruh tubuh badan menggunakan kain tudung yang melitupi seluruh kepala dan wajah, leher dan payudara hingga ke pergelangan kaki dan tangan. Samina mengatakan masyarakat Arab menutup seluruh tubuh badan mereka kecuali mata kerana digunakan untuk melihat arah, malah tangan juga ditutup dengan memakai sarung tangan. Samina berkata dengan nada sinis, sudah tentu terdapat banyak sarung tangan di padang pasir yang terletak di Arab Saudi pada waktu itu. Samina juga berpendapat bahawa para ulama telah membuat kesimpulan bahawa seorang wanita hanya mempunyai satu fungsi atau peranan.

Samina berkata untuk memahami apa itu fungsi dan peranan yang dimaksudkan oleh ulama, penonton mesti membaca beberapa fatwa atau ketetapan hukum yang disebut oleh mereka yang dikatakan ulama (*so called ulama*). Samina memberikan contoh iaitu seorang wanita hanya perlu menamatkan sekolah rendah sebelum dia berkahwin dan wanita tidak boleh memenuhi kewajipan kerohanianya kepada Tuhan sehingga dia memenuhi kewajipan fizikal kepada suami. Jika suami menginginkan seks terhadap

---

<sup>104</sup> Samina Ali, "What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman's Hijab," laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

wanita semasa berada di atas unta sekalipun, wanita harus tunduk dan patuh kepada arahan suami menurut Samina. Samina mengatakan bahawa Islam melarang wanita memakai bra kerana bra membuat wanita kelihatan lebih muda, dan ini dikira sebagai penipuan terhadap wanita.

Samina berucap dari pandangan peribadi beliau, jika seorang lelaki mempunyai ‘ulser mengeluarkan puss’ (bernafsu), dari atas kepalanya hingga ke bawah kakinya dan isteri menjilatnya, isteri itu masih tidak dapat menyempurnakan tanggungjawab terhadap suami jika suami berkata ia masih belum sempurna. Samina mempersoalkan apakah semua peraturan-peraturan yang dilalui oleh wanita ini berasal dari Islam? Tambah Samina lagi, wanita yang paling baik dan yang paling terhormat di antara mereka adalah yang tidak berpendidikan dan tidak berdaya saing jauh berbeza dengan hamba, jadi wanita perlu tetap berada di rumah tanpa keluhan, tanpa bra, sentiasa bersiap sedia setiap masa untuk memuaskan setiap keinginan suami setiap kali diseru, sama ada di tempat tidurnya atau di atas unta. Samina mengemukakan soalan adakah semua ini kedengaran seperti apa yang Tuhan perintahkan?

Adakah ini terdengar seperti ayat suci al-Quran yang diturunkan Tuhan? Semua ini adalah erotik dan tidak sepatutnya berlaku dan ia adalah khayalan misogini yang terburuk. Pada minit 17:11, Samina bertanya adakah yang dikatakan ulama, golongan fundamentalis dan ekstremis yang memberikan hak kepada lelaki benar-benar melaksanakan Islam yang sebenar, dengan mengaitkan kembali kepada bentuk asal pada zaman dahulu (*fundamental*)? Atau adakah mempunyai perbezaan antara lelaki-lelaki ini dengan lelaki yang menganggu dalam kegelapan malam di pinggiran kota yang ingin menjadikan wanita sebagai mangsa?<sup>105</sup>

---

<sup>105</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

Gangguan tersebut ialah peristiwa yang diceritakan oleh Samina iaitu pada 1400 tahun dulu di kota Madinah, Arab Saudi. Pada waktu itu, Nabi Muhammad SAW ditugaskan untuk mencari solusi kepada wanita yang sering diserang dan diganggu di pinggiran kota oleh lelaki yang berniat jahat. Ia berlaku sekitar 600 tahun selepas Masihi sebelum wujudnya sistem paip yang sempurna. Kaum wanita terpaksa bangun di tengah malam dan pergi ke pinggiran kota sendirian untuk menunaikan hajat. Maka, segelintir lelaki yang tidak bertanggungjawab telah mengambil peluang dan mula berkeliaran di pinggiran bandar untuk menganggu para wanita tanpa mengetahui identiti lelaki tersebut kerana keadaan yang gelap pada waktu itu menurut Samina.<sup>106</sup>

Maka, Samina menganggap lelaki merupakan punca dari segala masalah yang berlaku dan wanita pula yang terpaksa menanggung akibat tersebut pada minit 17:25. Samina mendakwa akibat daripada gangguan segelintir kaum lelaki tersebut maka solusinya ialah wanita terpaksa memakai jilbab seperti kot (*coat*) bagi menunjukkan wanita itu seorang yang dikenali dan dilindungi oleh puaknya. Maka wanita tersebut tidak akan diganggu. Jika wanita tersebut tidak memakai jilbab, wanita tersebut akan diganggu kerana ia menunjukkan wanita dari kalangan hamba dan tidak dilindungi. Ini merupakan satu bentuk ketidakadilan terhadap wanita menurut Samina lagi.<sup>107</sup>

Situasi ini sama seperti SIS yang menentang syariah dan menganggap agama Islam bersikap bias gender iaitu sentiasa melebihkan lelaki dan mendiskriminasi wanita. Menurut SIS, syariah telah membezakan lelaki dan wanita dalam banyak fasal perundangannya. Sikap bias gender dan diskriminasi terhadap wanita oleh syariah terbukti setelah ia mengkhususkan fungsi wanita atas alasan faktor maruah dan

<sup>106</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

<sup>107</sup> Ibid.

kesesuaian biologi kepada peranan-peranan yang bersifat domestik dalam skop yang kecil dan terbatas.

Feminis berkata wanita seringkali digambarkan hanya boleh mempunyai peranan di rumah, mendidik anak-anak, melayan suami, dan melakukan kerja-kerjanya sebagai suri rumah. Selain kedudukan wanita sebagai kelas kedua dalam bidang kerjaya, wanita juga direndahkan martabatnya dalam hukum-hukum persaksian, akikah, *taharah* dan sebagainya. Norhayati Kaprawi berkata wanita digambarkan sebagai makhluk seksual dalam teks fiqh klasik, bukan sebagai makhluk sosial, malah hak mereka hanya dibincangkan dalam konteks undang-undang keluarga.<sup>108</sup>

Kesimpulan daripada kenyataan Samina mengenai ketidakadilan dan penindasan yang berlaku terhadap wanita penuh keraguan dan bersifat *personal* dengan menyuarakan pandangan peribadinya terhadap fakta yang menggunakan sumber rujukan tidak jelas. Ini menyalahi konsep ilmu itu sendiri. Rancangan ini tidak patut menggunakan tajuk hijab bagi mengelirukan penonton kerana Samina banyak mengulas mengenai isu hak wanita, kebebasan wanita yang ditindas oleh patriarki dalam video tersebut. Samina hanya menyebut beberapa kali sahaja ayat al-Quran di dalam ucapan beliau mengenai hijab dan Samina sebenarnya memberikan hujah yang tidak berasal daripada al-Quran.

Samina tidak mempunyai kepakaran dalam bidang agama dan membawa wawasan feminism secara jelas seperti SIS yang ingin bersuara untuk kebebasan wanita serta menggunakan pemikiran liberal dalam menyatakan hujah beliau. Penggunaan ayat al-Quran sewenang-wenangnya perlu dibendung agar mengelakkan kesesatan di kalangan umat Islam dan bukan Islam. Al-Quran dan Islam telah memberikan solusi terhadap ketidakadilan yang berlaku kepada wanita. Namun

---

<sup>108</sup> Indriaty Ismail dan Ahmad Muhyuddin Haji Hassan, Pemikiran Sisters in Islam dan Hak Asasi Manusia. *Jurnal Akademika* 91.1 (2021) 151-164.

sebahagian umat Islam lebih memilih solusi yang diusul oleh golongan Barat. Umat Islam perlu memperkuuhkan benteng keimanan dan mendedahkan masyarakat dengan ilmu agama dan kefahaman yang berkaitan dengan bentuk-bentuk serangan musuh Islam yang menghancurkan agama seperti ancaman ideologi dan aliran pemikiran orientalisme, liberalisme, feminism dan lain-lain.

### 3.4 KESIMPULAN

Pengucapan Samina Ali agak tersasar dari landasan tajuk yang hendak dibincangkan dalam video “*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab?*”. Video ini sama sekali tidak menyatakan apa yang sepatutnya diperkatakan oleh al-Quran dengan jelas mengenai hijab dan hanya menerangkan sebahagian isi kandungan mengenai pemakaian hijab yang diterangkan secara rawak dalam video beliau. Perbincangan mengenai hijab hanya berlaku pada awal pengucapan sahaja kemudian menyatakan bahawa tiada tuntutan dari Tuhan untuk menutupi badan seperti yang disyariatkan oleh syarak. Hal ini mempamerkan pemikiran beliau hanya menjurus kepada feminism dan liberal dengan mempersoalkan mengapa lelaki dibenarkan untuk membuat pelbagai perkara dan mengapa pula wanita mendapat pelbagai sekatan dalam Islam.

Samina ingin menegaskan cara pemakaian wanita mengikut pemikiran beliau tanpa menjelaskan tafsiran ayat al-Quran dengan tepat dan dengan mudah menyimpulkan bahawa wanita di luar sana berhak untuk memakai apa sahaja yang diingini melalui tafsiran ayat al-Quran yang bebas. Malah, penerangan beliau mengenai cara wanita berpakaian mengikut syariat Islam yang sebenar tidak diterangkan di dalam video tersebut iaitu hanya mendatangkan kaedah pemakaian mengikut kerjaya dan suasana tempat seseorang itu menetap. Malah, Samina dengan jelas tidak bersetuju dengan golongan ijmak ulama yang menetapkan hukum dalam menutup aurat malah lebih teruk mendakwa ulama sesuka hati mentafsir ayat al-Quran mengikut nafsu.

Apakah benar tentang apa yang dikatakan dan dibawa oleh Samina dan apakah hujah dari segi al-Quran, hadith serta pendapat ulama untuk menjawab kenyataan Samina supaya tidak berlaku salah faham dan diikuti oleh pendengar dan penonton?. Jumlah terkini video beliau mencapai hampir 9 juta tontonan dan telah mendapat pelbagai reaksi dari seluruh dunia sama ada dari masyarakat Islam dan bukan Islam yang menyuarakan pandangan. Jadi, penjelasan dan hujah kepada pandangan Samina mengenai isu hijab, *khimar*, jilbab, emansipasi dan patriarki akan dibincangkan dalam bab seterusnya dengan mendatangkan sumber yang berautoriti berdasarkan al-Quran, hadith dan pendapat mufasir klasik juga kontemporari bagi menjawab hujah beliau dan menangkis pandangan serta pemikiran menyeleweng yang dibawa oleh Samina.

## BAB 4

### HUJAH MUFASIR TRADISIONAL DAN KONTEMPORARI TERHADAP PANDANGAN SAMINA ALI

#### 4.0 PENDAHULUAN

Samina Ali menyebutkan bahawa al-Quran mempunyai tiga ayat yang menerangkan bagaimana wanita harus berpakaian iaitu ayat 59 dan ayat 53 surah al-Ahzāb serta ayat 31 surah al-Nūr.<sup>1</sup> Manakala, SIS pula membawa tiga dalil dari ayat al-Quran dalam mengulas isu hijab iaitu ayat 31 surah al-Nūr, ayat 26 dan 31 surah al-A'rāf.<sup>2</sup> Di dalam sebuah buku ‘Wanita dalam al-Quran dan al-Sunnah’<sup>3</sup>, al-Quran mempunyai lima ayat yang berbicara mengenai aurat atau cara wanita berpakaian iaitu surah al-Nūr ayat 31 dan ayat 60, surah al- Ahzāb ayat 32, ayat 55 serta ayat 59.

Bab ini menjawab mengenai kenyataan Samina Ali dengan membawakan hujah mufasir tradisional dan kontemporari. Antara dua kitab tafsir tradisional yang dirujuk ialah tafsir al-Qurṭubī dan tafsir Ibn Kathīr. Manakala tiga kitab tafsir kontemporari yang digunakan ialah tafsir Fī Zilāl al-Qur'ān, tafsir al-Azhar dan tafsir al-Munīr. Seterusnya, kesimpulan akan dibuat dari pendapat mufasir klasik dan kontemporari serta didatangkan hadith serta pendapat ulama untuk menjawab kembali hujah Samina Ali.

<sup>1</sup> Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v=J5bDhMP9IQ>

<sup>2</sup> Shah Rizul Izyan Zulkiply, Mohd Muhiden Abd Rahman dan Mohd Zahir Abdul Rahman, “Metodologi Pemikiran Sisters in Islam terhadap Hijab: Analisis Kritikan Berdasarkan Fiqh al-Hadith”, *Jurnal al-Basirah* 6.1 (2016), 1-16.

<sup>3</sup> Siti Rabi'ah Sarnap, *Wanita dalam al-Quran dan as-Sunnah*, Cetakan Pertama, (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1999), 44-45.

## **4.1 HUJAH MUFASIR TERHADAP CARA WANITA BERPAKAIAN**

### **4.1.1 Jilbab**

Terjemahan ayat yang disebutkan oleh Samina di awal pengucapan beliau selari dengan terjemahan ayat 59 surah al-Ahzāb dalam firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النِّسَاءُ قُلْ لَا زَوْجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلِيلِهِنَّ ذَلِكَ

أَدْنَى أَنْ يُعْرَفَنَ فَلَا يُؤْذِنَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾

Terjemahan: Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak wanitamu serta wanita-wanita yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar), cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai wanita yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Al-Ahzāb 33:59)

#### **4.1.1.1 Mufasir Tradisional**

Asbab Nuzul ayat ini menurut tafsir al-Qurtubī ialah kebiasaan para wanita pada zaman Rasulullah SAW akan pergi membuang air besar pada waktu malam di padang sahara sebelum wujudnya sistem paip yang sempurna. Kemudian, para wanita akan diganggu oleh lelaki yang berniat jahat dalam kegelapan malam. Ayat ini diturunkan supaya para wanita merdeka memakai penutup kepala agar dapat membezakan antara wanita merdeka dan hamba sahaya. Apabila wanita diperintah memakai penutup kepala, pemuda yang berniat jahat tidak dapat menganggu para wanita lagi. Ini kerana sebelum ayat ini diturunkan, para wanita mukmin seringkali digoda ketika pergi membuang kotoran. Lantas, pemuda-pemuda tersebut tidak dapat membezakan dan menyangka para wanita ini semua adalah hamba. Maka Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW supaya menyuruh para wanita memanjangkan penutup kepala mereka jika hendak keluar dari rumah atas suatu keperluan.

Perkataan (جَلَابِيْهِنَّ) الجلابيب adalah bentuk jamak dari kata الجلباب yang bermaksud pakaian yang lebih besar dari sekadar tudung kepala. Diriwayatkan dari Ibn Abbas dan Ibn Mas‘ud, bahawa makna perkataan الجلباب adalah pakaian panjang iaitu seperti baju kurung atau jubah. Terdapat riwayat yang menyebutkan makna jilbab adalah penutup kepala yang juga menutupi wajah. Namun, pendapat paling sahih ialah jilbab bermaksud pakaian yang dapat menutupi seluruh tubuh.

Para ulama berbeza pendapat mengenai bahagian yang harus ditutup oleh jilbab seperti Ibn ‘Abbās dan ‘Ubaidah Al-Salmāni mempunyai pendapat bahawa wanita harus menutupi seluruh anggota badan dengan kain sehingga tubuhnya tidak kelihatan kecuali dibiarkan sepasang mata sahaja untuk melihat. Malah, Ibn ‘Abbās juga mengemukakan pendapat lain yang sama seperti Qatādah iaitu wanita harus membentit dan mengikat jilbab di atas kepala lalu jilbab dihubungkan ke hidung sehingga mata. Mata dibiarkan terbuka namun jilbab dipakai dengan menutup sebahagian besar wajah serta leher hingga ke anggota bawah.

Allah SWT menyuruh para wanita untuk menutup tubuh badan mereka dengan pakaian yang labuh dan panjang serta pakaian yang dipakai hendaklah longgar tanpa menampakkan bentuk tubuh wanita. Terdapat satu riwayat bahawa terdapat wanita dari Bani Tamim datang mengunjungi ‘Āishah dengan memakai pakaian yang sangat nipis. Kemudian, ‘Āishah berkata kepada wanita-wanita mukmin bahawa pakaian nipis bukan merupakan pakaian wanita yang beriman.<sup>4</sup>

Daripada Abu Hurairah RA berkata:

---

<sup>4</sup> Al-Qurṭubī, Abū ‘Abdillāh Muhammad bin Aḥmad al-Anṣārī, *Al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, (Beirut: Muassasat al-Risālah, 2006) 17:227.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " :صِنْفانِ مِنْ أَهْلِ النَّارِ لَمْ أَرَهُمَا: قَوْمٌ مَعَهُمْ سِيَاطٌ

كَأَذْنَابِ الْبَقَرِ يَضْرِبُونَ بِهَا النَّاسَ وَنِسَاءٌ كَأَسِيَّاتٍ عَارِيَاتٌ مُمِيلَاتٌ مَائِلَاتٌ رُؤُوسُهُمْ

كَأَسْنِمَةِ الْبُحْتِ الْمَائِلَةِ لَا يَدْخُلُنَّ الْجَنَّةَ وَلَا يَجِدْنَ رِيحَهَا وَإِنَّ رِيحَهَا لَتَوْجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ

"كَذَا وَكَذَا"

Terjemahan: Salah satu wanita penduduk neraka adalah para wanita yang berpakaian namun terlihat telanjang, jalannya melengkok-lengkok, dan kepalanya miring seperti punuk unta. Mereka tidak akan masuk ke dalam syurga, dan tidak mencium harumnya syurga.<sup>5</sup>

Manakala menurut Ibn Kathīr ayat 59 surah al-Aḥzāb diperintahkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW agar kaum wanita yang beriman khususnya isteri-isteri dan anak-anak perempuan Baginda supaya menyarungkan jilbab ke seluruh tubuh badan agar berbeza dengan kaum wanita jahiliah dan hamba-hamba sahaya. Malah, perbezaan ini adalah untuk menggambarkan kemuliaan yang dimiliki oleh isteri dan anak perempuan sebagai *ahl al-bayt*. Jilbab bermaksud kain yang dipakai di atas tudung menurut apa yang dikatakan oleh Ibn Mas'ūd, Ubaidah, Qatādah, Hasan al-Baṣri, Ibrahim an-Nakha'i dan 'Atā' al-Khurasāni. Ibn Kathīr berpendapat bahawa jilbab mestilah berada di atas selendang dan ditutup ke seluruh anggota badan serta disamakan seperti kain sarung pada zaman sekarang. Al-Jauhari mengatakan bahawa jilbab adalah kain penutup. 'Ali Ibn Talḥah telah meriwayatkan dari Ibn 'Abbas bahawa Allah SWT memerintahkan kaum wanita yang beriman hendaklah menutup wajah mereka dengan kain jilbab dari kepala dan hanya boleh menampakkan sebelah mata sahaja apabila mereka keluar dari rumah untuk suatu keperluan. Mujāhid mengatakan bahawa makna ayat ini ialah wanita beriman hendaklah memakai jilbab agar dikenali dengan wanita merdeka sehingga tidak ada

<sup>5</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf*, 1021 (Kitāb al-Libās wa al-Zīnah, Bāb al-Nisā' al-Kāsiyāt al-'Āriyāt al-Mā'ilāt al-Mumīlāt, no. hadith 2128).

seorang fasik pun yang menganggu wanita atau melakukan perbuatan yang tidak senonoh terhadap para wanita.

Keadaan ini menunjukkan bahawa wanita itu dihormati atas dasar pemakaian yang dikenakan wanita tersebut. Lelaki yang mempunyai niat jahat mengenali perbezaan antara wanita yang beriman atau hamba sahaya pada zaman dahulu. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan situasi zaman sekarang bahawa hakikatnya wujud lelaki yang fasik dan menganggu wanita sejak dahulu lagi. Jadi umat Islam harus mengambil contoh pengajaran ke atas apa yang dilalui oleh wanita Muslimah pada zaman dahulu dengan menutup aurat seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT untuk melindungi wanita khususnya.<sup>6</sup>

#### **4.1.1.2 Mufasir Kontemporari**

Sayyid Quṭb dalam kitab tafsir *Fī Zilāl al-Qur’ān* mentafsirkan ayat 59 surah al-Ahzāb bahawa Allah SWT menurunkan perintah kepada Nabi Muhammad SAW supaya menyuruh isteri dan anak-anak Baginda serta wanita Islam yang lain menutup tubuh badan dari kepala hingga kaki. Bahagian lubang dada pada baju wanita hendaklah ditutup dengan baju atau kain labuh supaya melindungi seluruh tubuh badan apabila keluar menunaikan hajat agar pakaian tersebut dapat membezakan wanita beriman dari wanita hamba dan menjadikan wanita beriman selamat dari gangguan lelaki yang berniat jahat. Tujuan pemakaian tersebut dipakai adalah untuk menunjukkan sahsiah dan sopan santun wanita beriman agar dapat menimbulkan rasa malu pada lelaki yang ingin menganggu

---

<sup>6</sup> Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. ed. Sāmī bin Muḥammad al-Salāmah, (Riyad: Dār Ṭibah Li al-Nashr Wa al-Tawzī’, 1999), 6:482.

wanita-wanita tersebut.<sup>7</sup> Oleh itu, jilbab bermaksud memakai kain yang dapat menutup seluruh tubuh badan.

Menurut tafsir al-Azhar, kata jamak dari jilbab ialah *jalābīb*. Sebelum ayat jilbab diturunkan, wanita Islam tidak mempunyai perbezaan dengan wanita musyrik. Malah, pakaian hamba wanita tidak mempunyai perbezaan dengan pakaian wanita merdeka. Faktor tersebut ialah kerana pada waktu itu belum mempunyai tandas di dalam rumah seperti sekarang. Maka para wanita perlu keluar pada waktu malam setelah hari mulai gelap ke tempat yang agak terpencil untuk membuang air. Pemuda-pemuda jahat mengambil kesempatan pada waktu itu dengan menganggu semua wanita termasuk wanita beriman serta hamba kerana tidak membunyi perbezaan antara keduanya. Tetapi jika wanita yang diganggu itu menjerit sehingga diketahui orang sekeliling, maka pemuda-pemuda itu terus mlarikan diri dan ayat ini diturunkan kerana peristiwa tersebut yang berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW.

Rasulullah SAW diperintahkan oleh Allah SWT melalui ayat ini supaya menyuruh isteri-isteri dan anak perempuan Baginda menutup dan mengenakan jilbab apabila keluar dari rumah. Antara sebab diperintah kepada ahli keluarga Baginda terlebih dahulu ialah kerana isteri dan anak Rasulullah SAW merupakan ikutan dan menjadi contoh kepada masyarakat. Sufyān al-Thauri berkata jilbab merupakan tanda bahawa wanita-wanita tersebut merupakan wanita yang beriman dan merdeka bukan wanita dari kalangan hamba, pelayan atau pelacur.<sup>8</sup>

Menurut al-Zuhailī, ayat 59 surah al-Ahzāb diturunkan atas perintah Allah SWT terhadap Nabi Muhammad SAW supaya para wanita beriman terutama isteri-isteri dan anak perempuan Nabi SAW memakai jilbab dan menutup anggota badan apabila keluar

<sup>7</sup> Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, (Beirut: Dār al-Syurūq, 2003), 5:2880.

<sup>8</sup> HAMKA, *Tafsir al-Azhar*, (Singapura: Pustaka Nasional, 1982), 8:5781-5782.

dari rumah supaya penampilan wanita beriman boleh dikenali dan berbeza dari wanita hamba sahaya. Jilbab adalah seperti *rida'* iaitu pakaian yang digunakan untuk melindungi tubuh badan serta dipakai atas penutup kepala. Pemakaian jilbab juga dapat menghindarkan diri dari gangguan lelaki yang berniat jahat. Perintah melabuhkan jilbab dengan menutup seluruh tubuh badan adalah bersifat umum dan diperintahkan juga ke atas wanita yang beriman dengan memakai pakaian yang tidak menonjol dan tidak ketat.<sup>9</sup>

Menurut Ahmad bin Muhamad al-Şāwī, al-Zuhailī berpendapat bahawa ayat ini dijadikan dalil bagi para ulama mengenai kewajipan menutup wajah yang diperintahkan ke atas wanita apabila meninggalkan rumah. Ulama yang dimaksudkan adalah seperti Ibn al-Jauzī, al-Tabari, Ibn Kathīr, Abū al-Hayyān, Abī al-Sa‘ud, al-Jaṣṣāṣ dan al-Razi yang mentafsirkan ayat tersebut sebagai perintah memanangkan tudung dengan menutup muka, badan dan rambut di hadapan lelaki ajnabi atau ketika keluar rumah.<sup>10</sup> Namun, kesemua ulama bersepakat bahawa aurat yang wajib ditutup ialah seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan.<sup>11</sup> Ulama juga telah bersepakat dalam meletakkan garis panduan cara berpakaian melalui beberapa syarat antaranya seperti pakaian yang dipakai mestilah longgar, labuh, tidak nipis, tidak bertabarruj, tidak berpakaian menyerupai jantina lain dan tidak menimbulkan rasa sompong serta menimbulkan rasa bangga dalam diri wanita.<sup>12</sup> Perkara-perkara ini tidak dibenarkan oleh Allah SWT adalah kerana untuk mendidik diri wanita untuk sentiasa beriman, besederhana dan sentiasa bersyukur atas nikmat pemberian Allah SWT.

<sup>9</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr Fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1991), 11:430.

<sup>10</sup> Ahmad bin Muhamad al-Şāwī, *Hāsyiah al-Şāwī ‘ala al-Tafsīr al-Jallālain*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2004), 1515.

<sup>11</sup> Muhamad Sa‘īd Ramadān al-Būtī, *Wanita Yang Beriman: Ilā Kull Fatāh Tu’min Billāh*, terj. Ahmad Naqiuddin, (Seri Kembangan: Nizamiyyah Publications & Distributors, 2021), 23.

<sup>12</sup> Al-Albānī, *Jilbāb al-Mar‘ah al-Muslimah*, (Riyad: Dār al-Salām, 2002), 73.

Kesimpulan daripada pandangan mufasir tradisional dan kontemporari jelas menunjukkan bahawa jilbab merupakan pakaian labuh untuk menutup seluruh tubuh badan dan diperintahkan bukan hanya kepada isteri dan anak perempuan Nabi SAW, malah terhadap seluruh wanita yang beriman tidak mengira zaman. Samina memberi hujah bahawa pemakaian jilbab hanya melambangkan status wanita beriman yang layak memakai jilbab berbanding hamba sahaya pada zaman tersebut dengan mendatangkan perumpamaan seperti pakaian *Burberry trench* atau jaket berjenama *Chanel* yang dipakai untuk menunjukkan tahap kemampuan seseorang dalam memiliki pakaian tersebut.

Pendapat Samina jelas tidak munasabah bahawa jilbab merupakan simbol dan status terhadap wanita dari segi kelayakan kerana al-Būtī menyebutkan bahawa perintah yang diturunkan terhadap isteri-isteri Nabi Muhammad SAW dalam ayat 59 surah al-Ahzāb bersifat umum dan terpakai ke atas seluruh wanita Islam berdasarkan kaedah *qiyās al-jālīy* atau istilah yang disebutkan oleh ulama usul *tanqīh al-manāt*.<sup>13</sup> Jadi, hujah Samina dinafikan melalui pendapat al-Būtī bahawa pemakaian jilbab merupakan sebuah kewajipan kepada wanita Islam dengan menutup seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan tidak kira pada zaman Nabi Muhammad SAW atau kini.

---

<sup>13</sup> Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būtī, *Wanita Yang Beriman: Ilā Kull Fatāḥ Tu’min Billāh*, terj. Ahmad Naqiuddin, (Seri Kembangan: Nizamiyyah Publications & Distributors, 2021), 22.

#### 4.1.2 Hijab

Hujah Samina mengenai ayat al-Quran kedua yang dinyatakan beliau ialah ayat mengenai isteri Nabi Muhammad SAW yang diperintahkan supaya mereka berpakaian mengikut peranan dan tanggungjawab isteri Nabi SAW terhadap masyarakat. Hasil analisis mendapati ayat tersebut merupakan ayat 53 dari surah al- Ahzāb. Namun, kenyataan Samina mengenai ayat kedua ini tidak menepati kandungan ayat 53 dari surah al- Ahzāb kerana ayat ini menyebut mengenai adab apabila bertemu dengan isteri Nabi, bukan seperti yang dinyatakan Samina terhadap cara pemakaian isteri Nabi sesuai dengan peranan dalam masyarakat yang menepati terjemahan ayat pertama yang disebut beliau. Walau bagaimanapun, kajian ini akan menggunakan ayat 53 dari surah al-Ahzāb kerana Samina menyimpulkan mengenai makna hijab di tengah pengucapan beliau.

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا لَا تَدْخُلُوْبُيُوتَ الَّتِي إِلَّا أَنْ يُؤْذَنَ لَكُمْ إِلَى طَعَامٍ غَيْرَ نَاظِرِينَ  
إِنَّمَا وَلَكُمْ إِذَا دُعِيْتُمْ فَادْخُلُوْبَيْتُمْ فَإِذَا طَعَمْتُمْ فَأَنْتَشِرُوْا وَلَا مُسْتَعْنِسِينَ لِحِدِيْثٍ إِنَّ  
ذَلِكُمْ كَانَ يُؤْذِي الَّتِي فَيَسْتَحِي مِنْكُمْ وَاللَّهُ لَا يَسْتَحِي مِنَ الْحَقِّ وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ  
مَتَّعًا فَسُلُّوْهُنَّ مِنْ وَرَاءِ حِجَابٍ ذَلِكُمْ أَظْهَرُ لِقْلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ وَمَا كَانَ لَكُمْ  
أَنْ تُؤْذِنُوا رَسُولَ اللَّهِ وَلَا أَنْ تَنْكِحُوْا أَزْوَاجَهُ وَمِنْ بَعْدِهِ أَبْدَأْ إِنَّ ذَلِكُمْ كَانَ عِنْدَ اللَّهِ

عَظِيْمًا

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke rumah Nabi (menunggu makanan masak kerana hendak makan bersama), kecuali kamu dijemput untuk menghadiri jamuan, bukan dengan menunggu-nunggu masa sajiannya; tetapi apabila kamu dijemput maka masuklah (pada waktu yang ditetapkan); kemudian setelah kamu makan maka hendaklah masing-masing bersurai dan janganlah duduk bersenang-senang dengan berbual-bual. Sesungguhnya yang demikian itu menyakiti dan menyusahkan Nabi sehingga ia merasa malu (hendak menyatakan hal itu) kepada kamu, sedang Allah tidak malu daripada

menyatakan kebenaran. Dan apabila kamu meminta sesuatu yang harus diminta dari isteri-isteri Nabi maka mintalah kepada mereka dari sebalik tabir. Cara yang demikian lebih suci bagi hati kamu dan hati mereka. Dan kamu tidak boleh sama sekali menyakiti Rasulullah SAW dan tidak boleh berkahwin dengan isteri-isterinya sesudah ia wafat selama-lamanya. Sesungguhnya segala yang tersebut itu adalah amat besar dosanya di sisi Allah. (Al-Ahzāb 33:53)

Berdasarkan kitab *Lisān al- ‘Arab* oleh Ibn Manzūr, hijab bermaksud penghalang atau sekatan dan menutupi sesuatu benda tersebut dengan menjadi terhalang serta tersekat bagi sesuatu benda yang lain.<sup>14</sup>

#### 4.1.2.1 Mufasir Tradisional

Al-Qurṭubī mentafsirkan bahawa Allah SWT melarang para sahabat untuk masuk menemui isteri-isteri Nabi SAW dalam apa jua keadaan melainkan dari sebalik hijab. ‘Āishah berkata ayat ini diturunkan adalah kerana ‘Umar bin Al-Khaṭṭāb memberitahu Nabi SAW bahawa isteri Nabi diberi pilihan untuk mendapatkan kebaikan atau kemaksiatan. Oleh itu, ‘Umar berkata sebaiknya isteri-isteri Nabi SAW diperintahkan untuk berhijab. Perintah ini bertepatan dengan peristiwa isteri Nabi SAW iaitu Sawdah binti Zam’ah yang keluar untuk membuang air besar pada waktu malam di sebuah tempat yang luas. Kemudian, Sawdah dikenali oleh ‘Umar kerana Sawdah merupakan seorang wanita yang berperawakan tinggi lalu Umar menyeru Sawdah dengan suara yang keras supaya keinginannya diturunkan wahyu mengenai hijab. Maka, Allah SWT menurunkan ayat hijab. Tetapi menurut pendapat yang masyhur, peristiwa ini berlaku sesudah turunnya ayat hijab iaitu mengenai peristiwa Asbab Nuzul ayat 59 surah al-Ahzāb.<sup>15</sup>

<sup>14</sup> Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram al-Anṣārī, *Lisān al- ‘Arab*, (Kaherah: Dār al-Ma’ārif, 1994), 1:777.

<sup>15</sup> Al-Qurṭubī, Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī, *Al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, (Beirut: Mu’assasat al-Risālah, 2006), 17: 205-212.

Ibn Kathīr berpendapat bahawa ayat ini merupakan ayat hijab yang mengandungi hukum-hakam dan etika syar’iyah serta penurunan ayat ini bertepatan dengan seruan ‘Umar Ibn al-Khaṭṭab RA seperti yang disebutkan di dalam kitab Sahih Bukhari dan Muslim bahawa bahawa pendapatnya seiring dengan perintah Tuhan dalam tiga perkara. Umar pernah berkata kepada Rasulullah SAW sekiranya Baginda ingin menjadikan maqam Ibrahim sebagai tempat solat lalu Allah menurunkan firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 125. Malah Umar juga pernah berkata kepada Rasulullah SAW, “sesungguhnya isteri-isterimu banyak ditemui oleh orang ramai, di antara mereka ada yang bertakwa dan ada yang buruk, maka sekiranya engkau buatkan hijab untuk mereka,” lalu turunlah ayat hijab ini.<sup>16</sup> Situasi ketiga ialah apabila isteri Nabi berkumpul kerana cemburu kepada Baginda. Maka Umar pun berkata jika Nabi menceraikanmu, Allah akan mengantikan isteri yang lebih baik berbanding kamu terhadap Rasulullah SAW.

Oleh itu, kesimpulan daripada pendapat mufasir al-Qurṭubī dan Ibn Kathīr ialah kedua-keduanya berpendapat bahawa Asbab Nuzul ayat ini diturunkan ialah atas teguran Umar supaya isteri Nabi SAW berkomunikasi di sebalik hijab apabila bertemu dengan sahabat Nabi SAW. Malah al-Qurṭubī berpendapat bahawa peristiwa Sawdah yang keluar pada waktu malam untuk menunaikan hajat berlaku sebelum ayat hijab diturunkan. Jadi, pensyariatan jilbab adalah jelas diturunkan kepada seluruh para wanita beriman untuk menutup aurat dengan berjilbab sebelum ayat hijab diturunkan.

#### 4.1.2.2 Mufasir Kontemporari

Menurut tafsir Fī Zilāl al-Qur’ān oleh Sayyid Quṭb, hijab dari segi terminologi bermaksud pembatas, pencegah atau penghalang. Ayat 53 surah al-Aḥzāb adalah mengenai isteri-

<sup>16</sup> Ibn Kathīr, Ismā‘il bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. ed. Sāmī bin Muḥammad al-Salāmah, (Riyad: Dār Ṭibah Li al-Nashr Wa al-Tawzī’, 1999), 6:450.

isteri Rasulullah SAW yang diangkat menjadi ibu bagi orang beriman. Tema ayat ini ialah pelaksanaan peraturan hijab di dalam al-Quran yang menjelaskan bahawa hijab itu lebih bersih daripada hati seseorang. Oleh itu, Sayyid Quṭb berkata sesiapa yang berpendapat percampuran bebas antara lelaki dan wanita dibenarkan serta hijab perlu dihapuskan merupakan perbuatan yang jahil dan terkutuk serta jauh dari hidayah Allah SWT. Malah, Sayyid Quṭb mengatakan bahawa firman Allah SWT wajib dilaksanakan apabila Allah telah menurunkan perintahNya kepada umat manusia. Jika wujud manusia lain yang mengemukakan pendapat yang berlainan dengan firman Allah, maka segala pandangan yang lain adalah tidak berasas dan tersimpang dari apa yang diperintahkan Allah SWT. Realiti sekarang telah membuktikan kebenaran firman Allah dan pendapat manusia yang berlainan dari firman Allah SWT itu ialah sebuah kedustaan.<sup>17</sup>

Menurut tafsir al-Azhar, etika masih belum wujud pada zaman dahulu dan disebut peraturan sopan santun antara tetamu dan tuan rumah. Adab sopan santun atau etika perlu diamalkan supaya tidak menyinggung perasaan tuan rumah apabila menziarahi mereka apatah lagi jika tuan rumah merupakan seorang pemimpin. Adab dan etika sebagai tetamu perlu dijaga terutamanya apabila menziarahi rumah tangga Nabi Muhammad SAW yang sepatutnya dihormati oleh umat Islam. Pada permulaan ayat, orang yang beriman dilarang masuk ke dalam rumah begitu sahaja kecuali apabila sudah mendapat izin dari Nabi Muhammad SAW, contohnya makan di rumah tetamu hanyalah apabila dijemput makan. Maka janganlah terlalu cepat datang sehingga duduk terlalu lama apabila menunggu makanan untuk dimasak. Setelah selesai makan, maka beransurlah pulang dengan tidak memanjangkan percakapan.<sup>18</sup>

Menurut tafsir al-Munīr oleh Syeikh Wahbah al-Zuḥaylī, di dalam ayat hijab mengandungi dalil bahawa Allah SWT memberi izin untuk bertanya atau meminta

<sup>17</sup> Sayyid Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, (Beirut: Dār al-Syurūq), 2003, 5:2877-2878.

<sup>18</sup> HAMKA, *Tafsir al-Azhar*, (Singapura: Pustaka Nasional, 1982) 8:5762-5764.

sesuatu daripada isteri-isteri Nabi Muhammad SAW di sebalik hijab atas suatu keperluan atau permasalahan yang ingin memohon fatwa dari isteri-isteri Nabi SAW. Al-Zuhailī menegaskan bahawa perintah pemakaian hijab ini juga berlaku kepada semua wanita beriman melalui ayat 53 surah al-Ahzāb. Malah, hijab merupakan satu cara yang berkesan untuk menjaga kesucian hati dari bisikan syaitan dan fikiran yang tidak baik bagi lelaki maupun wanita melalui pensyariatan hijab.<sup>19</sup> Al-Marāghi mentafsirkan makna hijab iaitu suatu perintah supaya mengenakan tabir untuk bertanya dari belakang yang menutupi antara keduanya. Perintah ini bukan hanya kepada isteri Nabi SAW, malah terpakai kepada semua wanita mukmin yang tidak bermkahwin untuk bermuamalah di hadapan lelaki apabila meminta atau bertanya sesuatu kepada mereka.<sup>20</sup>

Kesimpulan daripada mufasir kontemporari oleh Sayyid Quṭb dan al-Zuhailī mengenai hijab ialah penghadang atau tabir yang digunakan apabila isteri Nabi SAW ingin bermuamalah dengan sahabat Nabi SAW atas keperluan sesuatu urusan. HAMKA pula menyebut bahawa ayat hijab mengandungi etika atau adab apabila bertemu dan menziarahi Nabi SAW. Pendapat Samina mengenai hijab dalam surah al-Ahzāb ayat 53 adalah selari dengan pendapat mufasir yang menyatakan bahawa hijab merupakan penghalang atau tabir yang tidak membawa maksud hijab, tudung, kerudung atau penutup kepala yang dipakai wanita Islam kini.

Namun, Samina perlu mengetahui bahawa ayat *khimar* dan *jilbab* sudah jelas diterangkan bahawa para wanita diwajibkan memakai penutup kepala dan melabuhkan kain penutup kepala sehingga ke dada dengan menutup seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan.<sup>21</sup> Kenyataan Samina yang membawa ayat al-Quran dari surah al-Ahzāb

<sup>19</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr Fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1991), 11:405.

<sup>20</sup> Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, (Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1946), 22:30.

<sup>21</sup> Muḥammad ‘Ali Al-Ṣābūnī, *Safrwah al-Tafsīr*, (Kaherah: Dār al-Ṣābūnī, t.t.), 2:336.

ayat 59 mengenai wanita yang keluar pada waktu malam pada zaman dahulu untuk keperluan darurat adalah benar dari sebahagian sudut, namun tidak menyeluruh. Samina membuat tafsiran dengan terus melompat pada kesimpulan mengenai cara wanita berpakaian dengan hanya menyebut *the early Muslim scholars* yang menggariskan cara pemakaian wanita kepada dua syarat. Siapakah *scholars* yang dimaksudkan dan apakah kitab yang dirujuk oleh Samina? Apa yang disimpulkan oleh Samina dengan jelas tidak terdapat dalam mana-mana kitab ulama muktabar tentang cara wanita berpakaian mengikut budaya masyarakat setempat dan peranan wanita dalam masyarakat.

Kenyataan Samina tidak berlandaskan kepada pandangan mufasir, sebaliknya pandangan Samina diambil daripada kelompok liberal dan feminis apabila menggariskan pemakaian berdasarkan budaya dan peranan wanita. Ayat al-Quran yang difahami dan disimpulkan Samina amat tersasar dari sudut pandangan syariah Islam. Hujah Samina tidak merujuk kepada mufasir dari sudut huraian dan tafsir ayat al-Quran serta memberi kesan negatif kepada akidah umat Islam apabila pendapat Samina tersebar secara meluas di dalam media.

Samina hanya menceritakan sejarah kisah yang berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW pada waktu dahulu apabila menyebut ayat al-Quran. Setiap pendapat yang dikeluarkan beliau mengenai garis panduan bagaimana wanita berpakaian atau aurat itu sendiri juga tidak menepati ayat al-Quran yang lain mengenai cara berpakaian dan aurat wanita. Pastinya apa yang digariskan ulama berkenaan aurat pastinya berlainan sama sekali dengan pendapat beliau apabila beliau tidak merujuk ayat al-Quran yang lain.

Ali Dawah di dalam videonya mengulas tentang video Samina Ali berkata, sejurnya diri Samina menggambarkan percakapan beliau mengenai pakaian, hijab dan aurat yang cuba diterangkan dalam video tersebut. Samina ingin bercakap mengenai

hijab, tetapi beliau sendiri juga tidak berhijab. Hujah yang diberikan Samina tidak boleh diterima dengan mudah oleh sesiapa yang menonton video beliau.<sup>22</sup>

#### 4.1.3 *Khimar*

Ayat 31 dari surah al-Nūr merupakan ayat ketiga yang didatangkan oleh Samina Ali mengenai hijab di dalam al-Quran. Samina menyebutkan bahawa ayat ketiga adalah sama seperti ayat pertama yang didedahkan secara langsung bagi menjawab situasi peristiwa sejarah. Analisis kajian menunjukkan ayat 31 dari surah al-Nūr melalui firman Allah SWT:

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا  
ظَهَرَ مِنْهَا وَلِيُضْرِبُنَّ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ ءَابَاءِهِنَّ  
أَوْ ءَابَاءِ بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ إِخْرَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْرَانِهِنَّ أَوْ بَنِي  
أَخْرَانِهِنَّ أَوْ نِسَاءِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكُتُ أَيْمَنُهُنَّ أَوِ التَّتِيعِينَ غَيْرِ أُولَئِكَ الْإِرْبَةِ مِنَ الْرِّجَالِ أَوِ  
الْطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهِرُوا عَلَى عَوْرَاتِ الْتِسَاءِ وَلَا يَضْرِبُنَّ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِيْنَ  
مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُعْلَمُونَ ﴿٢٣﴾

Terjemahan: Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang wanita, atau wanita-wanita Islam, atau hamba-hamba mereka, atau

<sup>22</sup> Ali Dawah, “Reacting to Feminist Sisters View on Hijab”, laman sesawang YouTube Ali Dawah, diakses 1 Mac 2023, <https://www.YouTube.com/watch?v=my8GGzX4Qaw>.

orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada wanita, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat wanita; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya. (Al-Nūr 24:31)

#### 4.1.3.1 Mufasir Tradisional

Al-Qurṭubī menjelaskan majoriti ulama menyebut ayat 31 dari surah Al-Nūr ini merupakan ayat perintah untuk memakai *khimar*. Asbab Nuzul ayat ini diturunkan apabila kaum wanita pada zaman Jahiliah menutup kepala dengan memakai penutup kepala atau tudung, sebahagian kain ditutupkan ke kepala dan sebahagian yang lain dilabuhkan ke belakang punggungnya sehingga kelihatan pangkal leher dan sebahagian dada. Maka Allah SWT memerintahkan agar kaum wanita melabuhkan penutup kepala sehingga menutup dada dengan turunnya ayat ini.<sup>23</sup>

Manakala, menurut tafsir Ibn Kathīr, *al-Khumur* adalah bentuk jamak dari *khimar*, ertinya kain tudung yang dipakai untuk menutupi kepala, dikenali dengan sebutan *muqani'*. *Khimar* ialah kain tudung yang panjang agar dapat menutupi dada dan bahagian sekelilingnya, agar berbeza dengan pakaian wanita Jahiliah kerana wanita Jahiliah tidak menutup dada dengan sehelai kain malah dibiarkan nampak leher, rambut serta anting-anting di telinga. Oleh sebab itu, Allah SWT menurunkan ayat 31 dari surah Al-Nūr bagi wanita-wanita yang beriman supaya mengenakan *khimar* yang menutup dada supaya berbeza dengan wanita Jahiliah.<sup>24</sup>

Selain itu, al-Marāghī mengemukakan adat orang-orang jahiliah dalam berpakaian. Wanita menutupkan sebahagian tudung ke kepala dan sebahagian lagi

<sup>23</sup> Al-Qurṭubī, Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī, *Al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, (Beirut: Mu’assasat al-Risālah, 2006), 15: 209.

<sup>24</sup> Ibn Kathīr, Ismā‘il bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. ed. Sāmī bin Muḥammad al-Salāmah, (Riyad: Dār Ṭibah Li al-Nashr Wa al-Tawzī’, 1999), 6:46.

dilabuhkan ke punggung sehingga menampakkan pangkal leher dan sebahagian dadanya.<sup>25</sup> Kain penutup kepala telah pun dipakai oleh wanita sejak zaman dahulu namun menggunakan cara yang berlainan iaitu sebahagian dari kalangan wanita tidak menggunakan kain untuk menutup kepala dan dada tetapi membiarkan kain melilit di punggung mereka.

#### 4.1.3.2 Mufasir Kontemporari

Menurut tafsir Fī Zilāl al-Qur’ān, **khimar** **ialah** kain kelubung yang menutup belahan leher baju di bahagian dada yang terbuka pada baju atau bermaksud sebagai kain penutup kepala, leher dan dada untuk melindungi bahagian-bahagian badan yang menimbulkan nafsu agar tidak terdedah kepada pandangan mata *ajnabi*.<sup>26</sup>

Para wanita diharuskan untuk mendedahkan muka dan kedua tapak tangan berdasarkan sabda Rasulullah SAW kepada Asma' binti Abu Bakr:

يَا أَسْمَاءُ إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْمَحِيضَ لَمْ يَصُلُّحْ أَنْ يُرَى مِنْهَا شَيْءٌ إِلَّا هَذَا وَهَذَا، وَأَشَارَ

إِلَى وَجْهِهِ وَكَفَيْهِ

Terjemahannya: “Wahai Asma’! Sesungguhnya seseorang wanita itu apabila dia sampai usia datang haid tidak boleh dilihat bahagian badannya melainkan hanya bahagian ini sahaja,” lalu beliau memberi isyarat kepada muka dan dua tapak tangannya.<sup>27</sup>

Menurut tafsir al-Azhar, Allah SWT telah memerintahkan bahawa selendang atau tudung yang memang tersedia di kepala itu ditutupkan sehingga ke dada. Dalam ayat ini,

<sup>25</sup> Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, (Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1946), 22:99.

<sup>26</sup> Sayyid Qutb, *Fī Zilāl al-Qur’ān*, (Beirut: Dār al-Syurūq), 2003, 4:2513.

<sup>27</sup> Abū Dāwūd Sulaimān Ibn al-Ash’ath al-Sijistānī, “Sunan Abī Dāwūd” *Mawsū ‘āt al-Hadīthal-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyad: Dār al-Salām, 2000)511 (Kitāb al-Libās, Bab fīmā Tubdī al-Mar’ah min Zīnatihā, no. hadith 4104). Diriwayatkan oleh Abu Daud dalam sunannya dan hadith ini mursal.

Allah menyuruh wanita untuk menutupkan selendang kepada ‘*juyūb*’ ertinya lubang yang membuka dada sehingga kelihatan pangkal susu. Wanita yang beriman akan membawa hujung selendang ke dadanya dan hendaklah aurat ditutup dengan rapi supaya tidak menimbulkan syahwat lelaki.<sup>28</sup>

Menurut tafsir al-Munīr oleh Syeikh Wahbah al-Zuḥaylī، ((وَلِيَضْرِبُنَّ بِخُمُرٍ هُنَّ عَلَىٰ جُنُوبِهِنَّ))

dari segi mufradat ialah hendaklah mereka menutup kepala, leher dan dada dengan kain kerudung. Perkataan (الضَّرْب) merupakan perkataan asal kepada (وَلِيَضْرِبُنَّ) (الخُمُر) bermaksud menjuntaikan iaitu menghulurkan sesuatu hingga terjuntai. Perkataan (الجِبْب) berasal dari (الخُمُر) ertinya kain yang digunakan oleh wanita untuk menutup kepala.

Perkataan (الجِبْب) pula merupakan bentuk jamak dari kata (الجِبْب) ertinya lubang yang terdapat pada bahagian atas baju yang menjadi tempat masuknya kepala iaitu masih memperlihatkan sebahagian daripada dada apabila dilihat dari bahagian atas.

Ayat ini merupakan tuntutan terhadap perintah untuk menutupi sebahagian dari bahagian-bahagian tubuh yang menjadi tempat perhiasan yang tersembunyi bagi kaum wanita. Berdasarkan hal ini, ulama Hanafiyah, ulama Malikiyyah dan Imam al-Shāfi‘ī mengatakan, bahawa wajah dan kedua telapak tangan bukanlah aurat. Imam Abu Hanifah meriwayatkan bahawasanya kedua telapak kaki juga bukan termasuk aurat. Pendapat yang rajih secara fiqh dan syara’ adalah wajah dan kedua telapak tangan bukanlah aurat selama ianya tidak menimbulkan fitnah. Jika khuatir ianya dapat menimbulkan fitnah

<sup>28</sup> HAMKA, *Tafsir al-Azhar*, (Singapura: Pustaka Nasional, 1982), 7: 4926.

disebabkan gangguan orang-orang fasik, nakal, dan berniat jahat, maka seorang Muslimah wajib menutup wajahnya.<sup>29</sup>

Hujah Samina mengenai ayat *khimar* ialah Samina berpendapat bahawa masyarakat Arab dahulu akan memakai *khimar* dengan membiarkan bahagian dada wanita terbuka dengan memakai *bodice* serta *khimar* bermaksud tudung kepala yang akan diselit di belakang telinga hingga dilabuhkan ke bahagian belakang tubuh badan wanita. Malah, Samina mengatakan bahawa Allah tidak memberi huriahan yang terperinci dalam ayat ini bahagian badan mana yang wajib ditutup dan ayat ini dibebaskan oleh para wanita untuk faham mengikut budaya tertentu tempat dia menetap selari dengan peredaran zaman.

Samina tidak sepatutnya berhujah bahawa pemakaian penutup kepala dalam ayat *khimar* tidak sepatutnya dipakai oleh wanita. Lafaz perintah Allah SWT adalah jelas dengan memerintahkan *khimar* dipakai untuk menutup kepala dan melabuhkan hingga ke dada bukan hanya menutup dada dengan kain seperti yang difahami oleh Samina Ali. Al Būtī mengatakan bahawa Allah SWT telah memperincikan ayat al-Quran ini mengenai dada yang wajib ditutup dengan memakai penutup kepala dan perintah Allah SWT bersifat umum yang diperintahkan ke atas setiap wanita beriman bukan hanya kepada golongan tertentu. Pendapat mufasir klasik dan kontemporari juga jelas menyepakati maksud *khimar* yang sebenar dan tidak disalah tafsir.<sup>30</sup>

Sheikh Jalal Kassem di dalam video *There is No Hijab in The Quran? (Brilliant Response)* di saluran *OnePath Network* ialah Allah telah menerangkan hijab dalam ayat al-Qur'an secara spesifik dan tidak diterangkan secara tidak jelas seperti mana yang

<sup>29</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr Fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1991), 9:544.

<sup>30</sup> Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būtī, *Wanita Yang Beriman: Ilā Kull Fatāh Tu'min Billāh*, terj. Ahmad Naqiuuddin, (Seri Kembangan: Nizamiyyah Publications & Distributors, 2021), 23.

didakwa golongan lain. Syeikh Jalal menyimpulkan bahawa Samina daripada awal hingga akhir pengucapan tidak memberi garis panduan secara langsung dan tidak memberi tahu apa sebenarnya jenis pakaian yang dibenarkan bagi wanita apabila hanya menyebut berpakaian berdasarkan budaya dan mengikut masyarakat setempat sahaja.<sup>31</sup>

Secara umum, tidak ada pandangan yang bertentangan mengenai kewajipan menutup aurat. Namun, mengenai batasan aurat dan bahagian tubuh wanita yang dibenarkan terdedah, ia masih menjadi titik perbezaan pendapat.<sup>32</sup> Syeikh Jalal menyebutkan bahawa tidak terdapat mana-mana kumpulan ulama pun yang mengeluarkan pendapat atau mentakrifkan semula mengenai hijab. Jadi, hijab merupakan salah satu perkara yang telah dipersetujui sepenuhnya oleh para ulama.<sup>33</sup> Titik perbezaan itu hanyalah pada muka dan tapak tangan tetapi bahagian tubuh badan yang lain adalah wajib ditutup oleh wanita yang beriman. Ini disepakati oleh ulama tradisi sejak dari zaman Nabi Muhammad SAW. Jadi, wanita yang beriman akan faham dan beramal seperti yang digariskan oleh Allah SWT.

---

<sup>31</sup> OnePath Network, “There is No Hijab in The Quran? (Brilliant Response)”, laman sesawang YouTube OnePath Network, diakses 17 Julai 2022, <https://www.YouTube.com/watch?v=5wZFoMUNMo4>

<sup>32</sup> Eko Zulfikar, Aftonur Rosyad dan Nur Afiyah, “Women’s Aurat in the Qur’ān Surah al-Ahzab Verse 59: Discourse Relevance of the Veil in the Indonesian Context”, *Jurnal Studi al-Quran* 18.2 (2022), 283-298.

<sup>33</sup> OnePath Network, “There is No Hijab in The Quran? (Brilliant Response)”, laman sesawang YouTube OnePath Network, diakses 17 Julai 2022, <https://www.YouTube.com/watch?v=5wZFoMUNMo4>

## 4.2 HUJAH MUFASIR TENTANG EMANSIPASI WANITA

### 4.2.1 Kepimpinan Wanita

Samina Ali menyebutkan mengenai situasi kepimpinan wanita di dalam video “*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab?*”. Ayat al-Quran ini didatangkan untuk memberi hujah kepada Samina Ali bahawa wanita tidak mendapat hak kepimpinan yang sepatutnya dalam Islam.

Firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا  
وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ<sup>33</sup>

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”. (Al-Baqarah 2:30)

#### 4.2.1.1 Mufasir Tradisional

Menurut tafsir al-Qurtubī, para malaikat mengetahui bahawa Allah SWT akan menciptakan keturunan khalifah di muka bumi dalam firman Allah SWT melalui surah al-Baqarah ayat 30. Bumi telah didiami oleh bangsa jin sebelum Nabi Adam diciptakan dan berlaku kerosakan dan pertumpahan darah serta peristiwa ini disaksikan oleh para malaikat. Allah SWT sememangnya menjadikan khalifah di bumi di kalangan para nabi, para ulama dan orang beriman supaya berjuang di atas muka bumi dengan perkara kebaikan.<sup>34</sup>

<sup>34</sup> Al-Qurtubī, Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī, *Al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*, (Beirut: Mu’assasat al-Risālah, 2006), 1:409-410.

Manakala menurut kitab tafsir Ibn Kathīr, Allah menganugerahkan kurniaNya kepada anak cucu Adam berbentuk penghormatan kerana penciptaan manusia dibicarakan di hadapan para malaikat. Ibn Jarīr mengatakan Allah berfirman untuk menjadikan seorang khalifah di muka bumi ini untuk berlaku secara adil di antara semua makhluk Allah. Nabi Adam merupakan khalifah pertama yang dipilih untuk taat kepada Allah diutuskan ke muka bumi secara adil. Allah SWT lebih mengetahui bahawa terdapat kemaslahatan yang lebih besar dalam penciptaan manusia daripada kerosakan yang dikhuatiri oleh malaikat. Hikmahnya, Allah SWT menciptakan di kalangan manusia terdapat para nabi, rasul, para wali, syuhada', ahli zuhud, para ulama, orang soleh yang taat dan khusyuk beribadah, orang yang cinta kepada Allah, serta mengikut para Rasul.<sup>35</sup>

#### 4.2.1.2 Mufasir Kontemporari

Sayyid Quṭb dalam tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* menerangkan bahawa Allah SWT ingin menyerahkan kepada Nabi Adam AS tugas khalifah untuk mentadbir bumi ini melalui urusan zahir seperti penciptaan, pembinaan, transformasi dan memperoleh hasil kekayaan sumber yang ada di bumi. Allah telah mengurniakan kepada manusia kekuatan tenaga, bakat-bakat, harta-harta kekayaan yang tersimpan di bumi agar dapat melaksanakan perintah dan syariat Allah SWT.<sup>36</sup>

Di dalam tafsir al-Azhar, Allah akan mengangkat khalifah dari kalangan satu jenis makhluk. Makhluk ini akan berebut-rebut kepentingan di antara satu sama lain dengan menimbulkan pertentangan dan kerosakan bahkan akan timbul juga pertumpahan darah sesama mereka.<sup>37</sup> Kitab tafsir al-Munīr menjelaskan ayat ini menunjukkan kemuliaan

<sup>35</sup> Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aṣīm*, ed. Sāmī bin Muḥammad al-Salāmah, (Riyad: Dār Ṭibah Li al-Nashr Wa al-Tawzī', 1999), 1:221-222.

<sup>36</sup> Sayyid Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, (Beirut: Dār al-Syurūq), 2003, 1:56-57.

<sup>37</sup> HAMKA, *Tafsīr al-Azhar*, (Singapura: Pustaka Nasional, 1982) 1: 158-159.

manusia yang dijadikan Allah sebagai khalifah di muka bumi dalam menjalankan perintah-perintah Nya di antara sesama umat manusia.

Hikmah di sebalik dijadikan Adam sebagai khalifah adalah rahmat kepada umat manusia. Sebagai satu bentuk rahmat Allah, Allah mengutus para Rasul dari jenis manusia sendiri dan tugas khalifah ialah orang yang meleraikan persengketaan yang terjadi antara manusia dan berdakwah kepada kebaikan agar menjauhi perbuatan haram dan dosa.<sup>38</sup> Di dalam ayat ini, Allah mengangkat manusia menjadi khalifah seperti Nabi Adam yang diturunkan Allah ke muka bumi. Namun, menurut tafsir Ibn Kathīr, khalifah juga merupakan dari orang soleh yang taat dan khusyuk beribadah. Wanita juga tidak terkecuali untuk menjadi orang yang cinta kepada Allah serta mengikut para Rasul.

Ulasan Samina mengenai kepimpinan wanita melalui isteri-isteri Nabi SAW dalam video beliau ialah dengan mendatangkan hujah terhadap isteri pertama Nabi SAW iaitu Saidatina Khadijah sebagai CEO iaitu seorang ketua usahawan pada zaman Rasulullah SAW. Pernyataan tersebut ialah benar. Namun, Samina tidak menyebutkan ramai lagi dari kalangan cendekiawan wanita yang terdiri daripada isteri Rasulullah SAW yang aktif mengajarkan mengenai agama Islam kepada kaum wanita khususnya seperti Ummu Salāmah, Ḥafṣah<sup>39</sup> dan ‘Āishah.<sup>40</sup>

Samina menyatakan bahawa isteri kedua Nabi Muhammad pula menyertai peperangan dengan menunggang unta yang disamakan seperti *Humvee* atau kereta kebal pada zaman sekarang. Namun, apabila diteliti isteri kedua Nabi SAW bernama Sawdah Binti Zam‘ah yang tidak menyertai peperangan<sup>41</sup>, tetapi ibu saudara Nabi Muhammad

<sup>38</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr Fī al-‘Aqīdah wa al-Shari‘ah wa al-Manhaj*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1991), 1:137-139.

<sup>39</sup> Khalif Muammar A. Harris dan Adibah Muhtar, “Konsep Kesetaraan Gender Menurut Perspektif Islam dan Barat,” *Jurnal AFKAR* 21.2 (2019), 33-74.

<sup>40</sup> M. Jamal Haider, *Daughters of Eve: Islam and Female Emancipation*, (Petaling Jaya: The Other Press Sdn. Bhd., 2020), 64.

<sup>41</sup> Ibid., 37.

SAW yang bernama Safiah Binti Abdul Mutalib iaitu ibu saudara Hamzah Asadullah yang menyertai perang. Seterusnya, individu yang disebutkan Samina menyertai perang dan menjadi jeneral merujuk kepada Khaulah al-Azwar namun tidak dinyatakan secara jelas di dalam video itu.

Kenyataan Samina bersifat umum dan tidak jelas dalam mendatangkan contoh wanita yang hebat pada zaman Rasulullah SAW. Samina hanya menyebutkan nama Khadijah RA pada kenyataan yang pertama dan tidak menyebutkan dengan jelas siapa sosok wanita yang dikatakan Samina terhadap isteri Nabi dan tidak menyebut siapa wanita yang dijadikan contoh melalui bukti awal (*early records*) menurut Samina. Syeikh Wahbah menambah bahawa peranan wanita terlihat dengan jelas melalui hasil kejayaan hijrah Rasulullah SAW.

Terdapat ramai lagi srikandi dan wanita hebat pada zaman Rasulullah SAW, antaranya seperti Asmā' Binti Abū Bakar dengan gelaran ‘*Dhāt al-Nītāqayn*’. Beliau merupakan wanita yang memberi sumbangan hebat apabila terlibat menolong tentera Islam dalam perang. Tugasnya adalah memberi minum, menyiapkan makanan, memberi semangat untuk berperang, mendorong para lelaki yang kalah agar kembali ke medan tempur bahkan merawat orang-orang yang terluka dan mengubati orang-orang yang sakit.<sup>42</sup>

---

<sup>42</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr Fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1991), 3:297.

#### **4.2.2 Hak Keadilan Wanita**

Samina menyebutkan bahawa wanita Islam ditindas dengan ketidakadilan kerana wanita sering dinafikan hak dari segala aspek berbanding lelaki Muslim. Jadi ayat 34 surah al-Nisā' didatangkan untuk menjawab kembali hujah Samina berkaitan ketidakadilan wanita.

Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا  
يُظْلَمُونَ تَقِيرًا

١٢٤

Terjemahan: Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau wanita, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpun. (Al-Nisā' 4:124)

##### **4.2.2.1 Mufasir Tradisional**

Al-Qurṭubī menghuraikan bahawa syarat diterimanya amal soleh adalah iman seseorang tidak kira lelaki atau wanita. Perbuatan ahli kitab telah lama mendahului golongan musyrik dalam perkara suka memberi makan dan menjamu tetamu yang sedang menunaikan ibadah haji. Allah SWT menjelaskan bahawa amal kebaikan tidak akan diterima tanpa adanya keimanan. Maka, orang yang beriman akan masuk ke dalam syurga kerana amalan soleh yang dilakukannya tidak mengira jantina.<sup>43</sup>

Ibn Kathīr menukilkan dalam kitab tafsirnya bahawa Allah SWT memberi jaminan bahawa sesiapa yang berbuat baik akan dibalas baik manakala sebaliknya pula bagi orang jahat. Allah SWT menerangkan tentang kebaikan dan rahmat Allah dalam menerima amalan soleh umatNya baik lelaki maupun wanita dengan syarat mempunyai iman dalam diri seseorang. Allah akan mengurniakan syurga serta tidak menzalimi

<sup>43</sup> Al-Qurṭubī, Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī, *Al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, (Beirut: Mu’assasat al-Risālah, 2006), 7:154-155.

kebaikan walau amalan kebaikan yang dibuat hanya sekecil lubang halus yang terdapat pada biji kurma.<sup>44</sup>

#### 4.2.2.2 Mufasir Kontemporari

Tafsir Fī Zilāl al-Qur'ān karya Sayyid Quṭb mentafsirkan bahawa ayat ini jelas menerangkan dasar keadilan antara lelaki dan wanita. Ayat ini juga jelas menunjukkan bahawa keimanan merupakan syarat bagi sesuatu amalan dan amalan diterima Allah SWT. Manakala amalan yang tidak disertai keimanan tidak mempunyai seberang nilai di sisi Allah SWT. Sayyid Quṭb berpendapat dasar keimanan kepada Allah SWT ditentukan dengan amalan kebaikan yang mempunyai dasar kefahaman yang jelas dan niat murni malah bukan diamalkan atas keinginan peribadi yang tidak mempunyai niat *lillāhi Ta 'āla*.<sup>45</sup>

Menurut tafsir al-Azhar, bukti orang Islam yang baik ialah sanggup menjauhkan diri dari kejahanatan dan membuat amal kebajikan serta amal soleh melalui keimanan kepada Allah SWT. Ayat ini menjelaskan kewajiban membuat amal kebaikan atas dasar iman antara lelaki dan wanita. Perbezaan antara lelaki dan wanita itu hanyalah tugas, kesanggupan diri dan fizikal antara lelaki dan wanita namun tujuan dan matlamat adalah sama untuk beribadah kepada Allah SWT.<sup>46</sup>

Di dalam kitab tafsir al-Munīr oleh Syeikh Wahbah al-Zuhaylī, ayat ini menunjukkan perbandingan asas keadilan antara lelaki dan wanita dinilai melalui amalan soleh dengan niat untuk memperbaiki dirinya dan beriman dengan sebenar-benar keimanan. Tambahan lagi, orang-orang yang beramal dan beriman kepada Allah SWT

<sup>44</sup> Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, ed. Sāmī bin Muḥammad al-Salāmah, (Riyad: Dār Ṭibah Li al-Nashr Wa al-Tawzī’, 1999), 2:421.

<sup>45</sup> Sayyid Qutb, *Fī Zilāl al-Qur’ān*, (Beirut: Dār al-Syurūq), 2003, 2:762-763.

<sup>46</sup> HAMKA, *Tafsir al-Azhar*, (Singapura: Pustaka Nasional, 1982), 2:1443.

dan hari akhirat akan dimasukkan ke dalam syurga dan tidak akan dianiaya atau dikurangi pahala amalannya, sekalipun amalannya remeh hanya sedikit walaupun sekecil *al-Naqīr* iaitu lubang halus yang terdapat pada biji kurma. Jadi, amalan soleh yang disertai dengan iman akan membawa jalan menuju ke syurga manakala amalan buruk akan membawa jalan menuju ke neraka.<sup>47</sup>

Kesimpulan daripada mufasir tradisional dan kontemporari menunjukkan bahawa penilaian Allah tiada beza ke atas lelaki dan wanita yang diukur atas keimanan manusia kepada Allah SWT melainkan perbezaan dari segi tanggungjawab antara lelaki dan wanita. Namun, Samina menghukum bahawa wanita ditindas dengan ketidakadilan yang berlaku terhadap mereka apabila tidak mempunyai hak bersuara dan hak untuk mentafsirkan al-Quran seperti mana lelaki. Samina tidak membawa sumber rujukan kepada pendapat beliau berkata sedemikian. Pendapat beliau bersifat umum dan berselisih dengan realiti bahawa wujud wanita yang mentafsirkan al-Quran abad ini iaitu Nā’ila Hāshim Ṣabrī yang mentafsirkan al-Quran lengkap 30 juzuk. Nā’ila menghabiskan masa untuk mempelajari al-Quran selama 20 tahun dengan mengkaji sebanyak 150 kitab tafsir kontemporari dan tradisional.<sup>48</sup>

Tambahan pula, Samina mendakwa wanita menjadi hamba kepada lelaki atau suami dengan dinafikan hak kebebasan iaitu hanya menturuti nafsu suami semata-mata dan menyalahkan lelaki serta disamakan seperti lelaki fasik zaman dahulu yang menganggu wanita waktu malam. Samina mengatakan tudung atau hijab memberi ketidakadilan terhadap wanita apabila wanita sering ditindas dan tidak diberikan hak asasi yang sepatutnya. Hasil analisis yang dibuat mendapati kenyataan Samina Ali menepati

<sup>47</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr Fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1991), 3:296-297.

<sup>48</sup> Afaf A. Hameed, “The Methodology of Tafsīr Al-Mubṣir li-Nūr al-Qur’ān: The Only Complete Exegesis Written by a Woman (Nā’ila Hāshim Ṣabrī)”, *Al-Bayān: Journal of Quran and Hadith Studies* 14.1 (2016), 30-50.

pengalaman beliau di Amerika Syarikat yang disamakan dengan wanita Islam lain apabila berucap mengenai ketidakadilan wanita. Masyarakat Amerika memandang serong terhadap pemakaian hijab akibat peristiwa 9/11 yang menggambarkan Islamofobia dan berlaku penindasan di kalangan umat Islam yang berada di Amerika Syarikat waktu itu termasuk Samina Ali. Pendapat Samina tidak boleh diguna pakai dan dirujuk kerana bersifat umum serta *bias* terhadap wanita yang memakai hijab.

Hakikatnya pensyariatan memakai penutup kepala atau aurat menunjukkan hikmah dan keistimewaan yang diturunkan oleh Allah SWT serta wanita berhijab terpelihara dan selamat daripada gangguan lelaki jahat. Samina berkata selepas Nabi Muhammad SAW wafat, wanita tidak mendapat kebebasan dan ditindas serta diasingkan dari masyarakat. Kenyataan ini jelas bertentangan dengan kehebatan dan kewibawaan ilmuwan wanita iaitu ‘Āishah Binti Abu Bakar isteri Rasulullah SAW yang meriwayatkan banyak hadith dan faqih dalam ilmu pensyariatan al-Quran. Saidatina ‘Āishah sepatutnya dijadikan contoh wanita pada zaman sekarang yang melambangkan wanita hijab juga boleh menjadi seorang yang terkemuka dan menjadi rujukan masyarakat.<sup>49</sup>

Malah, wanita Muslim dari negara Eropah yang bernama Nye Armstrong juga tidak ketinggalan menyebarkan mengenai *trend* hijab di *YouTube* yang bertajuk ‘*Princess Leia Hijab Tutorial*’. Ramai yang memberi komen positif terhadap cara pemakaian hijab tersebut yang dianggap unik dan menarik.<sup>50</sup> Ketidakadilan sememangnya tidak wujud di dalam Islam apabila Islam datang untuk membebaskan dari cengkaman jahiliah sehingga hak-hak wanita dalam Islam dimiliki oleh setiap wanita.

<sup>49</sup> M. Jamal Haider, *Daughters of Eve: Islam and Female Emancipation*, (Petaling Jaya: The Other Press Sdn. Bhd., 2020),64.

<sup>50</sup> Munirah Abd Razzak et al., “Isu Penyelewengan Tafsiran Ayat Al-Quran oleh Samina Ali dalam Saluran TEDx Talks: The Issue of Quranic Verses Misinterpretation by Samina Ali in the TEDx Talks Channel,” *Al-Bayān: Journal of Quran and Hadith Studies* 20.3 (2022), 447-475.

Wanita sering ditindas dan tidak mendapat keadilan sejak dahulu lagi sehingga Islam muncul dengan memartabatkan diri wanita. Dalam sejarah kemanusiaan yang panjang<sup>51</sup>, kaum wanita mengalami nasib tragis kerana mereka dilayan sebagai barang dan alat pemuas nafsu kaum lelaki. Golongan ini ditindas dan tidak dihormati kemanusiaannya, malah dipinggirkan dengan alasan tradisi dan adat istiadat. Dalam peradaban kuno serta masyarakat primitif, mereka ditindas tanpa perikemanusiaan dan tidak diberi layanan yang adil.

Masyarakat Sumeria dan Yunani menganggap kaum wanita sebagai sejumlah pemilikan kaum lelaki. Masyarakat Cina membunuh anak wanita kerana bebanan kepada keluarga. Selain itu, budaya kebanyakan wanita pada dinasti Han dibenarkan berkahwin semula selepas suami mereka meninggal dunia, namun mereka lebih suka memilih bunuh diri untuk menunjukkan integriti mereka kepada suami dan keluarga.<sup>52</sup> Wanita di China yang mempunyai purata umur seusia 22 tahun sudah mengalami kejadian penderaan pasangan, pelacuran wajib, pemisahan, kebajikan wanita yang dikompromi, bigami, dan keputusan bercerai yang dipersetujui bersama.<sup>53</sup>

Ketidakadilan yang berlaku bagi masyarakat India pula ialah wanita dibakar hidup-hidup bersama mayat suami. Wanita Islam di India tidak mendapat hak warganegara dan jantina yang setara. India mempunyai undang-undang yang membezakan individu atas dasar agama dan mendiskriminasi hak wanita yang menyebabkan penindasan terhadap wanita.<sup>54</sup> Kebanyakan kanak-kanak wanita di India akan berkahwin apabila telah mencapai umur akil baligh dan juga tidak diberi pendidikan

<sup>51</sup> Mohd Anuar Ramli, Bias Gender dalam Masyarakat Muslim: Antara Ajaran Islam dengan Tradisi Tempatan, *Jurnal Fiqh* 7 (Universiti Malaya, 2010), 66.

<sup>52</sup> Siyu Chang, “Chinese Women, Marriage and Gender: Exploring the Idea of Women and Marriage Over Time in the Context of China” (disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Windsor, 2020), 7.

<sup>53</sup> Maria Jaschok and Shui Jingjun, *Women, Religion, and Space in China: Islamic Mosques & Daoist Temples, Catholic Convents & Chinese Virgins*, (New York: Routledge Taylor & Francis Group), 41.

<sup>54</sup> Vrinda Narain, *Reclaiming the Nation: Muslim Women and the Law in India*, (London: University of Toronto Press, 2008), 5.

tinggi kerana risau jika pendidikan membawa kepada penangguhan perkahwinan. Lelaki Muslim di sesetengah negara India cenderung kepada ketagihan arak serta memukul isteri apabila hidup miskin. Janda juga tidak dibenarkan berkahwin selepas bercerai merupakan antara adat di benua India.<sup>55</sup>

Menurut al-Būṭī, sejarah memperlihatkan masyarakat Arab pra Islam membunuh anak perempuan, menyembah berhala, mengamalkan riba, terlibat dalam rumah pelacuran, menipu dan bermusuhan sesama sendiri serta banyak lagi kejahanan yang wujud pada waktu itu. Bangsa Arab Jahiliah menganggap wanita sebagai binatang ternak yang dapat diwariskan oleh seorang lelaki yang telah meninggal dunia kepada ahli warisnya. Masyarakat pra Islam tidak memberikan wanita tempat yang terhormat bahkan wanita tidak dianggap sebagai manusia dan diperlakukan sebagai alat.<sup>56</sup>

Kemudian, Islam datang untuk menghapuskan kezaliman sehingga hak-hak wanita dalam Islam benar-benar dihormati. Wanita dimuliakan dan dikembalikan haknya serta diktiraf oleh lelaki dalam kehidupan. Apa yang membezakan antara sesama manusia ialah ketakwaan kepada Allah.<sup>57</sup> Rasulullah SAW telah berjaya mendidik dan menyeru manusia kembali kepada Allah dengan beriman kepada Allah, malaikat, kitab, Nabi dan Rasul, mempercayai kewujudan malaikat dan hari kiamat serta redha dengan ketentuan qada' dan qadar yang ditetapkan Allah kepada hambaNya.

Sayyid Quṭb menegaskan bahawa kedudukan wanita adalah sama seperti lelaki dari segi urusan agama dan amalan soleh berdasarkan surah al-Nisa' ayat 124.<sup>58</sup> Setiap dari lelaki dan wanita akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya pada setiap amalan baik

<sup>55</sup> Aisha Siddiqa and Ruby, "Status of Women in Islam and the Present Indian Scenario", *Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia* 3.1 (2018), 1-12.

<sup>56</sup> Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī, *Fiqh Ṣirah al-Nabawiyah*, (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āsir, 1991), 23.

<sup>57</sup> *Ibid.*

<sup>58</sup> Paizah Ismail, *Wanita: Status Sosial dan Undang-Undang Islam*, (Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd., 2010), 38.

dan buruk yang dilakukan. Malah, Syeikh Muhammad Rasyid Reda berpendapat bahawa lelaki dan wanita perlu bekerjasama dan berganding bahu dalam menyelesaikan masalah politik, masyarakat atau negara.<sup>59</sup>

Perbezaan jantina dikatakan mewujudkan ketidakadilan terutama terhadap wanita dengan mewujudkan sistem atau struktur sosial di mana lelaki atau wanita menjadi mangsa.<sup>60</sup> Wanita mempunyai hak keadilan yang seperti lelaki, namun dalam konteks dan jenis yang berbeza. Wanita juga mempunyai kewajipan yang sama seperti lelaki dalam ibadah, seperti melaksanakan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, membayar zakat dan menunaikan haji serta ibadah lain. Jika mereka melakukan dosa, maka mereka akan mendapat hukuman setimpal dengan amal perbuatannya tidak berbeza mengikut jantina.<sup>61</sup>

Dari sudut undang-undang Islam, hak keadilan wanita adalah berasaskan al-Quran dan hadith. Wanita dalam Islam diletakkan pada darjat yang tinggi sama ada bujang atau telah berkahwin yang mempunyai hak-hak tersendiri, termasuklah hak untuk memiliki pekerjaan, pendapatan, harta dan kekayaan.<sup>62</sup> Wanita mempunyai hak untuk menguruskan pemberian mas kahwin yang diberikan oleh pihak lelaki mengikut kehendak wanita itu sendiri. Situasi wanita di Barat selepas berkahwin perlu menggunakan nama suami

<sup>59</sup> Baterah Alias, Mohd Asmadi Yakob, Rafeah Saidon dan Mukhammad Syamsul Huda Lahuri, “Analisis Isu Gender Berdasarkan Al-Quran Bagi Menangkis Tuntutan Persamaan Hak Antara Lelaki dan Wanita”, *Jurnal of Contemporary Islamic Studies* 6.2 (2020), 1-11.

<sup>60</sup> Greg Feally and Virginia Hooker, *Voices of Islam in Southeast Asia: A Contemporary Sourcebook*, (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2006), 295.

<sup>61</sup> Abur Hamdi Usman dan Nurhidayah Ramlee, “Kedudukan Wanita Menurut Perspektif Islam: Tumpuan Kepada Konsep Kesamarataan Gender” (makalah, 5<sup>th</sup> International Seminar on Islamiyyat Studies IRSYAD 2019, Faculty of Islamic Civilisation Studies, International Islamic University College, 5-6 November 2019, 33.

<sup>62</sup> Mohd Roslan Mohd Nor, “Salahfaham Tentang Kedudukan Wanita Muslim”, dalam *Wanita Islam: Isu-isu dan Pemerkasaan Hak*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor dan Noor ‘Azzah Kamri (Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, 2011) 1-15. <https://ilhambooks.com/wanita-islam-isu-isu-dan-pemerkasaan-hak/>.

berbeza dengan wanita Islam yang terus menggunakan namanya sendiri, tanpa perlu menggunakan nama suami seperti di Barat.<sup>63</sup>

Islam memartabatkan wanita dengan memberikan keadilan kepada mereka bukannya menyamaratakan hak sebagaimana yang dituntut oleh golongan feminism. Islam memuliakan setiap insan dan menjamin kebebasan individu termasuk wanita serta hamba sahaya. Bahkan Islam tidak membezakan gender dan mewajibkan lelaki maupun wanita untuk menuntut ilmu dalam Islam. Seharusnya, wanita Islam perlu memiliki ilmu dan kefahaman asas yang sempurna<sup>64</sup> tentang tujuan perkahwinan, hak serta tanggungjawab antara suami isteri. Malah, Syeikh Maḥmūd Syaltut menekankan bahawa tiada sesiapa pun dari kalangan fuqaha yang berpandangan bahwa segala nas yang berkaitan dengan urusan memiliki harta dan kekayaan hanya dikhususkan untuk para lelaki sahaja tanpa melibatkan kaum wanita.<sup>65</sup>

Islam memberi jaminan hak persamaan antara lelaki dan wanita seperti hak berpolitik, hak memilih pekerjaan, hak menuntut ilmu pengetahuan dan lain-lain lagi. Tiada sekatan bagi wanita yang berhasrat menceburkan diri dalam pelbagai sektor pekerjaan. Hak persamaan antara lelaki dan wanita tidak boleh dilihat daripada perspektif budaya dan tradisi, namun perlu mengikut hukum Allah SWT. Menurut al-Qaraḍawī, wanita diperbolehkan keluar bersama tentera untuk melakukan tugas pengubatan, perawatan dan sebagainya, iaitu berupa perkhidmatan yang sesuai dengan fitrah dan kemampuannya.<sup>66</sup>

---

<sup>63</sup> *Ibid.*

<sup>64</sup> Baterah Alias, Mohd Asmadi Yakob, Rafeah Saidon dan Mukhammad Syamsul Huda Lahuri, "Analisis Isu Gender Berdasarkan Al-Quran Bagi Menangkis Tuntutan Persamaan Hak Antara Lelaki dan Wanita", *Jurnal of Contemporary Islamic Studies* 6.2 (2020), 1-11.

<sup>65</sup> Paizah Ismail, *Wanita: Status Sosial dan Undang-Undang Islam*, (Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd., 2010), 40.

<sup>66</sup> Fatimi Hanafi, Zulkarnain Abdul Rahman, Arbaiyyah Mohd Noor dan Mohd Roslan Mohd Nor, "Hak Asasi Manusia dan Penglibatan Wanita Dalam Politik di Malaysia (Human Rights and Women's Participation in Politics in Malaysia)", *Jurnal of Al-Tamaddun* 11.1 (2016), 17-33.

Ketidakadilan yang berlaku berpunca dari tradisi masyarakat setempat dan bukan merupakan dari ajaran agama Islam. Jadi, ajaran Islam tidak boleh disalahkan sepenuhnya kerana pengaruh tradisi yang masih kekal dalam masyarakat Muslim dengan tidak mengaplikasikan ajaran Islam yang disyariatkan Allah SWT dengan mencontohi teladan dan *qudwah hasanah* Nabi SAW yang kasih kepada wanita.<sup>67</sup>

---

<sup>67</sup> Mohd Anuar Ramli, Bias Gender dalam Masyarakat Muslim: Antara Ajaran Islam dengan Tradisi Tempatan, *Jurnal Fiqh* 7 (Universiti Malaya, 2010), 66.

#### 4.3 HUJAH MUFASIR TERHADAP TAFSIRAN ULAMA BERUNSUR PATRIARKI

Samina mengemukakan pandangan beliau pada minit 12:52<sup>68</sup> mengenai seseorang yang bergelar ulama (*so called ulama*) yang telah mengeluarkan fatwa atau pendapat yang cenderung terhadap kepentingan diri sebagai seorang lelaki. Samina berkata pada minit 13:18, bahawa wanita kini menutup seluruh tubuh badan dan tidak dibenarkan keluar kerana tafsiran ulama sebagai lelaki yang telah mengawal dan mempengaruhi hidup wanita.<sup>69</sup> Pandangan Samina ternyata tidak mempunyai asal usul yang bernas apabila mengeluarkan kenyataan seperti itu. Pengkaji mendatangkan ayat al-Quran ayat 34 dari surah al-Nisā' bagi menjawab hujah Samina Ali berkenaan ulama yang mentafsirkan mengikut hawa nafsu dan mementingkan diri sebagai lelaki.

Firman Allah SWT:

الرِّجَالُ قَوْمٌ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ  
فَالصَّالِحُاتُ قَنِيتُ حَفِظَتُ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُورَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ  
وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطْعَنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سِيَّلًا إِنَّ اللَّهَ  
كَانَ عَلَيْهَا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

Terjemahan: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang wanita, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka wanita-wanita yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan wanita-wanita yang bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di

<sup>68</sup> Samina Ali, "What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman's Hijab," laman sesawang YouTube TEDx Talks, diakses 15 Ogos 2021, <https://www.YouTube.com/watch?v= J5bDhMP9IQ>

<sup>69</sup> *Ibid.*

tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar. (Al-Nisā' 4:34)

#### 4.3.1 Mufasir Tradisional

Al-Qurṭubī mentafsirkan ayat ini bahawa lelaki mempunyai kekuatan tabiat yang tidak terdapat pada wanita kerana mereka mempunyai semangat membara, kuat dan teguh dalam diri mereka. Manakala wanita memiliki tabiat yang sejuk dan dingin, dan lemah lembut sehingga orang lelaki ditugaskan Allah menjadi pemimpin bagi wanita. Oleh itu, lelaki diberi tanggungjawab oleh Allah untuk mendidik para isteri dan ketika isteri itu menjaga hak suaminya dengan baik, maka suami diharamkan bersikap buruk terhadap isterinya.<sup>70</sup>

Selanjutnya, Ibn Kathīr juga berpandangan bahawa kehebatan lelaki ke atas wanita itu merupakan kudrat atau keupayaan lelaki dalam tafsirnya terhadap ayat berikut. Antara tanggungjawab lelaki seperti mahar dan nafkah telah diwajibkan Allah kepada suami untuk isteri yang telah termaktub dalam al-Quran dan Sunnah Nabi SAW. Maka lelaki itu lebih kuat dan berupaya dari wanita dalam dirinya dan lelaki memiliki juga kelebihan-kelebihan lain. Oleh sebab itu, lelaki lebih sesuai menjadi pemimpin bagi wanita sebagaimana firman Allah SWT.<sup>71</sup>

Ibn Kathīr menukilkan dari pentafsiran Ali Ibn Abū Ṭalḥah dari Ibn ‘Abbas terhadap potongan ayat ((الْتَّجَاهُ قَوَامُونَ عَلَى النِّسَاءِ)) yang bermaksud diperintahkan kepada isteri untuk mentaati suaminya, mentaati segala perintahnya dan menjaga hartanya. Maka,

<sup>70</sup> Al-Qurṭubī, Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī, *Al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, (Beirut: Mu’assasat al-Risālah, 2006), 6:278.

<sup>71</sup> Ibn Kathīr, Ismā‘il bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, ed. Sāmī bin Muḥammad al-Salāmah, (Riyad: Dār Ṭibah Li al-Nashr Wa al-Tawzī’, 1999), 2:292.

ketaatan isteri merupakan kebajikan bagi keluarganya. Kenyataan di atas menunjukkan bahawa Ibn Kathīr seperti Imam al-Nawawi iaitu tidak membezakan antara potensi keupayaan biologi dan potensi ‘kasbi’ iaitu gender antara lelaki dan wanita sehingga menganggap bahawa lelaki itu memang secara kudrat diciptakan melebihi wanita dan bahawa kelebihan ini adalah kudrat, bukan hasil usaha.<sup>72</sup>

Menurut tafsir Ibn Kathīr, lelaki adalah pemimpin bagi kaum wanita dalam erti ketua, hakim dan pendidik kepada wanita kerana lelaki lebih memiliki keutamaan berbanding wanita pada sudut-sudut yang tertentu. Oleh kerana itu juga, kenabian, ketua pemimpin negara, jabatan kehakiman dan lain-lain dikhkususkan kepada lelaki atas aspek-aspek tertentu. Tanggungjawab lelaki berupa mahar, nafkah dan lain-lain diwajibkan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan al-Sunnah. Wanita harus mentaati lelaki yang menjadi suami dan pemimpin ke atasnya sesuai dengan perintah Allah untuk berbuat baik terhadap diri, ahli keluarga dan memelihara harta suami. Pendapat ini merupakan pendapat Muqātil, al-Suddi dan al-Daḥāk.<sup>73</sup>

#### 4.3.2 Mufasir Kontemporari

Tafsir Fī Zilāl al-Qur’ān menerangkan dalam ayat ini bahawa kehidupan di alam ini mempunyai sistem hidup rabbani yang ditetapkan Allah SWT bahawa lelaki dan wanita dianugerahkan fitrah dan kebolehan tertentu supaya mereka dapat melaksanakan tugas mengikut fitrah masing-masing. Pembahagian tugas yang adil antara suami dan isteri berlaku dalam bidang masing-masing dengan tugas tertentu mengikut aturan sistem

<sup>72</sup> Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, ed. Sāmī bin Muḥammad al-Salāmah, (Riyad: Dār Ṭibah Li al-Nashr Wa al-Tawzī’, 1999), 2:293.

<sup>73</sup> *Ibid*, 2:294.

rabbani. Manusia perlu menerima hakikat bahawa lelaki dan wanita merupakan sebaik-baik makhluk yang diciptakan Allah dan saling memerlukan antara satu sama lain.<sup>74</sup>

HAMKA mentafsirkan dalam konteks kepimpinan, lelaki berhak memimpin wanita dan bukan pula wanita memimpin lelaki serta bukan juga di kedudukan yang sama. Ayat ini tidak membawa perintah mengatakan bahawa lelaki menjadi pemimpin atau wanita yang diberi perintah untuk dipimpin. Walaupun tidak mempunyai perintah, kenyataannya ialah semestinya lelaki yang berhak memimpin wanita. Jadi, disebabkan itulah Allah telah melebihkan tanggungjawab ke atas lelaki berbanding wanita dari segi tenaga, kecerdasan, dan lain-lain lagi.<sup>75</sup>

Di dalam tafsir al-Munīr diterangkan bahawa lelaki adalah pemimpin kepada wanita. Lelaki merupakan pemimpin dalam rumah tangga dan bertanggungjawab menasihati wanita jika melakukan perbuatan yang menyimpang dari agama Islam. Lelaki juga bertugas untuk melindungi dan menjaga wanita sehingga jihad diwajibkan bagi kaum lelaki dan bukan bagi kaum wanita. Malah, bahagian warisan yang diperolehi kaum lelaki juga lebih banyak berbanding kaum wanita kerana kaum lelaki ditaklifkan Allah untuk memberi nafkah dan membayar mahar kepada isteri dan keluarga.

Beberapa faktor dan sebab kepimpinan lelaki ke atas wanita ialah salah satunya merupakan faktor penciptaan. Penciptaan struktur tubuh lelaki mempunyai kelebihan dengan memiliki pancaindera, akal, tubuh badan yang lebih kuat emosi yang stabil. Kaum lelaki mempunyai kelebihan berbanding kaum wanita dari segi akal, pemikiran, komitmen dan kekuatan. Justeru, Allah SWT mengkhususkan kaum lelaki untuk

<sup>74</sup> Sayyid Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, (Beirut: Dār al-Syurūq), 2003, 2:648-649.

<sup>75</sup> HAMKA, *Tafsir al-Azhar*, (Singapura: Pustaka Nasional, 1982) 2:1195.

menerima tugas sebagai Rasul, Nabi, pemimpin tertinggi, qadi, bilal, khatib, solat jumaat dan berjihad.<sup>76</sup>

Lelaki dan wanita diciptakan oleh Allah SWT dengan pelbagai fungsi dan peranan yang berbeza. Ini dapat dilihat dari sudut kejadian psikologi dan fizikal antara mereka yang membezakan hak dan tanggungjawab antara lelaki dan wanita. Setiap dari mereka hendaklah menerima fitrah yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka.<sup>77</sup>

Hakikatnya, kejadian lelaki dan wanita adalah sama jika dikaji asal kejadian insan yang awal, tiada beza antara lelaki mahupun wanita.<sup>78</sup> Lelaki memang memiliki beberapa kelebihan atas wanita sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran iaitu surah al-Nisa' ayat 4. Kelebihan tersebut menurut beberapa mufasir di antaranya adalah kelebihan akal dan fizikal.<sup>79</sup> Lelaki tidaklah menjadi lebih mulia di hadapan Allah hanya kerana menjadi ketua keluarga, menjadi imam atau berdiri di hadapan saf wanita dalam solat. Itu adalah kerana masing-masing telah ditetapkan Allah untuk diberi ganjaran yang sama dalam melaksanakan amal ibadah.<sup>80</sup>

Samina mendakwa bahawa ulama memasukkan terjemahan sesuka hati terhadap ayat al-Quran berkaitan wanita. Namun, hukum-hakam Islam jelas diambil daripada teks al-Quran yang thabit, hadith yang sahih daripada sunnah Nabi Muhammad SAW, kaedah qiyas kepada teks al-Quran dan hadith, serta ijmak para ulama Islam. Para ulama hanya mentaf irkan al-Quran mengikut apa yang disampaikan oleh Allah dan Rasul, iaitu

<sup>76</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr Fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1991), 2:491-495.

<sup>77</sup> Norsaleha Mohd. Salleh, "Wanita Dalam Agenda Yahudi," dalam *Wanita Dan Cabaran Globalisasi*, ed. Norbahiah Misran, Norsaleha Mohd Salleh, Zakiah Abd. Rahman dan Suriani Sudi (Putrajaya: Konwanis Consultancy, 2015).

<sup>78</sup> Mohammad Nidzam Abdul Kadir, *Islam Hina Wanita? Merungkai Kedudukan Sebenar Wanita Dalam Islam*, (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2016) 26.

<sup>79</sup> Isnawati Yusuf, "Benarkah Budaya Patriarki Adalah Ajaran Islam?", laman sesawang *Bincang Shariah*, diakses 1 Mei 2022, <https://bincangshariah.com/kolom/benarkah-budaya-patriarki-adalah-ajaran-islam/>

<sup>80</sup> Aini Aryani, "Islam Cenderung Patriarkal, Benarkah?", laman sesawang *Rumah Fiqih Indonesia*, diakses 20 Mei 2022, <https://www.rumahfiqih.com/z.php?id=32>

dengan meletakkan lelaki dan wanita di tempat masing-masing sesuai dengan fitrah yang ditetapkan Allah.

Tambahan lagi, Syeikh Jalal melalui video “*There is No Hijab in The Quran? (Brilliant Response)*” di saluran *OnePath Network* berkata amat lucu bahawa jika pada zaman sekarang masih mempunyai golongan tertentu yang mengatakan bahawa semua ulama adalah salah. Pendapat tersebut adalah tidak realistik kerana mustahil beribu-ribu ulama dan pakar Islam mempunyai salah faham dalam ayat tersebut setelah beribu tahun dikaji oleh para ulama. Malah, dakwaan Samina juga tidak munasabah kerana tidak mungkin ribuan ulama Islam akan tersilap mengenai pensyariatan aurat kerana Muslim sepanjang zaman mengamalkan perintah tersebut dengan pemahaman yang betul.<sup>81</sup>

---

<sup>81</sup> OnePath Network, “There is No Hijab in The Quran? (Brilliant Response)”, laman sesawang *YouTube OnePath Network*, diakses 17 Julai 2022, <https://www.YouTube.com/watch?v=5wZFoMUNMo4>.

#### 4.4 KESIMPULAN

Islam menjunjung tinggi keadilan dan menghargai manusia bukan atas dasar jantina, melainkan usahanya.<sup>82</sup> Islam menekankan bahawa manusia merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal sebagai suatu kelebihan berbanding makhluk yang lain. Allah SWT membincangkan tentang kejadian lelaki mahupun wanita dalam perbahasan berkaitan kejadian manusia. Sesungguhnya manusia yang paling mulia di sisi Allah SWT adalah mereka yang paling bertaqwa, tidak kira sama ada lelaki atau wanita.<sup>83</sup>

Kesimpulan terhadap pemikiran Samina ialah Samina hidup dalam dua budaya iaitu mempunyai latar belakang dan persekitaran yang berbeza antara negara Barat dan Asia iaitu negara Amerika Syarikat di bahagian Barat dan negara India di bahagian Asia. Samina perlu menurut perintah pada arahan dan didikan yang sangat tegas oleh keluarganya dan mengikut cara hidup masyarakat di India. Wanita perlu memohon kebenaran terlebih dahulu apabila hendak keluar dan tidak digalakkan bergerak bebas di mana kehidupan yang dilalui Samina mempunyai perbezaan yang sangat ketara secara 360 darjah berbanding dengan kehidupan di Barat yang bebas dan tidak mempunyai had serta batas untuk wanita bersosial dengan sesiapa sahaja.

Hasil kajian mendapati hujah Samina Ali berbentuk kontemporari dan mudah diterima umum kerana pengucapan beliau tersusun serta meyakinkan penonton melalui topik yang disampaikan oleh beliau mengenai hijab. Pelbagai reaksi beserta komen positif dan negatif diberikan oleh penonton di ruangan komentar. Malah, terdapat artikel yang dimuat naik di laman web oleh *Qarawiyyin Project* dan *kumparan.com* untuk menjawab kembali hujah Samina Ali dengan mendatangkan bukti dan penjelasan yang kukuh serta sahih mengenai hijab seperti yang disyariatkan oleh Allah SWT di

<sup>82</sup> Nina Nurmila, “Pengaruh Budaya Patriarki Terhadap Pemahaman Agama dan Pembentukan Budaya”, *Jurnal KARSA* 23.1 (2015), 1-16.

<sup>83</sup> Mohd Anuar Ramli, “Analisis Gender Dalam Hukum Islam”, *Jurnal Fiqh* 9 (2012), 137-162.

dalam al-Quran dan hadith supaya penonton dan pendengar tidak terpengaruh dengan dakwaan Samina.

Terdapat beberapa video yang dimuat naik di *YouTube* mengulas kembali berkenaan hijab dari sudut pandangan Samina Ali. Sebuah video yang bertajuk “*There is No Hijab in The Quran? (Brilliant Response)*” oleh saluran *OnePath Network* dimuat naik pada 15 Februari 2021 telah mendapat tontonan sebanyak satu juta lebih tontonan (1,547,319)<sup>84</sup> dengan kaedah soal jawab oleh moderator dan penceramah iaitu Sheikh Jalal Kassem. Penerangan video tersebut sangat ringkas namun isinya padat dan mudah difahami dengan mendatangkan contoh dan analogi perbandingan zaman dahulu dan sekarang. Video kedua bertajuk ‘*Reacting to Feminist Sisters View on Hijab*’ oleh Ali Dawah *channel* dimuat naik pada 12 April 2017 yang mendapat tontonan sebanyak satu juta lebih (1,077,579)<sup>85</sup> yang diulas oleh saudara Ali Dawah dan dua orang sahabatnya dengan menonton kembali video dan terus memberi hujah terhadap pandangan Samina Ali secara langsung.

Kedua-dua video ini mendapat jumlah satu juta tontonan manakala video-video yang lain hanya mendapat jumlah tontonan yang sedikit dalam lingkungan ribu dan puluh ribu sahaja yang menunjukkan kedua-dua video ini menjadi rujukan daripada ramai warga internet. Antara hujah yang dinyatakan dalam “*There is No Hijab in The Quran? (Brilliant Response)*” di saluran *OnePath Network* ialah Allah telah menerangkan hijab dalam ayat al-Quran secara spesifik dan tidak diterangkan secara tidak jelas seperti mana yang didakwa golongan lain atau Samina Ali. Manakala isi penting dalam kandungan video ‘*Reacting to Feminist Sisters View on Hijab*’ oleh Ali Dawah *channel* telah menegaskan bahawa sumber rujukan Islam mestilah bersumberkan al-Quran, hadith dan

---

<sup>84</sup> OnePath Network, “There is No Hijab in The Quran? (Brilliant Response)”, laman sesawang *YouTube OnePath Network*, diakses 17 Julai 2022, <https://www.YouTube.com/watch?v=5wZFoMUNMo4>

<sup>85</sup> Ali Dawah, “Reacting to Feminist Sisters View on Hijab”, laman sesawang *YouTube Ali Dawah*, diakses 1 Mac 2023, <https://www.YouTube.com/watch?v=my8GGzX4Qaw>.

ijmak ulama atau ulama Salaf. Jika seseorang mengeluarkan kenyataan dan dakwaan berkenaan agama Islam dengan menyebut ‘I’ atau ‘me’ yang bermaksud diri sendiri sememangnya bukan sumber autentik yang boleh dirujuk.

Samina berucap menggunakan pendapat peribadi dengan menyalahkan bahawa agama Islam mengehadkan pergerakan wanita dengan membuat perbandingan antara kehidupan di Amerika Syarikat dan India. Samina tidak seharusnya mempertikai syariat kewajipan menutup aurat di sisi agama Islam dengan memberi ucapan dalam ceramah di *YouTube* di hadapan khalayak ramai. Samina perlu memahami perbezaan antara tuntutan agama dan budaya serta adat sesuatu tempat. Pengalaman dan kenangan yang dilalui Samina di India bukan merupakan daripada perintah agama sebaliknya merupakan adat yang diamalkan turun temurun di negara India yang telah lama diserap budaya tersebut dalam kehidupan mereka,

Samina perlu mengetahui kebenaran bahawa keadaan negara Islam yang lain sangat berbeza dengan negara India apabila beliau menyalahkan agama Islam dalam hidup beliau. Wanita di negara Islam yang lain tidak disekat dan bebas keluar apabila mengetahui batas dan garis panduan yang ditetapkan oleh Islam. Hak wanita dari segi kerjaya dan pendidikan juga tidak dinafikan dan layak mempunyai pekerjaan sepertimana lelaki dengan mengikut syarat yang digariskan dalam Islam.

Samina mempunyai pengalaman yang pahit di negara India dan Amerika Syarikat yang membuatkan beliau pukul sama rata dalam keperitan yang dialami beliau dengan menyamakan antara negara Islam yang lain. Hakikatnya, negara Islam lain tidak berlaku kekejaman seperti itu hanya di sesetengah negara Islam yang lain sahaja berlaku ketidakadilan dalam negara. Tahap kefahaman terhadap agama Islam merupakan faktor penting dalam mengamalkan kewajipan yang ditetapkan oleh Allah SWT yang menghasilkan cara, budaya, adat, suasana dan keadaan negara Islam yang berbeza-beza.

Sumber maklumat sangatlah penting apabila mengambil sesuatu ilmu sebagai rujukan supaya tidak mengeluarkan pendapat yang terpesong lebih-lebih lagi mengenai perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Antara faktor wanita Islam menghadapi kesulitan dalam memahami dan mengamalkan makna sebenar hijab adalah kurangnya kefahaman, tiada kefahaman ataupun tersalah faham. Maka, sesuatu ilmu itu perlu diteliti dan dikaji supaya tidak berlaku kesalahfahaman yang boleh membawa kepada penyelewengan akidah umat Islam.

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN SARANAN

#### 5.1 PENGENALAN

Disertasi yang bertajuk “Penyelewengan Tafsiran Ayat al-Quran dalam Saluran *TEDx Talks* di *YouTube*: Analisis Tafsiran Samina Ali Mengenai Isu Waita” ini menggunakan reka bentuk kualitatif dan sebuah kajian kepustakaan dengan metode analisis kandungan video “*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab?*” bagi memperoleh data. Bab lima ini akan membincarakan tentang kesimpulan dan hasil kajian daripada perbincangan bab pertama sehingga bab keempat dan seterusnya disusuli dengan cadangan serta saranan.

#### 5.2 RUMUSAN KAJIAN

Berdasarkan analisis hasil kesimpulan dan hasil dapatan kajian yang telah dilakukan pada bab dua sehingga bab empat akan dibincangkan berdasarkan objektif yang telah diterangkan seperti berikut dalam bab lima:

Objektif pertama ialah menghuraikan mengenai bentuk penyelewengan tafsiran al-Quran yang terdapat dalam media. Objektif ini dicapai dari hasil kajian pada bab pertama iaitu penyelewengan al-Quran telah bermula sejak zaman dahulu oleh Yahudi Nasrani, Quraisy dan Syiah. Kemudian, kepesatan teknologi telah menjadikan media sosial seperti *Youtube*, *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan *TikTok* sebagai medium penyebaran maklumat masa kini oleh golongan orientalis, liberal dan feminis. Golongan ini menyeleweng ayat al-Quran dengan membawa ideologi dan doktrin meragui keautoritian al-Quran. Malah, penyelewengan tafsiran al-Quran juga disebarluaskan melalui pengaruh media luar yang membawa unsur-unsur penghinaan terhadap agama Islam, isu salah tafsir al-Quran dan doktrin LGBTQi.

Kemudian, objektif kedua mendedahkan mengenai biografi kehidupan Samina Ali. Bagi mencapai objektif ini, dapat dilihat dari hasil kajian di bab kedua. Pengkaji mendapati pemikiran Samina dipengaruhi oleh persekitaran hidup beliau. Samina berasal dari India dan berpindah mengikut bapa beliau yang bekerja di Amerika Syarikat. Peristiwa 9/11 merupakan titik perubahan dalam kehidupan Samina apabila masyarakat Amerika mengubah pandangan terhadap masyarakat Islam. Pengalaman hidup Samina sewaktu di Amerika Syarikat dan India membuatkan beliau keliru antara amalan Islam di India dan budaya hidup sosial di Amerika Syarikat. Pemikiran dan pandangan Samina mengenai Islam dipengaruhi oleh ketidakadilan yang dialami beliau dalam kehidupan dua budaya di antara negara India dan Amerika Syarikat. Malah, perkahwinan yang dilalui Samina juga meninggalkan kesan dalam hidup beliau apabila melalui proses perceraian dan bertarung nyawa melahirkan anak pertama beliau.

Samina Ali merupakan seorang penulis buku, kurator dan aktivis. Samina telah menulis sebuah buku bertajuk ‘*Madras on Rainy Days*’ dan memenangi pelbagai anugerah. Samina juga berkecimpung dalam bidang pengucapan awam dengan menyampaikan ceramah di serata dunia bahkan bergiat aktif dalam menulis artikel dalam blog dan majalah. Samina menyampaikan ceramah di *TEDx Talks* pada tahun 2017 lalu yang bertajuk “*What Does the Quran Really Say About a Muslim Woman’s Hijab?*” dimuat naik di *YouTube* yang menimbulkan kontroversi dan pertikaian oleh umat Islam. Pameran maya “*Muslima: Muslim Women’s Art & Voices*” yang diasaskan oleh Samina Ali dengan jelas menunjukkan pemikiran feminism Samina Ali apabila menampilkan figura feminis terkenal seperti Laleh Bakhtiar dan Zainah Anwar iaitu Zainah merupakan wakil feminis yang bergerak aktif di Malaysia.

Objektif ketiga pula menjelaskan pandangan Samina Ali terhadap isu-isu berkaitan wanita yang terdapat dalam ayat al-Quran. Objektif ini dicapai melalui hasil kajian pada bab ketiga. Isu-isu yang disebut Samina dalam video “*What Does the Quran*

*Really Say About a Muslim Woman's Hijab?"* ialah mengenai aurat wanita, hijab, jilbab, *khimar*, emansipasi wanita yang terdiri dari kepimpinan dan hak keadilan wanita serta patriarki. Samina memetik kisah wanita yang keluar pada waktu malam untuk menunaikan keperluan kemudian diganggu oleh lelaki jahat.

Seterusnya Samina hanya menyebut terjemahan ayat tanpa menyatakan surah dan ayat yang disebut beliau lalu menyimpulkan cara pemakaian wanita kepada dua syarat oleh *early Muslim Scholars* iaitu mengikut peranan dan budaya wanita. Kemudian, Samina mendatangkan tiga ayat al-Quran tanpa menjelaskan ayat dan surah yang dirujuk mengenai hijab. Hasil kajian mendedahkan terjemahan ayat yang disebutkan Samina pada awal ucapan ialah surah al-Ahzāb ayat 59. Manakala, tiga ayat al-Quran yang disebutkan Samina mengenai hijab ialah ayat 53 dan 59 dari surah al-Ahzāb serta ayat 31 surah al-Nūr.

Samina mendakwa bahawa hijab yang bermaksud tudung atau penutup kepala langsung tidak disebutkan dalam tiga ayat yang dirujuk beliau dan memahami ayat al-Quran dari segi literal apabila mentafsirkan ayat al-Quran mengenai hijab kepada tiga keadaan iaitu pembahagi antara Tuhan dan hamba, penghalang seperti yang digunakan sahabat apabila bertemu isteri nabi, serta pengasingan oleh Maryam apabila melahirkan Nabi Isa. Kesimpulan Samina dari ayat hijab ialah hijab bukan bermaksud tudung yang perlu dipakai oleh wanita Islam kini dan hanya diturunkan kepada isteri Rasulullah SAW sahaja. Pandangan Samina mengenai fungsi pemakaian jilbab ialah hanya dipakai untuk melambangkan status seseorang seperti yang dipakai oleh masyarakat kini iaitu pakaian *Burberry trench* atau jaket *Channel* yang menggambarkan sesorang itu berkemampuan untuk memiliki pakaian tersebut sama seperti jilbab. Pendapat Samina mengenai ayat al-Quran *khimar* pula ialah wanita Islam hanya perlu menutup dada bukan seluruh badan dan Samina mendakwa ayat *khimar* tidak diterangkan secara terperinci oleh Tuhan tentang bahagian tubuh badan yang perlu ditutup atau aurat.

Emansipasi wanita menurut pandangan Samina ialah pergerakan wanita Muslim kini terbatas dan disekat berbeza seperti zaman Rasulullah SAW apabila wanita bebas keluar dan bergaul dengan lelaki. Malah, Samina turut mendakwa pentafsiran ulama mempunyai elemen patriarki apabila menambahkan tafsiran mengikut nafsu mereka mengenai ayat al-Quran berkaitan wanita. Tambah Samina, ulama juga menyimpulkan wanita hanya mempunyai satu tanggungjawab iaitu hanya menghormati suami untuk mendapat redha Allah SWT dan Samina mengatakan bahawa ayat ini membawa ketidakadilan kepada wanita.

Objektif keempat kajian ini ialah mengkaji hujah mufasir tradisional dan kontemporari terhadap pandangan Samina Ali. Objektif ini dicapai melalui hasil rumusan analisis bab empat. Hujah mufasir yang didatangkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada pandangan mufasir tradisional dalam kitab *Tafsir al-Qurṭubī* dan *Tafsir Ibn Kathīr*. Manakala kitab mufasir kontemporari yang dirujuk ialah *Tafsir Fī Zilāl al-Qur’ān*, *Tafsir al-Azhar* dan *Tafsir al-Munīr*. Samina Ali tidak sepatutnya membandingkan budaya di India dan Amerika dan menyalahkan agama yang beliau anuti iaitu Islam kerana faktor dan tekanan yang dialami antara India dan Amerika adalah tidak sama dan tidak bersesuaian. Latar belakang kehidupan, proses pertumbuhan sejak kecil, remaja dan dewasa serta pendidikan Barat yang telah diterima oleh Samina Ali telah banyak mempengaruhi perilaku dan tindakan beliau.

Kehidupan beliau dipenuhi dengan kecelaruan, kebingungan dan tekanan perasaan membuatkan beliau tekad untuk berubah. Malangnya, perubahan beliau diperangkap oleh perjuangan dan ideologi wanita di Barat. Dalam perbahasan hukum-hukum fiqh, Samina memiliki ideologi pemikiran Islam liberal yang mentafsirkan semula mengenai batas aurat wanita. Samina seolah-olah cuba membuka kembali ruang untuk mengkaji hukum mengenai pemakaian hijab dan aurat. Ini kerana golongan ini

mempunyai pendapat sendiri yang mengatakan bahawa pemakaian hijab bukan sesuatu yang wajib.

Metodologi yang digunakan Samina Ali dalam memahami sesuatu hukum mempunyai perbezaan dan berlainan dengan metodologi ulama. Metodologi Samina Ali jelas seperti kaedah yang digunakan oleh feminis dalam ijtihad ayat hukum dalam memahami nas al-Quran iaitu metode pensejarahan dan metode ‘*aqli*’. Samina Ali cuba mengenangkan idea bahawa hijab sebenarnya bukan bermaksud penutup kepala dan tidak perlu memakai hijab supaya masyarakat berfikir kembali pemakaian hijab dan menilai kembali apa yang diturunkan Allah serta mengaitkan dengan sirah dan Asbab Nuzul ayat diwajibkan *khimar*, hijab dan jilbab. Itu adalah tidak selari dengan fitrah agama yang mempersoal kembali syariat yang diturunkan Allah. Pensyariatan yang ditetapkan Allah adalah sempurna dan manusia yang beriman perlu patuh dan belajar mendalami ilmu agama Allah.

Metode ‘*aqli*’ juga diaplikasi oleh Samina Ali dalam mentafsir ayat al-Quran iaitu tidak menyebut nama dan huraiyan ayat tersebut, tidak merujuk kepada al-Quran, kitab dan pendapat ulama yang rajih, kemudian mentafsir ayat al-Quran dengan akal fikiran dan secara literal sahaja. Kaedah ini menghasilkan sesuatu yang bercanggah dengan ulama dan mengelirukan umat Islam. Kebanyakan pendapat yang digunakan Samina merupakan pendapat yang minoriti dan mempunyai ciri-ciri pemikiran yang liberal boleh menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat. Hal ini kerana Samina mendakwa dirinya adalah Islam namun Samina seperti tidak mengiktiraf ulama yang muktabar dan sumber kitab oleh ilmuwan Islam.

Kesimpulannya, hasil data dari bab ini menjawab analisis tafsiran ayat al-Quran oleh Samina Ali di dalam *YouTube* saluran *TEDx Talks* mengenai isu wanita dianggap menyeleweng dari kaedah pentafsiran yang digariskan ulama Islam kerana Samina tidak

merujuk kepada garis panduan iaitu mentafsirkan al-Quran menggunakan al-Quran, hadith dan ijтиhad ulama.

Dunia dan masyarakat Islam berhadapan dengan serangan pemikiran Islam liberal dan feminism yang meletakkan akal pada tempat yang tinggi berbanding sumber-sumber yang telah sedia ada dalam Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Di samping itu, mereka menilai semula syariat dan hukum-hukum fiqh serta menolak segala tafsiran yang dianggap lama mengenai agama termasuk tafsiran daripada Rasulullah SAW, para sahabat serta ulama mujtahid. Bagi mereka, agama hendaklah disesuaikan mengikut realiti semasa.

Setiap individu Muslim khususnya wanita sewajarnya berhati-hati terhadap gagasan perjuangan liberal dan usaha mereka menginterpretasi nas-nas al-Quran dan al-Sunnah secara tidak telus serta permainan idea dan terminologi. Hal ini merupakan cara yang paling buruk, berbahaya dan boleh membuat Muslim tergelincir dari agamanya tanpa disedari atau di luar keinginannya. Golongan wanita Islam sewajarnya bangkit dan senantiasa berwaspada dengan propaganda gerakan feminism liberal yang sering mencari ruang untuk menghilangkan ajaran agama Islam di samping melakukan konspirasi mereka untuk meruntuhkan institusi kekeluargaan Islam. Selain mengkaji dan menyelidiki isu yang diperdebatkan dengan penuh teliti, perkara yang paling utama adalah mengakui ajaran Islam sebagai panduan dan cara hidup berasaskan al-Quran dan al-Sunnah dalam menangani setiap permasalahan ke arah mencapai kehidupan yang bahagia di dunia dan di akhirat.

### **5.3 SARANAN DAN CADANGAN**

1. Kajian lanjut dan analisis secara kritis mengenai Samina Ali amatlah digalakkan terhadap konsep, pemikiran dan metode menggunakan karya beliau supaya mampu memupuk kesedaran dalam setiap diri individu agar sentiasa peka dalam menerima fakta dalam setiap informasi.
2. Sebagai seorang pengkaji, kriteria dan syarat utama sebelum melibatkan diri dalam apa juu bidang kajian amat diperlukan khususnya berkaitan ilmu agama agar dapat menyesuaikan tafsiran agama dan keperluan zaman selagi ia tidak melanggar tujuan dan tuntutan syariat serta prinsip keadilan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.
3. Diskusi dan seminar berbentuk keagamaan berteraskan al-Quran dan Sunnah terutamanya mengenai hak keistimewaan wanita amatlah digalakkan supaya para wanita menghargai kedudukan dan kemuliaan yang dianugerahkan Allah SWT kepada para wanita. Seterusnya, membuka lembaran baru bagi mereka untuk berubah ke arah kehidupan yang lebih baik.
4. Hakikatnya, pelbagai buku, disertasi dan kajian mengenai feminism telah dibuat oleh ahli akademik dan agamawan. Kajian yang dilakukan sudah pasti mengkritik dan memberi pencerahan kepada masyarakat akan bahaya pemikiran feminis yang bertentangan dengan pemikiran Islam di Malaysia. Jadi, pandangan oleh golongan feminis hendaklah dikaji dan diteliti terlebih dahulu sebelum disebarluaskan atau digunakan.
5. Peranan guru dan ibu bapa sangat penting dalam membimbing dan memberi kefahaman kepada anak-anak mengenai sesuatu hukum dalam Islam. Masyarakat Islam kini berhadapan dengan dunia globalisasi di mana khususnya remaja-remaja kini cenderung dan terdedah kepada jaringan internet yang mengandungi

informasi serta video yang mudah tersebar meluas dapat memberi ancaman dan menggugat keimanan. Setiap persoalan yang dikemukakan oleh remaja haruslah dijawab dengan baik agar tidak berlakunya kecelaruan akidah dan kefahaman mengenai hukum Islam.

6. Peranan masyarakat dalam membanteras isu ini amatlah penting. Masyarakat harus peka dengan isu semasa terutama isu yang berkaitan dengan akidah umat Islam. Masyarakat dapat menyumbang dan menegah dakyah feminism dengan membuat laporan kepada pihak berkuasa serta memberi pencerahan kepada masyarakat terhadap isu-isu yang menjadi pertikaian oleh golongan feminis.

Kesimpulannya, setiap hukum mengenai al-Quran itu haruslah merujuk kepada al-Quran itu sendiri, kemudian hadith, ulama dan kitab muktabar yang berautoriti haruslah dijadikan keutamaan berbanding rujukan lain supaya tidak berlaku salah faham dan percanggahan. Diharap semoga kajian ini mampu membuka minda masyarakat agar lebih berhati-hati dalam menerima maklumat-maklumat dalam ucapan yang berunsur keagamaan khususnya di media sosial. Semoga hasil kajian ini ini mampu menggalakkan dan memberi kesedaran kepada masyarakat untuk mengkaji al-Quran malah dapat memberi input berguna serta fakta ilmiah kepada para pembaca. Penambahbaikan dan kesinambungan terhadap kajian ini amat dialu-alukan bagi setiap pembaca atau pengkaji melakukan pembaharuan dan pencerahan.

## BIBLIOGRAFI

Al-Qur'ān al-Karīm

## RUJUKAN BAHASA ARAB

- Abū Dāwūd Sulaimān Ibn al-Ash'ath al-Sijistānī, "Sunan Abī Dāwūd" *Mawsū'at al-Hadīthal-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyad: Dār al-Salām, 2000)
- Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, (Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1946)
- Al-Qurṭubī, *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, (Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 2006)
- HAMKA, *Tafsir al-Azhar*, (Singapura: Pustaka Nasional, 1982)
- Ibn Fāris, *Maqāyīs al-Lughah*, (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2008)
- Ibn Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, ed. Sāmī bin Muḥammad al-Salāmah, (Riyad: Dār Ḥibah Li al-Nashr Wa al-Tawzī', 1999)
- Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1990), 4:616.
- Jalāl al-Dīn Suyūṭī, *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Beirut: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1995)
- Khālid 'Abd al-Rahmān al-'Ak, *Wājibāt al-Mar'ah al-Muslimah fī Dū' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1998)
- Ma'sum bin 'Ali, *Al-Amthilah al-Taṣrīfiyyah* (t.p.: Maktabah al-Syaikh Sālim bin Sa'ad Nubhan, 2016)
- Malikah Rom'un, "Al-Jam'iyyat Al-Nisawiyyah Min Ajli Huqūq Al-Mar'ah", *Insaniyyat*, 2012.
- Mannā' al-Qaṭṭān, *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, ed. ke-3 (Riyad: Maktabah Ma'ārif, 2000)

Muhammad ‘Ali al-Şabunīy, *Studi Ilmu Al-Qur’ān*, terj. Aminuddin (Bandung: Pustaka Setia, (1998)

Muhammad bin Ismā‘il al-‘Amrānī dan Ahmād Farīd, ed. ‘Umar bin Muhammād bin Sāliḥ Al-‘Amrānī, *Al-Mar’ah Al-Mithāliyyah*, (Iskandariyyah: Dār al-Īmān, 2008)

Muhammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būtī, *Fiqh Sīrah al-Nabawiyah*, (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āsir, 1991)

Muslim, Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim, “*Sahīh Muslim*,” dalam Mawsū‘at al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh, (Riyad: Dār al-Salām, 2000)

Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur’ān*, (Beirut: Dār al-Shurūq), 2003, 2:648-649.

Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr Fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1991)

\_\_\_\_\_ , *Al-Qur’ān al-Karīm Bunyātuhu al-Tashrī‘iyāh wa Khasāisuh al-Hadāriyyah*, (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āsir, 1998)

Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Al-Murja‘iyah al-‘Ulyā fī al-Islām li al-Qur’ān wa al-Sunnah*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, t.t)

## **RUJUKAN BAHASA MELAYU**

- Abdul Hamid, *Pengantar Studi Al-Qur'ān*, ed. ke-1 (Jakarta: Prenadamedia Group, 2016)
- Abdul Wahhab Abdussalam Thawilah, *Panduan Berbusana Islami: Berpenampilan Sesuai Al-Qur'ān dan As-Sunnah*, Cetakan Pertama, (Jakarta: Almahira, 2007)
- Adi, Rianto, *Metodologi Penelitian Sosial dan Hukum*, ed. ke-1 (Jakarta: Rahmatika Creative Design, 2004)
- Adil Abdul Mun'im Abu Abbas, *Ketika Menikah Jadi Pilihan*, (Jakarta: Al-Mahira Publications, 2007)
- Al-Fatih Suryadilaga, *Pendekatan Historis John Wansbrough dalam Studi Al-Qur'ān Kontemporer*, (Yogyakarta: Tiara Wacana, 2002)
- Baterah Alias & Che Zarina Sa'ari, *Islam dan Emansipasi Wanita*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007)
- Ely Dian Uswatina, Nur Mahmudah El Madja, & et al., *Power Perempuan Dalam Mencegah Kekerasan Seksual*, Cetakan Pertama, (Jawa Tengah: PT. Nasya Expanding Management, 2021)
- Fuad Mohamed Berawi, *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis*, (Sintok: UUM Press, 2017)
- HAMKA, Arif Anggoro dan Dharmadi, peny., *1001 Soal Kehidupan*, Cetakan Pertama, (Jakarta: Gema Insani, 2016)
- Jazim Hamidi, Rosyidatul Fadlillah dan Ali Manshur, *Metodologi Tafsir Fazlur Rahman Terhadap Ayat-ayat Hukum & Sosial*, (Malang: Universitas Brawijaya Press, 2013)
- Kamal Azmi Abd. Rahman et al., *Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial yang Mempromosikan LGBT*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015)
- Kamaluddin Nurdin Marjuni, *Adakah Kawan Ku Syiah?* (Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd, 2014)

- Louis O' Katssoff, *Pengantar Filsafat*, (Yogyakarta: Tiara Wacana, 1992), 18.
- M. Arfan Mu'ammar dan Abdul Wahid Hasan, *Studi Islam Kontemporer Perspektif Insider/Outsider*, (Yogyakarta: IRCiSoD, 2017)
- Majlis Agama Islam Selangor, *Adakah Aku Mengenalimu Syiah* (Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor, 2015)
- Masaji Antoro, peny., *Buku Tanya Jawab Keagamaan*, (Yogyakarta: Pustaka Ilmu Sunni Salafiyah-KTB, 2013)
- Mohammad Arifin Ismail, *Cabarhan Akidah: Pemikiran Islam Liberal*, (Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019)
- Mohammad Nidzam Abdul Kadir, *Islam Hina Wanita? Merungkai Kedudukan Sebenar Wanita Dalam Islam*, (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2016)
- Mohd Fauzi Yaacob, peny., *Malaysia: Transformasi & Perubahan Sosial*, (Balakong: Arah Publications Sdn Bhd., 2009)
- Mohd Roslan Mohd Nor dan Nurul Khairiyah Mohd. Sa'aid, *Persoalan Hijab Dalam Kalangan Wanita Muslim: Satu Tinjauan Literatur Dalam Wanita Islam Kontemporari: Isu-Isu, Cabaran & Amalan Terbaik*, (Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2016)
- Mohd Roslan Mohd Nor, "Salahfaham Tentang Kedudukan Wanita Muslim", dalam *Wanita Islam: Isu-isu dan Pemerksaan Hak*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor dan Noor 'Azzah Kamri (Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2011)
- Nasaruddin Umar, *Mendekati Tuhan Dengan Kualitas Feminin*, (Jakarta: Percetakan PT Gramedia, 2014)
- Neng Dara Affiah, *Islam, Kepimpinan, Perempuan dan Seksualitas*, Cetakan Pertama, (Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia, 2017)
- Nizaita Omar, *Al-Qur'an dan Pemikiran Manusia* (Kuala Terengganu: Penerbit UMT, 2011)

Norsaleha Mohd. Salleh, "Wanita Dalam Agenda Yahudi," dalam *Wanita Dan Cabaran Globalisasi*, ed. Norbahiah Misran, Norsaleha Mohd Salleh, Zakiah Abd. Rahman

dan Suriani Sudi (Putrajaya: Konwanis Consultansy, 2015).

Paizah Ismail, *Wanita: Status Sosial dan Undang-Undang Islam*, (Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd., 2010)

Rusydi Ramli dan Haliza Aris, *Aurat Mahkota Wanita*, (Batu Caves: Perceraian Zafar, 2011)

Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, (Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd. 2005)

Saodah Abd Rahman, *Wanita & Cabaran Zaman*, (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah, 2010)

Shofian Ahmad dan Lotfiah Zainol Abidin, *Aurat: Kod Pakaian Islam*, Cetakan Pertama, (Kuala Lumpur: Maziza Sdn Bhd., 2004)

Siti Mazidah Haji Mohamad, "Hijab di Brunei Darussalam: Satu Kajian Konteks dan Amalan," dalam *Rampak Serantau*, ed. Ovi Soviyaty Rivay (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018)

Siti Rabi'ah Sarnap, *Wanita dalam al-Qur'an dan as-Sunnah*, Cetakan Pertama, (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1999)

Subhi Salleh, *Kajian Al-Quran*, ed. Zainal Abidin Abdul Kadir, cet 2. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978)

Syamsudin Arief, *Orientalis dan Diabolisme Pemikiran*, (Jakarta: Gema Insani Press, 2008)

Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mazlan Ibrahim, *Penyelewengan Dalam Tafsir Al-Qur'an*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013)

Yūsuf al-Qaraḍawī, *Wanita dalam Masyarakat Islam Menurut Al-Qur'ān dan As-Sunnah*,

Judul Asal: *Malāmiḥ al-Mujtama'* al-Muslim al-ladhī Nanshuduhu, Penterjemah:

Muhammad Baihaqi, (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2002)

## **RUJUKAN BAHASA INGGERIS**

- Barbara Stollberg-Rilinger, *Maria Theresa: The Habsburg Empress in Her Time*, trans. Robert Savage (Oxfordshire: Princeton University Press, 2021)
- Edward E. Curtis IV, *Muslims in America: A Short History* (Oxford: Oxford University Press, 2009)
- Jennifer Marchbank & Gayle Letherby, *Introduction to Gender: Social Science Perspectives*, ed. ke-2. (New York: Routledge, 2014)
- Leigh Ann Whaley, Women's History as Scientists: A Guide to the Debates (Oxford: ABC-CLIO, 2003)
- Lurana Donnels O'Malley, *The Dramatic Works of Catherine The Great: Theatre and Politics in Eighteenth-Century Russia* (New York: Routledge, 2006)
- Rashida Khanam, *Muslim Feminism and Feminist Movement: South-East Asia*, (Delhi: Global Vision Publishing House, 2002)
- Felicity Crowe et al., "Illustrated Dictionary of the Muslim World", (Shah Alam: Marshall Cavendish, 2011)
- Akhilendra Sahu, Saqib Malik, *The YouTube: A Full History*, (t.p: Young Adult Nonfiction)
- Amritjit Singh et al., *American Studies Today: An Introduction to Methods and Perspectives*, (New Delhi: Creative Books, 1995)
- Anna Spiegel, "Women's Organisations and Social Transformation in Malaysia: Between Social Work and Legal Reforms," in *Negotiating Development in Muslim Societies: Gendered Spaces and Translocal Connections*, ed. Gudrin Lachenmann, and Petra Dannecker (Lanham, MD/New York: Lexington Books, 2010)
- Arthur Jeffery, *The Qur'an as Scripture*, (New York: R.F. Moore Co, 1952)

Asaf Asghar Ali Fyzee, *A Modern Approach to Islam* (Oxford: Oxford University Press, 2008)

Asma Barlas, "Believing Women" in Islam: Unreading Patriarchal Interpretations of the Quran, (Austin: University of Texas Press, 2002)

Azizuddin Mohd. Sani, *Islam and Religious Expression in Malaysia* (Singapore: Yusof Ishak Institute, 2020)

C.L. Bernardi, Women and The Digitally-Mediated Revolution in the Middle East: Applying Digital Methods, (New York: Routledge, 2019)

Charles C. Ragin, *The Comparative Method: Moving Beyond Qualitative and Quantitative Strategies*, (Oakland: University of California Press)

Des Dearlove & Stuart Crainer, *What We Mean When We Talk About Leadership*, (Oxford: Infinite Ideas Limited, 2015)

Edward W. Said, *Orientalisme: A Brief Definition* (New York: Vintage, 1979)

Farhat Amin, *Hands Off Our Hijab: Muslim Women Putting Liberal Hypocrisy on Trial*, (t.tp: t.p, 2021)

Farid Esack, Qur'an Liberation and Pluralism: An Islamic Perspective of Interreligious Solidarity Against Oppression, (Oxford: Oneworld Publications, 1997)

Fazlur Rahman, *Major Themes of The Qur'an* (Minneapolis: Bibliotheca Islamica, 1980)

Felicity Crowe et al., "Illustrated Dictionary of the Muslim World", (Shah Alam: Marshall Cavendish, 2011)

Frederick C. Hochreiter, *Analysis of Visibility Observation Methods*, (Pennsylvania: US Department of Commerce, 1969)

Gerald R. Leslie & Sheila K. Korman, *The Family in Social Context*, ed. ke 6, (New York: Oxford University Press, 1985)

Gerald S. Ferman & Jade Levin, *Social Sciences Research*, (Amerika Syarikat: John Wiley & Sons)

Greg Feally and Virginia Hooker, *Voices of Islam in Southeast Asia: A Contemporary Sourcebook*, (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2006)

Guiyou Huang, “The Greenwood Encyclopedia of Asian American Literature”, (London: Greenwood Press, 2009)

Helena Bilandzic and Geolfroy Patriarche, *The social Use of Media: Cultural and Social Scientific Perspectives on Audience Research* (Chicago: Chicago Press, 2012)

Hulya Simga, *A Question For Humanity: Sexism, Oppression and Women's Rights*, (Zurich: LIT Verlag GmbH & Co. KG Wien, t.t.)

Jennifer Mason, *Qualitative Research in Action*, ed. ke-2 (London: Sage Publications,2002)

Jens Zimmermann, *Hermeneutics: A Very Short Introduction*, (Oxford: Oxford University Press,2015)

Jocelyn Olcott, International Women's Year: The Greatest Consciousness-Raising Event in History, (New York: Oxford University Press, 2017)

Joseph A. Massad, *Islam in Liberalism*, (Chicago: The University of Chicago Press, 2015)

Kirsten Swinth, *Feminism's Forgotten Fight: The Unfinished Struggle for Work and Family*, (London: Harvard University Press, 2018)

Leila Ahmed, “*A Quiet Revolution: The Veil's Resurgence, from the Middle East to America*”, (New Haven: Yale University Press, 2011)

Leila Ahmed, *Women and Gender in Islam: Historical Roots of A Modern Debate*, (New Haven and London: Yale University Press, 1992)

Margit Schreier, *Qualitative Content Analysis in Practice*, (London: Sage Publications, 2012)

Maria Jaschok and Shui Jingjun, *Women, Religion, and Space in China: Islamic Mosques & Daoist Temples, Catholic Convents & Chinese Virgins*, (New York: Routledge Taylor & Francis Group)

Mary Astell, *Political Writings*. ed. Patricia Springborg. (Cambridge: Cambridge University Press, 1996)

Neal E. Chalofsky, *Meaningful Workplaces: Reframing How and Where We Work*, (San Francisco: Josey-Bass, 2010)

Robert P Watson et al., *America's War on Terror* (England: Ashgate Publishing, 2013)

Ron Eyerman, *The Assassination of Theo Van Gogh: From Social Drama to Cultural Trauma*, (United States of America: Duke University Press, 2008)

S.M Ali, *The Position of Women in Islam: A Progressive View*, (New York: State University of New York, 2004)

Shelly Grabe, *Women's Human Rights: A Social Psychological Perspective on Resistance, Liberation, and Justice*, (New York: Oxford University Press, 2018)

Stanley E. Porter & Jason C. Robinson, *Hermeneutics: An Introduction to Interpretive Theory* (United Kingdom: Wm. B. Eerdmans Publishing Co.)

Stephanie A. Shields, *Speaking from the Heart: Gender and the Social Meaning of Emotion*, (Cambridge: Cambridge University Press, 2002)

Theodore Gabriel & Rabiha Hannah, "Islam and the Veil: Theoretical and Regional Contexts", (London: Continuum International Publishing Group, 2011)

Tim May, *Social Research: Issues, Methods and Process*, ed. ke-3 (Buckingham: Open University Press, 2001)

V.A. Mohamad Ashrof, *Islam and Gender Justice: Questions at the Interface*, (Delhi: Kalpaz Publications, 2005)

Vrinda Narain, *Reclaiming the Nation: Muslim Women and the Law in India*, (London: University of Toronto Press, 2008)

William Fox and Mohamed Saheed Bayat, *A Guide to Managing Research*, (Cape Town: Juta & Co. Ltd, 2008)

## KAMUS DAN ENSIKLOPEDIA

*Kamus Dewan*, ed. ke-4, Laman sesawang Kamus Dewan diakses 27 Disember 2020,

<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=liberal>, entri “liberal”.

*Kamus Dewan*, ed. ke-4, Laman sesawang Kamus Dewan, diakses 12 Oktober 2020,

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=penyelewengan>, entri  
“penyelewangan”

*Kamus Pelajar*, ed. ke-2. Laman sesawang Kamus Pelajar, diakses 26 Februari 2021,

<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=orientalis>, entri “orientalis”.

Teuku Iskandar, *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007)

Wikipedia: The Free Encyclopedia, “List of Programmes Broadcast by NTV7”, laman sesawang *Wikipedia*, diakses 11 Januari, 2023, [List of programmes broadcast by ntv7 - Wikipedia](https://en.wikipedia.org/w/index.php?title=List_of_programmes_broadcast_by_ntv7&oldid=104311110).

## **DISERTASI**

Alivatu Rohmawati, “Feminisme Liberal Dalam Film Kartini” (disertasi Sarjana Ilmu Komunikasi, Universitas Semarang, 2018)

Eka Harisma Wardani, “Belenggu-belenggu Patriarki: Sebuah Pemikiran Feminisme Psikoanalisis Toni Morrison Dalam *The Bluest Eye*” (Skripsi Studi Strata 1 Jurusan Sastra Inggeris dalam Ilmu Susastra (Fakultas Ilmu Budaya), Universitas Diponegoro, 2009)

Haerul Anwar, “Kenabian dalam Pandangan Fazlur Rahman” (tesis kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia, 2015)

Mohd Zulfahmi Mohamad, Penglibatan Orientalis Yahudi dalam Pengkajian Al-Qur’ān: Kajian Terhadap Pemikiran Nessim Joseph Dawood dalam “The Koran” (tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, Penang, 2020)

Siyu Chang, “Chinese Women, Marriage and Gender: Exploring the Idea of Women and Marriage Over Time in the Context of China” (disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Windsor, 2020)

Zuraidah Senik @ Kamaruddin, “Method of Problem Solving from Islamic Thought Perspective: A Case Study of Sisters in Islam” (tesis kedoktoran, University Malaya, Kuala Lumpur, 2015)

## JURNAL

- A. Halim Daud, Zarina Binti Othman dan Nor Azizan Idris, “Fahaman Syiah dan Keharmonian Agama Islam di Malaysia: Perspektif Pendekatan Keselamatan Negara,” *Journal of Social Sciences and Humanities* 13.3 (2018)
- Abur Hamdi Usman & Nurhidayah Ramlee, “Konsep Kesamarataan Gender: Tinjauan Semula kedudukan Wanita Menurut Perspektif Islam,” *Diskusi Akademia Pengajian Islam Semasa*, 121-133. (t.t.)
- Ahmad Sanusi Azmi, Mohd Yusuf Ismail, Zulhilmi Mohamed Nor & Amiruddin Mohd Sobali. “Kritikan terhadap Rasulullah dan Al-Qur’ān: Analisis karya Non-Muslim Zaman Umawiyah dan Abbasiyah,” *Journal of Hadith Studies* 2.1 (2017)
- Aisha Siddiqa and Ruby, “Status of Women in Islam and the Present Indian Scenario,” *Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia* 3.1 (2018)
- Ana Belen Martinez Garcia, “TED Talks as Life Writing: Online and Offline Activism,” *Life Writing* 15.4 (487-503)
- Asma Barlas, “Secular and Feminist Critiques of the Qur'an: Anti-Hermeneutics as Liberation?,” *Journal of Feminist Studies in Religion* 32.2 (2016)
- Azer, S. A, “Can Youtube Help Students In Learning Surface Anatomy?”, *Surgical and Radiologic Anatomy* 34.5 (2012)
- Baterah Alias, Mohd Asmadi Yakob, Rafeah Saidon dan Mukhammad Syamsul Huda Lahuri, “Analisis Isu Gender Berdasarkan Al-Qur’ān Bagi Menangkis Tuntutan Persamaan Hak Antara Lelaki dan Wanita ”, *Journal of Contemporary Islamic Studies* 6.2 (2020)
- Baterah Alias, Mohd Asmadi Yakob, Rafeah Saidon dan Mukhammad Syamsul Huda Lahuri, “Analisis Isu Gender Berdasarkan Al-Qur’ān Bagi Menangkis Tuntutan Persamaan Hak Antara Lelaki dan Wanita ”, *Journal of Contemporary Islamic Studies* 6.2 (2020)

Besma Allagui, “TED Talk Comments to Enhance Critical Thinking Skills in an Undergraduate Reading and Writing Course”, *Education and Information Technologies* 26 (2021)

Brayden G King, “The Tactical Disruptiveness of Social Movements: Sources of Market and Mediation Disruption in Corporate Boycotts”, *Social Problems* 58.4 (2011)

Budi Sujati, “Kewahyuan Nabi Muhammad dalam Pandangan Orientalis,” *Jurnal Tamaddun* 6.1 (2018)

Deana M. Raffo, TED Talks and Leadership Education: Ideas Worth Sharing, *Journal of Leadership Education* 15.3 (2016)

Eko Zulfikar, Aftonur Rosyad dan Nur Afiyah, “Women’s Aurat in the Qur’an Surah al-Ahzab Verse 59: Discourse Relevance of the Veil in the Indonesian Context”, *Jurnal Studi al-Qur’ān* 18.2 (2022)

Elizabeth Jackson, “Celebration and disillusionment in Contemporary India: Narrating the Muslim wedding and its aftermath in Shama Futehally’s ‘Tara Lane’ and Samina Ali’s ‘Madras on Rainy Days’”. *The Journal of Commonwealth Literature* 48.2 (2013)

Fatimi Hanafi, Zulkanain Abdul Rahman, Arbaiyyah Mohd Noor dan Mohd Roslan Mohd Nor, “Hak Asasi Manusia dan Penglibatan Wanita Dalam Politik di Malaysia (Human Rights and Women’s Participation in Politics in Malaysia)”, *Jurnal of Al-Tamaddun* 11.1 (2016)

Fatin Nabillah Md Bahrudin, Hasanah Abd. Khafidz dan Zulkefli Aini, “Penyebaran Pemikiran Berkaitan Akidah dalam Laman Sesawang Sisters in Islam (SIS)”, *Jurnal al-Hikmah* 10.2 (2018)

Frank Romanelli, Jeff Cain, and Patrick J. McNamara, “Should TED Talks Be Teaching Us Something?” *American journal of Pharmaceutical Education* 78.6 (2014)

Gamson J dan D. Moon, “The Sociology of Sexualities: Queer and Beyond,” *Annual Review of Sociology* 30.1 (2004)

Indriaty Ismail dan Ahmad Muhyuddin Haji Hassan, Pemikiran Sisters in Islam dan Hak Asasi Manusia. *Jurnal Akademika* 91.1 (2021)

Irma Wani Othman et al., “Merungkai Kecelaruan Identiti Gender: Antara Kebebasan Hak Asasi Individu dan Dilema Kepimpinan Generasi Muda,” [Keluaran Khas] *JISED: Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 38.6, (2021)

Iryna Humeniuk, Oksana Kuntso, Nadiia Popel, & Yuliia Voloshchuk, “Mastering Listening Comprehension at ESP Classes Using TED TALKS”, *Advanced Education* 17 (2021)

Julia Ludewig, “TED Talks as an Emergent Genre” *CLSWeb-Comparative Literature and Culture* 19.1 (2017)

Khalif Muammar A. Harris dan Adibah Muhtar, “Konsep Kesetaraan Gender Menurut Perspektif Islam dan Barat,” *Jurnal AFKAR* 21 (2019)

Khalif Muammar A. Harris dan Adibah Muhtar, “Konsep Kesetaraan Gender Menurut Perspektif Islam dan Barat,” *Jurnal AFKAR* 21 (2019)

Laura Nistor, “Hijab(istas)- as Fashion Phenomenon, A Review”, *Acta Univ. Sapientiae, Social Analysis* 7, (2017)

Liesbet van Zoonen, Farida Vis, Sabina Mihelj, “YouTube interactions between agonism, antagonism and dialogue: Video responses to the anti-Islam film *Fitna*”, *New Media & Society*, 13.8 (2011)

M. Hajir Mutawakkil, “Keadilan Islam Dalam Persoalan Gender”, *Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam* 12.1 (2014)

Mahfudzah Mohamad, “Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-Undang Jenayah Syariah,” *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* 19 (2015)

Mohd Anuar Ramli, “Analisis Gender Dalam Hukum Islam”, *Jurnal Fiqh* 9 (2012)

Mohd Anuar Ramli, Bias Gender dalam Masyarakat Muslim: Antara Ajaran Islam dengan Tradisi Tempatan, *Jurnal Fiqh* 7 (Universiti Malaya, 2010)

Mohd. Muhiben b. Abd. Rahman, “Pandangan Orientalis Terhadap al-Hadith dan Jawapannya Dari Perspektif Islam,” *Jurnal Usuluddin* (2017).

Monika @ Munirah Abd Razzak dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim, “Pengajian Tafsir Melalui Media Baru: Analisis Metode Dato’ Dr Zainal Abidin,” *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue* (2018)

Monika@Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad & Nik Mohd Zaim Ab Rahim, “Penyalahgunaan Ayat Al-Qur’ān Dan Penyelewengan Pusat Pengubatan Islam di Malaysia,” *Journal of Nusantara Studies* 4.2 (2019)

Nazar Fadli, Muhammad Faisal dan Triansyah Fisa, “Orientalists and their Study of the Qur'an”, *Jurnal Ilmiah Teunuleh* 1.2 (2020)

Nguyen Thi Huong & Nguyen Minh Ha, “Using TED Talks as an Authentic Material to Initiate Debates in Speaking Lessons for English Majored Students”, *Journal of Foreign Languages and Vietnamese* 5B.298 (2020)

Nina Nurmiela, “Pengaruh Budaya Patriarki Terhadap Pemahaman Agama dan Pembentukan Budaya”, *Jurnal KARSA* 23.1 (2015)

Noor Azaian Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah dan Mohd Azul Mohamad Salleh, “Cabaran Dakwah Islam di Alam Siber,” *Journal of Social Sciences and Humanities* (2017)

Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd. Rahman dan Rosni Wazir, “Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT),” *Jurnal Pengajian Islam* 9.2 (2016)

Norsaleha Mohd. Salleh et al., Persepsi Belia Berisiko Liberal Terhadap Agenda Liberalisme, *Akademika* 9.1 (2021)

Nur Farhana Abdul Rahman & Nur Syariyah Muhammad Shah, “Persepsi Penganut Muslim dan bukan Muslim terhadap Isu-Isu Sensitif Agama: Kajian di Lembah Klang”, *International Journal of Islamic Thought* 18 (2020)

Nur Zainatul Nadra Zainol dan Latifah Abdul Majid, “Sejarah Perkembangan Tafsir Pada Zaman Rasulullah SAW, Sahabat dan Tabiin,” *Journal of Techno-Social* 4.2 (2012)

Nurjannah binti Hasmad, “Reviewing the Literarure on Multiple Themes of Islamic Attire Usage Among Muslim Women, *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 24.1 (2021)

Nurul Atira Musa & Hendun Abd Rahman Shah, “Penyebaran Fahaman Bertentangan Akidah Islam di Media Sosial dari Perspektif Undang-undang dan Syariah di Malaysia,” *Perdana: International Journal of Academic Research* 9.1 (2020)

Nurzihan Hassim, “A Comparative Analysis on Hijab Wearing in Malaysian Muslimah Magazines”, *Jurnal SEARCH* 6.1, (2014)

Reima Al-Jarf, “TED Talks as A Listening Resource In The EFL College Classroom”, *International Journal of Language and Literary Studies* 3.3 (2021)

Ruud Koopmans and Susan Olzak, “Discursive Opportunities, and the Evolution of Right-Wing Violence in Germany, *American Journal of Sociology* 110.1 (2004)

Sadia Parveen, “Colonial Modernity and Muslim Women: Interventions by Selected Muslim Women Writers in English of Twentieth Century India”, *The Criterion: An International Journal in English* 9.2 (2018)

Sedigheh Moghavvemi, Ainin Sulaiman, Noor Ismawati Jaafar and Nafisa Kasem, “Social Media as a Complementary Learning Tool for Teaching and Learning: The Case of YouTube”, *The International Journal of Management Education* 16.1 (2018)

- Shah Rizul Izyan Zulkiply, Mohd Muhiben Abd Rahman & Mohd Zahir Abdul Rahman,  
Metodologi Pemikiran Sisters in Islam terhadap Hijab: Analisis Kritikan  
Berasaskan Fiqh al-Hadith, *Jurnal al-Basirah* 6.1 (2016)
- Shahidatul Ashikin Shahran, Najah Nadiah Amran & Latifah Abdul Majid, “Bidang Jihad  
bagi Wanita Menurut Perspektif Amina Wadud”, *Jurnal al-Turath* 6.1 (2021)
- Sharul Fitry Abdul Majid, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin & Muhammad  
Talhah Ajmain, “Fiqh Boycott on LGBT Community: A Review”, *Perdana: International Journal of Academic Research* 6.2 (2019)
- Suhaila Binti Zakaria, Media Sosial Sebagai Medium Penyelewengan Akidah Masa Kini,  
*Perpustakaan Waqaf Ilmu Nusantara*, (t.t.)
- Syafi'in Mansur, “Berjilbab Dalam Tiga Tradisi Agama Samawi”, *Jurnal ALQALAM*,  
24.1, (2007)
- Veenthan Ela, Perbezaan Budaya Pakaian Antara Kaum Melayu dan Kaum India.  
(Universiti Malaysia Sarawak, 2020).
- Wahidatul Hannan Nazari & Razali Musa, A View of Hijab Wearing From Muslim  
Feminism Perspective, *UFUQ International Journal of Arts and Social Science  
Research*, 1.1 (2021)
- Wahidatul Hannan Nazari & Razali Musa, Kesetaraan Gender Menurut Golongan  
Feminis Muslim, *Jurnal Islam dan masyarakat Kontemporeri* 23.1 (2022)
- Zulkifli Abd. Latiff dan Fatin Nur Sofia Zainol Alam, “The Roles of Media in Influencing  
Women Wearing Hijab: Analysis”, *Journal of Image and Graphics* 1.1 (2013)

## **PROSIDING**

Abur Hamdi Usman dan Nurhidayah Ramlee, “Kedudukan Wanita Menurut Perspektif Islam: Tumpuan Kepada Konsep Kesamarataan Gender” (makalah, 5<sup>th</sup> International Seminar on Islamiyyat Studies IRSYAD 2019, Faculty of Islamic Civilisation Studies, International Islamic University College, 5-6 November 2019)

Kamarul Azmi Jasmi., “Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif”, (makalah, Seminar Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1, Faculty of Islamic Civilization: Universiti Teknologi Malaysia, 28-29 Mac 2012)

Mario A. Perez & Kym Jolley, “Increasing Awareness of Marginalized Communities with Unstructured Writing Tasks and TEDx Talks” (makalah, Seminar THAITESOL, 30 Januari-1 Februari 2020)

Nadia Fauzi, “Penggunaan Media Sosial Dalam Dunia Tanpa Sempadan: Suatu Kebaikan atau Keburukan”. Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)(2017)

Noramirah Kamaruddin & Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, “Penggunaan Metodologi Dakwah dalam Fatwa,” (makalah, The International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society: Fakulti Pengajian Kontemporari Islam: Universiti Sultan Zainal Abidin), 4-5 Mei 2017)

Norsaleha Mohd. Salleh, “Penolakan Terhadap Agenda Feminisme dan Liberalisme di Malaysia”, (makalah, International Seminar on Akidah, Dakwah and Syariah, Kolej Universiti Islam Selangor), 12-13 Oktober 2015)

Nur Dianah Burhanuddin, Wan Ramizah Hasan & Hasan Jali, “Faktor dan Hikmah Poligami Rasulullah S.A.W” (makalah, Proceeding of The International Conference on Contemporary Issued in Al-Qur’ān and Hadith 2018 (THIQAH 2018), 7 Mac 2018)

Nur Zainatul Nadra Zainol, et al., Ancaman Lesbian, Gay, Biseksual & Transgender (LGBT) Oleh Golongan Liberal Terhadap Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah, (Seminar Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa: Brunei, 2019)

Shinta Ath Thariq Apriari, Ibnu Khaldun & Muhammad Hasan, Hijab Syar'i dalam Perspektif Tafsir Nusantara, (Prosiding Webinar Internasional Ulama Tafsir dan Hadith di Nusantara, IAIN Samarinda, 2021)

Siti Aishah Harizan, Nurul Husna Abd Razak & Haziyah Hussin, "Sejarah Penyerapan dan Penyelewengan dalam Tafsir Al-Qur'ān," (makalah, Prosiding Seminar Penyelewengan dalam Tafsir Al-Qur'ān, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018)

Siti Rokiah Ab Rahman dan Fadzli Adam, "Penggunaan Youtube Sebagai Medium Pembelajaran Agama Dalam Kalangan Generasi Y di Terengganu, Malaysia", E-proceeding of the International Conference on Social Science Research, (ICSSR), Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE) (Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, 2015)

## **ARTIKEL LAMAN SESAWANG**

Aini Aryani, “Islam Cenderung Patriarkal, Benarkah?”, laman sesawang *Rumah Fiqih Indonesia*, diakses 20 Mei 2022, <https://www.rumahfiqih.com/z.php?id=32>

Aisha Hasan, “Refuting the Historical Negation of Hijab”, laman sesawang *The Qarawiyyin Project: Reviving Islamic Discourse Among Muslim Women*, diakses pada 10 Julai 2022, [Refuting the Historical Negation of Hijab – The Qarawiyyin Project](#)

Alan Henry, “Top 10 Smart Alternatives to TED Talks”, laman sesawang *Life Hacker: Do Everything Better*, diakses 1 Januari 2020, <https://lifehacker.com/top-10-smart-alternatives-to-ted-talks-1787158741>

Ali Dawah, “Reacting to Feminist Sisters View on Hijab”, laman sesawang *YouTube Ali Dawah*, diakses 1 Mac 2023, <https://www.youtube.com/watch?v=my8GGzX4Qaw>.

Ali Dawah, “Reacting to Feminist Sisters View on Hijab”, laman sesawang *YouTube Ali Dawah*, diakses 17 Julai 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=my8GGzX4Qaw>.

Amal Awad, “Samina Ali: A Woman’s Warrior”, ed. Ricky Aggarwal, laman sesawang *Aquila Style*, diakses 10 September 2021, <https://aquila-style.com/samina-ali-a-womans-warrior/>.

APB: Speaking to the World, “Samina Ali: What Brain Damage Taught Me about Courage,” laman sesawang APB, diakses 13 September 2021, <https://www.apbspeakers.com/speaker/samina-ali/>.

Asiah Abd Jalil,  
<https://www.facebook.com/photo/?fbid=5968636879865067&set=pcb.5968636939865061>.

Department of Statistics Malaysia Official Portal, ICT Use and Access by Individuals and Households Survey Report, Malaysia, 2021, (Putrajaya: Department of Statistics Malaysia Official Portal, 2021) diakses 1 Mac 2023.

Faried Esack,” Death of A Muslim Joan of Arc,” laman sesawang *Shamima Salahuddin Shaikh*, diakses 10 September 2021, <http://www.shams.za.org/>.

Global Fund for Women, “About: Muslima: Muslim Women's Art & Voices,” laman sesawang *Muslima*, diakses 8 Julai 2021, <http://muslima.globalfundforwomen.org/content/aboutmuslima>.

Global Fund for Women, “About: Muslima: Muslim Women's Art & Voices - Curator Statement,” laman sesawang *Muslima*, diakses 8 Julai 2021, <http://muslima.globalfundforwomen.org/about/curators-statement>

Global Fund for Women, “About: Muslima: Muslim Women's Art & Voices – Is Islam Inherently Misogynistic?,” laman sesawang *Muslima*, diakses 15 Julai 2021, <http://muslima.globalfundforwomen.org/content/islam-inherently-misogynistic>.

Huffpost, “Samina Ali: Author & Activist,” laman sesawang *Huffpost*, diakses 2 September 2021, <https://www.huffpost.com/author/alizsamina-964>

IFEX, “Cease Harrasment of Writer and Publisher, <https://twitter.com/ifex/status/1128525454829342721>.

Isnawati Yusuf, “Benarkah Budaya Patriarki Adalah Ajaran Islam?”, laman sesawang *Bincang Syariah*, diakses 1 Mei 2022, <https://bincangsyariah.com/kolom/benarkah-budaya-patriarki-adalah-ajaran-islam/>

Izra Abdul Rahman, “Nurul Izzah Salah Tafsir Ayat Quran, Perlu Tarik Balik Kenyataan-Nasharudin, laman sesawang *Mstar*, diakses 16 Januari 2023, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2012/11/11/nurul-izzah-salah-tafsir-ayat-quran-perlu-tarik-balik-kenyataan---nasharudin>

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, “Hak-Hak Wanita Dalam Islam: Satu Sorotan Terhadap Perundangan Keluarga Islam di Malaysia”, laman sesawang *JKSNPP*, diakses 20 Jun 2020, <https://jksnpp.penang.gov.my/index.php/18-penerbitan-mahkamah/80-hak-hak-wanita-dalam-islam-satu-sorotan-terhadap-perundangan-keluarga-islam-di-malaysia>

Katie Terrell Hanna & Ivy Wigmore, “Definition TED Talk”, laman sesawang *WhatIs.com*, diakses pada 20 Disember 2022, <https://www.techtarget.com/whatis/definition/TED-talk>.

Krisztina ‘Z’ Holly, “Who Makes It onto The TED Stage? The Inside Scoop”, laman sesawang Forbes, diakses 20 Disember 2022, <https://www.forbes.com/sites/krisztinaholly/2013/11/14/so-you-want-to-give-a-ted-talk/?sh=5b495d8664a4>.

Lizzie May, “Malaysia BANS Marvel’s Thor: Love and Thunder From Cinemas because of ‘Gay Elements’ in the Film”, laman sesawang *Mail Online*, diakses 12 Januari 2023, [Malaysia BANS Marvel's Thor: Love and Thunder from cinemas because of 'gay elements' in the film | Daily Mail Online](https://www.dailymail.co.uk/news/article-103333/Malaysia-BANS-Marvels-Thor-Love-Thunder-cinemas-because-gay-elements-film.html).

Mahaizura Abd Malik, “Jawi Siasat Video Wanita Hina Islam”, *Harian Metro*, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/07/860019/jawi-siasat-video-wanita-hina-islam>, 9 Julai 2022.

Maryam Lee, <https://twitter.com/mrymller/status/1467358187330228224>, diakses 13 Januari 2023.

Menaradotmy, “Asiah Jalil- Hukum-Hakam Wanita Berdasarkan Zakar Lelaki”, <https://www.instagram.com/p/BhNr3IuFuEl/?hl=en>.

Menaradotmy, “Muslimah Yang Takut Untuk Londehkan Tudung, Hubungi Saya”, <https://www.instagram.com/p/Bg2TJlfgNzj/?hl=en>.

Minors”, laman sesawang *Movieguide*, diakses 11 Januari 2023, [Children's Animated Series On Netflix Highlights Lesbian Kiss Between Minors \(movieguide.org\)](https://www.movieguide.org/childrens-animated-series-on-netflix-highlights-lesbian-kiss-between-minors).

Mohamad Zulkifli Al-Bakri, “Yahudi dan Nasrani Akan Terus Menentang Islam,” laman sesawang diakses 11 Februari 2021, <http://zulkiflialbakri.blogspot.com/2007/04/yahudi-dan-nasrani-akan-terus-menentang.html>.

Mohd Rafie Azimi, “Polis Tahan Lelaki Bakar Tafsir Al-Qur’ān ”, *Utusan Malaysia* <https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/polis-tahan-lelaki-bakar-tafsir-al-Qur'ān />

Movieguide Staff, “Children’s Animated Series on Netflix Highlights Lesbian Kiss Between Minors”, laman sesawang *Movieguide*, diakses 11 Januari 2023, [Children's Animated Series On Netflix Highlights Lesbian Kiss Between Minors \(movieguide.org\)](https://www.movieguide.org/childrens-animated-series-on-netflix-highlights-lesbian-kiss-between-minors).

OnePath Network, “There is No Hijab in The Quran? (Brilliant Response)”, laman sesawang *Youtube OnePath Network*, diakses 17 Julai 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=5wZFoMUNMo4>

Peace is Loud, “Samina Ali: American Muslim Author & Gender Activist,” laman sesawang *Peace is Loud*, diakses 19 Ogos 2021, <https://peaceisloud.org/speaker/samina-ali/>.

Rafidah Hanim Mokhtar, “Why Malaysia Must Ban Disney-Pixar’s ‘Lightyear”, *New Straits Times*, 15 Jun 2022. [Why Malaysia must ban Disney-Pixar's 'Lightyear' \(nst.com.my\)](https://www.nst.com.my/why-malaysia-must-ban-disney-pixars-lightyear-nst.com.my).

Regina Ibrahim, “Khunsa, Interseks, Transgender & Konotasi Pemahaman,” laman sesawang *Queer Lapis*, diakses 7 September 2021, <https://www.queerlapis.com/khunsa-interseks-transgender-konotasi-pemahaman/>.

S. Dixon, “Global Social Networks Ranked by Number of Users 2022”, laman sesawang

*Statista*, diakses 1 Mac 2023, <https://www.statista.com/statistics/272014/global-social-networks-ranked-by-number-of-users/>

Samina Ali, “About”, laman sesawang *Samina Ali*, diakses 10 September 2021, <https://saminaali.net/professional-bio/>.

Samina Ali, “Ali, Samina 1969”, laman sesawang *Encyclopedia.com*, diakses 10 September 2021, <https://www.encyclopedia.com/arts/educational-magazines/ali-samina-1969>.

Samina Ali, “Curator’s Statement”, laman sesawang *Muslima*, diakses 3 September 2021, [Curator’s Statement | IMOW Muslima \(globalfundforwomen.org\)](#).

Samina Ali, “Samina Alis Book,” laman sesawang *Samina Ali*, diakses 3 September 2021, <https://saminaali.net/book/>.

Samina Ali, “Samina Alis Exhibition,” laman sesawang *Samina Ali*, diakses 3 September 2021, <https://saminaali.net/exhibition/>.

Samina Ali, “What Does the Quran Really Say About A Muslim Woman’s Hijab,” laman sesawang *Youtube TEDx Talks*, diakses 29 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=J5bDhMP9lQ>

Selli Nisrina Faradila, “Samina Ali dan Hijab, Lost in Translation”, laman sesawang *Kumparan*, diakses 20 November 2021, <https://kumparan.com/selli-nisrina/samina-ali-dan-hijab-lost-in-translation>

Shauqi Hasan,” 5 Siri TV Popular Disiarkan di Malaysia Yang Penuh dengan Unsur Seks Bebas, Mencipta Generasi LGBTQ,  
<https://www.facebook.com/1617468028521800/posts/5-siri-tv-popular-disiarkan-di-malaysia-yang-penuh-dengan-unsur-seks-bebas-menci/2257381751197088/>.

Simon Kemp, “Digital 2022: Malaysia”, laman sesawang *Data Reportal*, diakses 1 Mac 2023, <https://datareportal.com/reports/digital-2023-malaysia#>

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Internet Users Survey 2020 Infographic, (Cyberjaya: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2018), 3.

Syafil Syazwan Jefri, “Jay Park Mohon Maaf Terhadap Umat Islam”, *Harian Metro*, <https://www.hmetro.com.my/rap/2021/05/711212/jay-park-mohon-maaf-terhadap-umat-islam>, 28 Mei 2021.

Tamar Herman, “CL Apologizes for Quran Verse Controversy on Her Hello Bitches Tour”, laman sesawang *Billboard*, diakses 15 Januari 2023, <https://www.billboard.com/music/music-news/cl-apology-quran-tour-7565888/>

TED, ‘Ideas Worth Spreading’, laman sesawang *TEDx Talks*, diakses 20 Disember 2021, <https://www.ted.com/watch/TEDx-talks>.

TED, “History of TED”, laman sesawang *TED*, diakses 20 Disember 2022, <https://www.ted.com/about/our-organization/history-of-ted>

TED, TED@TED, laman sesawang *YouTube*, diakses 1 Mac 2023, <https://youtube.com/@TED>

TED: Idea Worth Spreading, “All Results”, laman sesawang Ted: *Idea Worth Spreading*, diakses 23 Disember 2019, <https://www.ted.com/search?q=islam>

TED: Idea Worth Spreading, “TED Content Guidelines”, laman sesawang Ted: *Idea Worth Spreading*, diakses 23 Disember 2022, <https://www.ted.com/about/our-organization/our-policies-terms/ted-contentguidelines#>

TED: Idea Worth Spreading, “What is a TEDx Talk?”, laman sesawang *TED: Idea Worth Spreading*, diakses 23 Disember 2019, <https://www.ted.com/participate/organize-a-local-TEDx-event/TEDx-organizer-guide/speakers-program/what-is-a-TEDx-talk>.

TED: Our Organization, “Our Mission”, laman sesawang TED, diakses 20 Disember 2022, [Our mission: Spread ideas, foster community and create impact | About | TED](#)

TEDBlog, “TED reaches its billionth video view!”, diakses pada 20 Disember 2022, [TED reaches its billionth video view! | TED Blog](#)

TEDx Talks, TEDx Talks: Ideas from Communities Around the Globe, laman sesawang *YouTube*, diakses 28 Disember 2019, <https://www.youtube.com/user/TEDxTalks>,

TEDx Talks, TEDx Talks: Playlist, laman sesawang *YouTube*, diakses 1 Mac 2023, <https://www.youtube.com/@TEDx/playlists>

The Muslim Apologist, “Hukum Aurat Tidak Wujud? Menjawab Si Murtad Asiah Abd Jalil,” laman sesawang *The Muslim Apologist*, diakses 5 Oktober 2023. <https://www.youtube.com/watch?v=lGERHvhKUIw>

Thriftbooks, “Books by Samina Ali,” laman sesawang *Thriftbooks*, diakses 8 Setember 2021, <https://www.thriftbooks.com/a/samina-ali/362009/>.

Tiktok, “Tarian Wednesday Tak Elok”, laman sesawang *TikTok*, diakses 18 Januari 2023, <https://www.tiktok.com/discover/tarian-wednesday-tak-elok?lang=en>.

Universiti Houston, “Samina Ali: Muslim Women and Digital Activism,” laman sesawang *Universiti Houston*, diakses 12 September 2021, <https://www.uh.edu/class/ws/news/event-page/2016/muslim-women-and-digital-activism/>.

Wikipedia, “Laleh Bakhtiar”, laman sesawang *Wikipedia*, diakses 10 Julai 2021, [https://en.wikipedia.org/wiki/Laleh\\_Bakhtiar](https://en.wikipedia.org/wiki/Laleh_Bakhtiar)

Wikipedia, “Samina Ali,” laman sesawang *Wikipedia*, diakses 10 September 2021, [https://en.wikipedia.org/wiki/Samina\\_Ali](https://en.wikipedia.org/wiki/Samina_Ali).

Wikipedia, “Samina Ali,” laman sesawang *Wikipedia*, diakses 10 September 2021,

[https://en.wikipedia.org/wiki/Samina\\_Ali](https://en.wikipedia.org/wiki/Samina_Ali).

YouTube, “Carian Samina Ali,” laman sesawang *Youtube*, diakses 8 September 2021,

[https://www.youtube.com/results?search\\_query=samina+ali](https://www.youtube.com/results?search_query=samina+ali).

Zainab Salbi, “Zainab Salbi,” laman ssesawang *Women for Women International*, diakses

8 september 2021, <https://www.womenforwome0n.org/about/our-team/zainab-salbi>.

Zainah Anwar, “Muslim Sisterhood: Sisters in Islam Empowers Feminist Muslims”,

laman sesawang *Muslima: Muslim Women’s Art & Voices*, diakses 1 September

2021, [Muslim Sisterhood | IMOW Muslima \(globalfundforwomen.org\)](https://www.globalfundforwomen.org).

## KERATAN AKHBAR

BERNAMA, “Sajat Kekal Lelaki di Malaysia”, *Berita Harian*, 23 Februari 2022

Ahmad Sanusi Azmi, “Kekeliruan Liberal Mengenai Aurat,” laman sesawang *Harakah*

*Daily*, diakses 21 November 2021,

<https://harakahdaily.net/index.php/2020/02/14/kekeliruan-liberal-mengenai-aurat/>

Bernama, “Golongan Tafsir Al-Qur’ān ikut keperluan peribadi perlu ditangani, laman sesawang Astri Awani, diakses 16 Januari 2023,

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/golongan-tafsir-alquran-ikut-keperluan-peribadi-perlu-ditangani-199141>

Khairil Anwar Mohd Amin, “Tiga Lagi Berita Palsu Termasuk Salah Tafsir Ayat Al-Qur’ān”, *Sinar Harian*,

<https://www.sinarharian.com.my/article/77409/khas/covid-19/tiga-lagi-berita-palsu-termasuk-salah-tafsir-ayat-al-Qur'ān>, 5 April 2020.

M Fakhrull Halim, “I’m not an Alien nor Inviting People for Sex- LGBT Activist Rues Postponed Show”, *Malaysia Kini*, 17 Mei 2019.

Nuridah Mohd Salleh, “Provokasi Syariat: Apa Tindakan Selepas JAIS Siasat?”, laman sesawang *Harakah Daily*, diakses 13 Januari 2023,

<https://harakahdaily.net/index.php/2019/04/19/provokasi-syariat-apa-tindakan-selepas-jais-siasat/>.

Rafidah Hanim Mokhtar, “Agenda LGBT Meresapi Pelbagai Media”, *Berita Harian*, 10 Mac 2017.

Sudirman Mohd Tahir, “Nak Dakwah, Biarlah Berhimah-JAKIM Nasihat Ustazah Siti Afifah, Suami”, *Berita Harian*,

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/12/1042432/nak-dakwah-biarlah-berhimah-jakim-nasihat-ustazah-siti-afifah-suami>, 21 Disember 2022.

Utusan Malaysia, “Produksi K-Pop Hina Azan”, *Utusan Malaysia*,  
<https://www.utusan.com.my/luar-negara/2021/09/produksi-k-pop-hina-azan/>, 9  
September 2021.

Universiti Malaya